DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN NEGERI PALEMBANG (1804-1825)

SYAFRUDDIN YUSUF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN NEGERI PALEMBANG (1804-1825)

SYAFRUDDIN YUSUF

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

ii

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Silatanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan kerja kursus	
Doktor Falsafah	√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada Rabu 12 September 2018.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, SYAFRUDDIN YUSUF, P20102001331, FAKULTI SAINS KEMANUSIAN, dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN NEGERI PALEMBANG (1804-1825) adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelas dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. AHMAD ZAINUDIN HUSIN dengan ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN NEGERI PALEMBANG (1804-1825) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah).

12/9/2018
Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN NEGERI PALEMBANG (1804-1825)

No. Matrik /*Matric's No.*: P20102001331

Saya / *I* : SYAFRUDDIN YUSUF

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** — Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. */ Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** — Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. */ Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 2/10/18

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur kehadrat Allah SWT atas limpah kurnianya penulis berjaya menyiapkan tesis ini. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan penyelia Profesor Madya Khazin Mohd. Thamrin yang telah membimbing dan menyokong saya dalam memulakan penyelidikan ini. Hal yang sama juga saya sampaikan kepada Dr. Ahmad Zainudin Husin, yang telah meneruskan penyeliaan sehingga tesis ini dapat disiapkan sepenuhnya. Demikian pula kepada Dr. Nabir Abdullah, yang tiada hentinya memberi sokongan dan nasihat dari segi akademik untuk pemurnian tesis ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, Dr. Ibrahim bin Hashim, Dekan Institut Pengajian Siswazah UPSI, Profesor Dr. Mahzan bin Arshad, dan Ketua Jabatan Sejarah FSK UPSI, Prof. Madya Dr. Khairi bin Ariffin, yang telah banyak memberi bantuan dan pertolongan di bidang pentadbiran. Ucapan terima kasih saya sampaikan pula kepada Prof. Drs. Tatang Suhery, M.A., Ph.D, Dekan FKIP UNSRI (2006 -2012), dan Prof. Sofendi, M.A.,Ph.D, Dekan FKIP UNSRI (2012-2020) yang telah memberikan sokongan untuk tetap meneruskan pendidikan ke jenjang doktoral.

Tidak lupa saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Arsip Nasional Republik Indonesia, dan Bapak Kemas. H. Andi Syarifuddin yang banyak membantu saya dalam memperolehi naskhah-naskhah dan sumber primer. Begitu juga kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universitas Sriwijaya, Perpustakaan Nasional Jakarta, Perpustakaan Daerah Provinsi Sumatera Selatan, Muzium Sultan Mahmud Badaruddin II, dan Balai Arkeologi Palembang.

Sekalung budi dan sejambak kasih buat istriku Ida Novera yang dengan penuh pengertian terus memberi sokongan tiada terhingga kepada saya untuk menamatkan pengajian. Demikian pula kepada kedua Anak saya, Mohammad Mirza Alief Prakasa dan Ananda Shafa Salsabilla, kalianlah sumber inspirasiku dalam berkarya. Semoga hal ini menjadi sumber idea bagi menerusi kejayaan masa hadapan.

Seterusnya saya sampaikan bait akhir dari “Syair Perang Menteng (Palembang) yang ditulis oleh M. Rasyip yang berbunyi;

Tidak ketahuan lebih dan kurang
Melainkan maaf diharap sekarang
Karena baharu berlajar mengarang
Ampun diharap sekalian orang

Semoga, karya ini akan memberi manafaat kepada sekelian anggota masyarakat mencinta dan menyedari tentang kepentingan Sejarah Kesultanan Melayu Palembang terhadap pembangunan nusa dan bangsa pada masa akan datang.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kekuatan dan kelemahan diplomasi dan strategi pertahanan kesultanan Palembang era Sultan Mahmud Badaruddin II. Fokus kajian ini ialah untuk menganalisis amalan diplomasi dan strategi pertahanan tradisional kesultanan Palembang dalam mengekalkan kedaulatannya bagi menghadapi penjajahan Barat. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah, terutamanya dalam analisis kualitatif yang mengandungi empat peringkat iaitu, heuristik, kritik, pentafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer diperoleh daripada Arsip Nasional Republik Indonesia, Perpustakaan Nasional Indonesia dan koleksi peribadi. Sumber sekunder pula terdiri daripada jurnal, buku dan tesis yang diperoleh daripada perpustakaan di Malaysia dan Indonesia. Sumber tersebut dinilai melalui proses kritikan sejarah untuk memastikan ketulenan sumber dan kesahan maklumat. Fakta yang diperoleh ditafsir dan ditulis dalam bentuk naratif serta menekankan aspek sebab dan akibat. Dapatan kajian menunjukkan empat faktor yang menyumbang kepada kejatuhan Palembang iaitu, konflik dalaman istana; kegagalan Palembang membaca strategi Belanda; kelemahan pengganti Badaruddin II iaitu Prabu Anom dalam mengendalikan diplomasi terhadap Belanda; dan penentangan terbuka Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom terhadap Belanda. Kesimpulan daripada kajian ini ialah, kejayaan Palembang dalam mempertahankan kedaulatan era Sultan Mahmud Badaruddin II terletak pada keutuhan diplomasi dan strategi pertahanannya dalam menghadapi kuasa Barat. Implikasi kajian ini menunjukkan kekuatan sesebuah kerajaan tradisional terletak pada kekuatan sistem sosial dan politik tradisional sesebuah bangsa itu sendiri. Oleh itu kesultanan Melayu perlu memantapkan falsafah sistem sosial dan politik tradisionalnya untuk mengatasi kesan kolonialisme di Alam Melayu.

THE DIPLOMACY AND DEFENCE STRATEGY OF THE STATE OF PALEMBANG (1804-1825)

ABSTRACT

This study aims to evaluate the strength and weaknesses of the diplomacy and defence strategy of the Sultanate of Palembang during the era of Sultan Mahmud Badaruddin II. The focus of the study is to analyze the Sultanate's practice of traditional diplomacy and defence strategy in maintaining its sovereignty in facing Western colonization. The study uses historical methodology, especially in qualitative analysis which consists of four stages, namely, heuristic, criticism, interpretation and historical writings. Primary sources data are obtained from the National Archive of the Republic of Indonesia, the National Library of Indonesia and personal collections. The secondary sources are from journals, books and theses from libraries in Malaysia and Indonesia. The sources have been evaluated through historical criticism to ensure the authenticity of sources and the credibility of the information. The data are analyzed and written in the narrative form with emphasis on causes and effects. The findings show that there are four factors that contribute to the failure of the Palembang Sultanate, namely, the palace internal conflict; the failure of Palembang Sultanate in anticipating the Dutch strategy; the weaknesses of Prabu Anom, Badaruddin II's successor in dealing diplomatically with the Dutch; and the open attacks by Sultan Ahmad. In conclusion, the success of Palembang Sultanate to protect its sovereignty during the era of Sultan Mahmud Badaruddin II relies on the strength of its diplomacy and defence strategy in dealing with the West. The study also implies that the strength of a traditional government lies on the strength of its own traditional politics and social systems. Therefore, the Malay sultanate needs to strengthen the philosophy of its traditional politics and social systems in order to overcome the impact of colonialism in the Malay world.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI PETA	xiv
SENARAI GAMBAR	xv
SENARAI UKURAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	15

1.5 Batasan Kajian 15

1.6 Kepentingan Kajian 17

1.7 Definasi Operasional 18

1.8 Kajian Literatur 19

1.9 Metodologi Kajian 29

1.10 Pembahagian Bab 38

BAB 2 DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN ERA KEBANGKITAN PALEMBANG (1666 – 1804)

2.1 Pengenalan 41

2.2 Kedudukan Geografi Negeri Palembang 44

2.3 Demografi Palembang 57

2.4 Hierarki Pentadbiran Palembang 70

2.5 Konsep Diplomasi 75

2.6 Diplomasi Kerajaan Melayu Nusantara 80

2.7 Diplomasi Kerajaan Palembang 82

2.7.1 Fasa Pertama 86

2.7.2 Fasa Kedua 100

2.8 Sistem Pertahanan Kesultanan Palembang 111

2.9 Rumusan 122

BAB 3 DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN KESULTANAN PALEMBANG DALAM MENGHADAPI CABARAN BARAT (1804-1814)

3.1 Pengenalan 125

3.2 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Era Sultan Mahmud Badaruddin II 126

3.2.1 Perlaksanaan Perjanjian Palembang dengan VOC 127

3.2.2 Perubahan Dasar Belanda di Asia Timur 128

3.2.3 Diplomasi Palembang Dengan Daendels 131

3.3 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Dalam Mendepani Ancaman British 133

3.4 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Palembang Menghadapi British 148

3.5 Daripada Diplomasi Kepada Ketenteraan 149

3.6 Pendudukan British dan Perubahan Takhta Kesultanan Palembang 162

3.7 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Era Sultan Ahmad Najamuddin II. 167

3.8 Rumusan 176

BAB 4 DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN PALEMBANG ERA PERJANJIAN LONDON (1816-1819)

4.1 Pengenalan 179

4.2 Perjanjian London dan Kesultanan Palembang 181

4.3 Diplomasi Palembang dengan Belanda Selepas Perjanjian London 1814. 185

4.4 Strategi Pertahanan dan Diplomasi era Konflik British dan Belanda 198

4.5 Diplomasi dan Perang Melawan Belanda 203

4.6 Rumusan 225

BAB 5 KEGAGALAN STRATEGI DIPLOMASI DAN PERTAHANAN PALEMBANG 1819-1825

5.1 Pengenalan 227

5.2 Persiapan Palembang menghadapi Perang 1821 229

5.3 Penambahbaikan dalam bidang pemerintahan 239

5.4 Strategi Belanda merampas Palembang 242

5.4.1. Strategi politik 243

5.4.2. Strategi Ketenteraan Palembang 254

5.5 Perang Palembang 1821 259

5.6 Kesan Perang 1821 275

5.6.1. Kesan terhadap politik Palembang 275

5.6.2. Kesan terhadap Bidang Ekonomi 281

5.6.3. Kesan terhadap bidang pertahanan 284

5.6.4. Kesan terhadap bidang sosial budaya 285

5.7 Kebangkitan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom 288

5.8 Rumusan 297

BAB 6 KESIMPULAN 300

RUJUKAN 324

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Sungai-sungai Besar di Kesultanan Palembang	48

SENARAI RAJAH

No. Rajah **Muka Surat**

2.1 Peringkat Pemerintahan Kawasan di Kesultanan Palembang 71

2.2 Kepemimpinan Palembang Semasa Kesultanan 74

3.1 Bagan Struktur Pertahanan Kesultanan Palembang 114

SENARAI SINGKATAN

ANRI	Arsip Nasional Republik Indonesia
Ed.	editor
H	Hijriah
hlm.	halaman
Ibid.	di tempat yang sama
JMBRAS	Journal of the Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society
M	masihi
No.	nombor
TBG	Tijdschrift van het Koninklijk Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen
terj.	terjemahan
t.th.	tiada tahun
t.tp	tiada tempat
t.pt	tiada penerbit
VOC	Vereenigde Oost-Indissche Compagnie

SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Kedudukan Geografis Palembang	47
3.1 Posisi Benteng Borang	152

SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
3.1 Benteng Kuto Besak	178

SENARAI UKURAN

A. Ukuran Berat

1 pikul	61,76 kilogram
1 gantang	3,125 kilogram
1 koyang	2.400 kilogram = 40 pikul
1 pon	0,5 kilogram

B. Ukuran Panjang/Luas

1 mil	1609 meter
1 inci	2,54 sentimeter
1 kaki	0,3048 meter
1 vadem	1,88 meter

C. Mata Uang

1 duit	= 5/6 sen
4 duit	= 1 stuiver
1 stuiver	= 5 sen Real
1 Gulden (atau florin,f)	= 100 sen
1 Ringgit	= Rijksdaalder = 2,40 Gulden
1 Rupee	= 1,20 Gulden
1 Dollar Spanyol	= 2,56 Gulden
320 picis buntu	= 1 dollar Spanyol
4000 picis teboh	= 1 dollar Spanyol

SENARAI LAMPIRAN

A Lambang Kesultanan Palembang

B Maklumat Penyerahan Kekuasaan Sultan Kepada Pemerintah Belanda

C Kampung-kampung di Palembang (1821)

D Peta Pertahanan Palembang (1821)

E Peta Situasi Peperangan (1821)

F Peta Kedudukan Pasukan Belanda 20, 24 dan 27 Juni 1821

G Keraton Palembang (1659)

H Benteng Kuto Besak (1821)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan tentang cabaran kuasa asing terhadap kerajaan Melayu nusantara banyak dikaji oleh sejarawan Barat seperti Barbara dan Leonard Andaya, M.C. Ricklefs, Nicholas Tarling dan Anthony Ried. Kajian dan penulisan sejarawan tersebut lebih menumpukan kepada perluasan kuasa Barat di rantau ini dan kesan kepada pemerintahan tempatan. Perbincangan tentang langkah pemimpin kerajaan tempatan dalam menghadapi ancaman Barat tidak begitu banyak dikaji secara akademik termasuklah Kesultanan Palembang. Kajian ini merupakan satu usaha untuk menghuraikan tentang strategi pertahanan dan diplomasi yang dilaksanakan oleh Kesultanan Palembang ketika berhadapan dengan perluasan kuasa Belanda antara tahun 1804-1825.

Era ini memperlihatkan Kesultanan Palembang dicabar penjajahan Barat iaitu British dan Belanda. Penguasaan Palembang tidak semudah wilayah lain malah kuasa tersebut mengambil masa agak lama iaitu 159 tahun (1666-1825) untuk menumbangkan kesultanan tersebut. Rahsia keampuhan pertahanan Kesultanan Palembang dalam menghadapi ancaman Belanda dan British ini sudah tentulah berkait rapat dengan kewibawaan sultannya iaitu bermula dengan pemerintahan Sultan Abdurrahman sehinggalah kepada Sultan Mahmud Badaruddin II (seterusnya disebut Badaruddin II) yang terkenal dengan strategi pertahanan dan diplomasi tradisionalnya. Diplomasi bermaksud cara atau strategi sesebuah negara memperjuangkan dan mempertahankan kedaulatan negaranya melalui rundingan. Konsep diplomasi lazimnya dikaitkan dengan dasar sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Aspek Pertahanan tradisional pula meliputi satu gagasan yang bermatlamatkan untuk memperkukuhkan kewujudan sesebuah negara daripada ancaman dalam dan luar negara.

Dalam keadaan biasa, pertahanan ini dikaitkan dengan peranan ketenteraan dan juga dasar pemimpin sesebuah negara. Dalam kes pertahanan tradisional, lazimnya lebih banyak memberi perhatian kepada aspek ketenteraan. Kekuatan pertahanan ini turut dibantu oleh kedudukan geografis dan strategi peperangan (di lapangan) selain kekuatan ketenteraan dan persenjataan yang dimiliki sesebuah kerajaan. Aspek lain yang tidak kurang pentingnya kepada keutuhan sistem kenegaraan tradisional ialah elemen spiritual yang diperoleh melalui amalan ajaran agama. Sebagai sebuah kerajaan tradisional yang terletak di kedudukan yang strategik, pertahanan Kesultanan Palembang bukan sahaja terletak pada kekuatan ketenteraannya tetapi juga disokong oleh kedudukan geografinya. Kedudukan

strategik dan kekuatan ketenteraan tidak menjamin keampuhan sesebuah kerajaan dalam menghadapi ancaman ketenteraan dari luar bahkan dari kuasa Barat yang mantap dari segi peralatan dan strategi ketenteraannya. Sesebuah kerajaan yang mampu bertahan untuk satu jangkamasa yang begitu lama apabila berhadapan dengan kuasa Eropah era ini semestinya mempunyai kelebihan tersendiri. Antara kerajaan tradisional yang mempunyai kelebihan sedemikian ialah Palembang.

Berdasarkan kepada kajian awal tentang Palembang, didapati elemen strategi pertahanan, strategi diplomasi dan keutuhan sistem pemerintahan tradisional Palembang merupakan faktor penting yang menjadikan kesultanan tersebut mampu bertahan untuk satu jangkamasa yang lama sebelum dihapuskan oleh Belanda. Oleh itu kajian ini dirangka untuk menganalisa hubungan ketiga-tiga elemen tersebut yang menjadi teras kekuatan kerajaan tradisional Palembang. Pemahaman tentang falsafah yang dimiliki dan diamalkan oleh Kesultanan Palembang dalam menghadapi ancaman luar ini boleh dijadikan panduan dalam menilai kekuatan yang dimiliki kerajaan Melayu tradisional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerajaan Palembang yang berdaulat bermula dengan pemerintahan Ki Mas Hindi yang memakai gelaran Sultan Abdurrahman. Baginda berjaya membebaskan kerajaan tersebut daripada kekuasaan empayar Mataram pada 1666. Pengalaman Palembang sebagai wilayah naungan Mataram memberikan panduan yang berharga dalam membina kembali kerajaan yang suatu ketika pernah menjadi ibukota kepada

sebuah empayar yang hebat iaitu Sriwijaya. Sepanjang berada di bawah naungan Mataram, Palembang diberikan keistimewaan untuk mentadbir sendiri negerinya. Walaupun begitu, Palembang bukanlah sebuah negeri berdaulat kerana pemimpinnya perlu mematuhi segala kehendak Mataram. Ketika ini juga, Raja Palembang tidak dibenarkan menggunakan gelaran raja atau sultan tetapi cukup dengan gelaran Pangeran. Ia merupakan ketetapan Kerajaan Mataram yang harus dipatuhi Sultan Palembang yang turut dikuatkuasakan di seluruh empayarnya. Selain daripada itu, kerajaan Palembang juga diwajibkan menghantar ufti kepada Mataram. Kebebasan pentadbiran yang diberikan kepada Palembang hanyalah berkaitan dengan urusan dalam negerinya sahaja manakala urusan luar negara dikendalikan oleh penguasa empayar tersebut iaitu Kerajaan Mataram.

Selepas Palembang bebas daripada kekuasaan Mataram pada 1666, ia berkembang sebagai sebuah kerajaan yang berdiri sendiri. Keadaan ini membolehkan Palembang menentukan langkah seterusnya untuk memastikannya terus berkembang maju sebagai sebuah kerajaan berdaulat. Ketika ini Palembang berhadapan dengan dua ancaman luar iaitu daripada pihak Belanda dan Empayar Mataram. Langkah teerbaik yang diambil pemimpinnya dalam menghadapi ancaman tersebut ialah menggunakan strategi diplomasi. Strategi ini dianggap sesuai memandangkan Palembang ketika itu sedang berada di dalam kedudukan sebagai kerajaan yang kalah kepada Belanda. Tambahan pula daripada aspek ketenteraan, Palembang berada di dalam kedudukan yang lemah. Oleh itu strategi diplomasi Palembang mampu menghindari konflik ketenteraan dengan Belanda mahupun Mataram. Keadaan yang

aman ini membolehkan kerajaan Palembang berkembang sebagai salah sebuah pusat pengajian Islam dan sastera Melayu di nusantara.[1]

Steenbrink mendakwa, antara abad ke-14 hingga abad ke-20, terdapat beberapa kerajaan Melayu selain Palembang yang berperanan sebagai pusat pengajian Islam dan sastera Melayu. Kerajaan tersebut ialah Pasai (1300 - 1400), Melaka (1400 - 1511), Johor (1511-1580), Aceh (1580 - 1680), Palembang dan Banjarmasin (1680 - 1800), Riau (1800-1900) dan Minangkabau (1880-1930).[2] Walau bagaimanapun, perkembangan sepanjang enam abad sebagai pusat intelektual Melayu dan Islam ini turut diiringi persaingan politik sesama mereka. Perkembangan tersebut kadang kala membawa kepada permusuhan yang melemahkan kerajaan Melayu Islam di rantau tersebut. Gejala ini merupakan antara faktor yang melemahkan mereka sehingga begitu mudah dikuasai imperialis Barat menjelang abad ke-17.

Pada abad ke-17 hingga ke-18, diplomasi Palembang lebih menekankan kepada aspek ekonomi. Ini selari dengan perkembangan semasa di Nusantara yang sedang berhadapan dengan ancaman kehadiran kuasa Barat. Memandangkan aspek ekonomi menjadi isu penting dan menjadi matlamat utama kehadiran kuasa Barat ke rantau ini, pemimpin Kesultanan Palembang mengambil langkah untuk memastikan

[1] Nusantara beerti kesatuan kawasan kepulauan yang wujud dari Sumatera sehingga ke Papua. Istilah Nusantara ini digunakan oleh Mahapatih Gadjah Mada dalam sumpahnya yang dikenali dengan Sumpah Palapa. Dalam Kitab Negarakertagama disebutkan bahawa Gadjah Mada bersumpah " Jika telah berhasil menundukkan Nusantara, saya baru akan berisitirahat jika Gurun, Seran, Tanjungpura, Haru, Pahang, Dompo, Bali, Sunda, Palembang, Tumasik telah tunduk, saya baru akan beristirahat." Lihat, Slamet Mulyana, (1979). *Negara Kretagama dan Tafsir Sejarahnya.* Jakarta : Bhratara, hlm 132. Istilah Nusantara dikemukakan lagi oleh Ki Hajar Dewantara (1889-1959) sorang tokoh pergerakan nasional Indonesia yang mendirikan organisasi Taman Siswa tahun 1922 pada masa Hindia Belanda. Seterusnya Bernard H.M Vlekke menggunakan istilah Nusantara untuk merujuk pada sejarah Indonesia, Lihat Bernard H.M Vlekke, Nusantara Sejarah Indonsia, Jakarta : Gramedia, hlm 1-6

[2] Karel A. Steenbrink , (1984). *Beberapa Aspek tentang Islam di Indonesia abad ke-19*. Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 65-66.

penguasaan ekonomi di negeri tersebut terus berada di tangan pemerintah dan rakyat negeri tersebut. Langkah yang diambil ialah dengan kaedah memperkukuhkan pertahanan dengan disokong oleh strategi diplomasi yang berkesan. Strategi diplomasi yang digerakkan oleh Kesultanan Palembang ketika itu juga bertujuan untuk memastikan ekonomi Palembang tidak terlepas kepada kuasa Barat iaitu Belanda dan British. Strategi pertahanan dan diplomasi yang diamalkan merupakan sebahagian daripada sistem yang sedia wujud dalam kerajaan Palembang. Ini merupakan antara faktor yang menyebabkan ia tidak hanya digerakkan oleh kerajaan sahaja tetapi juga melibatkan seluruh rakyat. Keterlibatan pemerintah dan rakyat Palembang dalam melaksanakan strategi pertahanan dan diplomasi ini menyebabkan negeri tersebut berjaya bertahan sehingga lebih dari satu abad sebelum kesultanannya dihapuskan oleh Belanda (1666-1825).

Pada abad ke-19 ancaman terhadap kerajaan Palembang semakin kuat berikutan kehadiran dua kuasa Barat khususnya British dan Belanda. Ancaman yang pada awalnya bermatlamatkan ekonomi telah merebak ke bidang politik apabila timbulnya masalah diplomasi kuasa Barat dengan penguasa tempatan berhubung dengan perdagangan dan percukaian. Ini mendorong kuasa Belanda untuk melaksanakan usaha menakluki wilayah di Nusantara serta menghapuskan kedaulatan kerajaan tempatan menjelang abad ke-19. Usaha pihak Belanda ini mendapat tentangan haibat daripada penguasa tempatan khususnya sultan yang memerintah negeri Melayu nusantara bagi mengekalkan kuasa. Ini membawa kepada meletusnya siri peperangan antara kerajaan Melayu dengan pihak Barat secara besar-besaran. Beberapa daerah yang melakukan perlawanan terhadap Belanda, antaranya Maluku

(1817) dengan Perang Pattimura , Sumatera Barat atau Minangkabau dengan Perang Paderi (1821 -1837) , dan Jawa Tengah dengan Perang Diponegoro (1825-1830).[3]

Usaha pihak Belanda untuk menguasai kerajaan di Nusantara bukan semudah yang disangkakan kerana penggunaan ketenteraan sahaja tidak memadai untuk melaksanakan cita-cita mereka. Keadaan geografi yang berteluk, bertanah tinggi dan direntangi sungai yang panjang dan lebar telah memberikan kelebihan kepada pemimpin kerajaan tempatan untuk menyekat kehadiran penjajah Barat tersebut. Ini memaksa pihak Belanda melaksanakan usaha diplomasi selain daripada mengambil kesempatan daripada kelemahan kerajaan tempatan bagi melaksanakan usaha penguasaan politik mereka.

Perkembangan di Barat banyak mempengaruhi perkembangan penjajahan British dan Belanda di Asia Tenggara pada akhir abad ke-18. Antara perkembangan penting di Barat ialah kekalahan British dalam Perang Kemerdekaan Amerika yang membawa kepada kemerdekaan kepada negara tersebut pada 4 Julai 1776.[4] Kehilangan tanah jajahan terpenting British mendorong kuasa tersebut mencari pengganti yang baru dan wilayah yang paling sesuai ialah di Asia dan Afrika. Kedua kawasan ini merupakan kawasan yang berpotensi baik dari segi politik mahupun ekonomi. Memiliki kuasa di kawasan ini, akan memungkinkan suatu negara untuk mengeksploitasi kekayaan tempatan untuk kemajuan negara yang berkuasa. Selain

---

[3] Untuk maklumat lanjut lihat, Anthony Reid, Lance Castles, (1975). *Pre-colonial State Systems in Southeast Asia: The Malay Peninsula, Sumatra, Bali-Lombok, South Celebes*. Kuala Lumpur: Council of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, dan Reinout Vos (1993). *Gentle Janus, Merchant Prince: The Voc and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800*. *Leiden*: KITLV Press.

[4] Lihat, Piers Mackesy. (1964). *The War for America: 1775-1783*. Nebraska: University of Nebraska Press.

daripada itu, kekalahan Napoleon dalam Perang Koaliasi (coalition wars) pada 1814 [5] dan pembubaran Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) pada 1 Januari 1800 [6] turut memberi kesan kepada kuasa Barat khususnya Belanda dan British.

Era penjajahan Belanda di Indonesia ini juga memperlihatkan satu demi satu kesultanan di Nusantara hilang kedaulatannya. Keadaan yang sama juga dialami oleh Kesultanan Palembang. Kedaulatan Kesultanan Palembang mula terancam ketika pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II (seterusnya disebut Badaruddin II). British dan Belanda melakukan pelbagai usaha untuk menguasai Palembang baik melalui diplomasi mahupun kekuatan ketenteraan. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar masa pemerintahannya (1804-1821) dihabiskan untuk menghadapi kedua-dua kuasa besar tersebut yang ingin menguasai Kesultanan Palembang. British ingin menguasai wilayah ini atas faktor ekonomi kerana Palembang adalah negeri yang kaya dengan hasil bumi (terutama bijih timah) dan juga hasil pertanian seperti rempah yang sangat menguntungkan di pasaran dunia. Dalam menghadapi ancaman tersebut Badaruddin II menggunakan kaedah diplomasi bukan ketenteraan bagi mempertahankan kedaulatannya kerajaannya.

---

[5] Lihat, Rory Muir. (1996). *Britain and the Defeat of Napoleon, 1807-1815*. Yale: Yale University Press dan Charles Esdaile. (2008). *Napoleon's Wars: An International History.* London: Penguin.

[6] Untuk maklumat lanjut tentang VOC rujuk, K.N. Chaudhuri, Israel, J.I, "The English and Dutch East India Companies and the Glorious Revolution of 1688–9", dalam Jonathan I. Israel, ed. 1991. *The Anglo-Dutch moment. Essays on the Glorious Revolution and its world impact*. Cambridge: Cambridge University Press; Robert Parthesius. 2010. *Dutch Ships in Tropical Waters: The Development of the Dutch East India Company (VOC) Shipping Network in Asia 1595–1660 (Amsterdam Studies in the Dutch Golden Age)*. Amsterdam: Amsterdam University Press; Kerry Ward. (2008). *Networks of Empire: Forced Migration in the Dutch East India Company (Studies in Comparative World History)*. Cambridge: Cambridge University Press

Peringkat awalnya Baginda menggunakan kaedah diplomasi dalam mendepani ancaman British. Baginda telah mengadakan rundingan dengan pihak British bagi mengelakkan kuasa tersebut menguasai wilayahnya secara kekerasan. Namun usaha tersebut menemui kegagalan, apabila Badaruddin II tidak dapat memenuhi tuntutan British agar Palembang diserahkan kepadanya. Kegagalan ini menyebabkan terjadinya perang antara British dengan Palembang pada 1812.

British menggunakan strategi diplomasi dan ketenteraan dalam usaha menakluki Kesultanan Palembang. Strategi British ini berjaya merosak sistem pertahanan kerajaan tersebut sehingga memaksa Badaruddin II meninggalkan Palembang. Seterusnya kuasa atas Palembang dipegang oleh Ahmad Najamuddin II yang diakui British sebagai raja Palembang. British seterusnya mendapatkan Bangka sebagai imbalan atas pengangkatan Najamuddin II sebagai Raja Palembang. Keadaan ini memperlihatkan Kesultanan Palembang telah dimiliki British, dan Sultan Najamuddin II merupakan boneka kepada kuasa tersebut.

Ekoran termeterinya Konvensyen London pada 13 Ogos 1814, British dikehendaki menyerahkan Palembang kepada Belanda. Keputusan ini telah menarik British, Belanda dan Palembang ke dalam konflik.[7] Belanda dan British berjaya menyelesaikan konflik sesama mereka melalui rundingan, manakala konflik antara Palembang di bawah kuasa Badaruddin II dengan British tetap berterusan. Berikutan kegagalan rundingan penyelesaian, menyebabkan meletusnya perang antara British dan Palembang. Perkara yang sama terjadi dalam diplomasi antara Palembang dan Belanda sehingga membawa kepada perang Palembang dengan Belanda yang dikenali

[7] Wright, (1950). *The Anglo Dutch Dispute in the East " The Economic History Review 3 (2*). New Series., hlm. 229-239.

sebagai Perang Menteng pada 12 Jun 1819. Kegagalan rundingan antara Palembang dengan British dan Belanda ini adalah berkaitan dengan perbezaan perspektif antara pihak yang terlibat dalam rundingan yang melibatkan kedaulatan Palembang. Belanda melihat sebarang rundingan perlulah menuruti kehendaknya. Palembang pula melihat sebarang hubungan antara Palembang dengan mana-mana kuasa, adalah tertakluk kepada prinsip persahabatan antara dua negara. Kesultanan Palembang berpendirian segala bentuk diplomasi dengan kuasa asing mestilah atas prinsip untuk menjaga kesinambungan kerajaan tersebut.

Strategi penjajahan Belanda amat licik dan berkesan dalam kes di Palembang. Memandangkan sejarah lampau kerajaan tersebut yang terkenal sebagai sebuah empayar yang kuat, keutamaan kuasa tersebut ialah untuk memastikan Palembang sentiasa lemah dan tidak menjadi ancaman kepada Belanda. Pada peringkat awalnya Belanda menggunakan strategi ketenteraan untuk melemahkan Palembang tetapi hasilnya tidak memberangsangkan. Antara langkah berkesan yang dilaksanakan ialah melaksanakan politik "devide et impera." Kaedah ini dilaksanakan dengan menganggu sistem Kesultanan Palembang secara mencipta konflik dalam kalangan keluarga kesultanan tersebut. Kaedah yang lazim digunakan ialah dengan menyokong golongan yang kecewa dengan menjanjikan takhta kerajaan sebagai imbalan. Setelah berjaya mendapat sokongan daripada golongan ini, Belanda akan memaksa beliau menerima pentadbirannya dan sekaligus meletakkan kerajaan tersebut di bawah jajahannya.[8]

[8] Politik devide et impera ini berjaya dilaksanakan Belanda di Mataram selepas wafatnya Sultan Agung (1645). Konflik tercipta dalam perebutan kuasa antara Paku Buwono I adik dari Amangkurat II dengan Sunan Mas anak dari Amangkurat II. Seterusnya Belanda menciptakan konflik dalam keluarga Paku Buwono II. Pangeran Mangkubumi berkonflik dengan Paku Buwono III. Dari konflik ini Belanda akhirnya membahagi Mataram menjadi dua, yaitu Yogyakarta dan Surakarta (1755). Yogyakarta

Kekuatan dari segi strategi pertahanan dan ketenteraan Badaruddin II jelas kelihatan apabila ia tidak mudah dikalahkan oleh Belanda melalui perang terbuka. Peperangan antara Palembang dengan Belanda berlangsung sebanyak tiga kali. Peperangan dengan Belanda kali pertama dan kedua merupakan perang terbuka yang berlaku pada tahun 1819 dan dimenangi oleh Palembang. Peperangan kali ketiga memperlihatkan Belanda mula melaksanakan strategi diplomasi dengan mengadakan perundingan dengan Badaruddin II. Hasil rundingan yang diadakan pada bulan Ramadhan 1821 tersebut tidak memperlihatkan sebarang perkembangan positip. Belanda juga menghentikan serangannya pada hari Jumaat 22 Jun 1821. Tindakan tersebut dilihat oleh pihak Palembang sebagai sikap kuasa tersebut yang menghormati hari kebesaran agama Islam. Ini diperkukuhkan lagi dengan tindakan Belanda yang tidak melancarkan perang pada hari Sabtu iaitu sehari sebelum hari kebesaran masyarakat Kristian iaitu hari Ahad. Oleh itu tentera Badaruddin II juga beranggapan tentera penjajah tersebut tidak akan berperang pada hari Ahad menyebabkan mereka tidak bersiap sedia sepenuhnya pada hari tersebut.

Strategi Belanda yang menghentikan serangan pada hari Jumaat seperti menghormati hari keagamaan tersebut merupakan strategi yang berjaya memperdaya pertahanan Palembang. Ini kerana pada pagi hari Ahad, 24 Jun 1821 (hari keagamaan orang Kristian), Belanda melakukan serangan bertubi-tubi ke arah kedudukan Palembang. Serangan waktu sahur tersebut menyebabkan askar

---

diserahkan kepada Pangeran Mangkubumi dengan Gelar Sultan Hamengkubuwono I dan Surakarta diserahkan kepada Paku Buwono III. Konflik terus terjadi di dua kerajaan itu, sehingga akhirnya kerajaan ini dipecah lagi oleh Belanda. Sedangkan Surakarta dipecah dua, iaitu Surakarta dan Mangkunegaran (1757). Kawasan Mangkunegaran ini diserahkan kepada Pangeran Adipati Mangkunegaran dengan Gelaran Mangkunegara I. Kerajaan Yogyakarta dipecah menjadi Yogyakarta dan Paku Alaman (1813). Kawasan Paku Alaman diserahkan kepada Adipati Yogyakarta dengan gelaran Sri Paku Alam,

Palembang tidak dapat menggunakan segala kekuatan dan strategi perangnya untuk menghadapi tentera Belanda sehingga akhirnya satu demi satu benteng Palembang jatuh ke tangan Belanda. Badaruddin II ditawan dan dibuang ke Ternate, dan Belanda mengangkat putera Ahmad Najamuddin II iaitu Pangeran Prabu Anom sebagai raja Palembang dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (IV). Kejayaan menguasai Palembang adalah berkait rapat dengan kelicikan diplomasi dan tipu helah Belanda dengan kerjasama Ahmad Najamuddin II. Selain pengalaman yang diterima Belanda setelah kekalahannya dalam dua siri peperangan sebelumnya.

Sejak kekalahan Palembang kepada Belanda, Kesultanan Palembang mulai terhakis. Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom yang diangkat Belanda, hanyalah Sultan secara "simbolik" atau boneka kuasa tersebut. Kekuasaan pemerintahannya sebenar terletak pada Belanda. Berikutan tekanan politik daripada pemerintahan Belanda dan bantahan rakyat Palembang yang tidak menyokong kepemimpinan Ahmad Najamuddin Prabu Anom, menyebabkan baginda merasakan kedudukannya tak ubah seperti sorang raja yang tak berkuasa. Oleh itu dalam tahun 1823, baginda menyerahkan kuasa pemerintahannya kepada Belanda dan ini merupakan tarikh berakhirnya kedaulatan kesultanan Melayu Palembang yang suatu ketika begitu ampuh untuk ditumpaskan oleh mana-mana pihak.

Selepas turun takhta, Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom yang berundur ke hulu Sungai Musi untuk menyusun gerakan untuk merampas kembali Palembang daripada Belanda. Pertempuran dengan Belanda berlaku sebanyak dua kali iaitu pada November 1824 dan Oktober 1825. Namun usaha baginda tidak mendapat sokongan rakyat sepenuhnya. Perjuangan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom menentang

Belanda berakhir dengan penangkapannya dan seterusnya dibuang ke Menado (Sulawesi Utara). Kesultanan Palembang seterusnya dibubarkan Belanda pada 1825 dan wilayah tersebut ditadbir secara langsung di bawah pemerintah kerajaan tersebut. Berikutan pembubaran tersebut, kerajaan Palembang negeri jajahan Belanda.

Kejayaan Belanda mengekang usaha serangan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom ini bukan sahaja disebabkan kurangnya sokongan rakyat tempatan tetapi juga disebabkan oleh perkembangan antarabangsa. Perjanjian London yang ditandatangani pada Mac 1824, antara British dengan Belanda memperkuatkan lagi kedudukan kuasa tersebut di Palembang. Klaus ketiga isi perjanjian tersebut memperuntukan British menyerahkan Bengkulu dan seluruh pulau Sumatera kepada Belanda dan tidak akan membuat perjanjian dengan mana-mana pemimpin di Sumatera. Perjanjian ini secara tidak langsung telah menutup peluang Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom untuk mendapatkan bantuan British sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Ahmad Najamuddin II pada tahun 1814. Dengan perjanjian itu Belanda memperoleh hak sepenuhnya untuk menguasai Palembang, tanpa sebarang ancaman daripada kuasa Barat yang lain khususnya Britain.

1.3 Permasalahan Kajian

Sejarah membuktikan Belanda terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk menguasai Kesultanan Palembang iaitu 159 tahun (1666-1825) dan melalui beberapa siri kegagalan dalam perang terbuka dengan Palembang khususnya era Badaruddin II. Kemampuan Kesultanan Palembang khususnya era kepemimpinan Badaruddin II

(1804-1821) merupakan salah satu faktor utama yang menjadikan pertahanan Palembang begitu ampuh sehingga sukar untuk ditembusi oleh pihak Belanda. Walau bagaimanapun, banyak kajian tentang Palembang khususnya era Badaruddin II dijalankan tetapi kajian tentang diplomasi dan strategi pertahanan baginda belum dikaji secara ilmiah. Sedangkan pencapaian pemerintahannya telah menjadikan baginda sebagai legenda kepada masyarakat Palembang hingga kini. Menyedari hakikat tersebut, kajian ini ingin merungkai sejarah kerajaan Palembang dalam menghadapi pihak Barat (British mahupun Belanda) sepanjang pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) dalam memastikan keutuhan kerajaan tersebut sehingga dikuasai sepenuhnya oleh Belanda pada 1825.

Penyelidikan ini memfokuskan kepada strategi diplomasi dan pertahanan yang disokong oleh dasar politik dan ekonomi sepanjang tempoh pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821). Matlamat kajian ini ialah untuk membuktikan bahawa strategi diplomasi dan pertahanan yang dirangka selari dengan kebijaksanaan lokal serta budaya masyarakat mampu mempertahankan Kesultanan Palembang. Sebaliknya apabila strategi diplomasi dan pertahanan itu dirosak, maka upaya mempertahankan kesultanan itu akan mengalami kegagalan yang membawa akibat pada kejatuhan Kesultanan Palembang ke tangan Belanda.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian penyelidikan ini adalah :

1. Menyusurgalur usaha diplomasi dan strategi pertahanan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dalam menghadapi British mahupun Belanda.
2. Membincangkan konsep pertahanan dan diplomasi era kepemimpinan Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) khususnya dengan kerajaan nusantara dan kuasa Barat (VOC).
3. Menganalisa pencapaian Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) dalam mengembeling kekuatan spiritual, intelektual dan fizikal masyarakat dalam memastikan keutuhan kerajaan Palembang.
4. Menilai faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan strategi keselamatan Palembang sehingga kejatuhannya ke tangan Belanda.

1.5 Batasan Kajian

Penyelidikan ini menumpukan kepada sejarah pemerintahan Palembang zaman Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) hingga dibubarkannya kerajaan Palembang (1825) oleh Belanda. Tumpuan kepada penilaian terhadap keberkesanan strategi pertahanannya dalam memastikan kerajaan Palembang terus bertahan meskipun diancam oleh jirannya sendiri di samping kuasa barat iaitu Belanda. Tempoh kajian ialah bermula pada 1804 adalah bersesuaian dengan bermulanya pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821). Tahun 1825 iaitu penamat kepada kajian ini bersesuaian dengan berakhirnya pemerintahan Kesultanan Palembang. Walau

bagaimanapun, perbincangan latar belakang Kesultanan Palembang dimulai seawal 1666 bagi memperlihatkan perubahan mendasar dari kesultanan Palembang terutama di bidang politik, sosial dan ekonomi. Fokus perbincangan menjurus kepada aspek strategi yang diatur dan dilaksanakan oleh pemerintah negeri Palembang dalam mempertahankan keutuhan Kesultanan tersebut sehingga 1825. Strategi tersebut termasuklah pertahanan dan diplomasi dengan jiran dan pihak Barat. Perkembangan Palembang selepas pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) disentuh bagi memperlihatkan keadaan kerajaan tersebut sehingga kejatuhannya pada 1825.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan Palembang adalah kerajaan Palembang yang wilayahnya bukan hanya bandar Palembang sahaja, tetapi semua kawasan yang berada di bawah kuasa Sultan Palembang. Pemilihan Palembang sebagai fokus kajian didasarkan pada pertimbangan, bahawa Palembang memiliki sejumlah keunikan dalam sejarah kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara. Keunikan tersebut antara lain dari aspek politik dan budaya. Dari aspek politik Palembang merupakan salah satu kerajaan Melayu Nusantara yang dapat bertahan selama lebih dari satu setengah abad. Dari aspek budaya, Kesultanan Palembang merupakan perpaduan antara Melayu dan Jawa, sehingga dapat disebut sebagai Kesultanan Melayu - Jawa.

1.6 Kepentingan Kajian

Sejarah tentang strategi dan keselamatan Kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara merupakan satu bidang yang perlu dikaji bagi menemukan kekuatan dan kearifan lokal dalam kalangan generasi terdahulu dalam mendepani perubahan dan kesinambungannya. Kesultanan Palembang (1666-1825) khususnya era Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) juga mempunyai pencapaiannya sendiri yang perlu diketengahkan untuk menjadi tatapan generasi kemudian. Signifikan khusus penyelidikan ini ialah:

1. Menghasilkan penyelidikan tentang pemerintahan kerajaan Melayu Palembang zaman Sultan Mahmud Badaruddin II (1804 -1821) yang dapat menjadi rujukan kepada pengkaji, pelajar dan peminat sejarah Nusantara, dari aspek strategi pertahanan.
2. Mempertingkatkan jumlah kajian yang dapat memberikan maklumat tentang konsep dan falsafah diplomasi dan pertahanan kerajaan Melayu. Maklumat ini dapat meningkatkan jatidiri dan kesedaran generasi kini terhadap kekuatan bangsa Melayu.
3. Mengetengahkan sejarah perjuangan Kesultanan Palembang sebagai sebahagian pada sejarah perjuangan bangsa Indonesia.
4. Kajian ini akan menolak mitos, bahawa bangsa Indonesia dijajah Belanda selama 350 tahun. Mitos tersebut tidaklah berlaku pada Kesultanan Palembang, kerana Palembang dikuasai Belanda secara penuh pada 1825, yang bermakna hanya 120 tahun Palembang dijajah Belanda.

1.7 Definasi Operasional

Dalam membincangkan Sejarah Strategi dan Diplomasi Kesultanan Palembang definisi operasional perlu dinyatakan terlebih dahulu bagi memastikkan kajian ini lebih terarah kepada subjek yang ingin dirungkai. Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini ialah diplomasi, strategi pertahanan, kedaulatan, negeri Palembang, Kesultanan Palembang, dan nusantara.

- Diplomasi dalam konteks kajian ini merupakan satu bentuk hubungan antara kesultanan Palembang dengan pihak lain untuk menyelesaikan atau mencari penyelesaian ke atas sesuatu masalah bagi mengelakkan peperangan.
- Pertahanan merupakan tindakan menyekat sebarang pencerobohan atau penguasaan ke atas sesebuah negara atau kerajaan. Dalam konteks Palembang usaha menyekat sebarang pencerobohan daripada kuasa asing selalunya menggunakan aktiviti ketenteraan yang lazimnya disebabkan kegagalan usaha diplomasi. Kejayaan atau kegagalannya banyak bergantung kepada strategi yang digunakan dalam mengembeling segala sumber yang ada di sesebuah kerajaan untuk memastikan kegagalan usaha pencerobohan pihak lawan.
- Kedaulatan merupakan hak atau kuasa tertinggi ke atas sesebuah negara dan rakyatnya. Kedaulatan negara merujuk kepada bebas daripada sebarang penguasaan daripada pihak asing dan bebas menentukan halatuju negaranya. Dalam kes Palembang, negeri tersebut dianggap berdaulat kerana ia bebas daripada penguasaan kerajaan lain baik serantau mahupun kuasa Barat.

- Negeri adalah kawasan yang menjadi wilayah pemerintahan sesebuah negara. Kesultanan Palembang, dalam hal ini negeri dimaksud adalah bandar Palembang
- Kesultanan Palembang adalah suatu kawasan yang diperintah oleh sultan Palembang yang berdaulat atas kerajaannya. Kesultanan merujuk pada sebuah kerajaan Islam.
- Nusantara adalah kesatuan kawasan kepulauan yang wujud antara benua Asia dan Australia ; antara pulau Sumatera dan papua. Kawasan ini disebut juga dengan Hindia Timur atau Hindia Belanda. Nusantara yang dimaksud dalam kajian ini adalah kawasan Indonesia kini.

1.8 Kajian Literatur

Sebagaimana biasanya suatu kajian memuat tinjauan bibliografi terdahulu yang pernah ditulis untuk memperoleh gambaran apa saja yang sudah dikaji sebelumnya. Zuhdi Susanto[9] mengatakan kajian literatur dalam suatu kajian paling tidak mempunyai dua fungsi iaitu, pertama untuk mengetahui bahagian-bahagian mana dalam perbendaharaan pengetahuan yang belum terisi, sehingga sebuah kajian yang dicadangkan tersebut akan dapat kekosongan bahagian yang belum terisi tersebut. Kedua, untuk mendapatkan pemahaman baru mengenai kerangka teoritik dan metodologi yang akan digunakan dalam kajian yang akan dibincangkan.

[9] Zuhdi Susanto.(2010). *Sejarah Buton yang Terabaikan*. Jakarta : Rajawali Press. hlm. 24.

Tulisan tentang Palembang yang dianggap lengkap termuat dalam karya J.I Van Sevenhoven[10] yang pernah menjawat jawatan regeerings commissaris (pesuruhjaya kerajaan) Batavia di Palembang. Beliau telah memberikan maklumat yang jelas tentang keadaan Palembang pada abad 19 atau lebih tepatnya setelah Kesultanan Palembang dikuasai oleh Belanda pada 1821. Dalam tulisannya yang berjudul "Lukisan tentang Ibukota Palembang", yang ditulis tahun 1825, dan diterjemahkan serta diterbitkan tahun 1971, Van Sevenhoven memberikan huraian tentang selok belok kehidupan masyarakat di Palembang. Keadaan geografi, kehidupan masyarakat, kehidupan keagamaan, sistem ekonomi, kelas-sosial masyarakat dan sistem pemerintahan merupakan aspek yang dibincangkan oleh Van Sevehoven. Dari satu segi, laporan van Sevenhoven, telah memberikan maklumat yang penting tentang pelbagai aspek kehidupan masyarakat dan pemerintahan Palembang, namun dari aspek lain, laporan itu lebih menggambarkan bagaimana sikap kerajaan Belanda terhadap penguasa Palembang yang cenderung dilebelkan sebagai penguasa yang tidak disenangi rakyat. Kehadiran Belanda di Palembang adalah bertujuan untuk mengubah keadaan itu dengan misi mensejahterakan rakyat Palembang.

Hal itu adalah wajar kerana van Sevenhoven adalah wakil kerajaan Belanda di Batavia dan sudahtentu tulisannya bersifat centrik Belanda. Selain daripada memburuk-burukkan pemerintah van Sevenhoven juga menggambarkan tentang cara hidup masyarakat Palembang dianggapnya tidak bermoral dan sewenang-wenang. Antara yang dipaparkan ialah kehidupan masyarakat yang tidak mengamalkan ajaran

[10] Van Sevenhooven, J.I (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Jakarta. Bhratara. hlm. 4. Ia adalah Pesuruh Jaya Kerajaan Belanda (Batavia) di Palembang tahun 1821 setelah Palembang ditaklukkan Belanda. Karangannya berjudul *Beschrijving van de Hoofplaats van Palembang* terbit tahun 1825. Karangan tersebut diterjemahkan oleh Soegarda Poerbakawatja dengan tajuk Lukisan Tentang Ibukota Palembang terbit tahun 1971.

Islam secara serius serta dianggapnya sebagai acuh tak acuh. Raja Palembang dianggapnya sebagai raja yang zalim serta tidak memberikan perhatian kepada kepentingan rakyatnya, tetapi lebih mementingkan kepentingan keluarga dan raja. Pendapat van Sevenhoven ini tentu saja bertentangan dengan realiti kehidupan yang terkandung dalam sumber lain yang lebih tulin, terutama dari sumber tempatan (Palembang). Bagi sejarawan Indonesia seperti Taufik Abdullah dalam kata pengantar terbitan karya tersebut, menyifatkan huraian van Sevenhoven amat penting untuk dijadikan sebagai bahan asas dalam memahami dan mengkaji tentang masyarakat dan sejarah Palembang. Sumbangan beliau merupakan pemangkin kepada lahirnya sejumlah kajian seterusnya tentang Palembang.

Kajian ini memaparkan beberapa maklumat yang berbeza dengan huraian van Sevenhoven, terutama tentang keadaan masyarakat dan kepemimpinan Sultan Mahmud Badaruddin II. Struktur masyarakat Palembang seperti yang dihuraikan van Sevenhoven yang mensentuh soal gelaran, mempunyai perbezaan dengan apa yang difahami penyelidik berdasarkan kepada sumber tradisi Palembang. Begitu juga dengan kehidupan keagamaan dan sikap Sultan terhadap rakyatnya, dan sebaliknya iaitu sikap rakyat terhadap sultan. Raja Palembang yang dihuraikan van Sevenhoven sebagai raja yang zalim, tidaklah tepat kerana jika raja Palembang merupakan seorang yang zalim, beliau tak mungkin mampu mendapatkan sokongan rakyatnya secara padu dalam menentang kehadiran Belanda. Malah sejarah penentangan terhadap Belanda ini juga memperlihatkan kepentingan raja dalam masyarakat Palembang bukan hanya sebagai penguasa negeri tetapi juga sebagai ulama yang menyatukan masyarakat dalam kerajaannya.

Tulisan kedua yang membahaskan tentang Palembang adalah kajian P de Roo de Faille,[11] seorang anggota Raad van Indie atau Dewan Hindia yang ditulis tahun 1928, kemudian diterjemah dan diterbitkan pada tahun 1971 di Indonesia. Tulisan ini lebih banyak menghuraikan tentang aktiviti pemimpin Palembang dalam menjalankan pemerintahan. Kajian ini menganalisa tentang sistem pemerintahan yang diterapkan dan sistem ekonomi yang diamalkan oleh Kesultanan Palembang serta hubungannya dengan kedatangan VOC ke negeri tersebut. Menurut Taufik Abdullah, tulisan ini penting daripada tiga aspek. Pertama tulisan ini mendedahkan tentang tradisi politik kerajaan tradisional di Indonesia, kedua beberapa ciri khas daripada kerajaan maritim yang berbeza sifatnya dengan kerajaan agraria, dan ketiga tentang corak hubungan dan konflik antara kerajaan di nusantara era kedatangan VOC serta kemunculan kekuatan ekonomi dan ketenteraan di rantau ini . Meskipun tulisan P de Roo de Faille banyak membicarakan tentang pemerintahan, namun isi tulisannya tersebut lebih banyak bersifat umum. Kekurangan ini mendorong penyelidik untuk melakukan penyelidikan tentang aktiviti yang berkaitan dengan diplomasi dari pemerintahan Palembang.

Sorang penyelidik Belanda M.O Woelders[12] turut, melakukan penyelidikan tentang Palembang dalam Tesisnya yang berjudul Het Sultanaat Palembang 1811-1825. Woelders banyak menggunakan sumber baru yang berkaitan dengan Palembang. Namun tulisannya lebih banyak menitiberatkan pada aspek politik terutama era pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II. Kajian beliau menganalisis tentang usaha Sultan Mahmud Badaruddin II dalam menghadapi

[11] P. De Roo de Faille, (1971*). Dari zaman Kesultanan Palembang*. Jakarta: Bhratara.
[12] Lihat, M.O Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821*)., Leiden : Martinus Nijhoff ‘s Gravenhage.

Belanda yang ingin menguasai Palembang dan konflik kepentingan dalam keluarga kesultanan Palembang. Berdasarkan kepada kajian Wolders, penyelidik tertarik untuk melakukan kajian tentang usaha diplomasi yang dilakukan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dalam menghadapi Belanda mahupun British, khususnya setelah kedatangan semula kuasa tersebut ke Palembang selepas Perjanjian London. Aspek penting yang juga akan dilihat ialah perlaksanaan politik adu domba dalam kalangan keluarga Sultan yang berkuasa di Palembang.

Kajian Azyumardi Azra[13] tentang jaringan ulama Melayu-Indonesia mengetengahkan bukti tentang kebanyakan mereka adalah berasal dari pelbagai wilayah Indonesia seperti Palembang, Banjar (Kalimantan), Bugis (Sulawesi), dan Batavia. Terdapat beberapa tokoh ulama yang dibincangkan yang antara lain ialah Syihab Al Din bin Abd Allah Muhammad, Kemas Fakhr Al Din, Abd Al Shamad Al Palimbani, Kemas Muhammad bin Ahmad dan Muhammad Muhyi Al Din bin Syihab Al Din dari Palembang. Kehadiran para ulama dari Palembang yang terkenal era ini membuktikan telah wujud hubungan antara ulama Islam Asia Barat dan pertubuhan Islam di Nusantara. Penyelidikan Azyumardi Azra tentang jaringan ulama Nusantara memperlihatkan tentang kepentingan ulama Palembang dalam menggerakkan diplomasi serta penglibatannya dalam memperkukuhkan pentadbiran di Palembang terutama dalam menghadapi ancaman Belanda.

[13] Untuk maklumat lanjut lihat, Azyumardi Azra . (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar –akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung : Mizan

Kajian Husni Rahim,[14] tentang pejabat agama (penghulu) era kesultanan dan kolonial di Palembang membincangkan perbezaan tugas penghulu zaman kesultanan dengan kolonial Belanda. Tugas Penghulu era kesultanan Palembang terhad kepada pentadbiran agama Islam iaitu dalam bidang fiqh ibadat, munakahat dan pendidikan agama. Aspek Ibadat meliputi aspek solat, puasa, zakat dan haji. Selain daripada itu urusan munakahat pula meliputi aspek perkahwinan, perceraiaan, rujuk dan warisan. Tugas seterusnya ialah berkaitan dengan pendidikan agama yang meliputi Pendidikan di peringkat daerahnya. Zaman kolonial memperlihatkan tugas penghulu diperluaskan sehingga tidak hanya terbatas di bidang agama tetapi juga di bidang pemerintahan. Antara tugas pentadbiran yang dilaksanakan termasuklah merekodkan kelahiran dan kematian, pemungutan cukai, membantu dalam tugas membasmi penyakit berjangkit dan membantu tugas meningkatkan hasil pertanian. Selain itu penghulu juga diberi tugas tambahan sebagai pengawas hal ehwal agama terutama di bidang perlaksanaan ibadah haji dan pendidikan.

Walaupun tumpuan kajiannya tentang peranan penghulu, namun perbincangannya tidak lepas daripada menyentuh aspek sosial dan politik. Ketika membincangkan aspek politik, Husni mendakwa Sultan merupakan unsur terpenting dalam kerajaan. Sultan digambarkan sebagai penyatu kerajaan, pembela agama dan pemegang kuasa tertinggi keagamaan. Baginda merupakan ketua kerajaan, simbol komuniti, dan pemegang legitimasi pihak berkuasa keagamaan. Pergantian atau peralihan kuasa daripada Sultan kepada pihak kolonial dilihat sebagai mengakhiri peranan Sultan sebagai ketua agama. Oleh itu memandangkan sistem penjajahan Belanda tidak meneruskan kewujudan institusi kesultanan, mereka telah

[14] Husni Rahim . (1998). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam. Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial di Palembang*. Jakarta: PT Logos.

menggunakan penguasa setempat sebagai pegawai perantara. Berhubung dengan perbincangannya tentang keadaan sosial, tulisannya turut menjelaskan kedudukan pendidikan agama semasa pentadbiran Belanda. Menurutnya institusi pendidikan di Palembang dikendalikan oleh para birokrat dan pengajian dijalankan di masjid serta di rumah pegawai agama. Ini menyebabkan perkembangan pesantren tidak pesat di Palembang berbanding Jawa. Berdasarkan kepada tulisan Kolonial Verslag [15], sekolah agama hanya mula ditubuhkan pada tahun 1887, dan diikuti oleh Sekolah Arab pada tahun 1902, manakala sekolah rasmi yang ditubuhkan oleh pemerintah Belanda bermula pada tahun 1900.

Husni Rahim juga menyatakan bahawa Keraton dijadikan sebagai pusat pengajian Islam dan Sastera Melayu semasa pemerintahan kesultanan Palembang. Ia juga menyebutkan tokoh yang berperanan dalam penulisan karya sastera dan agama era kesultanan Palembang. Misalnya Syekh Syihabuddin bin Abdullah Muhammad yang hidup pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin I (1724-1757), Kemas Fakhruddin yang hidup pada masa Sultan Ahmad Najamuddin I (1757-1774), dan Abd Shamad al Palimbani semasa Sultan Muhammad Bahauddin (1774-1804). Ajaran mereka ramai diikuti oleh masyarakat dan menjadi salah satu penyokong yang memberi spirit bagi kekuatan askar Palembang dalam menghadapi peperangan baik kepada British mahupun kepada Belanda. Masyuri[16] melalui disertasi yang bertajuk "Perdagangan Lada dan perubahan Sosial Ekonomi di Palembang" membincangkan aktiviti perdagangan lada dan perubahan sosial ekonomi di Palembang antara tahun

[15] ANRI, Algemeen Administratieve *Verslag* Residentie *Palembang* 1888 and 1889, (no. 5/20 and 5/21).

[16] Masyuri. (1983). "Perdagangan Lada dan perubahan Sosial Ekonomi di Palembang." TesisS2 (Sarjana), Fakultas Pasca Sarjana Bidang Studi Sejarah Indonesia. Universitas Indonesia. Jakarta : 1983.

1790 - 1825. Beliau menganalisa aktiviti perdagangan lada yang dilakukan Sultan Palembang dalam hubungannya dengan pengaruh timbal balik antara perdagangan lada dan perubahan sosial ekonomi. Tulisan Masyuri berusaha untuk membuktikan bahawa kejayaan monopoli perdagangan lada yang dilakukan Sultan diakibatkan oleh sokongan institusi-institusi kerajaan. Sebahagian besar pegawai istana, penguasa dan pemerintah daerah terlibat secara langsung dalam monopoli perdagangan, seperti Syahbandar, Reban, Jenang, Pasirah, Proatin serta pembantu-pembantunya. Mereka memainkan peranan berganda iaitu sebagai pelaksana pemerintahan dan sebagai pedagang. Hasil kajian Masruri ini menginspirasi penyelidik dalam menelaah persoalan hasil rundingan dibidang ekonomi yang melibatkan Palembang dengan pihak Belanda.

Ridwan Melay,[17] dalam tulisannya bertajuk "Perlawanan Sultan Palembang terhadap Pemerintah Kolonial Belanda 1819-1821", memaparkan tentang sistem pemerintahan Kesultanan Palembang ketika menghadapi serangan British, serta penentangan Sultan Palembang terhadap Belanda tahun 1819 dan 1821 yang mengakibatkan kekalahan Sultan Palembang. Namun tulisan itu tidak membicarakan tentang kekuatan dan kelemahan Palembang dalam menghadapi Belanda khususnya dari aspek diplomasi dan strategi peperangan. Beberapa peminat sejarah juga menghasilkan tulisan tentang Palembang, seperti Johan Hanafiah, RM Husin Natodiradjo dan Nanang Sutadji. Pada umumnya mereka menulis tentang kehaibatan Kesultanan Palembang dalam menghadapi Belanda tanpa membahas kelemahan Palembang sehingga dapat dikuasai Belanda. Bertitik tolak dari tulisan Ridwan Melay ini, penyelidik berusaha untuk melaksanakan kajian selanjutnya bagi menjelaskan

[17] Ridwan Melay. (1982). *Perlawanan Sultan Palembang terhadap Pemerintah Kolonial Belanda 1819-1821*. Yogyakarta : Skripsi S.1 Fakultas Sastra dan Kebudayaan UGM.

kekuatan juga kelemahan Kesultanan Palembang dalam menghadapi Belanda mahupun British.

Supriyanto,[18] menulis tesis tentang Pelayaran dan perdagangan di Pelabuhan Palembang 1824-1864. Hasil kajiannya menunjukkan perkembangan pelabuhan Palembang dipengaruhi faktor luar dan dalam negeri. Faktor luar negeri berkaitan rapat dengan keadaan geografi Palembang yang berada di tengah jalan pelayaran dan perdagangan. Faktor luaran berkait rapat dengan kegiatan yang berkembangan pesat antara pedagang dari Barat dan Timur yang melalui Palembang. Kegiatan perdagangan ini membawa kepada perkembangan eksport dan import barangan ke Palembang ekoran daripada kehadiran kapal Inggeris, Belanda, China dan Arab ke Palembang. Perkembangan pelabuhan Palembang memberikan kesan kehidupan pada masyarakat Palembang terutama yang berada di pinggiran sungai, khususnya dari aspek pembangunan sektor ekonomi pertanian mereka.

Buku tulisan Prof. Dr. M. Dien Madjid[19] berjudul Catatan Pinggir Sejarah Aceh: Perdagangan, Diplomasi, dan Perjuangan Rakyat, turut membincangkan tentang diplomasi dan strategi pertahanan kerajaan Melayu berdasarkan kepada Sultan Iskandar Muda yang menaiki takhta Acheh pada 1607. Penulis memperlihatkan bagaimana sikap Sultan Iskandar Muda terhadap kehadiran Portugis di Melaka. Pendirian beliau yang melihat kehadiran kuasa Barat iaitu Portugis di Melaka merupakan ancaman kepada Acheh. Penggunaan kekuatan ketenteraan merupakan

[18] Supriyanto, (2001). *"Pelayaran dan Perdagangan di Pelabuhan Palembang 1824 -1864."* Tesis S.2 di Jurusan Ilmu-Ilmu Humaniora Program Pasca Sarjana UGM. Yogyakarta : 2001.
[19] M. Dien Madjid (2013).*Catatan Pinggir Sejarah Aceh: Perdagangan, Diplomasi, dan Perjuangan Rakyat.* Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

sesuatu yang penting berbanding dengan diplomasi dalam hubungan dengan Portugis memandangkan kuasa tersebut turut mendapat kerjasama daripada kerajaan Melayu seperti Patani, Johor dan Pahang. Seperti yang dikemukakan oleh A.K. Dasguptta, iaitu,*"…to make Acheh great by land and sea, to wipe pit Portugese Malacca and to stand like colossus astride the straits of Malacca were the grand objectives of his policy*."[20] Ini menggambarkan bahawa bagi memastikan keselamatan Acheh, penghapusan kuasa asing dan lebih kuat di sekelilingnya adalah satu kemestian. Inilah strategi diplomasi dan peperangan yang diamalkan pemimpin Melayu seperti Iskandar Muda Mahkota Alam ketika mengendalikan pemerintahan Acheh. Maksudnya diplomasi ke atas kuasa Barat atau imperialis perlu disertai dengan kekuatan dalam pertahanan kerana kuasa tersebut lazimnya berusaha utuk memperluaskan empayar masing-masing.

Kajian Salmah Jan Noor Muhammad[21] tentang diplomasi Melayu diterbitkan dalam jurnal bertajuk "Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal Dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu." Beliau merumuskan terdapat empat strategi hubungan diplomatik yang digunakan oleh kerajaan Melayu iaitu, pemilihan dan penghantaran utusan kerajaan, warkah Melayu penghubung jalinan diplomatik antara kerajaan, pemberian hadiah diplomatik dan kepelbagaian strategi diplomatik. Kerencatan hubungan diplomatik boleh dilihat berdasarkan kegagalan memahami interaksi antara kerajaan, keinginan menjadi 'kerajaan autokratik'perlanggaran etika moral dan wujud ketegangan dalam jiwa pemimpin. Kajian ini menunjukkan bahawa

[20] Arun K. Dasgupta, (1962). *Acheh in Indonesia Trade and Politics: 1600-1641*. Michigan: University Microfilm. hlm. 77.

[21] Salmah Jan Noor Muhammad, (2015). "Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal Dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu." *International Journal of the Malay World and Civilisation (*Iman*)* 3(2), 79-93.

kejayaan strategi diplomatik Melayu seperti yang ditunjukkan dalam karya kesusteraan Melayu tradisional adalah bergantung kepada kepemimpinan sesebuah negara atau kerajaan itu sendiri. Inilah yang menentu kepada keutuhan sesebuah kerajaan Melayu itu seperti yang dialami oleh Melaka, Langkasuka (Kedah), Acheh dan Sambas.

1.9 Metodologi Kajian

Ilmu Sejarah membicarakan tentang kehidupan manusia pada masa lampau. Kehidupan lalu telah menghasilkan suatu pengalaman kepada sesebuah masyarakat khususnya kejadian yang dialami oleh individu atau kelompok dalam lingkungannya. Pengalaman lampau ini menjadikan sesebuah masyarakat itu menjadi semakin matang dari aspek kehidupan dan mempu menghasilkan peningkatan tamadun jika ia difahami dan diwariskan kepada generasi berikutnya. Ilmu sejarah merupakan salah satu wadah yang menjadi penyambung tradisi keilmuan dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui kaedah penceritaan. Dalam konteks menceritakan kembali kejadian/peristiwa masa lampau itu, pengertian sejarah akan bersifat ambivalen atau serba dua, iaitu pengertian sejarah sebagai kejadian tentang masa lampau, dan sejarah itu sebagaimana ia diceritakan[22]. Pada pengertian pertama, sejarah adalah sesuatu yang telah terjadi sepenuhnya, apakah kejadian itu diceritakan atau tidak, ia tetap terjadi sebagaimana adanya. Pengertian kedua, membawa maksud usaha sejarawan untuk menceritakan dan menerangkan apa yang terjadi itu sebagaimana ia sebenarnya

[22] Walsh, W.H. (1956). *An Introduction to Phylosophy of History*. London : Hutchinsons, University Library. hlm.14.

berlaku. Dalam pengertian ini kajian sejarah pada dasarnya mengambilkira seluruh kegiatan atau aktiviti manusia dan akibat yang ditimbulkan sebagai fokus kajiannya.

Dalam konteks menyingkap kembali sejarah Kesultanan Palembang, maka kaedah yang digunakan adalah kaedah penyelidikan sejarah, yang mempunyai suatu sistem prosedur yang harus dipatuhi untuk mencapai kebenaran sejarah. Garraghan[23], mendefinisikan kaedah sejarah sebagai peranti prinsip dan kaedah yang sistematik yang digubal untuk mengumpul sumber sejarah secara berkesan untuk dikaji. Dalam usaha untuk memperoleh kebenaran tersebut, maka empat langkah yang perlu dilakukan seorang penyelidik sejarah iaitu pertama, mengumpulkan sumber sejarah secara berkesan, iaitu berlandaskan kepada kaedah yang betul. Kedua, menilai sumber sejarah tersebut secara kritis melalui kritikan dalaman dan luaran, tujuannya adalah untuk memastikan fakta yang diperoleh adalah sah dan diperoleh dari sumber yang tulin. Ketiga, memberikan interpretasi dan analisis terhadap sumber untuk memahami makna yang sebenarnya dari bukti-bukti sejarah yang dijumpai, dan keempat membentangkan hasil yang diperolehi dalam bentuk tulisan (historiografi). Pandangan Garraghan ini turut disokong oleh Gottschalk.[24]

Kajian tentang diplomasi dan Strategi pertahanan Kesultanan Palembang didasarkan pada sumber pertama yang berupa dokumen dan naskah. Bahan dokumen diperoleh di Arkib, berupa laporan yang ditulis pihak Belanda dan British, perjanjian pihak Belanda dengan Sultan Palembang dan surat menyurat antara Sultan dengan pihak Belanda yang terdapat di Arsip Nasional Republik Indonesia dan Perpustakaan

[23] Garraghan, Gilbert J. (1946). *A Guide to Historical Method*. Edited by Jean Delanglez, New York: Fordham UP. hlm. 33.
[24] Lihat, Louis Gottchalk. (1986). *Mengerti Sejarah*, Terjemahan Nugroho Notosusanto. Jakarta: UI Press.

Nasional Jakarta. Naskah yang berjaya dihimpun pada umumnya berbentuk tulisan tangan (handschriften) dalam bentuk syair, riwayat, cerita, silsilah, laporan dan karya tulis para ulama, tokoh adat/priyayi Palembang dengan pelbagai corak penulisannya. Selain daripada dokumen arkib, penulis juga berjaya memperolehi beberapa naskah yang berada dalam simpanan peribadi secara turun temurun, misalnya Naskah yang disimpan oleh Kemas H. Andi Syarifuddin.

Naskah yang penyelidik dapatkan antara lain, Peringatan lama raja-raja di dalam negeri Palembang di atas tahta kerajaan (1895) oleh R.H. Abdul Habib, Silsilah Anak-anak Bangsawan Palembang (1867), Naskah Syair Perang Palembang (1821), Buku Nasihatul Muslimin tentang Perang Sabil oleh Syekh Abdussamad Al Palimbani, Ajaran Amalan Ilmu Perang daripada Sultan Muhammad Bahauddin dan Syekh Muh. Akib (1760), Naskah Undang-Undang Simbur Cahaya (1897), Buku Sejarah Kerajaan Melayu Palembang (1937) oleh RHM Akib.

Dari zuriat Kesultanan Palembang (Raden Cik) di Ternate (Maluku Utara), diperoleh tiga dokumen dan sejumlah informasi tentang Badaruddin II. Dokumen yang diperoleh antaranya Riwayat Singkat Dari Kerajaan Palembang, Hadjerat Raja-raja Palembang hingga sampai Kota Palembang diserahkan kepada kerajaan Belanda, Sejarah Asalnya Raja-raja dan Suhunan-suhunan dan Sultan memerintah negeri Palembang. Terdapat sumber pertama yang diperoleh dari arkib nasional yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Ini lebih memudahkan penyelidik dalam memahami isi naskah tersebut tetapi rujukan terhadap sumber sebenar tetap dilaksanakan dengan bantuan mereka yang arif dalam Bahasa Belanda. Naskah yang diperoleh daripada simpadan peribadi masyarakat Palembang pada umumnya dalam

bentuk manuskrip yang ditulis dalam huruf Arab dan bahasa Melayu Palembang, atau dengan kata lain dalam bentuk tulisan Arab Melayu (Arab Pegon). Naskah yang diperoleh itu seterusnya dikritisi dengan mengamati bentuk tulisan dan kertas yang digunakan dalam naskah itu sesuai dengan zamannya.

Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini berupa buku, penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang relevan dengan topik kajian. Sumber sekunder ini turut membantu penyelidik dalam mendapatkan pandangan penulis sebelumnya bagi melengkapi penyelidikan selain daripada mengenal pasti lompang kajian yang masih terdapat dalam sejarah politik Palembang. Sumber sekunder ini diperoleh di Perpustakaan nasional, Pusat Dokumentasi Ilmiah Indonesia Jakarta dan Perpustakaan Daerah Palembang, serta Balai Arkeologi Palembang.

Seterusnya kaedah kritikan sumber juga digunakan dalam memastikan sumber yang ditemui itu adalah sah dan tulin. Untuk dokumen yang diperolehi daripada arkib, kritikan luar tidak perlu dilaksanakan kerana ia telahpun dipastikan agensi tersebut tentang ketulinannya. Walau bagaimanapun, kritikan dalaman masih perlu dilaksanakan bagi memastikan maklumat yang tertulis dalam dokumen tersebut adalah sah dan tidak diputarbelitkan. Ini berbeza dengan sumber yang diperolehi daripada simpanan peribadi khususnya yang dimiliki waris kesultanan Palembang. Sumber sebegini perlu melalui proses kritikan luaran bagi mengesahkan ketulinan naskah tersebut dan kritikan dalaman bagi memastikan isi kandungannya adalah menepati apa yang sebenarnya dimaksudkannya oleh penulis selain memastikan tiadanya unsur tokok tambah atau manipulasi fakta yang menjejaskan kredibiliti

sumber. Bagi sumber sekunder, kritikan dalaman juga perlu dilaksanakan bagi memastikan yang hasil kajian yang dirujuk tersebut menggunakan sumber yang sahih dan bebas daripada pentafsiran yang keterlaluan. Selain daripada itu kritikan dalaman juga dilakukan ke atas sumber sekunder bagi memastikan tafsiran yang dibuat oleh penulis tersebut tidak bias atau mempunyai kecenderungan terhadap pihak atau pandangan tertentu. Seterusnya proses mengumpul maklumat dilaksanakan daripada kedua-dua sumber tersebut untuk tujuan penyelidikan.

Langkah tersebutnya dalam menghasilkan penulisan sejarah ialah dengan membuat tafsiran ke atas fakta yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Pentafsiran membawa maksud memberi makna kepada fakta bagi membolehkan ia digunakan untuk menyokong atau menyanggah sesuatu hujah dalam sejarah. Pentafsiran fakta merupakan satu elemen penting dalam menghasilkan penulisan sejarah. Oleh itu tidak hairanlah apabila ahli falsafah sejarah menggambarkan nadi kepada sejarah itu ialah pentafsiran fakta. R.G. Collingwood misalnya mentakrifkan bidang ini sebagai "sejarah adalah sejarah pemikiran."[25] Ini menunjukkan penulisan tentang sesuatu peristiwa sejarah tersebut akan mengalami perubahan seiring dengan perubahan pemikiran sejarawan. Perubahan pemikiran membawa kepada perubahan dalam pentafsiran fakta yang sama tetapi mungkin oleh individu yang berlainan atau generasi yang berbeza. E.H. Carr juga memasukkan unsur kepentingan pentafsiran dalam mentakrifkan sejarah dengan menyatakan "sejarah itu adalah suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, satu dialog yang tidak

[25] Muhd. Yusof Ibrahim. (1997). *Ilmu Sejarah: falsafah, pengertian dan kaedah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 9. Juga lihat R. G. Collingwood, (1986). *Idea Sejarah*. Terjemahan Muhd. Yusof Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 267.

berkesudahan di antara masa kini dan masa lampau."[26] Begitu juga A. Marwick yang membahagikan sejarah kepada tiga sudut pengertian iaitu pertama; sejarah menceritakan tentang keseluruhan masa lalu manusia seperti yang sebenar berlaku. Kedua; merupakan percubaan manusia menghurai dan mentafsir masa lalu. Ketiga; kajian sistematik terhadap masa lalu. Ini memperlihatkan betapa pentingnya pentafsiran dalam menghasilkan penulisan sejarah.[27] Oleh itu dalam penulisan ini fakta yang diperolehi turut ditafsirkan bagi menyokong hujah pengkaji dalam membuktikan kajian mereka. Dalam penyelidikan ini, fakta berkaitan dengan pencapaian Sultan Mahmud Badaruddin II dari pelbagai sumber ditafsirkan untuk menyokong penghujahan dalam penyelidikan ini. Ia meliputi perbezaan perlaksanaan diplomasi dan strategi pertahanan antara Sultan Mahmud Badaruddin II dengan Sultan Palembang selepasnya dalam menghadapi ancaman Barat khususnya Belanda dan British. Tafsiran yang berasaskan fakta tersebut bertujuan untuk menjelaskan lagi perbincangan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan yang dikaji.

Setelah proses heuristik, kritik dan tafsiran dilakukan ke atas fakta yang diperolehi, peringkat seterusnya ialah penulisan sejarah. Untuk memaparkan sejarah diplomasi dan strategi pertahanan negeri Palembang antara tahun 1804 hingga 1825, pengkaji menggunakan penulisan bercorak naratif, deskriptif dan analitikal. Kaedah ini membolehkan pengkaji mentafsir fakta masa lalu dan menyusunkannya dalam bentuk kesatuan yang menyeluruh. Penulisan berbentuk naratif akan menghasilkan

[26] E.H. Carr, (1984). *Apakah Sejarah.* Terjemahan Abdul Rahmad Hj. Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 27.
[27] Lihat Muhd. Yusof Ibrahim. *Ilmu Sejarah: falsafah, pengertian dan kaedah.* hlm. 10, petikan asal daripada Arthur Marwick, (1985). *The Nature of History.* London: Macmillan Publisher Ltd., hl. 17.

penulisan sejarah yang menekankan perubahan dan kesinambungan sesuatu isu.[28] Oleh itu unsur kronologi merupakan amat penting dalam penulisan kajian ini.

Penulisan dalam bentuk deskriptif melibatkan cara penulisan yang melibatkan penerangan lebih terperinci. Kaedah ini membantu menyingkap, memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar lebih mudah difahami.[29] Pendekatan kaedah penulisan ini adalah penting bagai membantu pengkaji menyampaikan hasil kajian yang dijalankan supaya nampak lebih jelas dan ilmiah. Begitu juga, penyampai dalam bentuk ini lebih mudah difahami oleh pembaca mengenai fakta yang ingin disampaikan oleh pengkaji dalam penulisannya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah penulisan yang bersesuaian perbincangan setiap bab dalam kajian ini untuk menjadikan latihan ilmiah ini lebih bersepadu dan menarik.

Pendekatan kaedah analitikal yang digunakan oleh pengkaji dalam menyampaikan hasil kajian juga amat penting untuk memastikan sumber-sumber yang diperolehi oleh pengkaji dapat disampaikan secara jelas. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan Sejarah yang bersifat kritis dan jelas dalam penulisannya.[30] Gaya penulisan ini juga menuntut penggunaan pemikiran, olahan, kupasan dan renungan yang mendalam. Oleh itu, pengkaji cuba membuat penelitian, menganalisis dan menilai sumber-sumber asli yang ada serta mengembangkan fakta tersebut melalui kaedah pendekatan ini.[31] Penggunaan kaedah penulisan ini bukan sahaja memantapkan hasil penulisan pengkaji tetapi turut menjamin ketepatan

[28] F.R. Ankersmith (1987). *Refleksi tentang Sejarah*. Jakarta : Gramedia, hlm. 226
[29] Bilcher Bala. (2000). Penyelidikan dan Penulisan Sejarah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 112.
[30] *Ibid.*
[31] Arba'iyah Mohd Noor. (2002). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. hlm. 21.

pentafsiran fakta yang diperolehi oleh pengkaji dalam penulisannya. Ini bertujuan untuk memastikan kejayaan dalam menghasilkan penulisan sejarah yang menepati falsafah bidang tersebut.

Selain keempat tahapan penulisan sejarah tersebut, juga pelbagai pendekatan ilmu sosial dapat dilakukan dalam penulisan sejarah. Kartodirdjo[32] menyifatkan pendekatan ini sebagai pendekatan multidimensional (Social Scientific). Penggunaan pendekatan yang dimaksudkan ialah, melihat persoalan sejarah dari beberapa teori disiplin ilmu sosial yang lain. Dalam penyelidikan ini pendekatan yang digunakan adalah pendekatan politik, ekonomi, geografi, antropologi dan sosiologi. Pendekatan geografi misalnya digunakan untuk mengkaji kedudukan kerajaan Palembang dan keadaan geografi di Palembang yang telah membolehkan berkembangnya kerajaaan ini selama lebih dari dua abad. Keadaan geografi ini turut mempengaruhi perkembangan politik, ekonomi dan sosial budaya masyarakat di Kesultanan Palembang.

Untuk menghuraikan keadaan Kesultanan Palembang pada 1804 – 1825, kaedah persembahan yang digunakan adalah bercorak naratif. Kaedah ini bertujuan untuk menafsirkan masa silam dengan mengaitkan berbagai fakta masa silam (yang pada asalnya tidak koheren dan tanpa struktur) menjadi satu kesatuan yang menyeluruh. Terdapat dua syarat yang harus dipenuhi dalam mewujudkan sejarah naratif, iaitu perlu menggambarkan seluruh bidang kehidupan yang disusun

[32]Sartono Kartodirdjo. (1993). *Pendekatan Ilmu Sosial Dalam Metodologi Sejarah.* Jakarta : Gramedia. hlm 120. Ia adalah Guru Besar Sejarah di Universitas Gadjahmada. Banyak buku dan tulisan ilmiah yang dihasilkannya, antaranya lain bertajuk, *The Peasant's Revolt of Banten in 1888, its Conditions, Course and Sequel, A Case study of Social Movements in Indonesia,* The hague: Martinus Nijhoff yang diterbitkan pada 1966.

berdasarkan rangkaian peristiwa sehingga kelihatan perubahannya. Kedua, naratif menghubungkan sekurang-kurangnya dua peristiwa (situasi) yang berbeza sehingga menjadi koheren (saling berhubungan) dan mampu menjelaskan keseluruhan peristiwa.[33] Narrativisme berusaha untuk membuktikan adanya pola hubungan sebab antara satu peristiwa dengan peristiwa yang lain, sehingga peristiwa yang terjadi merupakan suatu rangkaian peristiwa yang tidak berdiri sendiri. Oleh karena itu maka unsur kronologis tidaklah dapat dipisahkan dari peristiwa yang saling berkaitan.

Kuntowijoyo, menyebutkan tiga syarat yang harus dipenuhi dalam menulis sejarah naratif, iaitu "colligation", plot dan struktur sejarah. "Colligation" bermaksud, dalam menulis sejarah perbincangan perlu dibuat secara *innerconnection* (hubungan dalaman) dari berbagai peristiwa sejarah. Plot bermakna merangkai fakta hingga menjadi satu kesatuan yang utuh sekaligus melakukan interpretasi dan penerangan. Struktur sejarah merupakan usaha melakukan rekonstruksi yang tepat dan betul.[34] Narrativisme dapat dilakukan apabila terdapat kejadian-kejadian yang menjelaskan adanya suatu perubahan. Dalam pemahaman tersebut narrativisme adalah kisah yang memaparkan suatu perubahan dan kesinambungan sebagai hakikat daripada sejarah. Bentuk ini mampu memberi penerangan yang kuat dan menyeluruh tentang sesuatu yang "menyebabkan terjadi, kejadian itu sendiri dan apa yang akan terjadi." Dengan demikian suatu peristiwa (kejadian, tindakan, peristiwa) dijelaskan dari peristiwa sebelumnya yang menunjukkan adanya suatu perubahan yang merupakan hakikat daripada sejarah.

---

[33] F.R. Ankersmith .(1987). *Refleksi tentang Sejarah*. Jakarta : Gramedia, hlm. 226

[34]Kuntowijoyo. (2003). *Penjelasan Sejarah (Historical Explanation*) . Yogyakarta : Tiara Wacana, hlm 149-150.

1.10 Pembahagian Bab

Sehubungan dengan kupasan terhadap tajuk ini, penulisan kajian terbahagi kepada enam bab. Bab satu membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definasi kendalian, kajian literatur dan kajian lepas, metodologi penelitian dan pembahagian bab.

Bab dua, membincangkan tentang Diplomasi dan Strategi Pertahanan Era Kebangkitan Palembang, pada tempoh masa 1666-1804. Kajian terbahagi pada dua bagian iaitu bahagian pertama berupa tinjauan umum tentang kesultanan Palembang yang terdiri dari tiga sub kajian, iaitu tentang kedudukan geografi Palembang, demografi Palembang, dan hirarki pentadbiran Palembang. Bahagian kedua membincangkan tentang diplomasi dan pertahanan Palembang. Dalam bahagian ini ada tiga sub kajian iaitu konsep diplomasi, diplomasi kerajaan Melayu, diplomasi kesultanan Palembang, dan sistem pertahanan yang diamalkan sebelum Sultan Mahmud Badaruddin II. Bab ini ditamatkan dengan sebuah rumusan.

Bab tiga menganalisis tentang diplomasi dan strategi kesultanan Palembang dalam menghadapi cabaran Barat pada rentang waktu 1804-1814. Kajian bermula daripada tinjauan umum keadaan Palembang pada era Sultan Badaruddin II. Bahagian ini mengupas tentang pelaksanaan perjanjian antara Palembang dengan VOC yang dibuat sebelum Badaruddin II. Perubahan dasar Belanda di Asia Timur, dan hubungan Palembang dengan Daendels. Kajian kedua, tentang Ancaman British terhadap Palembang. Kajian ketiga tentang strategi pertahanan palembang menghadapi British, keempat tentang perubahan dasar Palembang dari diplomasi

kepada ketenteraan, kelima tentang pendudukan palembang oleh british dan perubahan takhta kesultanan Palembang, dan keenam tentang Hubungan British Palembang Era Sultan Ahmad Najamuddin II. Bab ini ditutup dengan sebuah Rumusan.

Bab empat membincangkan tentang diplomasi dan strategi pertahanan palembang pasca perjanjian London 1816-1819. Dalam bab ini penulis menganalisis tentang kesan Perjanjian London terhadap Kesultanan Palembang, diplomasi dengan Belanda selepas Perjanjian London 1814, konflik British dan Belanda, serta diplomasi dan perang menentang Belanda 1819. Bab ini juga ditutup dengan sebuah rumusan.

Selepas kegagalan Belanda dalam Perang Palembang 1819, Sultan menjadi pemegang kuasa penuh pemerintahan Kerajaan tersebut. Namun dari aspek lain, Belanda tetap berusaha untuk merebut kekuasaan ke atas Palembang. Penganalisaan dalam bab lima meliputi aspek persiapan Palembang menghadapi perang, penambahbaikan dalam bidang pemerintahan, strategi politik dan ketenteraan yang digunakan Belanda untuk menguasai Palembang, Perjalanan Perang Palembang 1821, dan ditamatkan dengan rumusan.

Kekalahan Palembang dalam perang 1821, mengakhiri kedaulatan Palembang ke tangan Belanda sehingga akhirnya kesultanan tersebut dihapuskan oleh Belanda pada 1825. Perbincangan juga meliputi usaha mengembalikan kedaulatan Palembang oleh Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom setelah kegagalannya mempertahankan Palembang setelah ketiadaan Sultan Mahmud

Badaruddin II. Aspek ini dibincangkan dalam bab lima, yang menganalisa kondisi Palembang Selepas Kejatuhan Sultan Mahmud Badaruddin II dalam bidang Politik, Ekonomi, Pertahanan dan Sosial Budaya, Kebangkitan Sultan Ahmad Najamuddin IV, dan ditutup dengan Rumusan. Bab terakhir iaitu bab enam merupakan rumusan dan dapatan kajian dalam tesis ini.

BAB 2

DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN ERA KEBANGKITAN PALEMBANG (1666 – 1804)

2.1 Pengenalan

Palembang merupakan antara kerajaan awal di nusantara yang terkenal sebagai pusat perdagangan di rantau ini. Ia pernah menjadi pusat pentadbiran atau ibu kota kerajaan Sriwijaya dan Kesultanan Palembang. Pada mulanya kerajaan Palembang merupakan kerajaan yang berada di bawah kuasa Demak, kemudian Pajang dan Mataram. Selepas Palembang berjaya membentuk sebuah kerajaan yang berdaulat pada 1666 dengan membebaskan diri dari kekuasaan Mataram, maka Palembang berkembang menjadi salah sebuah pusat kerajaan Islam di Nusantara. Seterusnya Palembang muncul sebagai salah sebuah kerajaan Islam yang berjaya pada abad ke-18 dan ke-19.

Perkembangan dan kemajuan Kesultanan Palembang turut berkait rapat dengan empat perkara, iaitu kedudukan geografinya yang strategik iaitu terletak di tengah lalu lintas perdagangan antarabangsa. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan serta dukungan masyarakat setempat terhadap raja dan pembesarnya. Hubungan masyarakat Palembang dengan rajanya sentiasa berada di dalam keadaan harmoni dan saling melengkapi mempunyai hubungan dengan adat dan etika kehidupan bermasyarakat yang berakar umbi dalam kesultanan tersebut. Oleh itu untuk memahami sistem yang mendasari kehidupan masyarakat di negeri Palembang, kita perlu melihat empat aspek yang menjadi institusi dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Selain daripada keempat-empat institusi tersebut, kejayaan Palembang turut disokong oleh strategi Palembang dalam mempertahankan keutuhan wilayah kekuasaannya, terutamanya strategi diplomasi dan pertahanannya. Strategi diplomasi yang dirangka pemerintahan kesultanan Palembang meliputi aspek dalam dan luar negeri. Diplomasi dalam negeri memfokuskan kepada hubungan pemerintah dengan penguasa tempatan yang bertanggungjawab dalam menggerakkan ekonomi dan ketenteraan Palembang khususnya di kawasan Huluan yang jauh daripada pusat pemerintahan. Diplomasi luar negeri terbahagi kepada dua iaitu dengan negeri jirannya dan dengan kuasa Barat. Strategi diplomasi dengan jiran dilakukan bagi membina dan memelihara hubungan baik atas dasar saling mengiktiraf kedaulatan antara satu sama lain. Sementara diplomasi dengan kuasa Barat pula khususnya kuasa Belanda dan British, adalah untuk memastikan kuasa tersebut tidak bertindak agresif terhadap Palembang demi menguasai kekayaannya. Diplomasi ini menghasilkan beberapa siri perjanjian yang pada umumnya berkaitan dengan bidang ekonomi.

Sementara itu pertahanan yang dibangun oleh kerajaan Palembang pada dasarnya dibuat untuk mempertahankan keselamatan kerajaan tersebut daripada ancaman dalam dan luar negeri. Sistem pertahanan yang dibangunkan oleh Palembang turut disokong oleh strategi diplomasi kerajaan tersebut. Pertahanan Palembang disusun atas dasar kedudukan geografi dan sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan tersebut. Ia tidak hanya terhad kepada aspek persenjataan dan perbentengan, tetapi juga dari segi kekuatan fizikal dan spiritual individu khususnya untuk mempertahankan negeri dan pemerintahnya.

Bab ini dibahagi atas dua pokok kajian utama iaitu bahagian pertama membincangkan tentang tinjauan umum atas Kesultanan Palembang. Dalam hal ini dibincangkan tiga aspek yang membentuk tradisi kehidupan masyarakat Palembang, iaitu kedudukan geografi, Demografi Palembang, dan Hierarki Pentadbiran Palembang. Bahagian kedua iaitu bahagian membincangkan tentang strategi mempertahankan Kesultanan Palembang melalui diplomasi dan pertahanan. Dalam kajian tentang diplomasi ini turut dibincangkan konsep diplomasi Islam, diplomasi kerajaan Melayu, dan diplomasi Kesultanan Palembang, sedangkan dalam kajian tentang pertahanan lebih difokuskan pada pertahanan Kesultanan Palembang.

2.2 Kedudukan Geografi Negeri Palembang

Palembang adalah sebuah negeri[35] yang banyak disebut dalam sejarah Nusantara. Secara jelasnya bilakah nama Palembang mula digunakan adalah tidak dapat pastikan. Kronikel China, Chu Fan Chi karya Chau Ju Kua bertarikh 1225 M menyebutkan perkataan Pa lin fong (Palembang) sebagai salah satu naungan San Fo tsi.[36] Negeri Palembang juga disebut dalam kitab Nagara Kretagama[37] yang ditulis Prapanca tahun 1365. Dalam Pupuh XIII disebutkan bahawa negara bawahan Majapahit di kawasan Melayu adalah Jambi, Palembang, Dharmasraya, Toba, dan lain lain. Maklumat ini menunjukkan bahawa Palembang pernah menjadi daerah kekuasaan Majapahit pada abad ke-14 .

Selain itu negeri Palembang juga tercatat dalam Sejarah Melayu[38], yang berbunyi: "...ada sebuah negeri di tanah Andalas, Perlembang namanya. Demang Lebar Daun rajanya, asalnya daripada anak cucu Raja Sulan; Muara Tatang nama sungainya. Adapun negeri Perlembang itu, Palembang yang ada sekarang inilah. Maka Muara Tatang itu ada sebuah sungai, Melayu namanya; di dalam sungai

---

[35] Dalam kajian ini yang dimaksud dengan negeri menunjuk pada daerah atau kawasan yang diperintah atau mempunyai pemerintahan daripada sesebuah kerajaan. Negeri selalu berkaitan dengan kuasa pemerintahan, sehingga negeri Palembang bererti kawasan yang diperintah oleh raja Palembang.

[36] Frederick Hirth & WW Rockhill, ed. (1966). *Chau Ju Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the 12 th& 13 th centuries, entitled Chu fan chi*. Amsterdam: Oriental Press, hlm. 66-67.

[37] Negara Kretagama bermakna Sejarah Pembangunan Negara ditulis oleh Prapanca, sorang pujangga Majapahit yang hidup pada masa pemerintahan Hayam Wuruk. Naskah ini ditulis dalam bahasa Jawa Kuno, ditemukan di Puri Cakranegara (Lombok) pada tahun 1894. Naskah itu seterusnya diterbitkan oleh J.L.A Brandes tahun 1896. Naskah seterusnya diterjemahkan oleh H. Kern pada 1905. Pada tahun 1971 Ratu Juliana daripada Belanda menyerahi naskah tulin kepada Presiden Soeharto dalam kunjungannya ke Jakarta. Negara Kretagama merupakan salah satu sumber sejarah Majapahit. Negara Kretagama memberitakan pelbagai perkara yang berlaku pada masa Majapahit (abad ke 13-14) di antaranya tentang kehidupan politik, sosial, keagamaan, kebudayaan, adat istiadat, dan lain-lain . Slamet Mulyana, (1979), *Nagara Kretagama dan Tafsir Sejarahnya*. Jakarta. Bhratara. hlm. 9-22

[38] Sejarah Melayu dikenali juga dengan nama Sulalatus Salatin adalah karya historiografi Melayu tradisional yang mengandungi nilai-nilai budaya berupa mesej-mesej kepada anak cucu. Ada 4 versi tentang Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), iaitu versi Abdullah Munsi, Winstedt, Shellabear, dan A. Samad Ahmad. Dalam tulisan ini digunakan versi A. Samad Ahmad.

itu ada sebuah bukit Seguntang Mahameru namanya."[39] Dengan demikian nama Palembang sudah dikenal sejak abad ke -13 lagi, bukan hanya oleh kerajaan-kerajaan di Indonesia, tetapi juga oleh Kerajaan China.

Nama Palembang berasal dari kata *pa* dan Limbang. Kata *pa* menunjukkan suatu tempat, sedangkan limbang adalah suatu aktiviti membersihkan logam atau biji yang dilakukan dengan cara melimbang. Palimbang berarti tempat orang melimbang. Berdasarkan cerita lisan Palembang disebut, "…bahawa Palembang adalah kawasan yang kaya dengan emas pada masa lalu. Aktiviti melimbang dilakukan untuk mendapatkan emas tersebut. Pendapat lain mengatakan kata Palembang berasal dari Lemba yang bererti tanah yang dihanyutkan air ke tepi.[40] Apabila merujuk kepada bahasa Melayu Palembang, maka Palembang berasal dari kata *pa* dan *lembeng,* pa bermakna tempat, sedangkan lembeng dalam bahasa Melayu Palembang bermakna air yang bertakung, Jadi Palembang adalah daerah tempat air bertakung. Secara geografi memang Palembang adalah daerah yang terletak di dataran rendah dan banyak dikelilingi oleh air (sungai).

Apabila membincangkan tentang Palembang, terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu Palembang sebagai sesebuah bandar dan Palembang sebagai sesebuah kerajaan. Palembang sebagai bandar adalah negeri yang menjadi pusat kerajaan Palembang. Sedangkan sebagai kerajaan, Palembang merupakan sebuah

[39] Bukit Siguntang berasal dari kata Bukit Sebuntang, perkataan ini dikeranakan pada masa lalu bukit Siguntang merupakan daerah yang paling tinggi di Palembang, sehingga dari kejauhan bukit itu nampak seperti buntang yang terapung di laut. Bukit ini terletak sekitaran 5 km dari pusat bandar Palembang dengan ketinggian 28 m dari permukaan laut. Pada masa kesultanan bukit ini menjadi tempat ritualitas perjanjian bagi para pejabat yang dilantik dengan raja untuk setia pada raja dan menjalankan tugas dengan benar.

[40] J.I. Van Sevenhoven. (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Jakarta : Bhratara. hlm.12.

negeri yang memiliki pemerintahan, rakyat dan kawasan kuasa. Menurut Gullick [41] negeri dalam sistem politik orang Melayu adalah bergantung pada keadaan geografikal iaitu terdapatnya penggunaan sungai sebagai alat perhubungan serta perdagangan selain berfungsi untuk bekalan makanan dan minuman. Kawasan ini meliputi sekumpulan sungai berdekatan membentuk sebidang tanah yang meluas dari pantai hingga ke legih tengah. Pemisahan dua perkara itu tertulis dalam beberapa naskah yang diselidiki. Naskah "Hadjerat Raja-raja Palembang" mencatatkan tentang negeri Palembang dan Kerajaan Palembang. Menurutnya negeri Palembang menunjukkan tempat bandar Palembang, sedangkan kerajaan Palembang menunjukkan nama sebuah kerajaan yang berpusat di Palembang.[42] Dalam naskah lain ditemui kata "Peringatan Lamanya terhadap raja di dalam negeri Palembang yang memegang takhta kerajaan.[43] Kalimat dalam naskah ini mentakrifkan negeri sebagai pusat penyelenggaraan suatu pemerintahan dan kerajaan.

Istilah Kerajaan sering digunakan secara umum untuk menggambarkan sesuatu unit pemerintahan yang sering dikaitkan dengan kekuasaan bukan Islam (Buddha, Hindu atau yang lainnya). Pada dasarnya keerajaan atau kesultanan dalam istilah Melayu merujuk kepada sebuah pemerintahan yang bercorak Islam. Seterusnya dalam tesis ini iatilah kekuasaan atau negeri terangkum sebagai Kesultanan Palembang. Ia mempunyai wilayah yang lebih luas daripada bandar Palembang hari

[41] J.M. Gullick, (1978). *Sistem Politik Bumi Putera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka , hlm. 29.

[42] Naskah Hadjerat Raja-raja Palembang, bertarikh 31 Januari 1837. Diperoleh daripada simpanan Pribadi Raden Demang Muhammad Husin bin Raden Demang Muhammad Ali Kamlis. Beliau adalah Zuriat sultan Mahmud Badaruddin II.

[43] Naskah Peringatan Lamanya terhadap raja di dalam negeri Palembang yang memegang takhta kerajaan, penulis dapatkan dari Raden Cik di Ternate tahun 2009. Beliau adalah zuriat Sultan Palembang yang dibuang ke Ternate tahun 1821. Naskah ini ditulis dalam bahasa Melayu huruf Arab Pegon dan tidak mempunyai identiti penulisnya. Naskah berupa lembaran berasingan satu sama lain, sehingga penyelidik menyebutnya dengan naskah Ternate 1.

ini. Kesultanan Palembang terletak pada kedudukan 1° - 4° Lintang Selatan dan 102° - 106° Bujur Timur. Kawasan ini mempunyai keluasan wilayah sebesar 87,017.41 km dengan sebelah utara bersempadan dengan kerajaan Jambi, sebelah selatan dengan Lampung, sebelah barat dengan Bengkulu, dan sebelah timur dengan wilayah Bangka-Belitung. Posisi Palembang juga berada di jalur lalu lintas antarbangsa melalui Selat Malaka, sehingga memungkinkan kapal dagang asing untuk singgah di Palembang.

Peta 2.1. Kedudukan Geografis Palembang, sumber *Atlas Indonesia*.[44]

Dari segi geografi juga, wilayah Kesultanan Palembang terdiri dari kawasan pegunungan dan dataran rendah yang banyak dialiri oleh sungai besar dan kecil. Keadaan ini membolehkan kesultanan Palembang menjadi kawasan yang subur untuk tanah pertanian dan ladang seperti beras, kopi, ulas dan lada. Hasil bumi dari daerah pedalaman ini diangkut ke bandar Palembang melalui pengangkutan sungai.

[44] Tim Penyususn Atlas Indonesia dan Dunia. (2016). *Atlas Indonesia.* Jakarta: P.T. Grafindo.

Daerah kesultanan Palembang disebut juga dengan Batanghari Sembilan, atau daerah yang dialiri oleh sembilan sungai. Kesembilan sungai tersebut adalah Sungai Musi, Sungai Rawas, Sungai Lakitan, Sungai Ogan, Sungai Komering, Sungai Beliti, Sungai Lematang, Sungai Batanghari Leko dan Sungai Kelingi. Hulu sungai berasal dari kawasan pergunungan di sebelah barat dan mengalir ke sebelah timur bertemu di Sungai Musi dan akhirnya sampai di Selat Bangka. Sebahagian sungai yang disebutkan di atas dapat dilayari hingga hulu, begitu juga kapal-kapal dari kawasan hulu dapat berlayar hingga ke bandar Palembang. Bagi melancarkan perjalanan di Sungai Musi, Sultan Palembang juga mengarahkan pembuangan kayu mati yang terdapat di Sungai Musi. Seawal abad ke-17 syarikat milik Belanda dengan British terlibat dalam membongkar lapan kayu mati yang menghalang perjalanan di laluan sempit melalui Sungai Musi ke Palembang.[45] Selain daripada itu terusan juga mula dibina untuk memendekkan perjalanan antara terusan yang terawal ialah Terusan Kilip yang menghubungkan antara Komering dan Ogan yang dibina Raden Kilip.[46]

Jadual 2.1

Sungai-sungai Besar di Kesultanaan Palembang

No.	Nama sungai	Panjang (km)	Panjang boleh dilalui (km)	Luas daerah aliran (ha)
1.	Musi	700	450	1.635.168.00
2.	Ogan	350	275	620.629,65
3.	Komering	360	200	935.122,32

(bersambung)

[45] Dagh Register Batavia (DR) 13-12-1663, Dagh Register 1663, 1891: 682.
[46] ANRI, Bundel Palembang, 70. 15.

Jadual 2.1 *(sambungan)*

No.	Nama sungai	Panjang (km)	Panjang boleh dilalui (km)	Luas daerah aliran (ha)
4.	Lematang	300	240	250.594,20
5.	Batanghari	200	160	367.532,88
6.	Beliti	260	220	------
7.	Lakitan	150	100	------
8.	Rawas	230	175	459.684,82
9.	Kelingi	80	20	172.177,83

Sumber: *Rekod Pemerintah Provinsi Sumatera Selatan*, Perpustakaan Provinsi Sumatera Selatan.

Berdasarkan jadual di atas, jelaslah yang Sungai Musi merupakan sungai terpanjang di kesultanan Palembang. Keadaan sungainya yang dalam menyebabkan ia dapat dilayari sehingga 450 kilometer ke pedalaman. Sungai ini menampung lapan muara anak sungai yang juga merupakan rangkaian lalu lintas air yang menghubungkan antara wilayah kesultanan. Sungai-sungai ini menjadi penghubung antara daerah dan menjadi laluan pengangkutan utama di Kesultanan Palembang. Sebagai Bandar yang memiliki pelabuhan, Palembang banyak disinggah kapal-kapal yang memuatkan bahan perdagangan. Kapal-kapal itu berasal dari dalam mahupun luar negeri Palembang, seperti dari Belanda, China, Siam (Thailand). Dalam tahun 1823 kapal yang singgah di Palembang berjumlah 254 kapal, tahun 1824 yang singgah 365 kapal, tahun 1825 seramai 374 dan tahun 1826 sebanyak 414 kapal.[47] Perkembangan pelabuhan Palembang ini semakin maju selepas Palembang dikuasai

[47] Regering Almanak, 1823 -1826, dalam, Dutch East Indies. (2008). *Regerings-Almanak Nederlandsch-Indië. 1815-1942* (Governmental Almanac of the Netherlands East Indies, *1815-1942*). Den Haag : Centraal Bureau voor Genealogie.

Belanda. Pada tahun 1855, sejumlah 28,000 bot dan perahu belayar di Sungai Musi ke Palembang. Secara puratanya sebanyak 90 kapal tiba di Palembang setiap hari.[48]

Berdasarkan kepada anggaran Anthony Reid, purata berat perahu tersebut ialah sekitar sepuluh tan. Ia berdasarkan kepada penilaian terhadap sejumlah 150 buah perahu yang belayar melalui Selat Melaka dari Sumatera Barat, Bangkahulu, Jambi dan Palembang ke Batavia yang memuatkan lada hitam sebagaimana yang dinyatakan oleh *Dagh-Register.* [49]

Keadaan geografi di wilayah Kesultanan Palembang cukup membantu wilayah ini menjadi wilayah yang strategik. Keadaan alam di sekeliling Palembang terutama sebelah barat terdapat bukit iaitu Bukit Barisan yang menganjur dari barat daya ke arah tenggara. Wilayah ini beriklim tropika dengan suhunya sekitar 32°C pada musim panas dan 25°C pada musim hujan. Ini disokong oleh keadaan tanahnya sangat subur dan sesuai ditanami dengan bermacam-macam tanaman baik sayuran maupun buah-buahan. Selain daripada itu ia juga sesuai untuk ditanam dengan tanaman kontan yang laris di pasaran dunia seperti kopi dan lada. Komoditi ini sangat dicari oleh para pedagang baik dari Nusantara maupun pedagang dari luar negeri. Oleh sebab itu pertanian dan perdagangan merupakan mata pencarian yang utama di daerah ini. Situasi dan keadaan tanah yang terletak di sebelah timur berbeza dengan yang di sebelah barat. Daerah di sebelah timur terdiri dari paya yang ditumbuhi kayu gelam,

---

[48] Politiek Verslag 1855 dalam ANRI, Bundel Palembang 61. Tentang Perkembangan pelabuhan Palembang, dapat disemak dalam Supriyanto, (2001). *Pelayaran dan Perdagangan di pelabuhan Palembang 1824-1864.* Tesis S.2 Program Pasca Sarjana Universitas Gadjah Mada.

[49] Anthony Reid. (1993). Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680 vol. 2 Expension and Crisis. New Heaven and London: Yale University Press, hlm. 66. Juga lihat, Freek Colombijn, 2005. "A Moving History of Middle Sumatra, 1600-1870." Modern Asian Studies, Vol. 39, No. 1 (February), hlm. 1-38.

dan pokok nipah yang diikuti oleh-hutan-hutan yang lebat ke kawasan pedalaman yang sukar dilalui manusia.

Selain Palembang, Lada hitam juga ditanam di Jambi, Inderagiri dan tempat lain di Sumatera. Ia juga dibawa masuk dari luar kepulauan tersebut seperti kepulauan Borneo.[50] Aktiviti eksport lada hitam banyak dilaksanakan oleh orang Riau. Mereka membeli lada hitam dengan harga 9 atau 10 dollar Sepanyol sepikul dan menjualnya dengan harga duabelas atau tigabelas dollar Sepanyol kepada pedagang asing dari Eropah dan China; mereka membayar dengan bijih timah dalam kiraan 1000 lbs bijih timah bersamaan 250 Ibs lada hitam.[51] Bugis bukan sahaja pedagang bukan Eropah yang mengadakan perdagangan dengan Riau. Mereka membeli bijih timah daripada Bangka yang dijual secara haram oleh pedagang Palembang.[52]

Kesultanan Palembang juga memperoleh pendapatan melalui perdagangan bijih timah yang ditemui di Bangka pada tahun 1710. Penemuan ini turut mempengaruhi perkembangan ekonomi kesultanan Palembang seterusnya. Hal yang demikian ini disebabkan bijih timah merupakan komoditi perdagangan yang laku di pasaran antarabangsa. Bangka merupakan wilayah dalam kekuasaan kesultanan Palembang memberikan sumbangan yang besar bagi kejayaan Palembang di sektor

[50] Dianne Lewis. (1970). The Growth Of The Country Trade To The Straits Of Malacca, 1760-1777. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 43, No. 2 (218), hlm. 114-130

[51] Brian Harrison. (1953). Trade in the Straits of Malacca in 1785. A Memorandum by P. G. de Bruijn, Governor of Malacca. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 26, No. 1 (161)(July), hlm. 56-62.

[52] Sumber Belanda juga mencatatkan Palembang turut dikunjungi oleh kapal perdagangan daripada Jawa, Madura, Bali dan Celebes, tetapi tidak menyatakan apakah yang dibawa oleh kapal tersebut sebagai tukaran. Belanda juga tidak menyatakan tentang kewujudan pedagang Bugis di Bangka atau Palembang. Lihat W. Marsden (1811), *The History of Sumatera.* 3rd. Edition, London, hlm. 359 juga lihat, T. Thornton. 1825. *Oriental Commerce, Vol II,* London, hlm. 348.

ekonomi. Melalui perdagangan bijih timah Palembang yang diperoleh daripada wilayah ini mampu membina kerajaannya dan mensejahterakan rakyatnya.

Selain daripada straegiknya dari segi kedudukan geografi, Palembang juga strategik dari segi politik serantau. Ini menjadikan Palembang merupakan daerah menjadi sasaran persaingan kuasa-kuasa Barat. Belanda yang sudah menjalin hubungan ekonomi dengan Palembang masih belum menguasai sepenuhnya negeri Palembang, sementara British pula telah berkuasa ke atas Bengkulu yang bersempadan dengan Palembang. Kedudukan ini membimbangkan Belanda terutamanya potensi perluasan kuasa British. Kuasa tersebut berpotensi untuk menguasai Palembang sebagai salah satu usaha perluasan kuasanya di luar semenanjung Malaka. Dari segi kekuatan pertahanan untuk kawasan Sumatera, Kesultanan Palembang memiliki pertahanan yang kuat dibandingkan dengan Jambi dan Lampung. Kejayaan menguasai Palembang secara praktiknya akan memudahkan penaklukkan ke atas Jambi dan Lampung.

Bandar Palembang terletak di tepi sungai Musi. Wilayah Palembang berada pada ketinggian 12 meter di atas permukaan laut. Secara geografi, bandar ini terletak di bahagian timur pulau Sumatera pada kedudukan 2^0 58' lintang Selatan dan 105^0 bujur Timur (dari Greenwich).[53] Bandar Palembang merupakan sebuah pusat pemerintahan yang mempunyai kedudukan yang strategik, dalam mengatur dan mengawasi wilayahnya. Ini kerana kedudukannya di pinggir Sungai Musi memberi peluang kepadanya untuk mengawal semua lalu lintas dan ekonomi di wilayah

[53] ANRI, Bundel Palembang No.62.

Sumatera Selatan. Bandar Palembang adalah pusat pemerintahan dan kegiatan ekonomi era kesultanannya. Untuk tiba ke bandar Palembang, pengangkutan utama yang boleh digunakan adalah kapal atau perahu yang melalui jalan laut dan sungai. Zaman Kesultanan Palembang ini juga memperlihatkan terdapatnya jalan darat yang baik dibina bagi menghubungkan antara ibukota ke kawasan pedalaman. Ia lazimnya digunakan oleh golongan bangsawan untuk melawat kawasan tersebut. Jalan tersebut tidak begitu digunakan oleh penduduk bawahan yang lebih banyak menggunakan jalan air.[54].

Sungai Musi merupakan salah sebuah daripada lapan sungai terbesar di wilayah Sumatera Selatan. Pelayaran dari muara sungai Musi menuju bandar Palembang menempuh jarak sepanjang 80 km [55] dengan meneroka beberapa pulau yang terdapat di Sungai Musi, seperti Pulau Borang, Pulau Salah Nama dan Pulau Kembaro. Pemilihan kawasan sebagai pusat bandar Palembang, bukanlah tanpa perhitungan. Mengikuti pendapat Daniel Perret & Wan Hashim,[56] terdapat empat cara yang dapat dilakukan seorang raja untuk menentukan pembukaan negeri. Pertama, berdasarkan kesesuaian, seperti terletak di tepi sungai, tanah yang cukup rata dan luas, penduduk yang ramai, ada sumber alam (ekonomi). Kedua, pemilihan selepas pemimpin rombongan melakukan sesuatu yang luar biasa. Ketiga selepas kemunculan sesuatu yang dipercayai akan menguntungkan, dan keempat lokasi dipilih atas dasar

[54] Memorie van Overgave J.A.W. van Ophuijsen, 17-12-1862, dalam ANRI, Bundel Palembang 72-5

[55] van Sevenhooven. (1971), hlm. 11, menyebutkan Palembang terletak sekitar 15 batu dari muara sungai Musi (Sungsang), Wolters.(1975), hlm. 33, berpendapat kedudukan Palembang adalah sekitar 50 batu dari muara Sungai Musi, sedangkan data dari Java Government Gazette (2 Mei 1821), mencatatkan jaraknya 60 batu. Data dari Pemerintah Kota Palembang tahun 2010 menyebutkan 80 km. Untuk maklumat lanjut tentang Sungai Sungsang lihat O.W. Wolters, 1979. "A Note on Sungsang Village at the Estuary of the Musi River in Southeastern Sumatra: A Reconsideration of the Historical Geography of the Palembang Region." *Indonesia*, No. 27 (April),. 33-50.

[56] Untuk maklumat lanjut, Lihat, Daniel Perret, dan Wan Hashim Wan Teh (ed). (1999). *Di Sekitar Konsep Negeri.* Kula Lumpur: Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Pelancongan Malaysia.

petua daripada orang tua-tua. Jika dilihat dari sisi sejarah, pemilihan lokasi pembinaan bandar Palembang bukan sahaja seiring dengan keempat-empat dasar yang digariskan Perret tadi, tetapi juga dengan mengambil kira lokasi bandar Palembang pernah menjadi pusat kerajaan Sriwijaya sebelum lahirnya Kesultanan Palembang.

Kelebihan geografikal tersebut membolehkan bandar Palembang mengalami perkembangan yang pesat di bidang ekonomi dan politik. Di bidang ekonomi Palembang mampu mengembangkan pelabuhannya menjadi tumpuan pedagangan dalam dan luar negeri. Hal yang demikian ini disebabkan pelabuhan Palembang selamat dan mempunyai rangkaian sungai-sungai yang menghubungkan antara Palembang dengan kawasan pedalaman. Ini memberi ruang kepada pedagang yang berdagang di bandar Palembang menjalankan perniagaan dengan kawasan pedalaman yang merupakan daerah penghasilan sumber pertanian. Dari aspek lain, jalur paya yang terbentang jauh ke pedalaman membuat Palembang terlindung dari ancaman serangan darat, berikutan hanya perhubungan sungai yang boleh digunakan untuk sampai bandar Palembang. Hal ini menyebabkan strategi pertahanan bandar Palembang lebih menekankan pada pertahanan sungai dan laut. Kestabilan, keamananan dan perdagangan yang selamat membantu Palembang menjadi sebuah kerajaan yang kuat daripada aspek politik, sekaligus menjadikan kerajaan tersebut sebagai kerajaan yang disegani pada abad ke-17 dan ke- 19.

Bandar Palembang terletak di pinggir Sungai Musi yang lebarnya mencapai lebih daripada 100 meter. Sungai yang bandar Palembang membentuk daerah iaitu seberang hilir dan seberang hulu. Kawasan seberang hilir adalah pusat pemerintahan kerajaan Palembang. Di sinilah terdapat keraton, masjid keraton dan penempatan

penduduk yang paling ramai di Palembang. Manakala kawasan seberang hulu adalah kawasan perdagangan, penempatan penduduk dan pusat kegiatan ekonomi. Pusat pemerintahan kerajaan Palembang awalnya berada di daerah Kuto Gawang yang berjarak sekitar empat kilometer ke arah hilir daripada bandar Palembang kini.

Keraton Kuto Gawang terletak di pinggir Sungai Musi, iaitu di antara dua sungai iaitu Sungai Buah dan Sungai Linta. Di tengah keraton terdapat Sungai Rengas. Keraton Palembang dikelilingi oleh tembok atau benteng kayu yang berbentuk segi empat dengan panjangnya sekitar 1100 meter, dan tingginya 7.25 meter. Di belakang benteng kayu tersebut terdapatnya tembok tanah yang dilengkapi dengan meriam pertahanannya. Di bahagian pinggir Sungai Musi terdapat tiga baluarti (bastion). Salah sebuah baluarti tersebut iaitu yang terletak tengah dibina daripada batu. Ketiga baluarti ini dilengkapi dengan senjata berat seperti meriam.Pintu utama untuk masuk keraton adalah dari sungai Rengas, pintu lain terdapat di kanan, kiri dan belakangnya,[57] keraton Palembang ini dilindungi oleh tiga benteng iaitu dua benteng di Pulau Kembaro dan Benteng Martapura yang berada di depan keraton tersebut.

Ketika terjadi Perang Palembang 1 tahun 1659, Keraton kuto Gawang ini dibakar habis oleh Belanda, sebagaimana dilaporkan oleh Johan Nieuhof yang menyertai armada Joan Vander Laen menyatakan, "... Kami membumihanguskan seisi kota pada 16 November 1659, setelah sebelumnya membawa meriam dan hasil

[57] RHM Akib (Rhama), (1978). *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmud Baderdin ke II* , Palembang, hlm. 4,

rampasan ke kapal.[58] Oleh itu, ketika Sultan Abdurrahman (1659 - 1706) berkuasa, beliau memindahkan pusat pemerintahannya ke keraton "Kuto Cerancangan" di daerah Beringin Janggut yang berada sekitar tiga km kearah hulu dari Kuto Gawang, kemudian dipindahkan lagi ke Keraton Kuto Lamo semasa Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo (1724 - 1758). Semasa itu juga dibangunkan Keraton Kuto Besak yang masih wujud hari ini.

Keraton Kuto Besak dikelilingi oleh benteng pertahanan, kerana itu disebut pula dengan Benteng Kuto Besak. Keraton ini berada pada posisi yang strategi iaitu di tepi Sungai Musi dan diapit oleh sungai-sungai kecil. Secara geografinya, bahagian utara dilindungi oleh Sungai Musi, selatan oleh Sungai Kapuran, seebelah barat oleh Sungai Sekanak dan sebelah timur oleh Sungai Tengkuruk. Selain Keraton yang terletak di kawasan seberang hilir, terdapat juga Masjid Keraton yang disebut Masjid Agung. Masjid ini menjadi pusat ibadat bagi masyarakat Palembang yang beragama Islam. Kedudukan masjid tersebut ialah sekitar 200 meter di selatan Keraton. Masjid ini diapit oleh Sungai Tengkuruk di sebelah timur dan Sungai Kapuran di sebelah selatan.

[58] Aksi penyerbuan Belanda atas Palembang dapat disemak dalam laporan Johan Nieuhof dalam Anthony Reid. (2010). *Sumatera Tempo Doeloe: Dari Marco Polo sampai Tan Malaka* (terjemahan). Jakarta: Komuniti Buluh, hlm. 148 – 151.

2.3 Demografi Palembang

Masyarakat yang bermukim di Kesultanan Palembang sebahagian besarnya adalah masyarakat Melayu. Selain itu terdapat pula masyarakat Arab, Eropah, India dan Cina. Dari aspek agama masyarakat yang ada di Palembang ini, dapat dikelompokkan kepada masyarakat Muslim dan masyarakat non muslim. Masyarakat muslim umumnya terdiri dari masyarakat Melayu dan Arab, sedangkan non muslim terdiri daripada bangsa asing Eropah, India dan Cina. Masyarakat Melayu yang wujud di Palembang terdiri daripada pelbagai suku bangsa, seperti suku Palembang, suku Ogan, suku Pasemah, suku Lintang, suku Enim, suku Gumay dan suku Semendo. Secara umumnya setiap suku tersebut hidup dalam kelompok tersendiri, namun setiap suku tersebut mempunyai adat dan budaya yang hampir sama. Antara suku tersebut yang dianggap sebagai asal keturunan Melayu adalah suku Melayu Palembang yang kebanyakannya bermukim di bandar Palembang. Masyarakat Melayu diluar suku Palembang dikenali sebagai masyarakat "Uluan". Masyarakat ini disebut juga kumpulan "Wong Ulu".

Istilah Wong Ulu ini menunjukkan orang yang tinggal di luar bandar Palembang. Istilah ini juga menunjukkan orang yang tinggal di Palembang yang bukan semuanya berasal dari suku Melayu Palembang. Orang Uluan menganggap dirinya sebagai penduduk asal Sumatera Selatan. Menurut Van Royen,[59] masyarakat uluan berasal dari tiga pusat gunung yang terdapat di Sumatera Selatan iaitu gunung Seminung, gunung Dempo dan gunung Kaba. Daripada tiga gunung inilah datangnya suku Melayu yang bukannya dalam kelompok Melayu Palembang.

[59] Lihat, J.W. Van Royen, (1927). *De Palembangsche Marga* , Haar Grond en Waterrechten. Proefschrift. Leiden. GL Van den Berg.

Gunung Seminung terletak di bahagian selatan Bukit Barisan yang mempunyai ketinggian 1954 meter daripada permukaan laut. Gunung ini adalah sumber utama air yang mengalir di Sungai Komering. Nenek moyang suku Komering berasal dari daerah ini. Gunung Dempo terletak di bahagian tengah Bukit Barisan. Dari gunung inilah berasalnya mata air sungai Ogan yang terletak di sebelah selatan Palembang. Sungai Lematang pula terletak di sebelah utaranya yang didiami oleh suku Pasemah, Lintang, Kikim, Semendo, Enim dan Ogan. Gunung Kaba pula didiami suku Rejang dan Musi. Perbezaan dari ketiga rumpun suku bangsa ini terletak pada bahasa dan adat istiadat yang mereka kembangkan. Namun secara umum mereka mempunyai banyak persamaan dari segi adat.

Bandar Palembang didiami oleh sebahagian besar masyarakat Melayu Palembang dan suku-suku Melayu lain. Masyarakat Melayu Palembang mempunyai ciri yang membezakannya dengan suku Melayu lain. Salah satu ciri dari masyarakat Melayu Palembang juga menggunakan gelaran tradisional pada namanya, seperti Raden, Masagus, Kiagus dan Kemas (untuk laki-laki), sedangkan untuk perempuan bergelar Raden Ayu, Masayu, Nyayu, dan Nyimas. Gelaran-gelaran ini mula dikuatkuasakan pada masa Sultan Abdurrahman Cinde Welan (1660 - 1706), yang kemudiannya diteruskan oleh raja-raja berikutnya. Pemakaian gelaran tersebut merupakan satu usaha Sultan Abdurrahman untuk mengukuhkan kedudukannya dengan memperbanyak rangkaian keluarga keraton (raja) yang akan melegitimasikan dan menyokong kekuasaaanya di Palembang.

Pada mulanya pemberian gelaran pada masyarakat Palembang didasarkan pada bentuk matrileneal. Dalam hal ini setiap lelaki di luar keraton yang kahwin dengan wanita keraton (keturunan raja), maka anaknya akan diberikan gelaran yang sesuai dengan gelaran ibunya. Selain itu terdapat juga pemberian gelaran secara patrileneal, sehingga apabila lelaki keluarga keraton berkahwin dengan wanita di luar keraton (wanita biasa), maka anaknya memperoleh gelar sesuai dengan gelaran bapanya. Pemberian gelar dengan cara ini dilatarbelakangi oleh keadaan Palembang yang ketika itu baru bebas daripada kekuasaan Mataram. Oleh itu dalam membina kekuasaannya di Palembang, beliau memerlukan golongan elite yang dapat menyokong kuat pemerintahan Sultan Abdurrahman. Oleh itu, satu rangkaian kekeluargaan perlu dibina bagi menyokong keutuhan kekuasaan serta pemerintahannya. Dalam perkembangan selanjutnya semasa pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin I antara 1724-1757, beberapa perubahan dilakukan terhadap cara pemberian gelaran. Perubahan tersebut meliputi aspek pemberian melalui konsep patrilineal. Menurut sistem ini seseorang mendapatkan gelaran tertentu berdasarkan pada gelaran yang dimiliki oleh bapanya dari jurai keturunan Bapak. Manakala gelaran daripada sebelah ibunya tidak boleh digunakan. Akibatnya, hanya sebahagian masyarakat Melayu Palembang sahaja yang boleh menggunakan gelaran tertentu yang menjadi symbol kepada kedudukan mereka dalam sosial dan politik.

Van Sevenhooven,[60] memaklumkan bahawa Pangeran, Raden dan Masagus merupakan kumpulan elite priyayi Palembang, sedangkan Kemas dan Kiagus adalah kelompok rakyat yang masih keturunan raja.[61] Priyayi bererti keturunan raja atau

[60]van Sevenhooven, JI. (1971). *Lukisan tentang Ibukota Palembang* . Jakarta: Bhratara. hlm 25-27.
[61] Kemas dan Kiagus adalah keturunan dari bangsawan Palembang iaitu Bodrowongso Koedoes sorang yang berasal dari Semarang. Ia diangkat sebagai pegawai/bangsawan kerajaan kerana berani dan

golongan bangsawan. Kedudukan ini diperolehi kerana kelahiran *(ascribed status)* atau atas perkenan daripada Raja. Seseorang yang dilahirkan dari keturunan priyayi secara automatik ia akan termasuk dalam golongan tersebut dan mereka mempunyai status dan peranan yang lebih tinggi berbanding rakyat lain, kerana berasal dari keturunan bangsawan. Namun demikian, priyayi juga dianugerahkan kepada seseorang yang dianggap berjasa besar terhadap kesultanan atau kerana kehormatan.

Pangeran merupakan orang yang memerintah. Gelaran ini diberikan kepada anak lelaki kepada sultan. Gelaran Pangeran yang tertinggi adalah *Pangeran Ratu.*[62] Gelaran ini biasanya diberikan kepada putera mahkota, iaitu anak lelaki tertua dari sultan. Namun demikian, pemberian gelaran ini tidak secara automatik, ertinya gelaran hanya diberikan mengikut perintah sultan. Oleh kerana itu gelaran ini pernah juga diberikan sultan kepada orang yang dikehendakinya, terutama mereka yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan. Namun begitu, sultan juga berhak melucut kembali gelaran Pangeran terhadap seseorang dengan alasan tertentu.

Raden bererti luhur, dijunjung atau yang dicintai. Gelaran ini biasanya diberikan kepada kanak-kanak laki-laki dari hasil perkahwinan seorang pangeran dengan anak perempuan keturunan seorang pangeran. Gelaran ini berlaku secara automatik dan tidak diberikan kepada orang lain. Gelar Raden ini lebih bersifat *ascribed status.* Gelaran Masagus mempunyai erti berharga banyak. Gelaran ini pada

---

mempunyai kekuatan sakti. Ia hidup semasa Pangeran Side Ing Kenayan. Keberaniannya teruji dalam menghadapi Djaladeri yang memberontak terhadap kuasa raja Palembang semasa itu. Ia berhasil menewaskan Djaladeri dalam pertarungan yang seru. R.M Akib R.Ibrahim.(tanpa tahun). *Sedjarah Malaju Palembang*. Bandung: Drukk economy, hlm. 9-11

[62]Gelaran Putera dalam erti kata Putera Raja, tidak diberikan lagi setelah kesultanan Palembang dihapuskan (1825). Namun gelaran Pangeran masih diberikan oleh pihak Belanda untuk mengangkat orang-orang yang setia pada Belanda dan memegang kuasa di kawasan pedalaman, seperti Pasirah.

umumnya dimiliki oleh sanak saudara, hasil perkahwinan sorang Pangeran atau Raden dengan sorang perempuan dari keluarga keturunan golongan rakyat. Gelaran yang menunjukkan status sosial pada masa Kesultanan Palembang ini juga disandang oleh isteri-isteri keluarga priyayi. Strata tertinggi adalah *Ratu*, yang merupakan sebutan bagi isteri Sultan. Isteri dan anak perempuan dari para Pangeran dan Raden disebut Raden Ayu atau sering disingkat dengan *Denayu.* Perkataan ini bererti cantik, terpilih, atau agung, sedangkan isteri dan anak perempuan dari Masagus disebut Masayu, yang bererti si cantik yang ramai harganya.

Keturunan priyayi ini tidak mempunyai harta benda yang boleh diwariskan. Mereka memperoleh kuasa atas dusun atau marga oleh Raja dan kuasa tersebut boleh dilucutkan kembali sesuai dengan keinginan Raja. Namun demikian, banyak keturunan priyayi ini yang tidak mempunyai kuasa atas dusun, tetapi mereka hidup atas usaha sendiri, sebagai tukang emas dan perak, atau mempunyai pekerjaan sebagai pengusaha kraf tangan, berniaga, ataupun bertani. Priyayi tersebut beserta anak buahnya, baik yang mempunyai kuasa atas dusun atau marga mahupun yang tidak, diwajibkan untuk membantu pihak kesultanan jika berlaku perang. Bantuan tersebut, bukan hanya setakat tenaga, tetapi juga merangkumi perahu-perahu yang dilengkapi yang dimiliki para priyayi tersebut juga wajib disumbangkan.

Dalam sebuah naskah bertarikh 1895, turut disebutkan seperti berikut: “adapun putera-putera raja yang mereka itu sebelum digelarnya iaitu dinamakan asy-syarif ad Din, karena adalah raja-raja yang mereka itu Amir al Mukminin, yaitu Khalifah Rasulullah. Maka dari itu diberikan kepada anak cucunya kemudian maka

digelarkan Pangeran Ratu, kemudian digelarkan Sultan, kemudian bergelar Susuhunan, maka dari itu maknanya dan artinya."[63]

Berdasarkan kepada teks tersebut, Van Sevenhooven berpendapat kenyataan bahawa priyayi Palembang terdiri daripada Pangeran, Raden dan Masagus perlu dikaji semula. Ini kerana berdasarkan naskah tersebut jelaslah, gelaran Raden berasal dari perkataan Asy-syarif ad Din. Gelaran ini diberikan kepada anak-anak yang masih kecil raja. Bila ia sudah dewasa maka diberikan gelaran Pangeran. Setelah Pangeran tersebut menjadi putera Mahkota pengganti raja yang menguasai sesebuah kerajaan, mereka diberi gelaran Pangeran Ratu. Gelaran Pangeran Ratu ini akan berubah menjadi Sultan setelah ia memegang kekuasaan negeri Palembang. Setelah Sultan mengundurkan diri atau tidak lagi memegang kuasa atas negeri Palembang, maka ia diberikan gelaran Susuhunan.

Penempatan masyarakat Melayu Palembang bersifat berkelompok sesuai dengan gelaran yang dimilikinya. Raja dan keluarganya berada di keraton. Kelompok Priyayi atau bangsawan mempunyai wilayah penempatan sendiri, yang disebut goo-gook. Misalnya kumpulan Raden tinggal di daerah Depaten yang dikenali sebagai goo-gook Depaten, kumpulan Masagus tinggal di persekitaran berhampiran Masjid (semacam perkauman, kalau di Jawa), Kiagus berada di perkampungan kemenduran, dan kali pasir, kumpulan Kemas berada di kawasan Limbungan.[64] Kumpulan rakyat

[63] Naskah tulisan tangan huruf Arab Melayu oleh RH Abdul Habib, (1895). *Peringatan Lamanya Raja-raja di dalam negeri Palembang di atas Tahta Kerajaan.*

[64]Sebahagian rumah kampung masyarakat Palembang masa lalu diperbuat daripada kayu, sehingga risiko kebakaran menjadi ancaman bagi kelangsungan perkampungan ini. Beberapa perkampungan masyarakat Palembang musnah terbakar. Kampung Limbungan dibakar oleh pihak Belanda dalam pertempuran lima hari lima malam di Palembang (1-5 Januari 1947), seterusnya pada tahun 1975, kampung 13, 14 dan 17 hilir terbakar, tahun 1981 terjadi pula kebakaran besar di Palembang Lebih dari 2000 rumah Palembang di kampung 26 hilir, 24 hilir, 23 hilir (Kemenduran) terbakar. Tahun 2001

biasa tinggal di luar perkampungan priyayi tersebut. Terdapat juga penempatan yang berdasarkan atas jenis kerja, misalnya kampung kepandean untuk pandai besi, dan sayangan untuk tukang tembaga.

Gambaran tentang pemukiman masyarakat di Palembang dikemukakan Groenveldt[65] sebagai berikut "…dalam bandar Palembang terdapat rumah-rumah bertiang tinggi dan rumah rakit yang terapung di atas air." Rumah bertiang tinggi memang diperlukan kerana keadaan geografi Palembang yang mempunyai banyak sungai dan dataran rendah. Pembinaan bangunan rumah tersebut terdapat di sekitar keraton dan di luar itu atau di pinggir sungai. Bangunan rumah di dekat keraton adalah tempat tinggal para Pangeran atau keluarga Sultan. Bangunan mereka dibuat daripada bahan-bahan kayu yang terpilih dan bermutu, beratap genteng dan bertiang. Penduduk pribumi sebahagiannya tinggal di darat dan rumah rakit. Walaupun mereka tinggal di darat, namun kedudukan rumah mereka biasanya tidak jauh dari sungai. Hal yang demikian ini disebabkan sungai merupakan laluan pengangkutan utama di Palembang.

Rumah rakit juga merupakan salah satu fenomena yang menggambarkan kedudukan masyarakat asing di Palembang. Rumah ini dihuni oleh bangsa asing seperti China dan Eropah. Mereka tidak dibenarkan oleh Sultan untuk membina rumah atau tinggal di darat sebagaimana penduduk tempatan. Teras rumah rakit

---

Kampung Kemenduran dan Kalipasir terbakar. Kampung itu adalah pusat pemukiman masyarakat Palembang asli. Beberapa bahagian kampung tersebut kini menjadi pusat bandar Palembang. Akibat kebakaran masyarakat dari kampung tersebut tidaklah lagi hidup berkelompok, tetapi tersebar ke beberapa kampung di Palembang.

[65]Rumah rakit adalah rumah yang terapung di atas air. Rumah ini diperbuat daripada kayu dan buluh dengan atap kajang (daun kelapa). Rumah ini berfungsi sebagai tempat tinggal.W.P. Groeneveldt. (1880). *Notes in the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chines Sourches*. Batavia : W. Bruining, hlm 106.

biasanya menghadap ke sungai, manakala bahagian dapurnya menghadap ke daratan. Keadaan seperti ini membolehkan penghuninya memanfaatkan bahagian muka (teras) tersebut untuk berehat sambil menikmati hembusan angin selain daripada memerhatikan perahu yang hilir mudik menggunakan sungai, nelayan menangkap ikan, juga boleh digunakan untuk aktiviti jual beli barangan dengan para peniaga kecil yang menjaja barang dagangannya ke rumah-rumah rakit dengan menggunakan bot kecil. Keistimewaan rumah rakit adalah kesejukan hembusan angin dari segala arah, serta pemandangan air sungai yang cantik. Oleh itu ia tidak hanya didiami oleh orang asing tetapi terdapat kalangan masyarakat Palembang yang tinggal di rumah rakit.

Kelompok masyarakat Islam lainnya yang wujud di Palembang adalah bangsa Arab. Maklumat tentang bilakah bermulanya kaum ini bermukim di Palembang tidak diketahui secara jelas. Namun berdasarkan kepada aktiviti perdagangan yang dikendalikan, bangsa ini telah mengadakan hubungan dagang sejak zaman Sriwijaya lagi. Laporan Van den Berg pada 1886, menyatakan masyarakat Arab di Palembang berasal dari Hadramaut dan kawasan ini merupakan tumpuan kedua terbesar masyarakat tersebut selepas Aceh. Era pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II, memperlihatkan mereka diberi kebenaran untuk menetap di Palembang. Mereka mendirikan rumah panggung yang besar diperbuat daripada kayu (papan) di sepanjang sungai Musi. Pada umumnya mereka bekerja sebagai peniaga dan pengusaha.[66]

[66]L.W.C Van den Berg, adalah seorang penasihat kerajaan Hindia Belanda di Batavia. Ia lahir pada 10 Oktober 1845 di Haarlem. Ia banyak menulis tentang kehidupan orang Arab di Hindia Belanda (Indonesia) dan di Hadramaud. Kumpulan penyelidikan dan tulisannya di muat dalam buku yang diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Dalam Bahasa Indonesia buku tersebut berjudul L.W.C Van den Berg. (2010). *Orang Arab di Nusantara*. Jakarta: Komunitas Bambu.

Bangsa Arab dibenarkan untuk mendirikan pemukiman di darat yang tidak jauh dari sungai. Ini menyebabkan terbentuk Kampung Arab di pinggir Sungai Musi.[67] Perkampungan masyarakat Arab lazimnya diketuai oleh salah sorang daripada mereka yang diberikan gelaran Pangeran oleh sultan, misalnya Pangeran Umar, Pangeran Abdul Rahman bin Hasan Al Habsyi.[68] Majoriti orang Arab di Palembang adalah keturunan Ba'lawi yang dianggap sebagai keturunan Nabi Muhammad S.A.W. berketurunan cucu Rasulullah iaitu Saidina Husein. Mereka menggunakan gelaran Sayyid bagi memperlihatkan statusnya. Mereka yang berketurunan Sayyid mempunyai martabat tersendiri pada pandangan masyarakat Palembang. Para Sayyid mempunyai gaya hidup tersendiri yang bersifat eksklusif serta cenderung untuk membezakan mereka dengan lapisan sosial masyarakat yang lain baik dari segi bahasa, makan, dan perkahwinan. Dalam hal perkahwinan, orang Arab menganut prinsip kafaah, menurut sistem ini perkahwinan dapat dilaksanakan bila kedua pihak mempunyai darjat yang sama. Seorang sayid memilih untuk kawin dengan wanita sedarajat (sesama Arab), namun terdapat juga mereka yang memilih pasangannya dari kelompok yang lebih rendah (wanita suku lain). Ini menyebabkan terdapat banyak perkahwinan yang berlaku antara sayid dengan anak priyayi (bangsawan) Palembang berlaku. Sebaliknya wanita Arab tidak dibolehkan berkahwin dengan laki-laki bukan Arab. Laporan van Sevenhoven menyebut, jumlah orang Arab di Palembang pada tahun 1825 sekitar 500 orang.[69]

---

[67]Di Palembang terdapat beberapa perkampungan Arab baik di kawasan seberang hilir maupun seberang hulu yang berada di tepian sungai Musi, seperti kampung 8 hilir, 10 hilir, 13 hulu, 14 hulu, dan 16 hulu. Pada perkampungan tersebut terdapat puak keluarga, misalnya di kampung 8 hilir puak Al Habsyi dan Alkaf, kampung 13 hulu puak Al Munawar, kampung 14 hulu puak Al Musawwa, kampung 16 hulu puak Assegaf. L.W.C. van den Berg, (1990). *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara*, terj. Rahayu Hidayat. Jakarta: INIS.

[68] Almanac en Naam register van de Nederlandch Indie (1817 -1873)

[69] J.I van Sevenhoven, (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Jakarta : Bhratara, hlm 33

Daripada aspek hubungan antara masyarakat Arab dengan masyarakat Palembang, secara keseluruhannya adalah berada di dalam keadaan baik. Ulama Arab dilibatkan Sultan sebagai penasihat kerajaan. Hubungan yang erat antara dapat dibuktikan berdasarkan kepada pemerhatian di beberapa kompleks pemakaman Sultan yang terdapat di Bandar Palembang. Kebiasaannya, setiap makam Sultan Palembang terdapat makam ulama di sebelahnya. Ini menunjukkan bahawa wujudnya jalinan hubungan yang rapat antara sultan dengan tokoh agama.[70] Dengan kata lain hubungan antara umarah dan ulama sangat rapat dalam mengendalikan pemerintahan Negeri Palembang. Beberapa ulama Arab bahkan dikahwinkan dengan keluarga Kesultanan Palembang. Selain itu masyarakat Arab juga berperanan dalam membina perekonomian kesultanan Palembang. Orang Arab adalah pedagang juga mengendalikan barangan dagangan daripada wilayah lain. Mereka mempunyai kapal dan perahu yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pengangkutan perdagangan. Semasa Perang Palembang tahun 1821, masyarakat Arab turut terlibat dalam peperangan dalam membantu Sultan. Mereka ditugaskan untuk mengendalikan Meriam untuk tujuan pertahanan di benteng pulau Gombora .[71]

Masyarakat non Muslim berbangsa Cina sudah mulai menjalin hubungan dengan Palembang sejak awal tertubuhnya empayar Sriwijaya. Pada abad ke tujuh I–tsing, seorang pendeta Buddha dari China pernah tinggal di Sriwijaya selama enam bulan sebelum meneruskan perjalanannya ke India. Pada masa Kesultanan

[70]Pada umumnya makam seorang Sultan Palembang, selalu didampingi oleh isterinya dan ulama kerajaan, misalnya makam Sultan Abdurrahman diapit oleh Sayid Mustofa Alaidrus dari Yaman, Sultan Mahmud Badaruddin I diapit oleh Imam Sayid Idris Al Idrus, Makam Pangeran Sido ing Kenayan berdampingan dengan makam Habib Muhammad Nuh Imam Al Fasyah, dll. Bahkan makam Sultan Mahmud Badaruddin II di Ternate (Maluku Utara) didampingi ulama bernama Al Habib Umar bin Muhammad Assegaf. Adanya makam ulama ini menunjukkan bahawa Ulama selalu mendampingi Sultan baik dalam menjalankan pemerintahan mahupun pada saat pembuangan oleh Belanda.

[71] J.I. Van Sevenhoven, (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang.* Jakarta : Bhratara, hlm 43-47

Palembang, jumlah bangsa Cina semakin ramai datang ke negeri tersebut, terutama ke Bangka. Kedatangan mereka berkait rapat dengan penemuan bijih timah di Bangka. Pada umumnya bangsa Cina yang datang adalah terdiri daripada para buruh atau pekerja kawasan perlombongan bijih timah di Bangka.

Orang Cina tidak dibenarkan untuk tinggal di darat, mereka hanya dibenarkan di rumah-rumah rakit yang dibina di atas air yang berhadapan dengan keraton. Penempatan bangsa asing ini berkait rapat dengan kehidupan mereka. Memandangkan kebanyakan bangsa asing secara umumnya adalah bangsa pedagang, penempatan mereka juga tidak jauh dari pusat perdagangan. Salah satu alasan kenapa mereka tidak dibenarkan tinggal di darat kerana, sultan tidak percaya atau meragui kesetian mereka kepada pemerintah iaitu Sultan Palembang. Penempatan di hadapan keraton membolehkan pemantauan dilaksanakan ke atas gerak-geri bangsa Cina oleh Sultan. Bangsa Cina dibolehkan tinggal di darat setelah Kesultanan Palembang dikuasai Belanda 1825 dan Kesultanannya dibubarkan.[72] Belanda menempatkan bangsa China di sebuah kawasan perkampungan sendiri, iaitu di kampung 7 hulu. Belanda juga melantik Kapitan dalam kalangan mereka untuk memimpin masyarakat China di kawasan tersebut.

Bangsa Cina mempunyai hubungan yang harmoni dengan masyarakat Palembang. Mereka banyak menghabiskan masa kehidupannya dengan aktiviti

[72]Kampung khusus masyarakat Cina masa lalu berada di daerah Kampung Kapiten (7 hulu). Kampung ini bertentangan dengan Keraton Kuto Besak. Posisi demikian dimaksudkan sebagai upaya raja untuk tetepa mengontrol/mengawasi aktivitas masyarakat Cina. Yang diragukan kesetiaannya kepada Sultan. Masyarakat China saat ini sudah tersebar di beberapa kampung, sehingga tidak ada lagi kampung khusus masyarakat Cina, sebahagian masyarakat China yang ekonominya kuat, berhimpun dalam suatu taman perumahan elite.

perdagangan. Mereka membeli barang daripada perahu masyarakat Melayu (Orang Hulu) dan dijual kembali pada masyarakat Melayu. Seterusnya mereka memasarkannya pada masyarakat pedalaman (uluan). Jadi bangsa Cina sebagai pedagang perantara. Selain sebagai pedagang bangsa Cina ditugaskan raja untuk membantu pertahanan dengan menyediakan rakit api apabila diperlukan. Namun maklumat yang menunjukkan sejauhmana, masyarakat Cina ini dilibatkan dalam pertempuran menentang Belanda, belum ditemui. Berdasarkan kepada beberapa dokuman dijumpai, masyarakat Cina hanya diminta untuk menyediakan rakit-rakit api yang akan digunakan dalam perang menghadapi Belanda. Secara sosiologisnya orang Cina adalah masyarakat yang lebih mementingkan perniagaan dan bersikap mementingkan kepentingan yang menguntungkan kelompoknya. Ini terbukti setelah Palembang ditakluki Belanda, hubungan Cina dan Belanda semakin rapat dengan ditandai oleh kewujudan dasar Belanda yang memberikan kebebasan mereka bermukim di daratan dan membentuk perkampungan tersendiri. Jumlah orang Cina di Palembang pada tahun 1825 sebanyak 800 orang.[73]

Selain bangsa China terdapat juga bangsa Eropah terutama orang British dan Belanda di Palembang. Mereka tinggal di loji-loji yang dibuat khusus. Loji adalah tempat simpanan barangan dagangan. Pada umumnya mereka yang tinggal di Loji adalah para pedagang Belanda ataupun British. Selain di loji, orang Eropah juga tinggal di rumah rakit. Rumah rakit mereka terbuat dari kayu beratap genting serta lebih besar dan rapi dibandingkan dengan rumah rakit China. Orang Eropah hidup dengan menjalankan aktiviti perdagangan. Mereka membeli rempah, hasil hutan, lada,

[73] J.I Van Sevenhoven, (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Jakarta : Bhratara, hlm 21.

lilin, gading gajah, kemenyan dan kayu. Berdasarkan sumber Belanda, jumlah orang Eropah (khususnya Belanda) yang tinggal di Palembang seramai 110 orang.[74]

Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia. Bahasa juga menjadi ciri khas serta identiti kepada sesuatu masyarakat. Setiap suku bangsa mempunyai bahasa tersendiri yang difahami oleh masyarakatnya yang menjadi perantaraan untuk mereka berinteraksi. Masyarakat Palembang mempunyai dua jenis bahasa iaitu bahasa Palembang Alus yang disebut juga bahasa keraton dan bahasa Melayu Palembang atau bahasa Palembang sehari-hari. Bahasa Palembang Alus digunakan dalam komunikasi antara orang tua, antara yang muda dengan yang lebih tua, atau kepada orang tertentu, berkedudukan atau dihormati. Bahasa ini digunakan juga dalam upacara adat, misalnya pelaksanaan perkahwinan. Orang yang menggunakan atau berkomunikasi dalam bahasa ini disebut "bebaso". Bentuk bahasa Palembang Alus hampir sama dengan bahasa Jawa (kromo inggil). Banyak perbendaharaan kata yang sama dengan bahasa Jawa, misalnya Sinten (siapa), pawon (dapur), eng ge (ya), dereng (belum), sampoon (sudah), kelambi (baju) dan romo/rama (ayah/Bapak). Sesebuah ilustrasi untuk mengatakan; Anda mahu pergi ke mana?, telah lama tak jumpa, dalam bahasa Palembang Alus berbunyi : Ayon kepunde ampean sampoon lambat nano page.

Bahasa Melayu Palembang adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat umum, ertinya pemakaiannya tidak terbatas pada golongan tertentu sahaja. Bahasa ini dipergunakan dalam komunikasi sehari-hari oleh masyarakat yang menetap di Palembang, baik masyarakat Melayu Palembang mahupun masyarakat melayu dari

[74] ANRI, Bundel Palembang. No.67. Pada saat peristiwa Loji sungai Aur (1811), 87 orang Belanda terbunuh, sedangkan sisanya 23 orang melarikan diri.

suku lain. Kosa katanya mirip dengan bahasa Indonesia, dan bahasa Melayu, misalnya besak bererti besar, siapo (siapa), di mano (di mana), idak / tak (tidak). Sebagai ilustrasi jika ingin mengatakan, anda mahu pergi ke mana? Telah lama tidak berjumpa, dalam bahasa Melayu Palembang berbunyi, Awak nak pegi ke mano, la lamo idak betemu. Walaupun terdapatnya berbagai suku Melayu lain bermukim di Palembang, namun bahasa yang mereka pertuturkan dapat difahami dan dimengerti oleh masyarakat Melayu daripada suku lain manakala bahasa Palembang pula menjadi pengikat antara beragam suku yang ada.

2.4 Hierarki Pentadbiran Palembang

Kesultanan Palembang memiliki kuasa ke atas kawasan yang luas yang terbahagi menurut empat peringkat. Peringkat ke satu iaitu wilayah pusat kekuasaan (keraton), peringkat kedua wilayah sikap, peringkat ketiga wilayah kepungutan, dan peringkat keempat wilayah Sindang. Keraton adalah kawasan pusat kekuasaan kesultanan Palembang. Kawasan ini merupakan pusat pemerintahan dan di kawasan ini bermukim raja dan kerabatnya. Keraton Palembang terletak di tepian Sungai Musi dan dikelilingi oleh benteng pertahanan yang kukuh. Sikap adalah kawasan kumpulan dusun di luar wilayah marga yang diperintah langsung oleh pegawai kesultanan. Daerah sikap mendapat tugas khusus dari raja, misalnya sikap dusun Sungsang diwajibkan untuk memelihara jalur pelayaran antara Palembang ke muara Sungai Musi. Sikap Muara Lakitan ditugaskan untuk membuat dan memelihara perahu Pancalang. Kepungutan adalah wilayah pedalaman yang dipimpin oleh seorang Jenang atau Raban. Jenang atau Raban merupakan perpanjangan tangan Sultan untuk

menyampaikan perintah raja kepada rakyat pedalaman. Sindang adalah kawasan yang bersempadan dengan kawasan kepungutan yang dipimpin oleh seorang Depati (raja kecil). Tugas utama kawasan Sindang adalah melindungi daerah kesultanan daripada serbuan orang luar. Sindang Pasemah misalnya diberi tugas untuk menangkal serangan dari kawasan Bengkulu.

Peringkat kawasan di Kesultanan Palembang boleh digambarkan sebagai berikut:



Rajah 2.1. Peringkat Pemerintahan Kawasan Di Kesultanan Palembang, sumber Disesuaikan daripada tulisan van Sevenhoven

Pentadbiran di Kesultanan Palembang terdiri daripada Sultan, Patih, Reban atau Jenang, Adipati, Pasirah dan Proatin. Sultan adalah pemegang kekuasaan tertinggi. Ia dipandang sebagai figur yang dapat menjadi panutan dan pemersatu kerajaan. Sultan dianggap sebagai tokoh yang memiliki kelebihan dan seorang yang mulia. Oleh itu sikap patuh dan taat kepada sultan adalah satu kemestian bagi rakyat. Sultan adalah penguasa tertinggi kerajaan dan kekuasaannya bersifat mutlak tidak terbatas. Sultan berdaulat atas kawasan kuasanya.

Dalam konsep Melayu, raja yang berkuasa adalah raja yang berdaulat. Falsafah Melayu menyebutkan *Adat hidup berkerajaan, ada raja yang berdaulat*. Raja yang berdaulat adalah raja yang daulatnya membawa rahmat, adilnya membawa berkat, arifnya mensejahterakan umat, bijaknya menyenangkan rakyat.[75] Dari kutipan itu, maka kedudukan raja dalam masyarakat sangatlah penting, kerana Raja adalah tokoh yang menjadi naungan bagi rakyatnya. Dalam konsep Melayu, negeri berdaulat adalah negeri yang bertuah yang dapat membawa bangsa menjadi kuat yang dihormati oleh bangsa lain baik di laut mahupun di darat dan rakyatnya sejahtera sepanjang hayat.

Dalam usaha melancarkan pemerintahan, sultan dibantu oleh seorang patih yang bergelar Pangeran Natadiradja. Patih mempunyai tanggungjawab terhadap penguasa tempatan yang diangkat oleh sultan, seperti Jenang, Raban, Adipati, Pasirah dan Proatin. Reban adalah pemimpin masyarakat kawasan pedalaman yang berasal daripada golongan bangsawan, sedangkan Jenang bukan berasal daripada golongan bangsawan. Reban dan Jenang adalah pemimpin tempatan yang berkuasa di kawasan masing-masing. Adipati adalah pemimpin kawasan Sindang, iaitu kawasan yang bersempadan dengan kerajaan lain. Pasirah adalah pemimpin masyarakat di kawasan Marga, sedangkan Proatin adalah pemimpin masyarakat dusun. Pasirah dipilih oleh rakyat dalam satu pemilihan di peringkat marga seterusnya mereka yang terpilih akan dilantik sultan, dan menjalankan tugas dan kuasa sultan dalam melaksanakan pentadbiran di kawasannya.

[75] Tenas Efendy, (2012). *Kesantunan dan Semangat Melayu, Riau* : Tenas Effendy Foundation. hlm 123-124.

Selain kepemimpinan formal kerajaan, masyarakat Palembang juga mempunyai kepemimpinan tidak formal. Kelompok pemimpin non formal ini diantaranya adalah para tokoh agama, tokoh adat dan tokoh masyarakat lainnya. Tokoh agama mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat Palembang. Mereka adalah orang kepercayaan sultan dan tempat meminta pendapat tentang sesuatu persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemerintahan. Tokoh ulama juga mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Keberadaan ulama menjadi tokoh yang sangat dihargai masyarakat. Mereka menjadi tempat bertanya dan menyelesaikan segala persoalan yang muncul di masyarakat. Pendapat ulama sentiasa menjadi rujukan masyarakat dalam kehidupannya. Ulama di Palembang dapat dikelompokkan pada dua bahagian, iaitu ulama keraton dan ulama di luar keraton. Ulama keraton adalah ulama yang ditugaskan untuk membantu sultan dalam menyelesaikan masalah-masalah agama dan masalah pemerintahan. Ulama keraton ini merupakan penasehat sultan, sedangkan ulama di luar keraton adalah ulama-ulama yang wujud di masyarakat. Demikian pula tokoh adat yang mempunyai peranan yang penting dalam mengatur kehidupan masyarakat, terutama yang berkaitan dengan ketentuan adat budaya Palembang. Tokoh adat atau Kepala Adat dipilih masyarakat berdasarkan pada pengetahuan dan kemampuannya dalam memahami hukum dan aturan adat yang diterapkan. Dalam melaksanakan aturan adat Palembang, sumber utama yang digunakan adalah kitab Undang-undang Simbur Cahaya.[76]

[76]Simbur cahaya adalah aturan-aturan adat yang berlaku di Kesultanan Palembang. Aturan-aturan itu disusun oleh Ratu Senuhun isteri penguasa Palembang Pangeran Sido Ing Kenayan (1639-1650). Dalam Simbur Cahaya termuat aturan adat bermasyarakat dan berpemerintahan. Pada awalnya undang-undang ini tersebar di berbagai kawasan kesultanan Palembang. Dalam tahun 1852 Residen Palembang, JFRS Van den Bosche menghimpunkan pasal-pasal Undang-undang ini dari para sesepuh dan ketua adat/ kepala marga. Himpunan pasal-pasal itu diberi nama Undang-undang Sembur Cahaya yang kemudian sering disebut Simbur Cahaya.



Rajah 2.2. Hierarki Pentadbiran Palembang yang disesuaikan daripada tulisan Faille, P. Roo de la, (1971), *Dari Zaman Kesultanan Palembang*

2.5 Konsep Diplomasi

Diplomasi merupakan satu seni dan amalan dalam mengendalikan perundingan antara wakil negara. Ia biasanya merujuk kepada diplomasi antarabangsa yang merupakan sebahagian daripada aspek hubungan antarabangsa.[77] Dalam kamus Oxford English Dictionary, diplomasi didefinisikan sebagai pengurusan hubungan antarabangsa sama ada melalui rundingan atau ketenteraan yang memperlihatkan hubungan itu diselaraskan dan diatur oleh perwakilan sesebuah negara. Dalam konteks ini pengertian diplomasi menunjuk kepada persoalan pengendalian hubungan antara negara serta hubungan antarabangsa.[78] Dengan kata lain diplomasi dilakukan dalam rangka untuk melindungi kepentingan nasional sesebuah negara itu. Istilah ini biasanya merujuk pada diplomasi yang dilakukan para diplomat berkaitan isu-isu perdamaian, perniagaan, perang, ekonomi dan budaya. Earnest Satow mendefinisikan diplomasi dengan penekanan pada pelaksanaannya. Menurutnya, diplomasi adalah penerapan keahlian dan taktik dalam melaksanakan hubungan resmi antara pemerintah dengan negara berdaulat.[79] Jadi diplomasi merupakan salah satu strategi suatu negara untuk tetap mempertahankan kedaulatan negaranya. Dalam diplomasi tersebut maka kepentingan negara sangatlah diutamakan. S.L. Roy[80] pula mendefinisikan ilmu diplomasi sebagai "seni mengutamakan kepentingan suatu negara melalui perundingan secara damai. Apabila diplomasi menemui kegagalan, penggunaan ancaman dan kekuatan akan mengambil alih peranan diplomasi bagi memastikan matlamatnya tercapai.

---

[77] Ronald Peter Barston, (2014). *Modern diplomacy*, New York: Routledge, hlm. 1
[78] *The Oxfort English Dictionary*. (1963), hlm 583.
[79] Earnest Satow, (1957). *A Guide to Diplomatic Practise*, *London*, New York, Toronto: Longmans, Green. hlm. 3
[80] S.L. Roy, (1984). *Diplomacy,* New Delhi: Sterling Publishers. hlm. 15, juga lihat Hatamar Rasyid, 2009. Peranan Diplomasi dalam Politik Luar Negeri. Tamaddun. No.2 Volume IX, Julai.2009.

Dari beberapa pendapat di atas, maka diplomasi mengandung tiga perkara yaitu pertama, unsur pokok diplomasi adalah perundingan. Kedua, perundingan dilakukan untuk mempertahankan kepentingan negara. Ketiga, tindakan diplomatik diambil untuk menjaga dan memajukan kepentingan nasional negara itu yang diusahakan melalui jalan damai. Dengan kata lain diplomasi merupakan langkah suatu negara untuk mempertahankan kedaulatan dan eksistensi negara tersebut dalam pergaulan internasional.

Dari segi politik tujuan utama diplomasi adalah mewujudkan kebebasan politik dan integrasi wilayah sebuah negara dengan mempereratkan hubungan dengan negara sahabat, membina hubungan erat dengan negara-negara yang sehaluan dan meneutralkan negara yang memusuhi. Persahabatan sesama negara boleh dibina melalui rundingan yang bermanfaat, jika terdapat persamaan kepentingan antara negara yang terlibat. Oleh itu tujuan diplomasi yang paling utama adalah mengutamakan kepentingan dan kemajuan negara. Atas dasar ini maka negara dapat memilih dan mengatur pola dan cara berdiplomasi dengan negara lain. Dalam teori diplomasi, matlamat politik suatu negara hendaklah seimbang dengan sumber daya dan kekuatannya. Perkara ini penting kerana sumber daya dan kekuatan sesebuah negara dapat menjadi alat tawar-menawar dengan negara lain.

Dari segi ekonomi, langkah mewujudkan suasana yang kondusif dalam memelihara kepentingan ekonomi menjadi matlamat yang penting sesebuah negara. Suasana yang dimaksud bukan hanya dari aspek pemasaran komoditi ekonomi, tetapi juga dari aspek kualiti dan kuantiti produktiviti ekonomi. Oleh itu kerjasama antara negara dalam ekonomi sangat diperlukan. Ini kerana melalui kerjasama tersebut kedua

negara akan dapat melaksanakan aktiviti diplomasi atas dasar saling menguntungkan dalam politik maupun ekonomi. Dari segi budaya, diplomasi budaya diperlukan terutama terhadap bangsa serumpun. Diplomasi diperlukan agar jalinan antara bangsa serumpun dapat terbentuk dengan rasa kebersamaan dalam menghadapi berbagai persoalan di rantau tersebut.[81]

Tujuan diplomasi dalam bidang ideologi adalah untuk melestarikan sistem politik, ekonomi dan sosial suatu negara, selain mewujudkan persamaan ideologi dengan negara lain. Ia turut digunakan sebagai alat kerjasama dalam menyekat penyebaran sistem politik, ekonomi dan sosial yang bertentangan dengannya. Dalam melaksanakan diplomasi, kekuatan dan kelemahan menjadi pertimbangan utama bagi suatu negara, kerana perkara itu dapat menjadi kunci keberhasilan dalam perundingan. Dahlan Nasution[82] menyatakan bahawa ada dua belas unsur yang dapat menjadi kekuatan suatu negara dalam berdiplomasi, iaitu geografi, sumber daya alam, kapasiti industri, kekuatan ketenteraan, kependudukan, karakter nasional, semangat nasional, kualiti diplomasi, dan kualiti pemerintahan.

Dalam Islam diplomasi merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti politik, kerana Islam adalah agama yang komprehensif. Di dalam diplomasi terdapat sistem politik dan ketatanegaraan, sistem ekonomi, sistem sosial dan lain-lain. Dalam konteks politik dan ketatanegaraan Islam memberikan aturan tersendiri tentang kehidupan masyarakat yang damai baik dalam pergaulan dalam negeri

---

[81] Aspek ekonomi masyarakat Palembang dibincangkan secara ilmiah oleh, Kenneth R. Hall . (2011). *A History of Early Southeast Asia - Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*. Plymouth, United Kingdom: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.

[82] Dahlan Nasution, (1988). *Politik Perang atau Damai dalam Wawasan Internasional.* Bandung: Remadja Karya, hlm 87-101.

mahupun pergaulan antarbangsa. Salah sebuah cara yang ditawarkan Islam untuk mencapai kehidupan yang damai itu adalah melalui diplomasi. Diplomasi menurut Islam merupakan sarana untuk mencapai tujuan dan merupakan sesuatu yang bersih dan jujur. Diplomasi selalu mencari jalan penyelesaian melalui persetujuan bersama (kesepakatan) dengan mengutamakan persefahaman dan kedamaian.

Diplomasi dalam konteks negara mulai dilaksanakan setelah perjanjian "Piagam Madinah" antara kelompok masyarakat Islam yang dipimpin nabi Muhammad SAW dengan kelompok masyarakat Kristian dan Yahudi di Madinah. Piagam Madinah merupakan suatu perjanjian yang menetapkan persamaan hak dan kewajiban semua komunitas dalam kehidupan sosial dan politik. Menilik dari kandungan Piagam Madinah, maka tampaklah hubungan antara Islam dan ketatanegaraan. Menurut William Montgomerry Watt, piagam Madinah memberi arti penting kepada kewujudan satu badan politik baru dan membuka peluang untuk mewujudkan potensi politik yang bersumber dari Al-Qur'an.[83] Dengan demikian Piagam Madinah menjadi dasar kepada penutubuhan negara Madinah.

Negara Madinah terbentuk sebagai akibat daripada perkembangan Islam yang menjadi kelompok sosial dan memiliki kekuatan politik pasca priode Mekkah. Semasa priode Mekkah, masyarakat Islam merupakan kelompok minoriti yang lemah dan tertindas oleh kelompok masyarakat Quraisy. Namun keadaan itu berubah ketika masyarakat Islam wujud di Madinah. Masyarakat Islam mempunyai kedudukan yang lebih baik dan merupakan masyarakat yang kuat dan dapat berdiri sendiri. Nabi Muhammad S.A.W. menjadi pemimpin masyarakat yang baru terbentuk itu dan

[83] W. Montgomerry Watt, (1988). *Politik Islam dalam Lintasan Sejarah*. Jakarta : Guna Aksara, hlm. 5.

akhirnya berkembang menjadi sesebuah negara. Harun Nasution menyatakan bahawa Muhammad S.A.W. pada priode Madinah bukan hanya sebagai nabi, tetapi juga mempunyai sifat ketua Negara.[84] Dengan demikian masyarakat Madinah yang disusun oleh Muhammad S.A.W. itu adalah berlandaskan kepada konsep sebuah negara dengan pemerintahan yang menghimpun umat Islam.

Dalam konsep Islam, diplomasi adalah cara yang dianjurkan untuk menyelesaikan sesuatu persoalan agar ia tidak berkembang menjadi konflik dan peperangan. Diplomasi dalam Islam mengutamakan asas musyawarah untuk mencapai perdamaian dan kedamaian dalam hidup bernegara. Dalam Alquran Surat *Al Anfal*, ayat 61 yang bermaksud "…dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Dalam satu hadist disebutkan "Hendaklah kamu selesaikan segala urusan kamu dengan musyawarah". Dengan demikian Islam mengajarkan untuk cinta pada perdamaian.

Dalam melaksanakan musyawarah itu prinsip yang dipegang bersumber pada Al-Qur'an dan Hadis nabi. Prinsip yang bersumber dari Al-Quran yang antara lain ialah:

a) Prinsip membela negara, (Q.S. Al Taubah/9:38),
b) Prinsip Persatuan dan persaudaraan (Q.S Al Hujurat/49:10)
c) Prinsip persamaan (Q.S Al Hujurat/49:13),
d) Prinsip hidup bertetangga (QS.Al Nisa'/4:2),
e) Prinsip musyawarah Q.S Ali Imran /3:159), f) prinsip perdamaian dan peperangan (Q.S Al Anfal/8:61).

[84] Harun Nasution, (1986). *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*. Jakarta : UI Press. hlm 92.

Sementara prinsip yang bersumberkan hadist nabi di antaranya, prinsip keperluan akan pemimpin, prinsip tanggungjawab sorang pemimpin, prinsip ketaatan, prinsip persamaan di depan hukum, prinsip musyawarah.[85] Sepanjang perjalanan sejarah Islam khususnya zaman kegemilangan negara Madinah,[86] serangkaian diplomasi dilakukan untuk memperkukuh negara dan memperluas Islam ke seluruh pelusuk dunia. Pola diplomasi yang dilakukan itu antara lain melalui penghantaran utusan ke negara bukan Islam sama ada perutusan wakil atau melalui surat menyurat. Falsafah diplomasi sebeginilah yang menjadi amalan dan pegangan bagi kerajaan Islam Nusantara termasuk Kesultanan Palembang.

2.6 Diplomasi Kerajaan Melayu Nusantara

Amalan diplomasi dalam kalangan kerajaan sudah wujud sejak zaman tradisional di Asia Tenggara dengan bentuk dan kegiatan yang berbeza daripada amalan masakini. Diplomasi merupakan perkara yang penting dalam usaha mempertahankan kedaulatan kerajaan-kerajaan Melayu. Diplomasi merupakan salah satu strategi penting Kesultanan Melayu dalam usaha mengelakkan diri daripada sebarang permusuhan dan konflik dengan negeri jirannya. Kerajaan awal Asia Tenggara menggunakan kaedah diplomasi bagi mengukuhkan kedaulatan raja, mempertahankan tanah air, dan meluaskan pengaruh sesebuah kerajaan. Selain itu diplomasi digunakan juga untuk melindungi sesebuah negara dari ancaman musuh luar yang berkemungkinan

[85] Prinsip diplomasi Islam bersumber pada Alqur'an dan Hadist. Huraian tentang prinsip-prinsip ini dapat disemak dalam Suyuthi Pulungan, (2002). *FIQH SIYASAH Ajaran ,Sejarah, dan pemikiran.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, hlm 5-16.

[86] Priode negara Madinah adalah priode kekuasaan dan pemerintahan Islam yang dimulai masa Nabi Muhammad SAW (Piagam Madinah) hingga masa khulafaur Rasyidin iaitu masa Khalifah Abubakar Siddik, Umar bin Khatab, Utsman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib.

berminat untuk menguasai kerajaan itu. Perlindungan negara sangatlah diperlukan dalam rangka untuk memelihara kebajikan dan keselamatan penduduknya, di samping mengukuh dan meninggikan maruah raja atau pemimpin sesebuah kerajaan.

Hubungan antara kerajaan tradisional lazimnya dibentuk melalui tiga cara, iaitu penghantaran utusan, ufti dan warkah[87]. Penghantaran utusan dilakukan oleh sorang raja kepada raja yang lain yang lazimnya membentuk hubungan persahabatan atau naungan. Kejayaan diplomasi sangat bergantung kepada kebijaksanaan ketua utusan yang dihantar dalam meyakinkan pemimpin kerajaan tentang hasrat utusan tersebut. Kejayaan sesebuah utusan yang dihantar akan membina persahabatan antara dua kerajaan. Oleh itu utusan yang dihantar haruslah terdiri daripada mereka yang memang benar-benar mahir dalam perundingan di peringkat tertinggi. Kegagalan utusan itu dalam melaksanakan tugasnya akan memberi kesan besar kepada kerajaan yang diwakilinya.

Penghantaran ufti oleh seorang penguasa kerajaan kepada kerajaan merupakan antara bentuk diplomasi yang paling popular di rantau ini. Diplomasi sebegini merupakan amalan yang diwarisi kerajaan Melayu daripada pemimpin sebelumnya era pemerintahan Hindu–Buddha. Penghantaran ufti dimaksudkan sebagai tanda persahabatan dari negeri yang ingin melakukan diplomasi tersebut. Namun terdapat juga penghantaran ufti sebagai bukti kesetiaan suatu kerajaan atas kerajaan lain. Dalam praktiknya ia dilakukan bagi mengiringi utusan kerajaan yang dihantar ke sesebuah kerajaan yang lebih besar dan kuat.

---

[87] Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa dan Rozita Che Rodi. (2014). *Pembentukan Ilmu Diplomatik Melayu dalam Menjalin hubungan antara Kerajaan*. Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014, pada 6-7 Mei 2014, bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur.

Warkah merupakan antara kaedah diplomasi yang dilakukan dalam kerajaan-kerajaan Melayu dalam usaha untuk menjalin hubungan dengan kerajaan lain. Kandungan warkah yang diutuskan lazimnya berupa maklumat politik, ekonomi, mahupun sosial budaya sesebuah kerajaan. Kandungan warkah ini kadangkala berupa cadangan perjanjian, permohonan, peringatan dan aduan. Setelah kehadiran kuasa Barat ke rantau ini, kaedah penghantaran surat menjadi begitu popular ketika berhubung dengan pemimpin negeri Melayu. Gallop,[88] dan Mu'jizah[89] menyebutkan bahawa surat Melayu tertua yang tercatat dihantar oleh Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada raja Portugal yang kandungannya berupa pemberitahuan tentang pembunuhan raja Ternate yang tua (Bayan Sirullah) dan pedagang Portugis Fransisco Serrao. Selain ketiga cara itu, terdapat pula diplomasi keluarga. Dalam diplomasi ini raja atau keluarga raja menjalin hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan dengan keluarga raja kerajaan yang lain. Melalui perkahwinan itu dua kerajaan yang berjiran dapat hidup secara harmoni.

2.7 Diplomasi Kerajaan Palembang

Palembang sebagai sebuah kerajaan Melayu turut mengamalkan sistem politik yang mempunyai persamaan dengan kerajaan Melayu Islam di Nusantara. Sebuah kerajaan Melayu, maka nuansa Islamnya sangat kuat dalam kerajaan Palembang. Demikian pula dalam perkara siasah (politik). Sesuai dengan kebudayaan Melayu yang bersifat

[88] A.T.Gallop, & A. Benard, (1994). *The Legacy of Malay Letters.* London: The British Library, hlm.144

[89] Mu'jizah. (2009). *Iluminasi dalam Surat-surat Melayu abad ke -18 dan ke -19.* Jakarta : Depdiknas-KITLV, hlm. 11.

terbuka, kerajaan Palembang juga menjalankan politik pintu terbuka, yang menerima sesiapa sahaja yang ingin mengadakan hubungan dengan kerajaannya.

Dalam usaha mengukuhkan kedaulatan kesultanan Palembang, Raja Palembang terlebih dahulu berusaha mewujudkan keadaan yang harmoni dengan jiran dan kerajaan serantau. Amalan diplomasi yang dipraktikkan adalah berdasarkan kepada budaya yang menjadi amalan kerajaan Palembang dan Nusantara yang bersendikan nilai-nilai keislaman. Pendirian tersebut menyebabkan diplomasi yang diamalkan Palembang tidak mempunyai perbezaan ketara dengan negeri-negeri Melayu lainnya di Nusantara. Sebagaimana kerajaan Melayu lain, diplomasi kerajaan Palembang dilakukan melalui empat cara, iaitu melalui penghantaran warkah, utusan, ufti dan perkahwinan. Keempat cara ini disesuaikan dengan dasar politik yang menjadi amalan raja yang menerajui pemerintahan dan matlamat yang ingin dicapai daripada usaha diplomasi itu sendiri.

Warkah biasanya dihantar kepada pemimpin kerajaan serantau atau pihak Barat. Konsep Warkah menurut Palembang merupakan utusan yang menjadi pengganti raja yang merintah. Berdasarkan kepada beberapa warkah yang terdapat dalam simpanan raja-raja Palembang, kandungan warkah tersebut adalah menyampaikan maksud untuk membuka jalan ke arah usaha diplomasi seterusnya. Maklumat yang terkandung adalah bersifat umum dan menyatakan perkara yang tak begitu penting. Antaranya termasuklah maklumat tentang hubungan antarabangsa.

Menurut perspektif Palembang, konsep kedaulatan negeri adalah tidak banyak bezanya dengan kedaulatan yang diutarakan sarjana barat. Tokoh Sains Politik seperti

Jean Bodin membahagikan kedaulatan kepada dua, iaitu kedaulatan ke dalam dan kedaulatan ke luar. Oleh itu strategi diplomasi kerajaan Palembang juga boleh bahagikan kepada dua sesuai dengan bentuk kedaulatan itu sendiri. Mereka mengamalkan dua jenis iaitu diplomasi ke dalam kerajaan Palembang dan diplomasi ke luar kerajaan Palembang. Diplomasi ke dalam dilakukan oleh kerajaan terhadap kawasan kekuasaannya terutama daerah yang jauh dari pusat kota atau kawasan huluan. Bagi melicinkan pentadbiran kawasan ini, kerajaan memberikan beberapa keistimewaan, antaranya bagi daerah sikap dan Sindang, mereka diberikan kebebasan daripada tiban toekon.[90] Diplomasi dalam negeri juga dilakukan dengan menerima para penguasa tempatan datang ke keraton melakukan aktiviti *milir seba*[91]. Milir Seba berasal dari kata milir yang artinya perjalanan dari hulu ke hilir atau ke ibukota, sedangkan Seba bererti membawa buah tangan. Milir Seba bererti kunjungan penguasa tempatan ke Palembang dengan membawa buah tangan. Kebiasaannya mereka datang dengan membawa ufti berupa makanan dan hasil bumi untuk dipersembahkan pada sultan dan sebaliknya atas kunjungan itu sultan memberikan hadiah dan Piagam kepada mereka yang dikenal dengan Undang-undang Sindang Mardika.[92] Sultan juga memberikan piagam-piagam kerajaan kepada penguasa tempatan yang berisikan berbagai aturan yang dilaksanakan di Kesultanan Palembang.

---

[90]Tiban Toekon adalah suatu hak raja untuk membeli barangan dari huluan dengan harga yang murah yang sudah ditentukan oleh raja. Bentuk tiban toekon ini adalah monopoli perniagaan yang dilakukan raja terhadap daerah Huluan. Tiban toekon merupakan salah satu sumber pendapatan keuangan kerajaan Palembang. Dengan aturan tiban Toekon ini raja tidak hanya sebagai penguasa kerajaan, tetapi juga dapat bertindak sebagai peniaga. Perkara ini memungkinkan raja dan kerajaan menjadi kaya raya.

[91] Milir seba berasal dari kata milir dan seba. Milir artinya melakukan perjalanan dari hulu ke hilir atau ke ibukota, seba dalam berarti membawa buah tangan. Milir Seba berarti kunjungan ke Palembang dengan membawa buah tangan (oleh-oleh). Dalam masyarakat Palembang sampai kini, bila ingin melakukan kunjungan kepada keluarga biasanya disertai dengan membawa buah tangan. misalnya orang yang melaksanakan perkahwinan dan berkunjung ke keluarga dekat suami atau isteri akan membawa buah tangan, dan sebaliknya pihak yang dikunjungi akan membalas buah tangan itu kepada keluarga baru tersebut

[92] Undang-undang Sindang Merdeka , berisikan tugas-tugas yang diberikan oleh Sultan kepada penduduk tempatan untuk menjaga kawasannya dari serangan musuh. Daerah Sindang adalah daerah terdepan yang harus mempertahankan Kesultanan Palembang. Sindang Pasemah misalnya diberikan

Diplomasi ke luar dilakukan Palembang ketika bertentangan dengan bangsa asing (Belanda dan British) mahupun dengan negeri serantau. Diplomasi terhadap Belanda dan British lebih menjurus kepada aspek ekonomi, manakala dengan negeri serantau, ia lebih bersifat politik. Sultan Palembang sentiasa meletakkan diplomasi sebagai strategi utama dalam mempertahankan kedaulatan negerinya. Ini sesuai dengan falsafah kesultanan tersebut yang sentiasa ingin hidup berdampingan dengan negeri lain secara damai. Aktiviti ketenteraan hanyalah digunakan apabila Palembang terancam serata akan menghadapinya sesuai dengan semboyan kesultanan Palembang yang berasaskan pada ayat Al qur'an yang berbunyi "Fama niktada 'alaikum Faktudu 'alaihi bimisli maktada" (Barang siapa memusuhi kamu, maka balaslah permusuhan itu seimbang sebagaimana mestinya).

Sejak tertubuhnya Kesultanan Palembang tahun 1659 sehingga dihapuskan tahun 1825, raja Palembang menggunakan strategi diplomasi untuk memastikan hubungan dengan negara jiran dan negara berkepentingan dengannya sentiasa baik. Tujuannya adalah untuk memastikan kedaulatannya terus utuh dan tidak terancam terutamanya oleh jirannya. Bentuk hubungan antara Palembang dengan jirannya terbahagi kepada beberapa fasa. Fasa pertama ialah era penubuhan kesultanan Palembang 1659 -1700. Diplomasi era ini lebih tertumpu kepada bidang politik dan ekonomi. Fasa kedua pula iaitu era perkembangan yang berlangsung antara tahun 1700 -1800 memperlihatkan diplomasi ekonomi menjadi begitu dominan. Kajian berikut mencakup kedua fasa ini.

---

tugas untuk menghadapi musuh yang datang dari arah Bengkulu. Lihat, Kamil Mahruf, Nanang S.Soetadji dan Djohan Hanafiah. (1999). *Pasemah Sindang Merdeka 1821-1866*, Palembang. Paguyuban Masyarakat Peduli Musi. hlm 75.

2.7.1 Fasa Pertama.

Fasa pertama Kesultanan Palembang berlaku antara tahun 1659-1700 iaitu fasa pengukuhan kerajaan tersebut. Strategi diplomasi Palembang era ini lebih kepada gabungan antara politik dan ekonomi. Hubungan dengan kerajaan serantau adalah lebih kepada usaha mendapatkan pengiktirafan terhadap kekuasaan kerajaan tersebut. Keadaan ini adalah berkait rapat dengan kedudukan Palembang yang masih belum benar-benar mantap ketika itu dan ditambah pula dengan ancaman luar yang kian meningkat khususnya daripada kuasa Belanda. Berikutan Perang Palembang-Belanda 1659, pemimpin negeri Palembang telah kehilangan kuasa. Pemimpinnya Pangeran Sido Ing Rejek telah berundur ke Indralaya[93] dan enggan kembali ke Palembang untuk meneruskan pemerintahannya. Bandar dan pusat pemerintahan Palembang mengalami kehancuran setelah dibakar oleh Belanda. Johan Nieuhof, dalam laporannya menyebutkan ".... kami membumihanguskan seisi kota pada 16 November 1659, setelah sebelumnya membawa meriam dan hasil jarahan ke kapal."[94] Meskipun demikian Belanda (VOC) tidak mengambil alih kuasa pemerintahan kerajaan Palembang ataupun membubar kerajaan Palembang. Kuasa tersebut masih inginkan Palembang kekal sebagai sebuah kerajaan yang diperintah oleh raja Palembang tetapi menjalankan pemerintahan seiring dengan kehendak Belanda.

---

[93] Indralaya bererti raja yang melarikan diri. Ia adalah sebuah bandar kecil di tepian sungai Ogan, yang terletak sekitar 30 km ke arah hulu dari Bandar Palembang. Pada masa itu untuk mencapai bandar kecil ini dilakukan dengan melayari sungai Musi dan masuk ke sungai Ogan. Pangeran Sido Ing Rejek dan kerabatnya bermukim di daerah ini hingga akhir hayatnya dan makamnya terdapat di desa Sakotiga (Jarlijk verslag van de Residentie Palembang 1834 en 1835, dalam ANRI Bundel Palembang No.62.2)

[94] Johan Nieuhof adalah seorang petualang yang ikut dalam pasukan Belanda yang menyerbu Palembang di bawah pimpinan Johan Van der laan. Laporan lengkapnya dapat dibaca dalam "*Sumatera Tempo Dulu*" yang diedit oleh Anthony Reid. Lihat, Anthony Reid. (ed.). (1995). *Witnesses to Sumatra: A Travellers' Anthology*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Terjemahan Bahasa Indonesia, Anthony Reid (ed.) (2010). *Sumatera Tempo Doeloe: Dari Marco Polo sampai Tan Malaka.* Disusun oleh, Dewi Anggraeni, Jakarta: Komunitas Bambu.

Berikutan pengunduran Pangeran Sido Ing Rejek dari istana Palembang, Belanda mengambil langkah untuk menggantikan raja Palembang dengan bantuan daripada Jambi. Jambi merupakan sekutu kuat Belanda ketika perang dengan Palembang pada tahun 1659, malah Jambi juga tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Palembang. Hubungan begini disebabkan kerajaan tersebut menganggap jirannya Palembang sebagai saingan perdagangan yang menyekat kemajuan Jambi. Oleh itu Jambi menganggap kelemahan Palembang akan menghapuskan halangan kemajuan kerajaan tersebut.[95] Memandangkan Jambi merupakan sebuah kerajaan yang berjiran dengan Palembang serta memahami kebudayaan dan sistem perajaan kerajaan tersebut, Belanda meminta rajanya mempertimbangkan calon yang sesuai menggantikan Sido Ing Rejek. Atas saranan pemimpin Jambi, Ki Mas Hindi diangkat sebagai Raja Palembang yang baru sebagai pengganti Sido Ing Rejek. Roo de la Faille, mengatakan, "…beberapa waktu berlalu sebelum rakyat kembali lagi, dan sesudah diadakan banyak sekali perundingan, maka di bawah pengaruh Djambi, yang pada waktu itu bersikap bersahabat dengan kita (Belanda), Raden Tumenggung Palembang Ki Mas Hindi, saudara muda almarhum, diakui sebagai Pangeran Ratu."[96]

Pemilihan Ki Mas Hindi sebagai Pangeran Ratu adalah sesuai dengan kepentingan Belanda sendiri. Kuasa tersebut mahukan tokoh yang boleh bekerjasama, sehingga kepentingan dan keselamatan Belanda akan terjamin di sana khususnya kepentingan perdagangan. Selain daripada itu, Palembang juga memerlukan pengganti Sido Ing Rejek bagi membina kembali Palembang yang telah hancur akibat serangan Belanda. Ringkasnya boleh dikatakan bahawa Palembang memerlukan tokoh

[95]Untuk maklumat lanjut tentang hubungan Palembang dengan Jambi lihat, Barbara Watson Andaya. (1993). *To Live as Brothers: Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Honolulu, Hawaii: University of Hawaii Press. Bab 2.

[96] Roo de la Faille, (1971), *Dari Zaman Kesultanan Palembang*, Jakarta : Bhratara. hlm. 23.

pemimpin yang boleh diterima oleh rakyat Palembang dan juga oleh penguasa kolonial Belanda di Batavia. Dalam hal ini Ki Mas Hindi dilihat paling sesuai untuk memimpin Palembang. Beliau dianggap sebagai tokoh sederhana yang dapat diterima oleh Belanda mahupun masyarakat Palembang. Bagi Ki Mas Hindi, dengan penerimaannya sebagai raja Palembang, tugas berat menanti beliau iaitu tugas membina semula kerajaan Palembang. Kehancuran Bandar Palembang dalam perang 1659 tidaklah memungkinkan Palembang untuk bangkit dengan kekuatan ketenteraan ketika itu. Oleh itu diplomasi dalam menegakkan keutuhan kesultanan Palembang mutlak begitu diperlukan bukan sahaja oleh rakyat Palembang tetapi juga pihak Belanda. Oleh itu atas dasar persetujuan Jambi dan Belanda, akhirnya Ki Mas Hindi diangkat menjadi raja Palembang mulai tahun 1659.

Selepas diangkat secara rasmi menjadi raja Palembang, Ki Mas Hindi berusaha mengadakan hubungan baik kepada Belanda mahupun negeri serantau terutamanya Mataram. Kaedah diplomasi sebegini bertujuan untuk memastikan pemerintahannya dapat dijalankan dengan aman serta bebas daripada ancaman Belanda mahupun Mataram. Diplomasi dengan Mataram merupakan usaha untuk memulihkan kembali hubungan yang rosak ketika terjadinya Perang Palembang 1659. Bagi memulihkan hubungan kedua pihak, Ki Mas Hindi menghantar utusan rasmi dengan membawa ufti kepada raja Mataram. Cara ini dilaksanakan untuk menunjukkan yang Palembang masih mengakui Mataram sebagai negeri penaungnya, atau mengakui Mataram sebagai negeri pelindungnya. Ini bertujuan untuk membolehkan Palembang mendapat sokongan daripada Mataram bagi membina semula kerajaan Palembang.

Utusan rasmi Palembang ke Mataram dihantar pada tahun 1661, namun tidak mendapat keizinan untuk menghadap Sunan Mataram, walaupun telah berada di sana selama 15 hari.[97] Kegagalan utusan ini menyebabkan Ki Mas Hindi mengalihkan perhatiannya kepada Belanda sehingga membawa kepada termeterinya perjanjian pada 1662. Perjanjian berat sebelah itu tidak terbatas kepada isu perdagangan sahaja, tetapi juga meliputi penguasaan dan monopoli Belanda terhadap hasil bumi di kesultanan Palembang. Kesempatan tersebut digunakan oleh Belanda berikutan kedudukan Palembang yang amat memerlukan memelihara keamanan dan keselamatan daripada ancaman pihak asing dalam usaha menegakkan kembali kekuasaannya. Perjanjian tersebut memperlihatkan usaha Raja Palembang, Ki mas Hindi membebaskan kerajaannya daripada ancaman politik daripada Belanda. Perjanjian itu juga memperlihatkan Palembang bebas daripada pengaruh Mataram.

Bagi menjaga hubungan baik dengan jirannya, pada tahun 1663, Ki Mas Hindi menghantar utusan rasminya ke Mataram untuk membuat permohonan maaf atas perjanjian perdamaian yang dilakukannya dengan pihak Belanda tanpa merujuk terlebih dahulu Sultan Mataram (Sunan Amangkurat I yang menggantikan Sultan Agung). Perdamaian ini terpaksa dilakukan kerana ketika itu Belanda telah melakukan sekatan perdagangan sehingga mengurangkan pendapatan perdagangan Palembang. Sekatan tersebut turut menjejaskan bekalan bahan keperluan hidup rakyat Palembang. Keadaan ini diburukkan lagi dengan masalah dalaman istana berikutan wujudnya pertikaian antara kerabatnya sendiri yang ingin merebut takhta kerajaan. Utusan Ki Mas Hindi turut membawa harapan agar hubungan persahabatan antara Palembang dan Mataram tidak terganggu berikutan dengan perjanjian dengan Belanda

[97] ANRI. Dagh Regisler, 17 dan 2 April 1661.

dan Palembang masih setia dan akur terhadap ketuanan Kesultanan Mataram.[98] Namun demikian, sebagaimana utusan sebelumnya, keadaan yang sama turut dihadapi utusan Raja Palembang apabila ia tidak diterima dan diarahkan pulang oleh Sunan Amangkurat I. Sultan Mataram dengan tegas menyatakan bahawa tidak sorang pun utusan raja mereka dibenarkan masuk kecuali raja mereka sendiri yang datang menghadap.[99]

Sikap Sultan Mataram ini merupakan isyarat yang hubungan kedua kerajaan tersebut semakin buruk berikutan hubungan Palembang dengan Belanda. Namun Ki Mas Hindi masih berharap agar peluang untuk memperbaiki hubungan tersebut terus wujud. Bagi memperlihatkan kesungguhannya, utusan ketiga dihantar pada tahun 1664 ke Mataram, namun tidak diterima oleh Sunan Amangkurat I. Alasan penolakan tersebut kerana utusan yang datang dianggap terlalu rendah kedudukannya.

Secara politiknya penolakan tersebut dilakukan kerana Sunan Amangkurat I, ingin menunjukkan kepada Palembang bahawa Mataram merupakan kerajaan yang masih berwibawa dan mempunyai kedudukan terhormat di antara kerajaan tempatan. Alasan yang diberikan itu bukanlah alasan yang realistik sebaliknya terdapat isu yang lebih besar sedang melanda kerajaan Mataram. Era ini memperlihatkan Amangkurat I sedang menghadapi berbagai isu yang perlu diselesaikan baik di Mataram mahupun di daerah kekuasaannya. Antara masalah dalaman yang sedang dihadapi ialah konflik dengan putra mahkotanya (Amangkurat II), juga kalangan elit istana. Putra Mahkotanya telah menjalinkan hubungan dengan VOC sejak 1660 dan berusaha untuk melakukan rampasan kuasa pada 1661 tetapi gagal. Selain itu pemerintahan

[98] ANRI, Dagh Register, 28 Marc 1664.
[99] ANRI. Dagh Register. 25 November 1664.

Amangkurat I juga mendapatkan tentangan dari elite keraton, kerana pemerintahannya yang zalim. [100] Diplomasi yang dilaksanakan oleh Ki Mas Hindi, menunjukkan bahawa Palembang masih mengakui kerajaan Mataram sebagai tuannya dan kerajaannya masih setia kepada bekas penaungnya itu. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan daripada jiran serantau terhadap Palembang yang sedang berusaha untuk pulih berikutan tindakan agresif Belanda yang memusnahkan ibukotanya. Namun tindakan Sultan Mataram yang menolak utusan tersebut telah menimbulkan kekecewaan kepada Ki Mas Hindi. Setelah tiga kali utusan dihantar ke Mataram (1661, 1663, dan 1664) ditolak, Palembang telah menghentikan usaha diplomasi dengan Mataram.

Selepas tujuh tahun (sejak 1659) menjadi naungan yang tidak dipedulikan oleh Mataram, Ki Mas Hindi akhirnya melepaskan ikatan kerajaannya dengan Mataram dan menyatakan bahawa Palembang adalah negeri yang bebas setanding dengan Mataram. Perkara ini ditandai dengan pemakaian gelaran sultan oleh Ki Mas Hindi pada tahun 1666. Baginda memakai gelaran Sultan Abdurrahman Khalifatul Mukminin Saiyidul Imam atau disebut dengan Sunan Cinde Welan[101]. Pemakaian gelaran sultan dalam konteks sejarah Politik menunjukkan bahawa Ki Mas Hindi adalah penguasa penuh kesultanan tersebut. Sultan adalah pemegang kekuasaan tertinggi dalam sesebuah kerajaan Islam. Gelaran sultan ini biasanya dipakai oleh ketua negara Kuasa Besar di luar Nusantara bagi menandakan bahawa penyandangnya diiktiraf sebagai sorang ketua daulah yang merupakan sebahagian daripada negara dunia Islam. Penggunaan gelaran sultan ini sekaligus memperlihatkan Palembang sebagai sebuah wilayah yang merdeka dan berdaulat setanding dengan Sultan Banten

[100] Ricklefs. (1991), *Sejarah Indonesia Modern*, Yogyakarta :Gadjahmada Press. hlm.106-112.
[101] P. de Roo de. Faille. (1971), *Dari Zaman Kesultanan Palembang*, Jakarta : Bhratara. hlm.23.

dan Mataram yang terlebih dahulu menggunakannya. Oleh itu pemakaian gelaran tersebut menunjukkan bahawa Palembang dengan rasminya bebas daripada naungan Mataram. Ini merupakan petanda bermulanya episod Palembang menjadi sebuah negeri yang bebas dan sebuah kerajaan Islam yang berdikari.

Satu perkara yang menarik ialah, pemakaian gelaran sultan yang digunakan oleh Ki Mas Hindi merupakan atas inisiatif sendiri dan bukan pemberian daripada pemimpin lain. Berdasarkan kepada keadaan hubungan Palembang dengan Mataram setelah Perang menghadapi Belanda (tahun 1659) yang kurang harmoni, maka adalah wajar bagi Palembang untuk mengambil sikap yang tegas terhadap bekas penjajahnya itu supaya kesultanan tersebut tidak dipandang rendah oleh Mataram. Lebih-lebih lagi Mataram ketika itu sudah tidak memiliki kekuatan ketenteraan lagi. Ini terbukti sebelum Palembang memutuskan hubungan dengan Mataram, Kesultanan Jambi telah terlebih dulu memutuskan hubungan dengan Mataram (1664). Tindakan Jambi tersebut tidak mendapat reaksi negatif dari bekas kuasa penjajahnya itu. Tidak seperti kebiasaannya Mataram tidak menyerang Jambi atas tindakannya tersebut.

Inisiatif Palembang Ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan pemimpin kerajaan Islam lain yang memakai gelaran tersebut di Indonesia seperti Banten dan Mataram. Menurut Bernard H.M. Vlekke[102], Sultan Banten memperoleh gelaran tersebut dari Mekah pada tahun 1638. Sedangkan Sultan Agung Mataram juga memperoleh gelaran dari penguasa Mekah, yang kemudian menobatkannya sebagai Sultan Agung Mataram pada tahun 1641. Penggunaan gelaran Sultan oleh Ki Mas Hindi, mendapatkan legitimasi atau pengiktirafan daripada pemimpin Kerajaan Turki

[102] Bernard H.M. Vlekke. (2010). *Nusantara Sejarah Indonesia*. Jakarta : KPG. hlm.168

iaitu Sultan Sulaiman. Perkara ini tercatat dalam sebuah naskah yang bertajuk "Silsilah Anak-anak Bangsawan Palembang" tahun 1867, yang berbunyi "…Dan adalah Suhunan Abdurrahman bergelar sultan itu pada masa Sultan Sulaiman anak Sultan Ibrahim Khon menjadi raja di negeri Istambul, dan pada masa Jenderal Maetsuyker menjadi Gurunadur Jenderal memerintah di negeri Betawi". Berdasarkan kepada rekod Belanda, jelaslah bahawa Jeneral Maetsuyker merupakan pemerintah Betawi pada tahun 1653 – 1678, [103] sementara berdasarkan sejarah Turki, tahun 1666 merupakan zaman kekuasaan Sultan Muhammad 4 yang memerintah dari tahun 1648-1687. Sedangkan Sultan Sulaiman memerintah tahun 1687-1691. Dengan demikian informasi nama raja Turki dalam naskah tersebut kurang tepat. Kekurang tepatan nama tersebut boleh jadi disebabkan nama Muhammad IV kurang dikenal dibandingkan dengan nama Sulaiman yang dalam sejarah berhasil mengembangkan kejayaan Turki. Penyelidik berkeyakinan tahun 1666 sebagai tahun dimulainya pemakaian gelar Sultan pada raja Palembang terutama pada Ki Mas Hindi, kerana berdasarkan dokumen laporan daripada Wakil perdagangan Belanda di Palembang tanggal 3 Mac 1666 yang menyebutkan bahawa Ki Mas Hindi sudah memakai gelaran pada tahun itu. [104] Selain itu dalam salah satu naskah perjanjian dagang dengan pihak Belanda tahun 1666, ada mencatatkan nama Sultan Abdurrahman. [105]

[103] C.R Boxer (1983). Jan Kompeni. Sejarah VOC dalam Perang dan Damai 1602-1709. Jakarta : Sinar Harapan, hlm .48.
[104] ANRI, Bundel Palembang. No.56
[105] J.E Heeres, (1907). Corpus diplomaticum Neerlando Indicum, II, hlm 250

Pemakaian gelaran Sultan juga mengubah status Palembang, daripada sebuah daerah naungan menjadi sebuah kesultanan yang berdiri sendiri. Sebelum tahun 1666 penguasa Palembang tidak memakai gelaran Sultan sebaliknya hanya memakai gelaran Ki Gede dan Pangeran.[106]

Bagaimanakah reaksi Mataram atas sikap Palembang tersebut? Tidaklah secara pasti diketahui namun berdasarkan perkembangan di Mataram ketika itu yang sedang dilanda berbagai masalah, adalah sukar baginya untuk mengambil tindakan ke atas Palembang. Era ini memperlihatkan fasa kemerosotan kerajaan Mataram. Ini ditandai dengan tercetusnya siri pemberontakan wilayah kekuasaannya dan serangan daripada wilayah jirannya yang secara langsung melemahkan kerajaan tersebut. Antaranya ialah tindakan orang Makassar yang menyerang dan membakar pelabuhan di Jawa Timur sehingga ke Tuban. Selain daripada itu, Trunojoyo juga melakukan pemberontakan terhadap Mataram dan berjaya menguasai Surabaya. Sokongan terhadap gerakan pemberontakan dalam kalangan masyarakat Mataram juga semakin kuat. Malah ia melibatkan kalangan istana seperti Penembahan Giri. Sunan Amangkurat I akhirnya meminta bantuan VOC untuk mempertahankan kekuasaannya. Balasan daripada bantuan yang diterima daripada VOC, Mataram memberikan konsesi ekonomi kepada VOC.[107] Perkembangan tersebut menyebabkan Mataram tidak mampu untuk mengambil sebarangtindakan terhadap Palembang yang membebaskan diri daripada kekuasaan Mataram.

---

[106]Raja-raja yang pernah berkuasa di Palembang sebelum Ki Mas Hindi adalah Ki Gede ing Suro Tuo (1552-1573), Ki Gede Ing Suro Mudo (1573-1590), Ki Mas Adipati (1590-1595), Pangeran Madi Ing Angsoko (1595-1629), Pangeran Madi Alit (1629-1630), Pengeran Sedo Ing Puro (1630-16390, Pangeran Sedo Ing Kenayan (1639-1650), Pangeran Sedo Ing Pesarean (1651-1652) dan Pangeran sedo Ing Rejek (1652-1659) (ANRI. Naskah UBL Cod.Or 8245, Cod Or 7653 c). .

[107] M.C. Ricklefs, (1991). *Sejarah Indonesia Modern*, Yogyakarta : Gadjahmada Press. hlm.112.

Setelah Ki Mas Hindi menggunakan gelaran sultan, kerajaan pimpinannya dibentuk dengan bercirikan Islam. Baginda menerapkan syariat Islam dan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai perlembagaan negeri Palembang. Perkara ini jelas kelihatan apabila semboyan Kesultanan Palembang menggunakan surah Al Baqarah ayat 190-194. Lambang kesultanan Palembang juga berbentuk perisai dengan bahagian atas perisai tersebut terdapat tulisan Qoulul Hakki, Wakalamu sidku, yang bermaksud,"benar di atas segala kebenaran". Tulisan pada dua batang tombak yang menjadi lambang kesultanan berbunyi "Famaniktada 'alaikum faktudu alaihi bimisli maktada" yang bermaksud "barangsiapa memusuhi kamu, maka balaslah permusuhan itu seimbang dengan betul."[108] Sultan mengangkat dirinya sebagai pimpinan tertinggi agama Islam di negaranya dan menyandang gelar Khalifatul Mukminin Saiyidul Imam. Dengan demikian, Islam menjadi agama Kesultanan Palembang dan pelaksanaan undang-undang adalah menurut yang disyariatkan agama Islam.

Secara geografis kerajaan yang paling dekat dengan Palembang adalah Jambi, Bangka, dan Johor. Bagi memastikan hubungan dengan jirannya itu sentiasa berkeadaan baik, Sultan Abdurrahman menggunakan kaedah perkahwinan sebagai diplomasi dengan kedua-dua kerajaan tersebut. Hubungan dengan Jambi berada di dalam keadaan baik. Malah, ketika Jambi meminta bantuan untuk menumpas pemberontakan di daerahnya pada 1680, Sultan Abdurrahman menghantar pasukan tentera di bawah pimpinan Putera Mahkotanya Raden Aria. Pasukan tersebut berjaya menumpas gerakan pemberontakan itu. Langkah menjamin agar Jambi tidak melakukan sebarang tindakan pengkhianatan atau permusuhan dengan Palembang,

[108]Semboyan Kesultanan Palembang ini, penyelidik dapati pada surat-surat yang dihantar oleh Sultan Palembang, salah satu diantaranya Surat yang dihantar oleh Sultan Mahmud Badaruddin II, kepada Gabenor Jeneral Belanda William Daendels, tahun 1809. Lihat juga RHM Akib (Rhama), 1978. S*ejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmud Baderedin ke II*,Palembang, hlm. 19-21.

Sultan Abdurrahman mengawinkan Raden Aria dengan anak raja Jambi yang bernama Nyai mas Senguk.[109] Tindakan Abdurrahman ini tampaknya mengulangi kembali apa yang pernah dilakukan oleh penguasa Palembang sebelumnya, apabila puteri Ki Gede Ing Suro dikahwinkan dengan raja Jambi iaitu Sultan Abdul Kahar. Perkara yang sama juga dilakukan oleh Sultan Abdurrahman terhadap Bangka. Beliau sendiri berkahwin dengan puteri raja Bangka Sultan Jalil. Secara politiknya perkahwinan ini menyebabkan wujudnya kesatuan antara Jambi, Palembang dan Bangka atas dasar kekeluargaan. Pembentukan kesatuan ini dapat menjamin keutuhan Palembang dalam usaha untuk mempertahankan kuasanya di Sekitar Selat Malaka. Ini dapat menjamin keselamatan peniaga asing yang menjalankan perdagangan dengan Palembang.

Setelah berjaya menyelesaikan potensi ancaman keselamatan dengan jirannya Jambi dan Bangka, Sultan Abdurrahman meneruskan usaha diplomasinya dengan Belanda yang ketika itu merupakan ancaman sebenar keutuhan Palembang. Ia merupakan usaha untuk menjalin kembali persahabatan dengan Belanda setelah berakhirnya perang antara kedua-dua pihak. Perjanjian dengan pihak Belanda bukanlah perkara baru malah pernah dilaksanakan oleh pemimpin Palembang sebelum ini. Iaitu pada tahun 1617, ketika untuk pertama kalinya Belanda berniaga dengan Palembang[110]. Perundingan tersebut menjadikan kedua kuasa sentiasa saling berkepentingan dan memerlukan kerjasama antara satu sama lain. Bagi Palembang

[109] Perkahwinan Raden Ario dengan putri Raja Jambi tidaklah dapat dilepaskan dengan kejayaan Raden Ario dalam menumpas pemberontakan di Jambi. Ia diberi gelar Senopati Jayo Ing Lago dan dikahwinkan dengan Nyai Mas Senguk putri raja Jambi Pangeran Dipo Anom. Sebelum itu telah ada perkahwinan antara penguasa Palembang dengan Jambi, misalnya Putri Ki Gede Ing Suro dikahwinkan dengan Sultan Abdul Kahar dari Jambi. R.M Akib R.Ibrahim.(tanpa tahun). *Sedjarah Malaju Palembang.* Bandung: Drukk economy, hlm. 9-11

[110] Perjanjian antara penguasa Palembang dengan Belanda sudah dimulai pada tahun 1617 ketika Belanda untuk pertama kalinya berdagang dengan Palembang. Pada saat itu Palembang masih berada sebagai daerah protektorat Mataram. Melalui perjanjian ini mulai dibuka jalinan pernigaan antara Palembang dengan Belanda. Lihat, D.G. Stibbe, (1932), *Encyclopaedie van Nederlandsch Indie*, eerste deel, ‘s Gravenhage, Martinus Nijhoff. hlm 266.

perjanjian dengan Belanda amat diperlukan bagi menjamin keselamatan Palembang daripada ancaman ketenteraan Belanda. Selain daripada itu hubungan yang baik ini akan membolehkan Palembang membina kembali kerajaan yang dihancurkan kuasa tersebut ketika perang pada tahun 1659. Belanda pula melihat perjanjian Palembang akan memberikan peluang kepadanya untuk menguasai perdagangan dengan Palembang serta memperluas pengaruh ekonominya di negeri tersebut secara perlahan-lahan. Ki Mas Hindi berusaha menjalinkan hubungan baik dengan Belanda, berdasarkan kepada duabelas warkah perjanjian antara Sultan Palembang dengan Belanda. Perjanjian yang dimaksud pada umumnya hanya berkaitan dengan isu ekonomi dan perniagaan serta tidak melibatkan politik. Namun apabila dikaji secara mendalam isi kandungan perjanjian tersebut, jelas terdapatnya maksud tersirat Belanda yang menyentuh aspek politik sehingga menyebabkan kuasa Barat tersebut turut berpengaruh terhadap politik kesultanan Palembang.

Antara perjanjian pada tahun 1662 yang disepakati oleh Ki Mas Hindi dengan pihak Belanda berbunyi:

1. Ki Mas Hindi membenarkan Belanda untuk membina kembali loji dan gudang di tempat yang cukup baik dan berhampiran sungai.
2. Tidak boleh ada rumah di sekitar 50 depa dari loji dan gudang.
3. Palembang akan membela orang dan barang kompeni.
4. Kapal Kompeni bebas berdagang di Palembang.
5. Orang Kaya Palembang tidak akan merampas warga kompeni.
6. Palembang tidak akan memaksa kompeni untuk memberikan pakaian sebagai syarat jualan lada kepada kompeni.
7. Monopoli lada bagi kompeni dan harga lada per pikul 4.5 real.

8. Budak atau orang Belanda yang lari kepada orang Palembang akan dikembalikan kepada kompeni.
9. Pemberian hukuman terhadap warga kompeni dan warga pangeran diserahkan pada masing-masing pihak
10. Residen (perwakilan kompeni di Palembang) akan bertindak sebagai kuasa kompeni.[111]

Berdasarkan kepada kandungan perjanjian ini, jelaslah ia merupakan perjanjian yang memberikan implikasi ekonomi yang mengikat dan menekan Palembang. Kandungan ini menunjukkan pemberian hak monopoli kepada Belanda terhadap perdagangan strategik Palembang iaitu lada. Ini berikutan perjanjian ini memperuntukkan hak kepada Belanda untuk menentukan harga lada. Implikasi perjanjian ini ialah, pihak Belanda akan memastikan kestabilan harga pembelian lada, sehinggakan pihak Palembang tidak lagi boleh menaikkan harga secara unilateral. Sebaliknya Belanda mempunyai kuasa untuk menurunkan harga Lada baik secara unilateral mahupun atas persetujuan Palembang. Perjanjian tersebut berjaya mengurangkan risiko yang pernah dihadapi kuasa Barat tersebut ketika berurus niaga dengan Palembang atau kerajaan lain di sana. Antara risiko kenaikan harga secara sesuka hati pernah dilakukan sebelum ini dilakukan oleh Pangeran Sido Ing Rejek yang menaikkan harga secara unilateral ketika berurus niaga dengan Belanda. Namun daripada aspek politik, perjanjian ini menunjukkan keberadaan kerajaan Palembang dengan rajanya Ki Mas Hindi telah mendapatkan pengiktirafan dan legitimasi daripada pihak Belanda. Perjanjian ini pula menunjukkan kedudukan negeri Palembang adalah setara dengan status kerajaan Belanda.

[111] Husni Rahim, (1998). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam: Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial Belanda di Palembang*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu. hlm.75.

Pada tahun 1678, pihak Belanda menghantar Jan Van Leene ke Palembang untuk mengadakan perundingan dengan Sultan Palembang tentang peniagaan Lada. Pihak Belanda berkeinginan untuk menurunkan harga lada yang disepakati sebelumnya dalam perjanjian tahun 1662 iaitu 4.5 real sepikul menjadi 3.5 real sepikul. Pihak Palembang ketika itu diwakili oleh Pangeran Depati dan Pangeran Mangkubumi. Perundingan tersebut menghasilkan kata sepakat yang menjadi satu bentuk kontrak baru yang ditandatangani pada 19 Mei 1681. Kontrak tersebut menyatakan kewajiban Sultan untuk membayar sebanyak 5000 Rijksdaalder (matawang Belanda pada abad ke-16) sebulan untuk perkhidmatan tentera dan kapal perang Kompeni. Bayaran tersebut boleh dibuat secara pertukaran dengan lada selama diperlukan oleh tentera Kompeni.

Belanda juga mengatur hubungan dagang Palembang dengan peniaga asing dan peniaga Minangkabau. Peniaga asing berada di bawah Kompeni, sedangkan peniaga Minangkabau berada di bawah sultan. Bagi Sultan Palembang meskipun isi perjanjian tersebut kurang menguntungkan, namun ia terpaksa diterima terlebih dahulu. Jika terdapat masalah dalam perlaksanaannya, perundingan boleh dilakukan oleh kedua pihak. Antara perubahan yang dilaksanakan ialah ketika termeterinya perjanjian baru pada 15 September 1681. Dalam perjanjian tersebut Belanda bersedia menurunkan kewajiban membayar perkhidmatan tentera dan kapal perang Kompeni oleh Sultan Palembang kepada 3000 Rijksdaalder sebulan. Kejayaan ini menunjukkan kewibawaan Sultan Palembang mendapat pengiktirafan daripada Belanda.

2.7.2 Fasa Kedua

Pada fasa kedua bermula selepas kemangkatan Sultan Abdurrahman tahun 1706 yang memperlihatkan Palembang memasuki babak baru dalam sejarahnya. Era ini memperlihatkan Palembang lebih memfokuskan kepada urusan mengendalikan hubungan dengan bangsa asing khususnya Belanda selain daripada mengendalikan isu dalam negeri. Pada masa yang sama hubungan dengan kerajaan serantau masih lagi diusahakan bagi memastikan jiran serantaunya tidak menjadi ancaman kepada keutuhan Palembang. Sultan Muhammad Mansyur yang menggantikan Sultan Abdurrahman memerintah selama lapan tahun (1706-1714) lebih menumpukan kepada isu dalam negeri Palembang. Sepanjang pemerintahannya Sultan Muhammad Mansyur lebih memfokuskan usaha menstabilkan masalah dalam negeri yang terganggu akibat tewasnya Putera Mahkota yang sepatutnya menggantikan beliau.

Pada tahun 1710 bijih timah dijumpai di Pulau Bangka. Penemuan ini sangat penting bagi perkembangan perdagangan Palembang. bijih timah merupakan komoditi perniagaan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Oleh itu Belanda berusaha untuk memonopoli perdagangan bahan tersebut dengan Palembang, kerana Bangka berada dibawah kekuasaan Palembang. Mansyur menolak tuntutan Belanda kerana perjanjian sebelumnya tidak ada menyentuh soal perdagangan selain lada. Palembang yang mengamalkan sistem perdagangan bebas berpegang kepada prinsip kebebasan untuk berniaga dengan mana bangsa asing selain Belanda.

Selepas wafatnya Sultan Mansyur (1714) kuasa Palembang dipegang oleh adiknya Sultan Agung Komaruddin. Ia merupakan kuasa sementara selama Putera Mahkota Raden Lambu belum mampu merintah kerana masih kanak-kanak. Dalam perkembangan Sultan Agung tak mahu menyerahkan kuasa kepada Raden Lambu, akibatnya terjadi konflik dan perang. Ketika konflik kuasa antara Sultan Agung Komaruddin dengan Pangeran Mangkubumi Muh. Ali, Belanda menerima permohonan daripada Sultan Agung Komaruddin untuk menghantarkan pasukan Belanda yang dipimpin Willem Dams, yang memerangi Pangeran Mangkubumi Muh. Ali dan Raden Lambu. Namun sebagai balasannya Sultan Agung Komaruddin terpaksa menandatangani perjanjian baru dengan Belanda pada tahun 1722. Isi kandungan perjanjian tersebut adalah:

1) Semua bijih timah yang dilombong di Bangka harus dijual kepada VOC dengan harga 8 real Sepanyol untuk 1 pikul.
2) Jika orang Palembang dan Bangka menjual ke Peniaga lain, barang-barang akan disita dan pelakunya akan dihukum oleh sultan.
3) VOC dibenarkan membina Loji di Palembang.
4) Hanya kapal-kapal VOC yang dibenarkan bebas keluar masuk wilayah Palembang[112]

Berdasarkan kepada isi perjanjian tersebut, kedudukan ekonomi Palembang seperti sedang berada di dalam keadaan yang lemah berikutan kejayaan Belanda memonopoli perdagangan bijih timah dan kapal-kapal VOC diberikan kebebasan untuk keluar masuk ke Palembang. Malah VOC juga mempunyai kebebasan untuk

[112] ANRI. Bundel Palembang No. 41.7 Renover de Contracter met Sulthan Seri Ratu .. Palembang 2 Juni 1722, lihat juga Erwiza Erman, (2009). *Menguak Sejarah Timah Bangka Belitung.* Yogyakarta : Ombak, hlm. 83.

melakukan pengawasan terhadap aktiviti perdagangan di sepanjang sungai Musi. Secara teorinya Palembang perlu mematuhi segala sekatan yang ditetapkan Belanda dari segi perdagangan berdasarkan kepada perjanjian baru tersebut. Namun secara realitinya senario perdagangan yang wujud di Palembang tidak sepenuhnya mematuhi perjanjian yang ditetapkan. Terdapat aktiviti perniagaan secara haram dilakukan oleh Palembang dengan kuasa lain, sehingga menyebabkan perjanjian itu tidak membawa kesan yang besar terhadap kewangan dan perekonomian Palembang.

Sultan Agung Komaruddin meninggal dunia dua tahun selepas menandatangani perjanjian perdagangan dengan Belanda tersebut. Beliau digantikan oleh Putera Mahkotanya iaitu Pangeran Ratu Jayowikramo, yang kemudian memakai gelar Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo.[113] Sultan baru ini mempunyai sikap yang berbeza berbanding dengan pemimpin lain di kesultanan Melayu era tersebut. Kebanyakan Raja Melayu ketika itu bersikap konfrontatif (bermusuhan) dengan Belanda, sehingga mengakibatkan terjadinya peperangan dengan Belanda. Sebaliknya Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo atau Sultan Mahmud Badaruddin I mengambil sikap lebih terbuka serta menjalinkan hubungan baik dengan Belanda. Era pemerintahannya memperlihatkan bijih timah menjadi komoditi perniagaan yang paling dikehendaki oleh peniaga Belanda juga kuasa asing yang lain. Perkara ini

[113]Sebelum Sultan Muh. Mansur meninggal dunia, ia sempat melantik Raden Abukabar Pangeran Ratu sebagai putera Mahkota, namun beliau juga meninggal sebelum sempat menjadi raja. Sebagai gantinya diangkat Raden Lambu Pangeran Ratu Jayowikramo. Ketika Sultan Muh. Mansur wafat, kedudukannya digantikan oleh saudaranya Raden Uju dengan gelar Sultan Agung Komaruddin Sri Teruno. Perkara ini disebabkan Raden Lambu belum Dewasa. Seterusnya kedudukan Sultan Agung digantikan oleh Raden Lambu Pangeran Ratu dengan gelaran Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo. KHO Gadjah Nata dan SriEdi Swasono (ed). (1986). *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan.* Jakarta : UI Press,.

menyebabkan terjadinya eksplorasi bijih timah secara besar-besaran dilaksanakan di alam Melayu.[114]

Perkara menarik dalam hubungan antara Palembang dengan Belanda ialah berkaitan dengan perjanjian yang disepakati. Ini kerana, setiap kali berlakunya pergantian raja di Palembang, satu perjanjian baru akan dimeterai oleh Belanda dengan raja yang baru menaiki takhta tersebut. Perjanjian baru tersebut seperti tidak dikuatkuasakan oleh Raja Palembang yang baru. Keadaan yang sama juga berlaku ketika pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin I yang menggantikan Sultan Agung Komaruddin. Walaupun baru dua tahun perjanjian dengan Belanda ditandatangani oleh Sultan Agung, setelah beliau menaiki takhta perjanjian baru pula dimeterai. Perjanjian baru ini membolehkan Sultan Mahmud Badaruddin I mengeksplorasi bijih timah secara besar-besaran, dan menjualnya tidak hanya kepada Belanda tetapi juga kepada bangsa lain. Penjualan tersebut dilaksanakan secara sah mahupun melalui cara haram iaitu penyeludupan. Berdasarkan kepada sumber Belanda, pada tahun 1740, Palembang menjual bijih timahnya kepada VOC sebanyak 4,704 pikul, kemudian tahun 1748 meningkat kepada 18,483 pikul.[115] Selain itu terdapat juga perdagangan timah yang dilakukan secara gelap dengan pedagang lain, seperti British dan Cina.

Hubungan baik yang terjalin berdasarkan kepada aktiviti perdagangan bijih timah menunjukkan wujudnya kerjasama yang positif antara Belanda dan Palembang. Situasi ini berbeza dengan kesultanan Melayu lain yang mengambil sikap memusuhi Belanda sehingga sering berlakunya peperangan antara kedua pihak. Hubungan

[114] Ricklefs Merle Calvin, (2001). *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*. Stanford: Stanford University Press. hlm. 181.
[115] Erwiza Erman. (2009). *Menguak Sejarah Timah Bangka Belitung*. hlm. 76

kerjasama yang positif ini lebih menjurus kepada pemeliharaan kepentingan bersama antara dua kuasa tersebut. Belanda melihat langkah bermusuhan dengan Palembang akan merugikan perdagangan mereka. Ini kerana perdagangan dengan Palembang dianggap sebagai amat menguntungkan terutamanya bijih timah. Selain daripada itu sebarang krisis atau peperangan yang meletus antara Belanda dengan kuasa tempatan akan memakan belanja yang besar dan mengurangkan keuntungan Belanda di Nusantara. Perkara yang sama juga akan berlaku kepada Palembang kerana peperangan akan merugikan ekonomi mereka kerana bukan sahaja perdagangan tidak dapat dilaksanakan tetapi simpanan negara juga akan berkurangan sehingga melemahkan kerajaan. Faktor ini akan menyebabkan Palembang bukan sahaja tidak mempu memajukan negara serta memelihara kesejahteraan rakyat tetapi juga sukar mempertahankan kedaulatannya.

Keadaan perniagaan bebas yang diamalkan Palembang, mendorong pihak Belanda mengadakan perjanjian perdagangan dengan Palembang. Matlamat Belanda ialah untuk mendapatkan hak perdagangan yang lebih bebas serta menyekat kebebasan perdagangan antara Palembang dengan kuasa pesaingnya seperti British dan Perancis. Pada tahun 1746, Belanda mengeluarkan larangan perniagaan, penyeludupan dan pengangkutan lada dan timah di Borneo, Bantam, Palembang, Belitung dan pulau-pulau disekitarnya[116] Larangan Belanda itu tidak dihiraukan oleh Palembang, sehingga perdagangan dan penyeludupan timah tetap aktif dengan pihak lain sebagaimana sebelumnya. Menurut Johan Hanafiah, tindakan Palembang menghantar 12 kapal dengan muatan bijih timah ke Batawi, serta 5 kapal lain dengan

[116] KHO Gadjahnata, & Sri Edi Swasono (ed), (1986). *Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. Jakarta: U.I Press. hlm.103

muatan bijih timah dan lada ke Canton, Amoy dan Ningpo di China pada tahun 1753 memperlihatkan sikap ketidakpatuhan Palembang pada Belanda.

Cara perdagangan yang diamalkan oleh Sultan Mahmud Badaruddin I, memberikan keuntungan yang besar sehingga mampu meningkatkan kewangan kerajaannya. Ini jelas apabila Palembang merupakan kesultanan yang kaya ketika itu. Ini dinyatakan sendiri oleh pegawai VOC iaitu J. Paravacini yang datang ke Palembang dalam tahun 1755. Menurutnya, Raja Palembang iaitu Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikromo merupakan pemimpin yang sangat kaya dengan wang, emas, perak dan permata sehingga kekayaannya hampir tak dapat dikira jumlahnya[117] Dengan kekayaan tersebut Mahmud Badaruddin 1 dapat membina bangunan besar yang menjadi bukti sejarah kebesaran Palembang ketika itu. Antara bangunan yang menjadi mercu tanda Palembang yang dibina oleh baginda termasuklah keraton, Benteng Kuto Besak, Masjid Agung, dan komplek pemakaman raja-raja Palembang Kawah Tekurep. Selain itu, sultan juga mampu membiayai perkembangan syiar Islam di wilayahnya. Perkembangan tersebut telah menyebabkan Palembang muncul sebagai pusat sastera Melayu dan kajian Islam di Nusantara era tersebut.

Situasi perniagaan yang kurang menguntungkan tersebut, menyebabkan Belanda berusaha untuk mengadakan perjanjian baru dengan Sultan Mahmud Badaruddin I. Ini membawa kepada termeterinya satu perniagaan baru antara Palembang dengan Belanda pada 10 September 1755. Isi perjanjian tersebut adalah:

[117] Johan Hanafiah, "Kesultanan Palembang Darussalam : Perkembangan Kebudayaan Islam dan Kebangkitannya pada abad ke 18." Makalah seminar Sejarah dan Budaya Palembang. 26 Juni 2004.

1) Keduanya sepakat untuk mengukuhkan persahabatan atas dasar kontrak sebelumnya dan kontrak 2 Jun 1722.
2) Kompeni memegang perdagangan lada dan timah di Kepulauan Bangka dan Belitung.
3) Penyelundupan tidak disenangi kompeni.
4) Sultan harus menyediakan lada sebanyak 30,000 pikul setahun kepada kompeni [118]

Perjanjian ini tidak menjelaskan jumlah bijih timah yang perlu disediakan oleh Palembang kepada pihak Belanda. Ia masih memberikan keuntungan kepada Palembang, sehingga menyebabkan kerajaan tersebut menjual bijih timah secara bebas. Berhubung dengan isu penyeludupan, pihak Belanda hanya menyatakan yang mereka tidak disenangi dengan aktiviti tersebut. Pasal ini masih menguntungkan Palembang kerana apa yang dilakukan Palembang tersebut hanya tidak disenangi dan bukannya dilarang oleh Belanda.

Tiga tahun selepas menandatangani kontrak baru tersebut, Sultan Mahmud Badaruddin I meninggal dunia. Beliau digantikan oleh Sultan Ahmad Najamuddin Adi kesumo yang memerintah Palembang antara tahun 1758-1776.[119] Pada dasarnya, sepanjang pemerintahannya, beliau tidak banyak melakukan perubahan ke atas

[118] ANRI. Bundel Palembang No. 41.8 Contract Palembang 10 September 1755, lihat juga Husni Rahim. (1998). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam: Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial Belanda di Palembang*. hlm. 59-64.

[119]Nama Najamuddin ditemukan sebanyak 4 orang yang memakainya sebagai gelaran setelah diangkat sebagai Raja dengan masa yang berbeza. Untuk membezakan nama asli si pemakai Gelar tersebut, maka penyelidik memberikan nombor sesuai urutannya sebagai raja. Ahmad Najamuddin Adi Kusumo, penyelidik sebut dengan Sultan Ahmad Najamuddin 1, Sultan Raden Husin (putra Sultan Muh. Bahauddin dan Saudara dari Sultan Mahmud Badaruddin II) disebut dengan Sultan Ahmad Najamuddin II, Pangeran Ratu putra Sultan Mahmud Badaruddin II disebut dengan Sultan Ahmad Najamuddin III, dan Pangeran Prabu Anom (putra dari Ahmad Najamuddin II) disebut Sultan Ahmad Najamuddin IV. Lihat *Naskah Asal-Usul Raja-Raja Palembang.*

Palembang. Najamuddin lebih memfokuskan kepada pelaksanaan perjanjian perdagangan dengan Belanda di samping melakukan semakan ke atas perjanjian sebelumnya. Perjanjian baru hanya ditandatangani dengan Belanda pada 15 Jun 1763. Isi terpenting perjanjian ini ialah:

1) Pasal yang mewajibkan sultan untuk menyediakan sebanyak 30,000 pikul lada setahun dihapuskan.
2) Monopoli lada dan timah ditangan kompeni.

Berdasarkan kepada isi perjanjian ini, menunjukkan tanggungjawab Palembang terhadap Belanda semakin diringankan dengan penghapusan kewajiban menyediakan sebanyak 30,000 pikul lada setahun. Walau bagaimanapun, fasal kedua kelihatan merugikan Palembang. Sebagaimana sebelumnya Palembang tidaklah mematuhi perjanjian tersebut sepenuhnya. Beberapa tahun sebelum meninggal, Sultan Ahmad Najamuddin Adi Kesumo mengangkat putranya Bahauddin sebagai pengganti dengan gelaran Sultan Muhammad Bahauddin, sedangkan Ahmad Najamuddin I diberi gelaran Susuhunan atau Sunan.

Sultan Muhammad Bahauddin memerintah Palembang selama 27 tahun iaitu antara tahun 1776-1803. Sepanjang pemerintahannya pernah berlaku perselisihan antara Palembang dengan Belanda pada 1787 berhubung pelaksanaan perjanjian tahun 1763. Ini kerana Palembang telah mengengkarinya perjanjian tersebut dengan mengadakan kegiatan perdagangan dengan bangsa asing iaitu British yang tidak disenangi Belanda, kerana dalam kontrak tahun 1763, ditetapkan bahawa Belanda mempunyai hak monopoli perdagangan ke atas lada dan timah. Bagi Palembang perdagangan dengan British tersebut bukanlah merupakan pelanggaran, kerana

sebelum itu sudah ada perjanjian Paris 1784, yang menghapuskan hak monopoli pelayaran di perairan Indonesia oleh Belanda. Oleh itu bangsa asing yang lain turut mempunyai peluang untuk berdagang dengan kerajaan di perairan Indonesia termasuk Palembang. Belanda pula melihat perdagangan dengan bangsa asing lain dianggap sebagai perdagangan haram.

Untuk menyelesaikan perselisihan tersebut, kedua pihak mengadakan perundingan dan berjaya membuat satu perjanjian baru pada 31 Ogos 1791[120] Isi kandung perjanjian tersebut adalah:

1. Kompeni Belanda memonopoli lada yang sudah bersih dengan harga 6 real dan diterima di gudang kompeni Batavia.
2. Sultan Palembang menjamin keselamatan lada di daerah.
3. Sultan menyediakan lada dalam tahun pertama 2000 pikul yang beratnya 125 guilders Belanda, tahun kedua dan ketiga 3000 pikul, tahun keempat, kelima dan keenam dan seterusnya 4000 pikul.
4. Bangsa kulit putih lain dilarang singgah atau berniaga di pulau Bangka.
5. Syahbandar harus membantu kompeni dalam memberantas penyeludupan lada, timah, Opium (candu) dan kain-kain.
6. Kompeni memberi izin berlayar kepada rakyat dengan ketentuan tidak boleh singgah di Banten, di masyrik Betawi sampai sepanjang lor (utara)

[120] ANRI. Bundel Palembang No.41/11, Original Acte van Renovatie der voorige Cntracten met de Koningen van Palembang, Met den Paduka Seri Sulthan Ratu Muhammad Baha'uddin, en den kroon prins Pangeran Ratu, Op den 31 Agustus 1791 en 28 November 1791, lihat juga, Ali Amin. (1984), Sejarah Kesultanan Palembang Darussalam dan Beberapa Aspek hukumnya. hlm.104, Husni Rahim, (1978). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam: Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial Belanda di Palembang.* hlm. 78.

tanah Jawa, ke arah magrib (barat) sampai Melaka. Sultan boleh memberi izin ke negeri Siam (Thailand) kecuali bagian utara Siam.

7. Orang kompeni yang mencuri lada harus dilaporkan oleh sultan kepada Gabenur Jeneral.
8. Belanda menjamin keamanan laut Bangka dan Belitung.

Perjanjian kali ini memperlihatkan kedudukan Palembang semakin terancam berikutan usaha Belanda untuk melemahkannya. Jika sebelumnya perjanjian yang dibuat hanya berkaitan dengan ekonomi tetapi kini ia telah mula menyentuh aspek politik khususnya melibatkan sekatan terhadap kuasa Sultan Muhammad Bahauddin. Perjanjian yang merugikan ini diburukkan lagi dengan perkembangan pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 yang mempengaruhi perkembangan sejarah kesultanan Palembang. Sultan Palembang seterusnya iaitu Sultan Mahmud Badaruddin II, enggan bersetuju dengan perjanjian tersebut telah melakukan penentangan terhadap Belanda sehingga akhirnya mencetuskan perang menentang kolonialisme pertama pada abad ke-19. Perkembangan tersebut memperlihatkan Palembang menangani perkembangan abad ke- 19 dengan perang terhadap imperialisme asing yang seterusnya diikuti oleh wilayah lain di Indonesia.

Perkembangan ini mendorong Belanda (VOC) melaksanakan pengawasan terhadap kerajaan di nusantara pada akhir abad ke-17. Perubahan sikap Belanda tersebut mula kelihatan dengan tindakannya menghancurkan kerajaan Makassar, Mataram, Banten, Aceh, dan Johor. Seterusnya usaha melemahkan kerajaan Melayu

lain Nusantara dilaksanakan secara beransur-ansur. Vlekke, H.M. Bernard[121] membahagikan pengaruh Belanda di Nusantara kepada tiga kelompok iaitu, kawasan Kepulauan Sumatera dan Kalimantan, kawasan timur dan kawasan pulau Jawa. Bagi kawasan Sumatera dan Kalimantan Belanda tidak begitu mempengaruhi kehidupan dan budaya mereka. Ini berbeza dengan kawasan timur yang memperlihatkan pengaruhnya cukup kuat, malah Belanda mengamalkan dasar yang menindas di sana. Bagi kawasan pulau Jawa pula, Belanda bukan sahaja menguasai kawasan bandar tetapi juga ke wilayah pedalaman.

Berdasarkan kepada perkembangan sepanjang tahun 1659 sehingga 1804, langkah diplomasi Palembang zaman Sultan Abdurrahman agak berkesan. Pemuliharaan hubungan dengan jirannya melalui kaedah persemendaan dapat mewujudkan pertalian darah yang dapat mengelakkan pengkhianatan daripada jirannya sendiri. Perkawinannya dengan puteri raja Bangka telah menjadikan wilayah tersebut sebagian daripada kerajaan Palembang. Ini menyebabkan raja Palembang seterusnya hanya perlu memelihara serta meneruskan hubungan yang baik dengan Bangka. Hubungan yang baik ini bukan sekadar memberikan jaminan keselamatan kepada Palembang tetapi juga peluang ekonomi. Hubungan perkahwinan juga telah memberikan peluang kepada Palembang untuk mengeksploitasi bijih timah di Bangka. Pada akhir abad ke-18 iaitu pada tahun 1793, Panglima Rahman dari Lingga bersama pemimpin tempatan, Depati Karim cuba menyerang VOC di Bangka. Namun usaha tersebut menemui kegagalan berikutan kekuatan angkatan perang Palembang mematahkan serangan tersebut dan mengusir tentera pemberontak keluar dari kawasan Bangka.

[121]Bernard H.M. Vlekke. (2010). *Nusantara Sejarah Indonesia*. Jakarta: KPG Gramedia. hlm. 224

2.8 Sistem Pertahanan Kesultanan Palembang

Setiap kerajaan sejak tradisional lagi mempunyai sistem pertahanan sendiri. Pertahanan bertujuan untuk mempertahankan kedaulatan dan kewujudan sesebuah kerajaan atau negara. Kemajuan atau kehancuran sebuah kerajaan sangat bergantung kepada sejauh mana kerajaan itu dapat mempertahankan diri daripada sebarang ancaman dalam dan luar negara. Kekuatan pertahanan sebuah kerajaan amat penting khususnya setelah kegagalan strategi diplomasi. Strategi pertahanan yang diamalkan kerajaan tradisional Nusantara lazimnya bergantung kepada dua perkara iaitu pembinaan kubu atau kota sekeliling pusat pemerintahannya. Strategi kedua ialah kekuatan ketenteraan (strategi, peralatan dan anggota) sesebuah kerajaan itu. Kekuatan ketenteraan bukan sahaja membolehkan sesebuah kerajaan itu mempertahankan negara sebaliknya melancarkan serangan ke atas pihak lain yang menjadi ancaman kepadanya.

Kesultanan Palembang sebagai sebuah kesultanan yang berasaskan agama Islam, oleh itu nusa Islam turut mempengaruhi pembinaan kerajaan ini. Kekuatan pertahanan kerajaan ini bertujuan untuk mempertahankan negara dan bukan untuk melakukan ekspansi atau perluasan wilayah. Konsep pertahanan Palembang adalah bersifat defensif. Pola defensif ini memang selari dengan ajaran Islam yang hanya mengizinkan perang apabila sesebuah kerajaan itu diserang atau untuk membela diri. Konsep pertahanan kerajaan tersebut berpaksikan kepada empat faktor yang menyokong kekuatan Palembang. Faktor tersebut ialah, keadaan geografi, organisasi pertahanan, kepemimpinan dan persenjataan yang dimiliki.

Palembang terletak pada kedudukan geografi yang strategik. Perkara ini menyebabkan Palembang dapat membina pemerintahan yang stabil dan makmur. Keadaan ini memberi ruang kepada Kesultanan Palembang untuk membina keutuhan dan reputasinya sehingga menjadi sebuah kerajaan yang makmur sebelum dimusnahkan oleh Belanda. Ibu Kota pemerintahan Palembang terletak agak jauh daripada muara sungai Musi (± 60 km). Perhubungan utama dari Kuala Sungai Musi ke Ibu Kota Palembang ialah menggunakan kapal yang menyusuri mudik menerusi sungai Musi yang dalam dan lebar. Di tengah-tengah sungai ini terdapat beberapa buah pulau, seperti Pulau Payung, Pulau Baru, Pulau Gundu, Pulau Borang, Pulau Kembaro, dan pulau Kerto. Keadaan geografi sedemikian rupa menyebabkan Palembang berada di kawasan yang terlindung daripada capaian secara langsung jika berlakunya serangan dari sungai [122] Ini kerana, mereka yang ingin menyerang Palembang perlu melalui pulau-pulau tersebut terlebih dahulu. Pulau tersebut biasanya dijadikan pangkalan tentera untuk menyekat mana-mana pihak yang dalam perjalanan untuk menyerang Ibu Kota kerajaan Palembang. Sultan Palembang juga membina kubu pertahanan di pulau tersebut sebagai strategi pertahanan bagi menempatkan tenteranya yang berkawal di sepanjang Sungai Musi. Antara Kubu yang terkenal ialah Benteng Bamagangan di sebelah hilir, di sebelah hulu pula benteng dibina di Pulau Kembaro, dan benteng Martapura di seberang Palembang iaitu di sekitar Baguskuning. Keadaan geografi Sungai Musi yang begitu istimewa disifatkan oleh Colombijn sebagai salah satu faktor yang menyebabkan Sultan Palembang dapat memelihara keselamatan negeri dan rakyatnya dengan baik.

[122]O. W. Wolters, (1979). "A Note on Sungsang Village at the Estuary of the Musi River in Southeastern Sumatra: A Reconsideration of the Historical Geography of the Palembang Region." Indonesia, No. 27 (April), hlm. 33-50

Selain daripada pembinaan kubu sebagai benteng pertahanan, sistem ketenteraan palembang juga disusun dengan sistematik dengan struktur pentadbiran yang mantap dan bertanggungjawab terus kepada sultan. Bagi mengetuai angkatan tentera Kesultanan Palembang, sultan melantik seorang Adipati yang bergelar Pangeran Citra yang bertanggungjawab memastikan keamanan dan keselamatan negeri dan sultan. Beliau juga menjalankan tugas menyelaras seluruh pertahanan negeri Palembang serta bertanggungjawab terus kepada sultan. Struktur ketenteraan Palembang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertahanan dalam bandar dan luar bandar Palembang. Pangeran Citra juga mengetuai kedua-dua struktur tersebut. Pertahanan dalam bandar Palembang meliputi keselamatan keraton dan bandar yang menjadi pusat pemerintahan Palembang. Kawasan ini dilindungi oleh kubu pertahanan yang terletak di sepanjang sungai Musi. Keselamatan keraton dan bandar Palembang diserahkan kepada angkatan tentera yang yang dipimpin oleh Pangeran Citra sendiri. Setiap benteng pertahanan berada di bawah kendalian sorang pemimpin yang merupakan Pangeran yang dipercayai Sultan kebiasaannya daripada keluarga terdekat sultan, misalnya benteng Manguntama 1 dipegang oleh Pangeran Ratu (Putera Mahkota), Benteng Pulau Kembaro dipimpin Pangeran Kramadilaga, dan Benteng Manguntama 2 dipimpin Pangeran Wirasentika. Penunjukkan keluarga terdekat Sultan dalam jabatan pertahanan merupakan sesuatu yang lazim digunakan dalam kerajaan-kerajaan masa itu. Salah satu pertimbangannya adalah loyalitas (kesetiaan) dari pejabat yang ditunjuk terhadap sultan dan kerajaan.

Pertahanan di luar bandar Palembang terbahagi kepada pertahanan wilayah sempadan yang dikenali sebagai wilayah Sindang dan wilayah Sikap. Untuk wilayah Sindang tanggungjawab pertahanan diserahkan kepada seorang *Depati (raja kecil)*

yang bertanggungjawab kepada Pangeran Citra. Depati berkewajiban mengerahkan penduduknya untuk mempertahankan wilayah sempadan dari ancaman musuh. Tanggungjawab pertahanan di wilayah sikap pula diserahkan kepada pegawai kesultanan yang dilantik dan bertanggungjawab kepada Pangeran Citra. Pembagian tugas dan tanggungjawab pertahanan ini membolehkan Sultan mengawal dan memperoleh maklumat yang tepat tentang sebarang kemungkinan atau ancaman dari luar atau dalam Negeri Palembang itu sendiri. Selain daripada itu, ia membolehkan tentera Palembang sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan dari aspek keanggotaan, strategi peperangan dan peralatan. Struktur tanggungjawab pertahanan Kesultanan Palembang digambarkan seperti berikut:



Rajah 3.1. Bagan Struktur Pertahanan Kesultanan Palembang yang disesuaikan daripada penulisan P.de Roo de Faille, *Dari Zaman Kesultanan Palembang* (terj. Soegarda Poerbakawatja)

Untuk menunjangi pertahanan di daerah ini, sultan menetapkan kawasan di muara sungai Musi iaitu Sungsang sebagai daerah sikap. Daerah ini diperintah langsung oleh pegawai kesultanan dan masyarakatnya dibebaskan dari kewajiban

membayar cukai, tetapi mereka mempunyai kewajipan untuk berkhidmat kepada sultan. Berkhidmat untuk sultan atau *gawe raja* ini adalah melaksanakan perkhidmatan bagi memenuhi segala kepentingan sultan. Antaranya ialah tugas Sikap Sungsang ialah menjaga keamanan laluan pelayaran antara Palembang dengan Sungsang. Kedudukan daerah Sungsang ini sangat strategik, kerana ia dapat memantau kapal-kapal yang masuk dan keluar dari Palembang. Selain daripada itu ia dapat memberikan maklumat awal kepada pusat pemerintahan, sekiranya berlaku ancaman dari mana-mana pihak ke atas Palembang.

Kekuatan pertahanan Palembang ditandai dengan terdapatnya sejumlah kubu atau benteng di tepi Sungai Musi yang dilengkapi dengan Meriam. Contohnya, Benteng pulau Kembaro dilengkapi dengan 14 meriam, benteng Bamagangan 24 meriam dan Martapura sebanyak 9 meriam. Selepas berakhirnya Perang Palembang pertama 1659, Pertahanan Palembang semakin diperkukuhkan dengan penambahan pembinaan kubu atau Benteng di sepanjang sungai Musi. Benteng Tambak Baya dibina di sekitar Plaju dan Benteng Manguntama di sebelah hilir pulau Kemaro. Selain pembinaan benteng di daratan, terdapat juga sejumlah benteng terapung di sepanjang Sungai Musi. Selain daripada memperkukuh dan memperbanyakan benteng pertahanan, Palembang juga meningkatkan kekuatan persenjataan secara beransur-ansur. Pada awal abad ke-19 atau menjelang Perang Palembang, kelengkapan pertahanan Palembang mempunyai sekitar 383 Meriam lela, 200 meriam ditempatkan di benteng pertahanan sekitar Plaju dan Pulau kembaro dan sebanyak 110 meriam ditempatkan di benteng Kuto Besak (keraton).

Untuk menyokong operasi pengawasan pengangkutan dan keselamatan laut, Sultan Palembang menugaskan beberapa daerah sikap untuk menyediakan kelengkapan perahu untuk tujuan rondaan. Antaranya Sikap Muara Lakitan dan Madang diberi tugas untuk membuat dan memulihara Perahu Pancalang. Perahu Pancalang adalah sejenis perahu kecil yang bermuatan maksimum 10 orang yang boleh bergerak dengan cepat. Perahu ini berfungsi untuk melakukan rondaan, menyampaikan mesej Sultan dan mengawal perjalanan dan lawatan Sultan ke daerah di Palembang. Peralatan lain yang digunakan untuk menyokong kekuatan pertahanan Palembang adalah rakit api. Ia merupakan sejumlah rasuk kayu yang diikat antara satu dengan lain yang di atasnya diletakkan bahan yang mudah terbakar, seperti kayu dan jerami. Rakit ini akan dibakar dan dihanyutkan di Sungai Musi untuk menakutkan pihak musuh yang masuk untuk menyerang Ibu Kota Palembang.

Pertahanan Palembang tidaklah bermakna jika tidak disokong oleh kekuatan anggota tentera. Jumlah anggota pasukan tentera yang dimiliki sultan Palembang tidaklah diketahui secara pasti disebabkan Palembang tidak mempunyai pasukan rasmi kesultanan. Laporan William Marsden[123] yang melawat Palembang tahun 1780 menyatakan Sultan Palembang mempunyai kuasa kekuatan yang hebat, tetapi tidak mempunyai pasukan bersenjata yang dibayar. Maklumat ini menunjukkan bahawa Palembang tak mempunyai pasukan tentara rasmi. Meskipun demikian Sultan mempunyai strategi tersendiri untuk menjaga keutuhan wilayah kuasanya. Sistem pertahanan yang dilaksanakan di Kesultanan Palembang adalah Sistem Pertahanan Semesta. Menurut sistem ini, kekuatan utama untuk mempertahankan wilayahnya bergantung pada penglibatan rakyat secara keseluruhan, bukan hanya pada pasukan

[123] William Marsden. (2013). *Sejarah Sumatra*, Jakarta : Komunitas Bambu. hlm. 431

tentera rasmi. Penglibatan rakyat dalam sistem Pertahanan ini tidaklah boleh dipisahkan dengan struktur masyarakat yang ada di kesultanan Palembang.

Secara umumnya masyarakat Palembang terbahagi kepada golongan bangsawan dan rakyat. Golongan bangsawan adalah elite yang tinggal berhampiran istana dan biasanya sangat kaya. Dengan kedudukan seperti itu, maka golongan bangsawan akan menjadi pelindung kepada golongan rakyat terutama kumpulan orang Miji dan Alingan. Orang Miji adalah kumpulan masyarakat hamba yang menggadaikan diri. Mereka adalah orang yang menyerahkan dirinya atau menghambakan dirinya kepada tuannya khususnya para bangsawan. Bila negara dalam keadaan darurat atau peperangan orang Miji ini dijadikan pasukan rasmi untuk mempertahankan negara. Selain orang Miji terdapat juga Alingan, iaitu kumpulan masyarakat yang berada di bawah perlindungan atau dilindungi para bangsawan. Dengan status yang demikian, Alingan ini mempunyai tahap kesetiaan dan kepatuhan yang tinggi terhadap bangsawan yang melindunginya. Apabila negara dalam keadaan darurat atau peperangan, orang Alingan ini juga dijadikan pasukan rasmi untuk mempertahankan negara. Armada laut pula disediakan oleh para Pangeran dan pembesar negeri Palembang. Mereka perlu menyediakan sejumlah perahu dan kelengkapan ketenteraan untuk digunakan oleh armada tentera laut.

Meskipun jumlah sebenar askar yang dimiliki Palembang diketahui secara pasti kerana ketiadaan sumber yang menyatakan secara pasti tetapi ia boleh anggarkan berdasarkan jumlah meriam yang dimiliki kerajaan tersebut. Naskah tulisan tangan tahun 1831 (UBL-9), menyatakan bahawa setiap pangeran, Menteri, Tumenggung, Rangga, Ngabehi, Pasirah/Proatin Uluan menyediakan 40 orang untuk mengawasi

satu meriam dan satu lela. Berdasarkan pada maklumat itu, jumlah askar yang dimiliki Palembang dianggarkan mengikut jumlah meriam yang dimiliki Palembang. Palembang memiliki lebih dari 500 meriam dan Lela dalam satu masa. Oleh itu jumlah askar Palembang yang bertugas untuk satu-satu masa bagi menjaga keselamatan atau ketika perang mencecah angka sekitar 20.000 orang.

Askar yang ditugaskan ini terdiri daripada tentera pilihan yang dipilih oleh para bangsawan. Mereka adalah tentera yang kuat fizikalnya dan dibekalkan dengan pelbagai ilmu untuk mempertahankan diri dalam peperangan, seperti ilmu kekebalan, ilmu tahan terhadap senjata ataupun peluru, tahan tidak tidur atau terjaga juga tahan terhadap sejuk. Sebelum mereka dihantar ke medan perang, mereka dikumpulkan dulu di keraton untuk diberi wejangan dan pembekalan diri dalam suatu ritual keagamaan yang dipimpin oleh seorang ulama.

Askar yang bakal dihantar berperang perlu dipastikan seorang perajurit yang sihat dan kuat. Kerana itu para Alingan dan Miji perlu menjaga kesihatan tubuhnya secara terus menerus. Maklumat persiapan ketenteraan ini dijelaskan dalam sebuah naskah yang penyelidik temui. Naskah tersebut diperkirakan bertarikh abad ke-18, kerana didalamnya tertulis “Inilah ajaran Sultan Muhammad Bahauddin kepada Muhammad Akib”.[124] Sultan Muhammad Bahauddin memerintah Palembang 1776-1803, sedangkan Muhammad Akib adalah sorang ulama keraton Palembang yang wafat setelah Palembang dikuasai Belanda (1825). Berikutan sebahagian daripada kandungan naskah itu, iaitu Bagi menjaga kesihatan anggota tentera, mereka

[124]Naskah Sejarah Perang Palembang ditulis dalam bahasa Melayu Palembang dengan menggunakan huruf Arab Pegon (Arab Melayu). Naskah diperoleh dari Kms. H. Andi Syarifuddin. Kandungan naskah memuat ajaran untuk mempertahankan diri dari musuh disertai dengan ajaran amalan lain untuk kekuatan fisik manusia.

dikehendaki sentiasa mengamalkan isim berbunyi Ya ... Allah, Ya…. Rahman, Ya Allah …Ya Rohim Irhamni. Isim ini haruslah dibaca seribu kali pada siang hari, dan seribu kali pada malam hari.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, pertahanan Palembang diperkukuhkan dengan benteng yang dibina sepanjang sungai Musi. Benteng tersebut bukan hanya di darat atau tepian sungai Musi, tetapi juga berupa benteng terapung Sungai Musi dan rakit-rakit api. Kedudukan benteng pertahanan ini memerlukan askar yang ditempatkan di kawasan itu haruslah dapat menahan hawa dingin, terutama pada malam hari. Bagi membolehkan tentera yang berkawal di atas rakit atau benting terapung tersebut tahan sejuk, mereka juga diberikan isim yang perlu diamalkan pada siang dan malam. Amalan yang dimaksud adalah membaca Yaa… Aziz sebanyak seribu kali siang dan seribu kali malam.

Dalam sistem pertahanan tradisional (kuno) umumnya kekuatan pertahanan terletak pada Benteng pertahanannya. Apabila benteng tersebut dapat dikuasai musuh maka akan lemahlah pertahanan sesebuah kerajaan tersebut. Oleh kerana itu benteng pertahanan biasanya dilengkapi dengan segala persenjataan untuk menghalau musuh yang menyerang. Namun di sebalik kekuatan pertahanan tersebut, tentera yang ditugaskan perlu sentiasa bersiap sedia dan mempunyai pengetahuan secukupnya tentang pergerakan musuh yang akan menyerang terutama pada malam hari. Masalah utama yang dihadapi apabila bertugas di malam hari ialah rasa mengantuk. Bagi mengatasi masalah mengantuk serta memastikan tentera yang bertugas sentiasa segar walaupun di malam hari, mereka juga diberi amalan tertentu. Antaranya mereka

diminta mengamalkan bacaan Ya ..fatah seribu kali pada waktu siang dan seribu kali pada waktu malam.

Ketika perang juga pihak musuh sentiasa menggunakan berbagai jenis senjata, baik dari senjata tajam sampai kepada senjata api. Keadaan ini mendedahkan tentera kepada berbagai kemungkinan seperti luka dan cedera selain terkorban dalam pertempuran. Sememangnya mereka begitu yakin akan takdir sudah ditentukan tuhan, namun manusia perlu berusaha menjalankan syariat agar dapat terhindar daripada perkara yang tidak diingini. Oleh itu mereka yang menganggotai tentera Kesultanan Palembang turut dibekalkan dengan amalan tertentu agar tahan daripada peluru, senjata tajam ataupun senjata lain. Menurut amalan bercorak spiritual, mereka dibekalkan dengan amalan tertentu agar tahan senjata tajam dan peluru. Amalan tersebut antaranya ialah mengamalkan zikir Ya .....Latiif. Amalan ini perlu dibaca seribu kali siang dan seribu kali malam, sedangkan untuk tahan peluru, anggota tentera dikehendaki mengamalkan zikir Ya ..shomad sebanyak seribu kali siang dan seribu kali malam.[125] Amalan-amalan ini yang memperkuat keyakinan askar-askar Palembang dalam menghadapi Belanda sehingga mereka berjuang dengan semangat patriotisme yang tinggi.

Selain amalan tersebut, askar-askar Palembang juga ditanamkan semangat juang yang tinggi iaitu untuk membela kepentingan agama dan negara dengan memerangi golongan kafir yang berusaha menguasai tanah air mereka. Dalam hal ini Ajaran

[125] Naskah *Sejarah Perang Palembang*, hlm 15 -20.

Abdussamad Al Palimbani [126] tentang perang jihad turut meningkatkan keyakinan dan kekuatan mental juga spitual askar dalam menghadapi musuh. Kitab Nashihat lil Muslimin Abdussamad memuatkan rangkaian ayat-ayat Quran dan hadis-hadis tentang keutamaan jihad dan anjuran bagi Muslim untuk melakukannya. Oleh itu jelaslah usaha mempertahankan kedaulatan Palembang, aspek ketenteraan yang diberi perhatian bukan sahaja dari aspek fizikal seperti peralatan ketenteraan dan tentera malah, ia juga melibatkan spiritual yang bersandarkan al-Qur'an. Oleh itu bolehlah dikatakan kekuatan tentera Palembang bukan sahaja bergantung kepada anggota tentera dan kelengkapan ketenteraan tetapi juga melibatkan elemen spiritual yang menjadi amalan kehidupan seharian mereka. Mereka juga diperkukuhkan dengan ekemen spiritual dan psikolagi agar mereka meyakini bahawa perjuangan menentang Belanda adalah untuk membela kebenaran dan membela agama. Ajaran Abdussamad merupakan tokoh yang besar pengaruhnya dalam masyarakat Palembang, sehingga sampai kini masih diikuti oleh masyarakat.

[126] Abd al-Shamad al-Palimbani merupakan anak seorang Sayyid (gelaran yang diberikan kepada orang arab yang berketurunan Rasulullah S.A.W.) yang berasal daripada Hadramaut di Yamen. Ibunya seorang wanita Palembang. Beliau dilahirkan sekitar tahun 1700 dan pernah menuntut di Kedah dan Pattani di Semenanjung Malaysia sebelum menyambung pelajarannya ke Arab Saudi. Al-Palembani menyertai persatuan Melayu Islam yang dikenali sebagai *Jawi.* Melalui penulisannya beliau telah menyebarkan ajaran *neo*-Sufi ke seluruh Asia Tenggara yang menggalakkan orang Islam menyertai perang *jihad* menentang penjajah Barat. Beliau merupakan tokoh agama yang disegani oleh masyarakat Palembang. Untuk maklumat lanjut tentang Abdussamad Al Palimbani, Lihat, G. W. J. Drewes Further Data Concerning ABD AL-ṢAMAD AL-PALIMBĀNĪ, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Deel 132, 2/3de Afl. 1976, hlm. 267-292; Noorhaidi Hasan. (2007). The Tuḥfat al-Rāghibīn: The work of Abdul Samad al-Palimbani or of Muhammad Arsyadal-Banjari?, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 163, No. 1, hlm. 67-85; Azyumardi Azra, (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaruan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, hlm. 146-147; Elizabeth Fuller Collins. (2004). *Islam and the Habits of Democracy: Islamic Organizations in Post-New Order South Sumatra. Indonesia,* No. 78 (Oct.,), hlm. 93-120; I.K. Khan. (2006). *Islam in Modern Asia*. New Delhi: MD Publication Pvt. Ltd. hlm. 183-189.

2.9 Rumusan

Berdasarkan huraian dalam bab ini, maka perkembangan Kesultanan Palembang tidak dapat dipisahkan dengan kedudukan geografi Palembang yang strategik, sokongan masyarakat terhadap sultan dan perkembangan kawasan sekitarnya baik dari aspek ekonomi mahupun dari aspek politik. Dari aspek ekonomi Palembang adalah kawasan perdagangan yang aman dan menyediakan pelbagai komoditi ekonomi yang laku di pasaran dunia, sehingga berdagang dengan Palembang memberikan keuntungan. Dari aspek politik Palembang berjaya membina hubungan yang harmoni antara Kesultanan Palembang dengan kerajaan lain dan pihak Belanda. Hal yang demikian dapat terjadi kerana kemahiran Palembang dalam menjalankan diplomasi yang disokong oleh kekuatan miltarynya.

Dari segi struktur kekuasaan di kerajaan Palembang, sultan merupakan penguasa dan pemimpin tertinggi bagi rakyat Palembang. Sultan menjadi contoh bagi rakyatnya dan tidak semua orang layak menjadi sultan. Sesorang itu layak menjadi sultan apabila ia dilahirkan dalam jurai keturunan keluarga Sultan Palembang sebelumnya. Ia berbeza dengan perlantikan ketua untuk mengisi jawatan pemimpin kawasan. Pemimpin kawasan tidak semestinya merupakan individu berasal dari jurai keturunan raja. Sebaliknya mereka dipilih daripada kalangan masyarakat setempat yang diperakui oleh sultan. Contohnya perlantikan pasirah, tertakluk kepada pilihan masyarakat marga yang dipimpinnya melalui satu pemilihan. Pasirah yang terpilih seterusnya akan mengangkat sumpah dihadapan sultan sebagai penguasa tempatan. Dalam melaksanakan tugasnya pasirah dibantu oleh Pembarap dan Penghulu. Pembarap dapat menggantikan tugas-tugas pasirah apabila pasirah tiada. Penghulu

ditugaskan untuk mengelola urusan agama. Pembarap dan penghulu mempunyai kedudukan yang kuat, kerana ia dipilih oleh masyarakat. Oleh itu Pasirah tiada kuasa untuk menamatkan atau menukar pemegang jawatan keduanya sesuka hati. Jika dikaitkan dengan sistem demokrasi, amalan dalam kesultanan Palembang ketika ini sudah memperlihatkan amalan sistem demokrasi langsung sejak awal lagi.

Kesultanan Palembang wujud selepas kejayaannya melepaskan diri daripada kekuasaan kerajaan Mataram. Walaupun pada dasarnya pembebasan daripada kekuasaan Mataram mempunyai kaitan dengan hubungannya dengan Belanda, kuasa politik Palembang tidak terjejas sehingga tahun 1804. Ini berikutan sikap Belanda yang dijelmakan melalui beberapa siri penjanjian dengan Raja Palembang hanya memberi perhatian kepada aspek perdagangan, sesuai dengan matlamat VOC sebagai sebuah syarikat yang bermatlamatkan ekonomi. Selepas dari Mataram Kesultanan Palembang memiliki kedaulatan atas negerinya. Kedaulatan tersebut amat beerti kepada Palembang kerana kebebasan politik yang ada telah digunakan sepenuhnya oleh Raja untuk memajukan ekonomi dan politik wilayah tersebut. Ini terbukti apabila kerajaan tersebut pernah dicatatkan oleh sumber Belanda sebagai amat kaya dari segi ekonomi terutamanya dengan penguasaan Bangka yang kaya dengan galian bijih timah. Kepentingan tersebut menyebabkan Belanda memberi pengiktirafan kepada kerajaan tersebut dengan mengadakan siri perjanjian dengan Rajanya.

Kejayaan Palembang tak dapat dipisahkan dengan kemampuan pemimpinnya dalam membina hubungan dengan negeri serantau dan pihak barat melalui kaedah diplomasi ekonomi dan bukan ketenteraan. Ini bukan bermaksud kerajaan tersebut tidak mementingkan ketenteraan tetapi kedudukannya yang berpegang kuat kepada

tradisi keislaman menyebabkan ketenteraan hanya untuk mempertahankan negeri dan bukannya untuk perluasan wilayah. Sistem ketenteraan Palembang yang meletakkan tanggungjawab pertahanan negara kepada seluruh rakyat, menyebabkan pihak asing tidak dapat menduga kekuatan sebenar Palembang dan sekaligus menyebabkan pihak Barat mahupun serantau cuba mengelakkan operasi ketenteraan dilaksanakan sehinggalah tahun 1804. Kekuatan pertahanan ini menjadi modal bagi Palembang untuk berunding dengan kuasa asing seperti Belanda dalam menyelesaikan sebarang masalah sehingga mampu mempertahankan kedaulatan negerinya dalam tempoh tersebut.

BAB 3

DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN KESULTANAN PALEMBANG DALAM MENGHADAPI CABARAN BARAT (1804-1814)

3.1 Pengenalan

Kedaulatan Kesultanan Palembang berhadapan dengan cabaran yang hebat semasa pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II. Cabaran tersebut datangnya dari luar dan dalam Kesultanan Palembang itu sendiri. Cabaran paling utama ialah datangnya dari luar negeri berikutan kehadiran kuasa Barat iaitu British dan Belanda yang berusaha untuk menakluki Palembang. Cabaran dari dalam pula tercetus akibat pertelingkahan istana berikutan keinginan sebahagian ahli keluarga Diraja Palembang iaitu Pangeran Adipati yang bercita-cita mengambilalih kuasa daripada Badaruddin II. Demi mencapai cita-citanya, Pangeran Adipati sanggup bekerjasama dengan British untuk menjatuhkan Badaruddin II. Bagi mengendalikan isu ini Badaruddin II telah menggunakan dua strategi utama dalam mempertahankan kedaulatan Palembang iaitu diplomasi dan pertahanan.

Bab ini membincangkan tentang bentuk diplomasi yang dijalankan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dan kejayaan Pangeran Adipati menaiki takhta Sultan

Palembang dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin II dalam mempertahankan kuasa dan kedaulatan kerajaan Palembang. Selain aspek diplomasi, pertahanan juga memainkan peranan dalam menghadapi British. Perbincangan dalam bab ini akan meliputi empat aspek, bermula dengan Pemerintahan Badaruddin II, kedua Diplomasi Palembang dalam menghadapi British, ketiga Strategi Pertahanan Palembang Menghadapi British, keempat Convention of London dan Kesannya terhadap kerajaan Palembang.

3.2 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Era Sultan Mahmud Badaruddin II

Sultan Mahmud Badaruddin II adalah raja yang ketujuh dari Kesultanan Palembang. Ia adalah anak daripada Sultan Muhammad Bahauddin.[127] Badaruddin II memerintah Palembang sejak wafatnya Sultan Muhammad Bahauddin pada 1804 hingga perang dengan Belanda tahun 1821. Selama tempoh waktu itu pemegang kuasa pemerintahan Palembang silih berganti antara Badaruddin II dengan adiknya Najamuddin II berikutan daripada perkembangan politik semasa iaitu kedatangan British dan Belanda ke Palembang. Semasa kanak-kanaknya Badaruddin II bernama Raden Muhammad Hasan. Sebelum menjadi raja Palembang, Badaruddin II dinobatkan oleh ayahnya sebagai Putera Mahkota (Pangeran Ratu), kerana ia adalah anak sulung dan memenuhi syarat untuk menjadi raja Palembang. Selepas Bahauddin wafat, sesuai

[127] Sultan Muhammad Bahauddin mempunyai beberapa orang Isteri dan dikurniakan 23 orang anak. Hasil perkahwinan dengan permaisurinya yang pertama, beliau dikurniakan sembilan orang anak, iaitu R. Muh. Hasan (Badaruddin II), R. Muh. Husin (Najamuddin II), RA. Purbaya Negara, RA Mangku negara, RA Wikrama Hasyiyah, RA. Suta Wikrama Bariyah, RM Hanafiah, Pangeran Bupati Panembahan Hamim, Pangeran Dipati Abdurrahman. (Kesultanan Palembang Darussalam, Simpanan Pribadi R.M Syafei Prabudiradja). Beliau adalah generasi kelima dari Sultan Mahmud Badaruddin II, melalui zuriat Pangeran Prabudiradja bin Sultan Mahmud Badaruddin II.

dengan peraturan dan adat yang menjadi amalan dalam Kesultanan Palembang, Pangeran Ratu menggantikan ayahandanya sebagai sultan di kerajaan Palembang. Pangeran Ratu Muhammad Hasan memakai gelar Sultan Mahmud Badaruddin II.

Ketika mula-mula menaiki takhta terdapat dua isu yang dihadapinya berkaitan dengan perkembangan kerajaan dan kedaulatan Palembang. Isu tersebut ialah perlaksanaan perjanjian sebelumnya dengan VOC dan isu kedua ialah perubahan dasar Belanda di Asia Timur yang mengancam kedaulatan Palembang.

3.2.1 Perlaksanaan Perjanjian Palembang dengan VOC

Badaruddin II menerima "warisan" dari sultan sebelumnya berupa perjanjian dan kontrak perniagaan dengan VOC yang perlu laksanakan dalam pemerintahannya. Kontrak yang ditandatangani oleh Sultan Palembang yang terdahulu dilihat Badaruddin II sebagai membatasi kuasa dalam melaksanakan pemerintahannya. Perjanjian tersebut juga memperlihatkan VOC telah menguasai aktiviti ekonomi Palembang. Sebagai sebuah pemerintah yang berdaulat, Badaruddin II menginginkan Palembang memiliki kebebasan dalam melaksanakan perdagangan, sesuai dengan prinsip kedaulatan negerinya. Malah lebih daripada itu, Badaruddin II tidak mahu Belanda terus berada di Palembang. Badaruddin II juga berusaha menghapuskan segala keterikatan dengan Belanda khususnya melalui perjanjian yang telah dimeterai oleh pemimpin terdahulu yang merugikan Palembang. Baginya kedaulatan Palembang hanya dapat dijamin dengan cara melepaskan semua ikatan perjanjian dan menjadikan negeri tersebut bebas menentukan nasibnya sendiri.

3.2.2 Perubahan Dasar Belanda di Asia Timur

Perubahan dasar Belanda di Asia Timur memberi kesan kepada dasarnya terhadap Palembang. Ia bukan sahaja mengancam ekonomi tetapi juga kedaulatan kerajaan tersebut. Ini merupakan cabaran utama Badaruddin II bagi mempertahankan Palembang daripada ancaman kuasa Belanda yang mulai melakukan aktiviti memperluaskan kuasanya ke atas Indonesia. Perkembangan ini berikutan daripada perpindahan kuasa dan hak penguasaan wilayah daripada VOC ke pada Palimen Belanda. Perubahan ini disebabkan oleh dasar pemerintah Belanda dan prestasi syarikat tersebut yang membawa kepada pembubaran VOC sejak 1 Januari 1800. Sejak itu masalah Hindia Timur Belanda dikendalikan secara langsung oleh pemerintahan Belanda. Bagi mengawasi Hindia Timur, pemerintah Belanda membentuk satu Kementerian Seberang Laut yang bertugas mengawasi dan mengatur pemerintahan Hindia Belanda. Pelaksanaan pemerintahan dipimpin oleh sorang Gabernor Jenderal yang dibantu oleh lembaga birokrasinya yang disebut Binnenlands Bestuur. Pusat pemerintahannya ditentukan di Batavia (Jakarta).[128]

Perubahan politik ini memberi kesan kepada perubahan dasar ke atas daerah-daerah yang sebelumnya dikendalikan oleh VOC. Dasar sebelumnya yang dilaksanakan oleh VOC lebih mengutamakan kepentingan ekonomi. Keadaan ini berubah apabila berlakunya perpindahan kuasa setelah pengambialihan oleh palimen Belanda. Sejak itu dasar ke atas Asia Timur bukan setakat penguasaan ekonomi tetapi lebih kepada untuk menjadikan wilayah di rantau ini sebagai tanah jajahan, atau

[128] Lihat, R. Parthesius, (2010). *Dutch Ships in Tropical Waters: The Development of the Dutch East India Company (VOC) Shipping Network in Asia 1595-1660*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

prinsip 3G iaitu, "God, Gold and Glory". Tindakan Belanda ini memberi kesan kepada kedaulatan negeri Melayu yang sebelum ini bebas dan berdaulat. Ancaman ini juga dihadapi oleh Palembang. Pembubaran VOC turut membawa perubahan sikap Belanda terhadap Palembang. Minat Belanda terhadap Palembang tidak terhad kepada penguasaan ekonomia, tetapi juga ingin menguasai politik kerajaan Palembang. Perubahan sikap Belanda ini ancaman besar terhadap kedaulatan kerajaan Palembang. Keadaan ini menyebabkan Sultan Mahmud Badaruddin II terpaksa mengubab strategi diplomasinya daripada perundingan kepada peperangan bagi memelihara kedaulatannya.

Bagi mengatasi isu ini, pada peringkat permulaannya, Badaruddin II berusaha mengendalikan pemerintahannya dengan melaksanakan diplomasi secara rundingan dengan Belanda. Langkah pertama dilakukan Badaruddin II ialah dengan menghantar surat dan utusan bagi mengadakan perundingan dengan pihak Belanda. Utusan yang dihantar ke Batavia adalah Pangeran Puspa Diwangsa dan Kiai Demang Sura Derpa. Utusan ini diberi tugas untuk berjumpa dengan Gabernor Jenderal Johannes Siberg di Batavia bagi menyampaikan surat daripada Sultan Palembang. Kandungan surat pada dasarnya berupa makluman kepada pihak Belanda tentang kewafatan Sultan Muhammad Bahauddin pada hari Isnin petang pukul empat pada 21 Zulhijjah 1218 H atau 2 April 1804. Surat tersebut juga memaklumkan Sultan Palembang kini digantikan oleh Badaruddin II. Kandungan seterusnya menyatakan Kesultanan Palembang tetap ingin bersahabat dengan Belanda dan meneruskan perdagangan bijih timah dan lada dengan Belanda secara *saling menguntungkan*[129] Pernyataan Badaruddin II ini adalah agak tegas terhadap Belanda. Beliau memaklumkan yang

[129] ANRI, koleksi surat-surat Palembang.

perjanjian sebelumnya antara raja Palembang dengan Belanda selalunya menguntungkan di pihak Belanda.

Sementara itu perkembangan politik antarabangsa khususnya di Eropah mempengaruhi dasar kuasa Barat seperti British dan Belanda. Kedua kuasa tersebut terlibat dalam perang dengan Perancis iaitu perang Napoleon antara 1792-1814. Perang itu tidak hanya melibatkan negara di Eropah, tetapi juga melibatkan kawasan yang dimiliki kuasa tersebut di luar Eropah. Berikutan kejatuhan Belanda ke tangan tentera Napoleon, menyebabkan Belanda dikuasai Perancis antara tahun 1795 hingga 1814. Setelah pihak yang bekerjasama dengan Perancis mengambilalih kuasa pemerintahan Belanda, Raja William telah lari ke Britain. Baginda seterusnya menandatangani Surat Kew yang mengizinkan Britain mengambil dan melindungi kepentingan Belanda di luar Eropah. Seterusnya Melaka dikuasai pihak Belanda yang pro Perancis pada 1795 hingga 1824., manakala Pulau Jawa dikuasai British pada 1811 setelah melakukan serangan secara besar-besaran di bawah pimpinan Kolonel Gillespie.[130]

Kejayaan ini menandakan British telah menduduki seluruh kawasan jajahan Perancis di Asia Tenggara khususnya Indonesia. Keinginan untuk menguasai wilayah jajahan Perancis semakin kuat setelah Pihak Bersekutu yang antara lain terdiri daripada British, Russia, Austria, Belanda berjaya mengalahkan Perancis 1814.[131]

---

[130] Kisah serangan British ke atas pulau Jawa dapat dirujuk dalam Laporan Mayor William Thorn tahun 1811. Laporan ini diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk *Penaklukan Jawa* terbit tahun 2004 dan diulang cetak pada 2011, lihat, William Thorn (2011). *Penaklukan Pulau Jawa*. Jakarta: Elex Media Komputindo.

[131] Setelah berakhirnya perang Koalisi negara-negara sekutu mengadakan Kongres di Vienna dengan menghasilkan keputusan yang pada dasarnya mengembalikan keadaan Eropah seperti sebelum Perang Koalisi. Selain itu British memperoleh tambahan kawasan Ceylon di Asia Selatan. Kejayaan British mengalahkan Perancis/Belanda di Jawa merupakan alasan yang penting untuk memperluas jajahannya.

British berminat untuk menguasai Palembang daripada Belanda (Republik Bataaf).[132] Kekayaan Palembang dengan hasil bumi yang bakal diperoleh khususnya bijih timah merupakan antara yang menjadi pertimbangan British untuk menguasai wilayah tersebut. Selain itu kedudukan geografi Palembang sangat penting kerana kedudukannya yang strategik antara Malaka dan Jawa turut menjadi pertimbangan British untuk menegakkan kuasanya di Palembang. Ketika British ingin menyerang Jawa, mereka perlu melalui kawasan kekuasaan Sultan Palembang iaitu Selat Bangka dan Muara Sungsang. Kedua kawasan ini merupakan bahagian luar wilayah kekuasaan Palembang.

3.2.3 Diplomasi Palembang Dengan Daendels

Keinginan Badaruddin II untuk memerintah negeri Palembang secara bebas dan berdaulat tidak pudar walaupun menyedari yang halangannya kini bukan sekadar Belanda tetapi juga British. Setelah pengunduran Raja Belanda ke Britain, negara tersebut ditadbir oleh golongan pro-Perancis. Golongan ini meneruskan kekuasaannya ke atas jajahannya di Indonesia dengan menghantar wakilnya Herman Willem Daendels sebagai Gabenor Hindia Timur Belanda (Dutch East Indies) yang ke-36 di

---

Dengan kemenangan itu Belanda perlu menyerahkan Palembang kepada British. Kedua negara ini memulakan campur tangan di Indonesia. Perkara yang sama turut berlaku di Palembang. British mahupun Belanda telah melaksanakan campurtangan politik di kerajaan Palembang. Perkara ini menyebabkan meletusnya perang antara kedua kuasa Barat ini dengan Palembang.

[132] Semasa Perancis diperintah oleh Napoleon Bonaparte, Belanda dikuasai oleh Perancis. Raja Belanda William V melarikan diri ke British. Seterusnya Napoleon mengubah kerajaan Belanda menjadi Republik Bataaf dengan Lodewijk Napoleon sebagai ketua pemerintahannya. Dengan perubahan status tersebut, kawasan jajahan Belanda turut menjadi milik Perancis. Indonesia juga berada di bawah pengaruh Perancis. Seterusnya Herman Willem Daendels (kemudian digantikan oleh Jansens) dihantar oleh pemerintahan Republik Bataaf ke Indonesia sebagai Gabenur Jeneral bagi mewakili Perancis yang diberi tugas untuk mempertahankan pulau Jawa daripada serangan British. S.L Van Der Wal, The Netherlands as an Imperial Power in South-East Asia in the Nineteenth Century and After, dalam J.S. Bromley and E.H. Kossmann (ed.). (1968). *Britain and Netherlands in Europe and Asia*. London: Palgrave Macmillan. hlm. 191-205.

Jakarta (Betawi) antara tahun 1808 sehingga 1811. Cabaran awal yang dihadapinya ialah mengendalikan orang Belanda yang sedia ada di Palembang. Badaruddin II perlu menyingkirkan mereka dari Palembang serta membatalkan perjanjian dengan Belanda yang disepakati oleh pemimpin terdahulu. Badaruddin II juga melihat terdapatnya peluang untuknya berbuat demikian berikutan perubahan penguasaan Barat ke atas Indonesia daripada kerajaan Belanda kepada Republik Bataaf pada tahun 1795. Oleh itu usaha diplomasi dengan Daendels selaku wakil Republik Bataaf di Indonesia perlu dilaksanakan dengan segera. Badaruddin II menghantar utusan dan surat rasmi kepada Daendels pada 13 Rabiul Awwal 1224 bersamaan tahun 1809. Penghantaran utusan ini sebagai langkah awal bagi Badaruddin II untuk membina hubungan yang baik dengan Daendels.[133]

Kandungan surat itu antara lain berisikan keinginan Sultan Badaruddin II untuk bersahabat dengan Daendels dan kesediaan Palembang untuk tetap meneruskan perdagangan bijih timah dan komoditi lain dengan pihak Belanda. Sultan juga menuntut Belanda membayar hutang yang dibuat oleh VOC sebanyak 1000 Guilders.[134] Perdagangan dengan Belanda akan dimulakan sebaik selesai pembayaran tersebut. Berdasarkan kepada kandungan surat itu, jelaslah bahawa Badaruddin II

[133] Herman Willem Daendels adalah Wakil Republik Bataaf di Indonesia. Ia berada di Indonesia selama 3 tahun (1808-1811). Masa pemerintahannya lebih banyak digunakan untuk membangun dan memperkuat pertahanan Belanda khususnya di Pulau Jawa. Pembuatan jalan Anyer ke Penarukan sepanjang 1000 km yang membentang di pantai utara Pulau Jawa merupakan kerja paksa yang dilakukan di zamannya. Ia kemudian digantikan oleh Jansens yang akhirnya kalah perang dengan British pada 1812, Maklumat lanjut tentang Daendels, lihat, Herman Willem Daendels, (1964) *Journal and correspondence of H. W. Daendels, Governor-General of the Netherlands settlements on the coast of Guinea, Volume 1.* Ghana: University of Ghana, Institute of African Studies Institute of African Studies, University of Ghana.

[134] Dalam tahun 1795, bersamaan dengan diserang Belanda oleh Perancis, golongan patriot Belanda berjaya membentuk Republik Bataaf. Seterusnya dalam bulan Mei 1798, kaum Patriot mengumumkan bahawa VOC akan dibubarkan selepas berlakunya Piagam Kompeni (31 Desember 1799). Sehingga sejak 1 Januari 1800 Republik Bataaf mengambil alih semua utang piutang VOC. Lihat C.R. Boxer, (1983). *Jan Kompeni. Sejarah VOC dalam Perang dan Damai 1602-1799*. Jakarta : Sinar Harapan, hlm 146.

menunjukkan sikapnya yang tegas kepada Belanda. Setelah meneliti isi kandungan surat tersebu, Daendels membalasnya dengan ancaman bahwa sekiranya Palembang tidak mahu berniaga dengan Belanda, ia akan diserang. Dengan jawapan tersebut, jelaslah usaha diplomasi Badaruddin II mengalami kegagalan. Kegagalan diplomasi ini mengakibatkan hubungan Palembang (Badaruddin II) dengan Belanda menjadi semakin buruk.

3.3 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Dalam Mendepani Ancaman British

Cabaran kedua yang dihadapi Badaruddin II adalah kehadiran British di Semenanjung Tanah Malayu. Perkara ini berkaitan dengan rancangan British untuk menyerang Pulau Jawa yang menjadi pusat pemerintahan Belanda di Nusantara. Kehadiran British di Melaka yang juga bermusuhan dengan Daendels turut menjadi ancaman kepada pemerintahan Badaruddin II. Kehadiran British ke nusantara mempunyai matlamat untuk menghancurkan pengaruh Republik Bataaf di Nusantara yang dipimpin Daendels. Perkara ini adalah sesuai dengan dasar kerajaan British yang mengamalkan politik perluasan kuasa serta untuk menghancurkan kekuatan Perancis.

Untuk mengurangkan ancaman berikutan kehadiran British ini, Badaruddin II berusaha menggerakkan usaha diplomasi untuk membina persahabatan dengan kuasa tersebut. Hal itu mendapat respon yang positif dari British yang juga ingin membina hubungan dengan Palembang. Bagi Raffles[135], Sultan Palembang perlu didekati dan

[135] Raffles adalah wakil British yang dihantar oleh Gabenur Jeneral British Lord Minto dari India. Ia sudah berada di Melaka pada tahun 1809 menurut Kaiser, namun menurut Bastin ia berada di Melaka sejak 4 Disember 1810.

dijadikan sahabat bagi mendapatkan sokongan untuk menyerang Jawa (Batavia)[136] yang menjadi pusat pemerintahan Belanda ketika itu. Melalui cara berbaik-baik dengan Palembang, British menggunakan wilayah tersebut sebagai laluan secara aman dalam usahanya menyerang Jawa. Usaha diplomasi Palembang disambut Raffles dengan menghantar surat dan utusan untuk berjumpa raja Palembang pada Disember 1810. Dari segi ketenteraan, Raffles membangunkan kekuatan pertahanan British di Malaka sebagai persiapan melakukan ekspedisi ke pulau Jawa.[137] Tawaran Raffles kepada Badaruddin II untuk berkerjasama dalam menghadapi Belanda mempunyai makna yang penting buat Palembang. Dari satu segi ia akan memberi kesempatan pada Badaruddin II untuk mengusir Belanda dari Palembang. Dari sudut lain pula British melihat sekiranya serangannya ke atas Batavia berjaya, dan penguasaan Belanda dapat ditamatkan di sana, secara tidak langsung Palembang juga akan menjadi jajahan British.[138]

Badaruddin II mendapatkan maklumat bahawa, terdapatnya insiden penahanan kapal dagang oleh British di Pulau Pinang. Berikutan daripada maklumat tersebut, Sultan Badaruddin II melarang kapal dagang dari Palembang untuk melakukan pelayaran ke sana sehingga maklumat sebab penahanan tersebut diperolehi. Bagi mendapatkan maklumat tersebut Sultan Badaruddin II menghantar dua orang

---

[136] Batavia adalah nama yang diberikan oleh Belanda kepada kota Jakarta. Masyarakat Jakarta menyebutnya dengan Betawi. Kota ini pada mulanya merupakan sebuah kota pelabuhan yang bernama Sunda Kelapa berada di bawah pengaruh Hindu. Pelabuhan ini berjaya dikuasai oleh Falatehan salah sorang Pendakwah Islam dari Banten (1527). Nama Sunda Kelapa diubah menjadi Jayakarta dan dalam perkembangannya berubah menjadi Jakarta.

[137] ANRI Bundel Palembang No.67. , lihat juga Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang*, hlm. 5.

[138] Maklumat lanjut tentang aktiviti Raffles di Palembang boleh diperolehi daripada memoir isterinya, Lady Sophia Raffles. (1835). *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence*. London: William Clowes and Sons, hal 155-190. M.O. Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang 1811-1825*. Leiden : Martinus Nijhoff, s'Gravenhage. hlm. 86

menterinya secara rahsia ke Pulau Pinang untuk jumpa Raffles. Kedua Menteri tersebut berjaya mengadakan perbincangan dengan Raffles bagi mendapatkan jawapan kepada tindakan British tersebut. Selain daripada maklumat tersebut, mereka juga berjaya mendapatkan maklumat yang lebih penting tentang tujuan British memperkuatkan ketenteraannya di sana. Raffles juga menyatakan kepada kedua utusan tersebut bahwa British sedang bersiap sedia untuk menyerang Betawi (Batavia) yang dikuasai Belanda. Raffles juga meminta agar Sultan Badaruddin II, mengusir orang Belanda yang berada di Palembang.[139] Dengan kata lain British berhasrat ingin menjalin persahabatan dengan Palembang dan tidak akan menyerang Palembang.

Secara strateginya, British sudah mengetahui akan dua halangan utama untuk melancarkan serangan ke atas Palembang. Halangan pertama ialah kekuatan ketenteraan yang dimiliki Kerajaan Palembang (Sultan Badaruddin II) dan keduanya ialah kedudukan Belanda di negeri tersebut. Adalah sukar bagi British untuk menghadapi kedua-dua halangan tersebut secara sekaligus. Matlamat utamanya ialah menyerang Batavia kerana dengan cara itu beliau dapat menyingkir Belanda dari Indonesia. Jika Batavia sudah dikuasai, wilayah lain juga akan dikuasainya berdasarkan kepada perjanjian dengan pihak Belanda di Batavia. Namun untuk memastikan kejayaan serangan ke atas Batavia, Raffles memerlukan sokongan dari Palembang, kerana kedudukan geografi Palembang yang strategik kerana berada antara Melaka dan Batavia. Oleh itu hubungan yang kurang baik dengan Palembang

[139] Maklumat lanjut tentang aktiviti Raffles di Palembang boleh diperolehi daripada memoir isterinya, Lady Sophia Raffles. (1835). *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence*. London: William Clowes and Sons, hlm 155-190.
Woelders, M.O. (1975). *Het Sultanaat Palembang 1811-1825*, Leiden : Martinus Nijhoff, s'Gravenhage. hlm 86

akan menyebabkan ekspedisi British untuk menduduki Batavia akan lebih mencabar. Ini menyebabkan mahu tidak mahu Raffles [140] perlu membina hubungan baik dengan Palembang sebelum melancarkan ekspedisi tersebut.

Bagi membolehkan Raffles melaksanakan diplomasinya dengan Palembang, beliau memerlukan juru runding berpengaruh untuk memujuk Badaruddin II supaya menyokongnya dalam usaha menyerang Batavia. Bagi melaksanakan usaha mempengaruhi Palembang, British mendapatkan khidmat sorang kerabat Badaruddin II iaitu Raden Muhammad[141] untuk berjumpa dan menyampaikan sepucuk surat Raffles kepada Sultan Palembang tersebut. Kandungan surat yang dihantar itu menyentuh tiga perkara, Pertama; memaklumkan kedudukan Raffles sebagai utusan dari Gabenur Jeneral British, Lord Minto, Kedua; memaklumkan keinginan Raffles untuk bersahabat dan memberikan bantuan ketenteraan kepada Palembang. Ketiga; harapan Raffles agar Sultan Palembang menghantar utusan ke Malaka untuk berunding dengan British.[142]

Berdasarkan kepada kandungan surat itu, maklumat yang terpenting adalah point ke dua iaitu hasrat Raffles yang ingin bersahabat dan memberikan bantuan ketenteraan kepada Palembang. Ini berkait rapat dengan keadaan ketika itu yang memperlihatkan pihak Belanda telah menempatkan armada bersenjatanya di muara

---

[140] Perbincangan tentang latarbelakang kehadiran Raffles di Palembang turut dibincangkan oleh C. E. Wurtzburg,(1949). Raffles and the Massacre at Palembang (Palembang in 1811 en 1812 : J. C. Baud. Bijdragentot en Taal-Land-en Volkenkunde Van N. I. No. 1 Amsterdam 1852), *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 22, No. 1 (147)(March 1949), hlm. 38-52.

[141]Raden Muhammad adalah orang Palembang yang punya hubungan kekerabatan dengan Sultan Mahmud Badaruddin II. Ayahnya sorang Arab dan ibunya dari golongan bangsawan Palembang. Raden Muhammad menikah dengan perempuan dari Muntok dari keturunan "Yang" iaitu keturunan dari isteri Sultan Abdurrahman (pendiri kesultanan Palembang).

[142] J.C. Baud, (1853). Palembang in 1811 and 1812. *Bijdrage van Koloniaal Instituut,* jilid 1, No. 10, Amsterdam.

Sungai Musi. Pada pandangan Raffles, Palembang yang tidak mempunyai kekuatan ketenteraan sudah pasti akan menerima tawaran tersebut. Namun sebaliknya, dugaan Raffles tersebut meleset sama sekali kerana Sultan Badaruddin II tak berminat dengan tawaran tersebut.

Jawapan Sultan Badaruddin II disampaikan melalui suratnya kepada Raffles yang dikirimkan melalui Raden Muhammad. Surat tersebut menyatakan bahwa pekerjaan Raden Muhammad tidaklah patut dilakukan. Pekerjaan itu merupakan satu keaiban,[143] dan ini menyebabkan utusan Raden Muhamad ditolak oleh Sultan. Namun dalam surat tersebut, beliau menyatakan alasan penolakan tersebut kerana Raden Muhammad tidak membawa cap kuasa daripada Raffles dan ini menyebabkan Sultan Badaruddin II tak mahu menerimanya. Raden Muhammad diarahkan pulang ke Melaka oleh Badaruddin II[144]. Penolakan utusan tersebut kelihatannya hanyalah atas faktor pentadbiran sahaja. Namun pada dasarnya Badaruddin II tak mahu berbincang dengan Raden Muhammad kerana ia telah melanggar adab kerajaan Palembang yang tak dapat dimaafkan sehingga ia ditolak oleh Sultan.[145]

---

[143] Adam Ahmad. (2009). Letters of Sincerity, The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824), Kuala Lumpur, *MBRAS*, hlm 244.

[144] J.C. Baud, (1853). Palembang in 1811 and 1812, Bijdrage van Kolonial Instituut, Jilid 1 hlm. 248.

[145] Peraturan yang ditetapkan dalam kerajaan Palembang ialah keluarga keturunan isteri raja tidak dibenarkan untuk dikahwini oleh orang bukan Palembang dari keturunan bangsawan/raja. Keturunan "Yang" di Muntok (Bangka) adalah keturunan dari Sultan Abdurrahman pengasas kesultanan Palembang. Oleh itu perkahwinan Raden Muhammad dengan seorang berketurunan "Yang" adalah melanggar peraturan itu, kerana Raden Muhammad ialah sorang berketurunan campuran antara Palembang dan Arab (Ayahnya Arab, ibunya Palembang). Oleh itu beliau perlu menceraikan isterinya dan di usir dari Palembang. Raden Muhammad meninggalkan Palembang dan bermukim di Kedah. Seterusnya ia ke Pulau Pinang dan mengabdikan dirinya kepada kerajaan British. Peraturan perkahwinan Palembang tersebutlah yang menyebabkan muncul rasa sakit hati Raden Muhammad sehingga menyebabkannya berpihak pada British. Lihat Woelders, (1975). hlm 90.

Sehigga tahun 1811 Badaruddin II, belum memberikan jawapan atas surat Raffles yang dihantar Raden Muhammad. Raden Muhammad pun belum kembali ke Melaka dan masih berada di Palembang sambil menunggu berita dari Badaruddin II. Ketidakpastian misi Raden Muhammad ini menyebabkan Raffles menghantar kapten MacDonald ke Palembang untuk jumpa dengan Raden Muhammad dan sekaligus menyelidik kekuatan pasukan Belanda di Palembang. Berdasarkan kepada perbincangan MacDonald dengan Raden Muhammad jelaslah misi Raden Muhammad gagal, kerana Badaruddin II tidak mengakui Raden Muhammad sebagai utusan Raffles yang disebabkan oleh tidak adanya surat rasmi yang menunjukkan Raden Muhammad sebagai utusan British.

Berikutan perkhabaran tentang kehadiran kapal Belanda ke Palembang, Raffles menghantar Kapten James Bowen bersama tiga kapal perang pada Januari 1811 ke sana. Misi ini dihantar Raffles setelah mendapat maklumat bahawa armada Belanda telah tiba di Palembang untuk memaksa sultan menjalankan perniagaan sesuai dengan kehendak Belanda. Ini merupakan usaha Raffles untuk meyakinkan pemerintah atau Sultan Palembang akan kesungguhan British untuk bersahabat dan membantu Palembang dalam menghadapi ancaman Belanda. Namun ketika Armada British ini sampai di Palembang , armada Belanda meninggalkan Palembang pada 10 Januari 1811.

Dalam ekspedisi tersebut, armada Belanda gagal mendapatkan bijih timah tanpa bayaran tunai. Kegagalan ini disebabkan adanya keinginan Belanda yang tak dapat dipenuhi oleh sultan. Keadaan ini disebabkan wujudnya perbezaan dari aspek sistem perdagangan antara kedua-dua pihak. Belanda menginginkan proses jual beli

dijalankan atas dasar pembayaran secara kredit, sedangkan sultan menginginkan jual beli atas dasar pembayaran tunai. Tuntutan Belanda tersebut tak dapat dipenuhi oleh sultan, kerana tersebut bukannya amalan perdagangan dan bertentangan dengan adat urusniaga di Palembang. Menurut adat Palembang, jual beli dilakukan secara langsung dan serah terima barang dilakukan apabila si penjual dan pembeli saling menyetujui secara ikhlas. Ia kelihatan dalam ungkapan bahasa "suka jual dan suka beli".[146]

Seterusnya, Raffles menghantar kembali surat kepada Badaruddin II pada 2 Mac 1811 (8 Shafar 1225 H). Kandungan surat tersebut mendesak agar Badaruddin II bertindak tegas terhadap orang Belanda di Palembang. Raffles juga mengingatkan tentang ancaman ketenteraan Belanda yang sedang bersiap sedia di Tulang Bawang untuk melakukan ekspedisi ke Palembang. Oleh itu Badaruddin II perlu menamatkan perjanjian dengan Belanda dan mendapatkan bantuan daripada British. Raffles juga mencadangkan agar satu perjanjian dengan sultan dimeterai segera. Jika ada kesepakatan antara kedua pihak sebelum pulau Jawa dikuasai British, semua perjanjian yang ditandatangani sebelum ini antara Palembang dengan Belanda akan dibatalkan. Sebaliknya jika perjanjian antara British dan Palembang dicapai setelah Pulau Jawa di duduki British, keadaan sebaliknya akan berlaku[147]

[146]Dalam adat Palembang transaksi jual beli dilakukan dengan jelas atas dasar senang tanpa paksaan. Si penjual akan mengucapkan kata suka jual kepada si pembeli, sebagai tanda bahwa ia mengikhlaskan barangnya untuk dibeli olehpihak yang membeli barang itu, sementara si pembeli akan membalasnya dengan mengucapkan suka beli, artinya si pembeli memang suka/ mahu membeili barang itu atas dasar keikhlasan tanpa paksaan dari si penjual (Koleksi Pribadi, R.M Husin Natodiradjo, Pemangku Adat Palembang).

[147] J.C. Baud. (1853). *Palembang in 1811 and 1812. Bijdrage van Koloniaal Instituut, jilid 1*, hlm 11 - 12

Badaruddin II dalam surat balasannya menyatakan bahwa Raffles tak perlu bimbang akan keberadaan orang Belanda di Palembang. Beliau akan bertindak kepada mereka apabila didapati melakukan kesalahan. Sebab tindakan kesalahan orang Belanda akan dapat menjadi alasan untuk mengusir mereka dari Palembang. Keinginan Raffles untuk membuat perjanjian baru dengan membatalkan perjanjian dengan Belanda, Badaruddin II dengan tegas menyatakan bahwa sultan tetap dengan pendirian akan melaksanakan dasar pintu terbuka kepada mana-mana pihak yang akan berniaga dengan Palembang[148] Apa yang dilakukan Badaruddin II dengan melewat-lewatkan balasan surat Raffles tersebut merupakan gaya diplomasi Palembang. Secara politiknya dengan melewat-lewatkan waktu tersebut, menunjukkan British secara tidak langsung mengakui legitimasi kuasa Badaruddin II. Melihat kepada jawapan Sultan Badaruddin II pula, jelas menunjukkan Kesultanan Palembang mengamalkan prinsip mentaati undang-undang serta mematuhi kesepakatan yang sudah terjalin dengan Belanda. Ini menyebabkan hasutan British untuk menyingkirkan Belanda dari Palembang tanpa alasan yang jelas, tak dipenuhi oleh Palembang. Dengan bahasa diplomatiknya, Badaruddin II menolak keinginan British untuk membatalkan perjanjian dengan Belanda dengan alasan Palembang menganut politik pintu terbuka dalam hal perniagaan. Jawapan tersebut secara tersiratnya menunjukkan bahawa Palembang tak mahu adanya intervensi dari luar terhadap dasar politik dan ekonominya. Palembang tak mahu ditekan oleh British, oleh itu British harus mempertimbangkan sikap politiknya terhadap Palembang. Dengan kata lain Palembang tak mahu dilibatkan dalam konflik antara British dan Belanda secara terbuka, dan Palembang berusaha untuk menjaga kedudukan tidak memihaknya dalam konflik British dengan Belanda.

---

[148] M.O. Woelders. (1975), *Het Sultanaat Palembang (1811-1825)*, hlm. 6

Kegagalan Raffles memujuk Badaruddin II agar memihak kepada British, telah merubah dasar Raffles terhadap Palembang. Perubahan tersebut memperlihatkan Raffles berusaha mendekati Badaruddin II dengan menjalin hubungan perdagangan. Kapten Teak dihantar ke Palembang dengan membawa surat dari Raffles yang mengandung makluman tentang keinginan British untuk membeli bijih timah dari Bangka. Permintaan British ini dipenuhi oleh Badaruddin II sesuai dengan komitmen Palembang yang mahu berniaga dengan bangsa manapun. Namun untuk urusan politik, sekali lagi Palembang belum menentukan sikap apakah menerima atau menolak pelawaan British supaya memihak kepada British dalam memerangi Belanda.

Sikap Palembang yang "acuh tak acuh" ini menyebabkan Raffles mengambil dasar untuk menghantar kembali utusan ke Palembang. Pada bulan April 1811, Kapten Mac Donald dihantar ke Palembang sambil membawa surat Raffles dan surat dari Lord Minto. Kandungan surat Raffles memuatkan tuntutan rasmi British kepada Badaruddin II agar menentukan sikapnya secara pasti. Selain itu Raffles juga menyatakan komitmen British bahawa jika Badaruddin II berjaya mengusir Belanda sebelum British menaklukkan Belanda di Jawa, maka Sultan dianggap sebagai raja yang merdeka. Sebaliknya jika ia dilakukan setelah British menaklukkan Jawa, maka Palembang akan menjadi milik British.[149] Sokongan kepada Badaruddin II, dibuktikan British dengan menghantar kelengkapan ketenteraan berupa 320 pucuk senapang dan 10 keranjang peluru kepada sultan untuk digunakan dalam operasi mengusir Belanda dari Palembang

[149] Woelders. M.O. (1975), *Het Sultanaat Palembang (1811-1825)*, Jakarta : Bhratara. hlm. 6

Balasan daripada hantaran British tersebut, Sultan menghantar surat balasan bertarikh 23 Mei 1811 yang menyatakan ucapan terima kasih rasa terhutang budi Sultan di atas hadiah British tersebut. Sultan turut menegaskan bahawa masalah orang Belanda di Palembang telah diselesaikan dengan baik melalui rundingan dengan wakil sah dari pemerintah masing-masing. Kesepakatannya adalah Belanda akan menarik keluar garnizoennya dari Palembang. Kandungan surat tersebut memperlihatkan bahawa rancangan British untuk mengusir orang Belanda dari Palembang dengan cara menekan Badaruddin II menemui kegagalan. Ia merupakan salah satu sebab mengapa Raffles tak menyukai Sultan Mahmud Badaruddin II berkuasa di Palembang, dan inilah sebabnya mengapa Sultan Mahmud Badaruddin II telah diturunkan dari kekuasaannya setelah Palembang ditakluki oleh British.

Sikap Badaruddin II itu, menjadi satu catatan tersendiri bagi Raffles. Jangkaan Raffles bahawa Palembang boleh ditakluki British hanya dengan tawaran tanpa perlu melakukan ekspedisi ketenteraan adalah meleset. Setelah kegagalannya menakluki melalui diplomasi surat dan utusan, Raffles tidak mempunyai cara untuk menundukkan Palembang selain ketenteraan. Namun perkara ini tak dapat dilakukan British ketika itu kerana, fokus utama Raffles ketika itu ialah untuk menakluki Jawa. Penaklukan atas Jawa lebih penting dibandingkan Palembang, kerana pusat kuasa dan ketenteraan Belanda terletak di pulau tersebut. Setelah kejayaan menguasai Batavia, seluruh kawasan taklukan Belanda dikuasai British secara tidak langsung. Selain itu secara politiknya, Sultan Palembang tidak memusuhi British menyebabkan kuasa tersebut tidak mempunyai alasan yang kuat untuk melakukan serangan ke atas Palembang.

Usaha British menguasai Batavia mencapai kejayaan pada 26 Ogos 1811 dan seterusnya pada 18 September 1811 Belanda menyerah melalui Kapitulasi Tuntang (perjanjian penyerahan kekuasaan di Indonesia dari pemerintah Hindia Belanda kepada pemerintah Britain). Maklumat ini diterima Badaruddin II buat pertama kalinya pada 3 September 1811. Maklumat tersebut tidak begitu meyakinkan Sultan Badaruddin II. Pada 11 September 1811 Badaruddin II mendapatkan maklumat kali kedua yang menyatakan bahawa pasukan Belanda di bawah pimpinan Gabernor Jeneral Jansens yang menggantikan Daendels telah menyerah di Semarang. Maklumat ini diperoleh daripada Sayid Zain Bafagih.[150] Berikutan daripada perkembangan ini, Badaruddin II memikirkan langkah untuk menghindarkan Palembang jatuh ke bawah kekuasaan British. Peluang yang dimiliki ialah dengan mengusir kedudukan Belanda di Palembang. Perkara ini dibincangkan oleh Badaruddin II dengan Pangeran Ratu dan Demang Usman, iaitu sorang keturunan Cina yang telah Islam dan selalu diminta pandangannya bila Badaruddin II mendapat masalah yang berkaitan dengan bangsa asing.[151] Seterusnya Badaruddin II mengumpulkan kerabat dan rakyatnya untuk mengusir para penghuni loji (orang Belanda) di Sungai Aur. Ketika usaha mengusir Belanda, Badaruddin II memerintahkan beberapa bangsawan untuk menemui Jacob Groenhof van Woortman. Dalam pertemuan itu mereka menyatakan kepada Woortman bahwa Batavia (Jawa) telah diserahkan oleh Belanda kepada British, oleh itu Belanda diminta untuk meninggalkan Palembang. Woortman menolak untuk meninggalkan Palembang dengan alasan tidak ada perintah dari Batavia. Mereka akan

---

150 Sayid Zain Bafagih adalah menantu dari Pangeran Syarif Umar seorang tokoh etnik Arab di Palembang dan Menantu Sultan Mahmud Badaruddin II. Beliau adalah ulama dan Penasihat Badaruddin II yang juga dibuang ke Ternate sebelum dipindahkan Belanda ke Menado. Dalam kunjungan penyelidik ke keluarga ini tahun 2009, penyelidik sempat bertemu dengan Keturunan Syarif Umar yang bermukim di Kampung Jawa Tondano Sulawesi Utara. (Temu Bual dengan Ibu Syarifah keturunan ke 5 dari Pangeran Syarif Usman di Kampung Jawa, Tondano Sulawesi utara, September 2009).

151 ANRI. Bundel Palembang no.67, M.O, Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1825*. Jakarta : Bhratara, hlm.6

tetap di Palembang sambil menunggu kedatangan British di Palembang sebagai penguasa baru yang menggantikan Belanda. Woortman juga meminta waktu tiga hari untuk mempersiapkan diri. Bagi mempertimbangkan permintaan Woortman tersebut, utusan Badaruddin II mempersilakan wakil Belanda, merundingkannya dengan Sultan.

Seterusnya permintaan Woortman tersebut disampaikan kepada sultan dan disambut baik oleh baginda dengan menghantar beberapa orang bangsawan untuk mengawal kedudukan orang Belanda itu. Residen Woortman juga disambut baik oleh sultan dengan mengadakan upacara rasmi. Dalam upacara itu Woortman dianugerah gelaran dan pada masa yang sama pasukan Palembang menyerang dan memasuki loji sungai Aur[152]. Dua puluh empat orang Belanda lelaki, wanita dan anak-anak serta 63 pelayan askar Jawa berjaya ditawan. Hanya seorang Indo-Eropah yang bekerja sebagai juru tulis iaitu Willem van Wateringbuys berjaya melarikan diri dengan menyamar sebagai pribumi bersama dengan saudara perempuannya.[153] Willem akhirnya tertangkap oleh penduduk dan dibuang ke daerah uluan (dusun Buri) dan diharuskan memeluk agama Islam.[154]

Semua tawanan tersebut dimuatkan ke dalam dua buah kapal iaitu sebuah kapal untuk orang Belanda dan sebuah kapal lagi untuk orang-orang Jawa. Tawanan

---

[152] Loji sungai Aur adalah bangunan yang didirikan Belanda pada masa Sultan Abdurrahman terletak di tepian sungai Aur yang bermuara ke sungai Musi. Bangunan ini berupa benteng dengan gerbang induk yang menghadap ke sungai Musi. Bangunan benrbentuk persegi panjang terdiri dari dinding batu-batu besar dengan panjang dan lebar kurang lebih 450 kaki (140 m) sehingga mempunyai luas sekitar 1400 roede (19.600 m). Didalamnya terdapat gudang persenjataan, gudang untuk barang dagangan, barak rumah sakit serta rumah-rumah untuk pegawai. Loji ini dilengkapi dengan delapan meriam besar (Gramberg, (1878), hal. 144-145) juga dipetik oleh Johan Hanafiah. (2007). Menelusuri Jejak Keraton-keraton, Sejarah Sosial, Politik dan Budaya Kesultanan Palembang. hlm .71.

[153] W.F. Stapel, (1940). *Geschiedenis van Nederlandsch Indie*. Jilid V. Amsterdam: Joost *van* den Vondel Sutherland. hlm. 96

[154] M.O. Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1825).* Jakarta : Bhratara, hlm 88.

ini dimaklumkan bahwa mereka akan dihantar ke Batavia (Jawa). Walau bagaimanapun, ketika dalam perjalanan menuju Jawa atau tepatnya ketika tiba di pangkalan Demang Saleh (kawasan muara Sungsang) tawanan yang terdiri daripada orang Eropah dan Jawa telah di bunuh di atas kapal dan ditenggelamkan. Peristiwa tersebut berlaku pada 14 September 1811 dan dikenal sebagai Peristiwa Loji Sungai Aur. Konspirasi Raffles sehingga membawa kepada pembunuhan tentera Belanda pada 1811 dibincangkan secara panjang lebar oleh J. C., Baud[155] dan diulas oleh Wurtzburg.[156] Tindakan tersebut menyebabkan Palembang bebas daripada pengaruh kuasa Belanda dan secara de facto pula British tidak boleh menuntut Palembang sebagai jajahan takluknya. Perkembangan tersebut memperlihatkan kedaulatan Palembang berada sepenuhnya di tangan Mahmud Badaruddin II.

Persediaan untuk melancarkan serangan ke atas Jawa dilakukan British dengan mempersiapkan tenteranya di bawah Komando Jenderal Sir Samuel Auchmuty.[157] Kekuatan armada yang besar tersebut berjaya memaksa pasukan Belanda di bawah pimpinan Jansens untuk menyerahkan diri kepada British. Penyerahan tersebut ditandai dengan penandatanganan perjanjian Tuntang pada 18 September 1811. Dalam perjanjian itu dinyatakan bahwa Belanda (pemerintahan Republik Bataaf) akan

---

[155] J. C. Baud, (1852). "Palembang in 1811 en 1812", *Bijdragen tot en Taal* , Land-en Voikenkunde van N. I. No. x, Amsterdam.

[156] Wurtzburg. C. E. (1952), Raffles and the Palembang Massacre. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 25, No. 1 (158)(August,), pp. 178-180.

[157]Kekuatan armada British dalam menyerbu Pulau Jawa dan proses penyerbuan British ke pulau Jawa terdiri dari 12 ribu tentara dan 100 kapal laut. Huraian lengkap dapat dibaca dalam kumpulan tulisan Mayor William Thorn dalam bukunya "Penaklukan Pulau Jawa", 2004. Jakarta: Kompas Gramedia. Mayor William Thorn adalah seorang tentara British yang ikut dalam ekspedisi pasukan British ke Indonesia tahun 1811 -1814.

menyerahkan Jawa, dan semua wilayah taklukan Belanda termasuk Madura, Palembang, Makassar dan Sunda kepada British.[158]

British beranggapan setelah perjanjian dimeterai dengan pihak Belanda, seluruh wilayah yang sebelum ini merupakan jajahan Hindia Timur Belanda telah menjadi kawasannya. Ia termasuk wilayah kerajaan Palembang yang sebelum ini termasuk di dalam lingkungan pengaruh Belanda. Langkah seterusnya dilakukan oleh British ialah dengan menghantar utusan ke Palembang. Utusan tersebut terdiri daripada tiga orang pegawai yang diketuai oleh Kapten Richard Philips dengan anggotanya Alexander Hare dan Willem Wardemar. Utusan tersebut membawa surat daripada Raffles kepada Sultan Mahmud Badaruddin II. Kandungan surat tersebut menyatakan, British bersedia untuk membantu Palembang melumpuhkan para perompak dan musuh Palembang. Selain itu, Raffles juga menjelaskan tentang kedudukan wilayah yang sebelum ini milik Hindia Timur Belanda kini berpindah kepada British dan menuntut agar sultan memperbaharui perjanjian dengan Pegawai Residen yang baru, iaitu Leftenan Thomas C. Jackson. [159] Kandungan surat ini dipertegaskan lagi oleh Komisi bertiga ini ketika mengadakan perjumpaan dengan Sultan Mahmud Badaruddin II.

Richards Philip dan anggota lainnya, mengadakan perjumpaan dengan Sultan Mahmud Badaruddin II pada 23 Nopember 1811. Dalam perjumpaan tersebut utusan British menyatakan, tugas yang dipikulnya adalah untuk mengambil alih loji Belanda sebagai perlaksanaan perjanjian Tuntang. British juga menawarkan perubahan

[158]W.F. Stapel, (1940). Geschidenis van Nederlandch Indie, Deel V. Joost van Vondel Amsterdam, hlm 94..; Ibrahim Alfian, T (Ed.). 1983/1984. *Sejarah perlawanan Terhadap Imperialisme dan Kolonialisme di daerah Sumatera Selatan.* Jakarta :Depdikbud. hlm. 32.
[159]Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821).* Jakarta: Bhratara, hlm.7.

kontrak dengan menawarkan harga bijih timah kepada 12 dolar Sepanyol sepikul. Jika sultan menolak cadangan tersebut, baginda dikehendaki menyerahkan pengendalian lombong bijih timah di Bangka kepada British dengan bayaran sebanyak 20 ribu dollar Sepanyol setahun.[160]

Sultan Mahmud Badaruddin II menjawab tuntutan British tersebut dengan memberikan jawaban bahawa pada 14 September 1811 orang Belanda telah disingkirkan dari Palembang. Oleh itu Palembang kini merupakan sebuah kerajaan yang merdeka. Jawaban yang ringkas tersebut membawa makna sultan enggan menyerahkan Palembang kepada British. Penolakan tersebut adalah berasaskan kepada prinsip apabila sultan memenuhi tuntutan British berarti Palembang tertakluk di bawah jajahan British. Ini akan menyebabkan kedudukan Palembang sebagai kerajaan bebas dan berdaulat hilang. Ini berbeza dengan pendirian British yang menganggapnya sebagai pengganti kepada kekuasaan Belanda ke atas Palembang. Perbezaan pandangan ini merupakan titik awal kepada konflik British dengan Palembang yang menyebabkan perubahan bentuk diplomasi daripada perundingan kepada ketenteraan.[161]

Dalam menghadapi kemungkinan serangan British ini, Badaruddin II berusaha mengelakkan diplomasi ketenteraan sebaliknya berusaha untuk meneruskan diplomasi perundingan dengan British. Beliau menghantar surat dan utusan rasmi ke Batavia.

[160]ANRI, Bundel Palembang No.67.

[161]Konflik ketenteraan antara British dan Palembang berlaku pada tahun 1814 berikutan serangan besar-besaran daripada British terhadap Palembang di bawah pemerintah Major Jeneral Robert Gillespie. Serangan ini berjaya menguasai Palembang. Sultan Palembang Mahmud Badaruddin II meninggalkan Palembang dan memimpin gerakan perlawanan dari kawasan Uluan/pedalaman. Sementara pemerintahan diserahkan kepada adiknya Pangeran Adipati. Seterusnya Pangeran Adipati diangkat oleh British sebagai Sultan Palembang dengan gelar Ahmad Najamuddin II menggantikan Mahmud Badaruddin II.

Utusan dipimpin Tomenggung Lanang yang tiba di Batavia pada Januari 1812. Terdapat tiga perkara penting yang disampaikan Badaruddin II kepada Raffles (British), iaitu pertama; Sultan menyambut baik tawaran kerjasama dari Raffles yang disampaikan melalui utusannya ke Palembang. Kedua; Sultan menjelaskan peristiwa pengusiran orang Belanda dari Palembang yang terjadi sebelum penaklukan pulau Jawa oleh British dan ketiga; Badaruddin II mengingatkan pihak British akan janjinya yang akan membebaskan Palembang apabila berjaya mengusir Belanda dari Palembang. Ketiga maksud tersebut penting dalam diplomasi Palembang, terutama point ke tiga. Perkara ini penting kerana ia memberi, British tidak mempunyai hak lagi untuk menguasai Palembang dan akan membiarkan Palembang berdiri sebagai kerajaan yang berdaulat.

3.4 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Palembang Menghadapi British

Diplomasi secara rundingan yang dilakukan Badaruddin II terhadap British, tidak berjaya mengatasi niat British untuk menakluki Palembang. Oleh itu kemungkinan adanya serangan British ke Palembang tidak dapat dielakkan. Perkara ini merupakan cabaran bagi kedaulatan Palembang. Peristiwa Loji Sungai Aur telah dijadikan alasan oleh British untuk menyerang Palembang. Alasan yang digunakan oleh Raffles untuk menguasai loji tersebut ialah sejak jatuhnya Batavia ke tangan British (Ogos, 1811) wilayah tersebut juga berada di bawah perlindungan British. Pada dasarnya alasan ini tidak begitu tepat karena, secara de facto British sememangnya telah menguasai Batavia, tetapi secara de jure, Belanda belum menyerahkan kekuasaan pemerintahan kepada British. Pasukan Belanda masih bertahan di wilayah lain sehinggalah

Perjanjian Tuntang ditandatangani[162] pada 18 September 1811, sedangkan peristiwa Loji sungai Aur terjadi pada 14 September 1811. Selain daripada itu status Palembang bukanlah daerah taklukan Belanda. Ini berdasarkan siri perjanjian yang ditandatangani sebelum ini oleh penguasa Palembang dengan Belanda lebih banyak bersifat perjanjian ekonomi. Oleh yang demikian, pendudukan Batavia oleh British mahupun Perjanjian Tuntang tidak boleh dijadikan alasan untuk menyerang Palembang.

3.5 Daripada Diplomasi Kepada Ketenteraan

Memandangkan keadaan hubungan Palembang dengan British semakin rumit, Badaruddin II mengadakan perbincangan dengan para Mantri, Bangsawan dan Depati dari Uluan untuk menentukan sikap dan pendirian Palembang dalam menghadapi British.[163] Pertemuan itu menghasilkan suatu ketetapan yang Palembang akan menghadapi kehadiran tentera British dengan mempersiapkan pertahanan negeri secara maksima. Benteng dan pertahanan Palembang diperkuat dengan menempatkan meriam di Benteng Borang.[164] Badaruddin II juga menghimpunkan rakyat Bangka

[162].Perjanjian Tuntang ditandatangani Oleh Belanda dan British pada 18 September 1811. Isi terpenting dari perjanjian itu adalah Belanda menyerah kepada British. Dalam perjanjian itu disebutkan Madura, Palembang, Makassar dan Sunda diserahkan kepada British. Dengan perjanjian itu, maka Palembang termasuk daerah yang diserahkan Belanda ke tangan British. Perjanjian Tuntang ini, jelas menunjukkan sikap Belanda yang seolah-olah sudah menguasai/ memiliki Palembang, padahal saat itu Palembang berstatus sebagai kesultanan yang berdaulat atas negerinya.

[163] Konsep hubungan masyarakat huluan dengan sultan Palembang dikupas oleh Dedi Irwanto, Murni, Supriyanto. (2010). "*Iliran-Uluan: Dikotomi sekaligus Dinamika dalam Sejarah Kultural Palembang".* Yogyakarta: Eja Publisher.

[164]Benteng Borang adalah benteng terdepan dari pertahanan Palembang. Benteng ini terletak di pulau Borang yang berjarak sekitar 20 km dari Bandar Palembang. Benteng ini dibangun dengan ketinggian 20-30 kaki dari tanah, dikelilingi pagar bambu yang kokoh. Dari sisi pertahanan posisi benteng ini strategis, kerana untuk menuju Palembang jalur yang ditempuh hanya melalui sungai Musi dan akan berjumpa dengan pulau Borang yang berada di tengah sungai Musi. Tepian sungai Musi di sekitar Borang merupakan daerah rawa sehingga tak dapat dilalui dengan berjalan kaki. Benteng ini dipertahankan oleh adik Sultan Pangeran Adipati (Najamuddin II) dengan kekuatan persenjatan meriam sebanyak 102 meriam, rakit api, dan kapal bersenjata..

dan rakyat Belitung, semua orang hulu dikerahkan untuk menghilir ke Palembang dengan membawa alat senjata. Semua Pangeran, punggawa menteri diberi tugas di Benteng pertahanan.[165]

Tindakan Badaruddin II ini, merupakan suatu langkah penting dalam mempertahankan Palembang. Perjumpaan dengan wakil rakyat di seluruh kawasan kerajaan Palembang turut diadakan bagi menanamkan rasa cinta terhadap pemimpin dan negeri Palembang. Rakyat perlu diyakinkan bahawa perjuangan menghadapi British bukanlah perjuangan sultan dan keluarganya, tetapi juga perjuangan bersama seluruh rakyat kerajaan Palembang.

Usaha untuk mempertahankan Palembang daripada serangan British, maka Badaruddin II memusatkan pertahanan di Benteng Borang. Benteng ini merupakan pintu masuk utama ke bandar Palembang. Kekuatan benteng Borang terdiri dari 102 meriam, perahu-perahu, rakit api dan persenjataan lain. Pimpinan pertahanan benteng Borang diketuai oleh adik Sultan Badaruddin II iaitu Raden Husin atau Pangeran Adi Menggalo yang juga bergelar Pangeran Depati atau Adipati (seterusnya disebut Pangeran Adipati). Ia dibantu oleh dua orang adik sultan lainnya iaitu Pangeran Adi Kusuma dan Pangeran Nata Kusuma.[166] Tindakan Badaruddin II ini merupakan suatu tindakan untuk menekan British agar tidak menganggap mudah dan Palembang telah bersiap sedia menghadapi segala kemungkinan yang akan terjadi.

---

[165]M.O. Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821).* Jakarta : Bhratara, hlm. 90.

[166]Sultan Mahmud Badaruddin II adalah putera dari Sultan Muhammad Bahauddin dgn Ratu Agung. Ia mempunyai empat saudara laki-laki dari satu ibu (Ratu Agung), dan 14 saudara lain ibu. Saudaranya satu ibu yaitu Raden Husin (Pangeran Adi Menggala), Pangeran Adikusuma, dan Pangeran Natakusuma. Pangeran Adikusuma ketika Ahmad Najamuddin II menjadi raja diangkat sebagai Pangeran Arya Kusuma dan menduduki jabatan sebagai Adipati, sedangkan Pangeran Natakusuma diangkat sebagai Pangeran Suryakesuma. Lihat, Drs. Mardanas Safwan. (2010). *Sultan Mahmud Badaruddin II: Riwayat Hidup dan Perjuangannya (1767-1852).* Jakarta: Mutiara Sumber Widya.

Dalam usaha untuk menyerang Palembang, arahan dikeluarkan oleh Raffles kepada Kolonel Gillespie untuk menyerang Palembang pada 19 Mac 1812. Dalam arahan tersebut dinyatakan[167] bahawa penyerangan British ke atas Palembang perlu dilakukan dalam usaha untuk menjaga kewibawaan (martabat) British di Hindia Timur. Selain itu serangan ke atas Palembang penting dilakukan kerana dengan jatuhnya Palembang, menyebabkan British akan dapat menguasai Bangka yang kaya dengan bijih timah.

Dalam serangan ke atas Palembang British mengerahkan armada yang sangat besar. William Thorn,[168] melaporkan kekuatan pasukan British itu adalah seperti berikut:

- Kapal Sri Baginda Cornelia, dipimpin kapten Owen
- Kapal Sri Baginda Bucephalus, dipimpin kapten Drury
- Kapal Sri Baginda jenis sloop Procris, dipimpin kapten Freeman
- Kapal Penjelajah Pasukan Kehormatan Teighmough, dipimpin Kapten Howitson
- Kapal Penjelajah Pasukan Kehormatan Mercuri, dipimpin Kapten Convers
- Kapal Meriam Schooner Wellington, dipimpin Kapten Cromy
- Kapal Meriam Young Baracouta, dipimpin Kapten Lynch, dan
- Empat Kapal pengangkut pasukan, yaitu Samdany, Minerva, Matilda dan Mary Ann.

[167]Bundel ANRI No.62.2
[168]William Thorn. (2004). *Penaklukan Pulau Jawa*. Jakarta : Gramedia, hlm. 119.



Peta 3.1. Posisi Benteng Borang. Sumber: M.O. Woelders (1975) *Het Sultanaat Palembang*

Pasukan yang dibawa ke Palembang adalah unit pasukan HMS dari Regement ke-59 dan 89. Pasukan HMS dari Regement 59 membawa 3 pasukan, pasukan rifle dan pasukan sayap. Sedangkan Regement 89 membawa 5 pasukan, pasukan Artilery berkuda, dan pasukan tak berkuda, pasukan Artileri Bengali, 2 pasukan Sepoy, dan satu pasukan dari tentara Ambon.

Pada 20 Mac 1812 Armada British berangkat dari Batavia, dan tiba di perairan muara Sungsang pada 15 April 1812. Ketibaan armada British ini membuat Sultan Badaruddin II perlu memikirkan kelangsungan kerajaannya. Terdapat dua kemungkinan yang dapat dilakukan Badaruddin II iaitu, pertama; menghadapi armada British tersebut dengan melalui kaedah diplomasi perundingan. Kedua, jika diplomasi perundingan mengalami kegagalan, maka Palembang harus menghadapi British melalui diplomasi ketenteraan iaitu melalui peperangan. Berdasarkan kepada kedua-dua alternatif tersebut, Badaruddin II lebih berminat dengan alternatif pertama, iaitu berusaha mengajak pihak British untuk berunding.

Dalam rangka diplomasi itu, Badaruddin II menghantar utusan Pangeran Syarief[169] berunding dengan Kolonel Gillespie yang sedang berlayar ke Palembang. Pertemuan tersebut diadakan pada 20 April 1812 di atas kapal Gillespie. Antara yang dibincangkan ialah tentang maksud kedatangan armada British ke Palembang. Gillespie menyatakan kedatangannya ke Palembang adalah untuk membawa cadangan daripada pihak British kepada Sultan Palembang.[170] Jawaban daripada Gillespie tidaklah memuaskan hati Badaruddin II, menyebabkan beliau menghantar sepucuk surat melalui utusannya Pangeran Prana. Kandungan surat itu mengucapkan selamat kepada Gillespie atas ketibaannya di Sungai Sungsang dan mengakui bahawa British adalah kawan kepada Sultan Palembang. Setelah menerima surat kedua ini, Gillespie menyatakan yang kehadiran armadanya hanya sekejap sahaja iaitu sekitar dua hari

[169]Pangeran Syarif adalah Ketua para Sayid di Palembang. Sayid adalah kelompok masyarakat Arab yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan masyarakat Palembang.
[170]William Thorn, *Penaklukan Pulau Jawa*. hlm 124.

bertujuan untuk membicarakan masalah penting dengan sultan demi menjamin keselamatan penduduk Palembang.[171]

William Thorn, dalam laporannya menyatakan, armada British memulakan perjalanan menuju Palembang sejak 22 April 1812. Pasukan British sedar tentang cabaran yang bakal dihadapi iaitu pertempuran dengan pasukan Palembang yang bertahan di Benteng Borang. Benteng ini merupakan benteng terkuat dan dikendalikan oleh pasukan yang lengkap siap sedia untuk berperang.[172] Kawalan ke atas benteng ini dikendalikan oleh komando tertinggi pimpinan Pangeran Adipati dengan dibantu oleh dua saudaranya iaitu Pangeran Surya Kesumo dan Pangeran Aryo Kusumo. Secara teoritis Benteng ini agak sukar ditaklukkan oleh Gillespie.

Pasukan British yang menyedari akan kekuatan benteng Borang ini berusaha mencari cara bagaimana untuk menakluki benteng ini. Kelemahan benteng tersebut terbongkar apabila salah seorang tentera Belanda yang pernah terlibat dalam perang dengan Palembang iaitu H. van Waey.[173] Beliau memberikankan cadangan bagaimana strategi untuk benteng Borang boleh ditakluki. Berikutan daripada cadangan tersebut, British menghantar seorang utusan untuk menemui Pangeran Adipati untuk menawarkan jawatan sultan kepadanya, sekiranya beliau tidak menentang kemaraan British. Tawaran yang menarik tersebut menyebabkan Pangeran Adipati mula memikirkan masa depannya dan Palembang dalam membuat pertimbangan untuk

[171]*Java Government Gazette*, 30 Mei 1812. Batavia.
[172]Berdasarkan laporan dari Gillespie kepada Raffles bahwa pasukan British ketika merebut Benteng Borang berhasil membawa 102 meriam. Dengan demikian dapat diperkirakan jumlah kekuatan benteng borang. Selain itu benteng ini dilengkapi dengan perahu-perahu, rakit api, dan kapal bersenjata.
[173]H. Van. Waey, (1875). *Palembang 1809-1819.* Tijdscrift voor Nederlansch Indie. Waey adalah seorang perwira Belanda yang ikut terlibat dalam perang Palembang Belanda (1819). Ia terlibat dalam pembuatan benteng Belanda di Toboali Bangka.

menolak atau menerimanya. Sekiranya beliau menerima bererti Adipati harus menyerahkan Benteng Borang kepada British dan jika cadangan tersebut ditolak maka peperangan tak dapat dihindarkan lagi.[174]

Tawaran perundingan daripada British diterima oleh Pangeran Adipati. Tindakan Adipati tersebut berdasarkan pada pertimbangan yang Sultan Badaruddin II juga pernah melakukan perkara yang sama dengan British dan Belanda sebelum ini. Tawaran British jawatan Sultan Palembang kepada Pangeran Adipati sangat mempengaruhi sikap beliau ketika perundingan tersebut. Akibatnya, misi diplomasi British berunding dengan Pangeran Adipati, berjaya mempengaruhi sikap politiknya dan sekali gus menyebabkannya begitu mudah dikuasai tanpa peperangan. Ini berikutan tindakan beliau memerintahkan pasukannya untuk tidak melakukan penentangan terhadap British. Tindakan ini mengakibatkan Armada British dengan mudah masuk ke Palembang. Tindakan ini jelas bertentangan dengan sikap kesatria dan bertentangan dengan perintah yang diberikan oleh Badaruddin II iaitu mempertahankan benteng terpenting iaitu benteng Borang tersebut. Kejayaan misi diplomasi British ini merupakan satu pelanggaran kepada dasar diplomasi Palembang yang hanya membenarkan sultan untuk mengendalikan perundingan dan membuat keputusan dengan pihak luar. Perundingan dengan British yang dilakukan oleh Pangeran Adipati ini merupakan permulaan kepada rosaknya sistem kekeluargaan dan sistem pemerintahan tradisional yang diamalkan dalam kesultanan Palembang.

[174] Aspek ini turut dibincangkan oleh Barbara Watson Andaya, "Adapting to Political and Economic Change: Palembang in the Late Eighteenth and Early Nineteenth Centuries" dalam, Anthony Reid. (ed.). (1997). *The Last Stand of Asian Autonomies: Responses to Modernity in the Diverse States of Southeast Asia and Korea, 1750–1900*. London: MacMillan Press Ltd. hlm. 187-216

Persoalan yang menjadi tanda tanya adalah mengapa Pangeran Adipati bersikap demikian? Berdasarkan kepada catatan salah sebuah naskah Palembang, disebutkan bahawa Pangeran Adipati pernah dicadangkan oleh ibu Sultan Muhammad Bahauddin agar dijadikan putra Mahkota (Pangeran Ratu) yang kelak akan menjadi raja menggantikan Muhammad Bahauddin. Usulan ini seterusnya dibawa pada persidangan dewan kerajaan, kerana ia melanggar ketetapan kerajaan yang menetapkan bahawa orang yang berhak menjadi sultan adalah anak tertua, sedangkan Pangeran Adipati adalah anak kedua. Dalam sidang dewan kerajaan disepakati bahawa calon yang berhak menjadi Pangeran Ratu adalah anak tertua.[175] Dengan demikian yang berhak menjadi raja adalah Raden Hasan atau Mahmud Badaruddin II. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa sehingga setelah peluang tersebut tiba kembali, beliau tidak berfikir panjang lagi.

Benteng Borang diperoleh British daripada Pangeran Adipati pada 24 April 1812. Kejatuhan Benteng Borang ini memberikan kesan kepada kejatuhan awal Kesultanan Palembang. Selepas menyerahkan kepada British, Pangeran Adipati melaporkan tentang kejatuhan benteng Borang kepada Sultan Mahmud Badaruddin II. Kejatuhan benteng utama tersebut telah menyebabkan sultan perlu mencari satu strategi yang cepat dan tepat untuk memastikan kesinambungan kedaulatan Palembang dapat diperlihara. Strategi pertama yang dilaksanakan ialah melancarkan serangan balas terhadap British yang dilaksanakan sendiri oleh Badaruddin II dengan disertai oleh Pangeran Adipati dan rakyat Palembang. Strategi kedua adalah Badaruddin II mengundurkan diri ke pedalaman dan melancarkan serangan dari luar kota.

---

[175] K.H.O.Gadjah Nata, , dan Sri Edi Swasono. (Ed). (1989). *Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. Jakarta: Universitas Indonesia.

Kedua-dua strategi ini mempunyai kesan yang tersendiri. Jika Badaruddin II menggunakan strategi pertama, ia akan mengakibatkan kehancuran ibu kota Palembang akibat dibedil British. Sekiranya strategi ini mengalami kegagalan, kota Palembang akan diduduki British, dan nasib Badaruddin II mungkin menjadi lebih buruk. Ini kerana apabila Badaruddin II tertangkap atau terbunuh ketika mempertahankan Palembang, maka kedaulatan Palembang akan hilang dan Palembang menjadi daerah taklukan British. Penggunaan strategi kedua, iaitu dengan meninggalkan Palembang dan seterusnya mengatur strategi penentangan daripada luar kota Palembang. Melalui strategi ini, Sultan Palembang perlu melantik wakil sultan yang ditempatkan di istana untuk mengendalikan pemerintahan bagi pihak sultan sebenar Palembang dalam menghadapi perluasan kuasa British. Strategi ini mampu mengurangkan risiko pembunuhan atau penangkapan Sultan Badaruddin II ketika berhadapan dengan British dan dapat memastikan kesinambungan kedaulatan Palembang dapat dipertahankan. Risiko yang bakal dihadapi oleh sultan sekiranya mereka yang diamanahkan untuk mewakili sultan belot atau mengkhianati amanah yang diberikan. Jika ini berlaku, wakil sultan akan bertindak menyebelahi British untuk menyingkirkan sultan yang asal iaitu Badaruddin II. Ini menyebabkan kedaulatan Palembang akan hilang kepada British dan sultan sebenar negeri tersebut juga akan dilucutkan jawatannya. Bagi mengendalikan strategi tersebut dan dalam keadaan yang amat terdesak ini, Pangeran Adipati menyarankan agar Badaruddin II meninggalkan Palembang, dan beliau sanggup untuk menjadi wakil Sultan Palembang dalam menghadapi kemaraan British ke negeri tersebut.

Peristiwa kejatuhan benteng Borang memberi kesan yang besar kepada kemaraan tentera British ke bandar Palembang, kerana benteng Borang merupakan

pertahanan terkuat kerajaan tersebut. Kejatuhan benteng Borang telah membuka jalan bagi British untuk bergerak dengan aman ke arah bandar Palembang. Sementara itu Badaruddin II yang mengikuti saranan daripada Pangeran Adipati untuk mengundurkan diri di kawasan hulu telah melaksanakan strategi tersebut. Permulaannya, sultan menghantar para perempuan dan anak-anak ke dusun Muara Blida. Pangeran Adipati pula menghantar keluarganya ke dusun Tanjung Saga, sedangkan Pangeran Adikesuma dan Pangeran Natakesuma menghantar keluarganya ke dusun Tempiri.[176]

Badaruddin II kemudian mengundurkan diri ke pedalaman dan menyerahkan kuasa kerajaan kepada adiknya Pangeran Adipati untuk sementara waktu. Pengunduran beliau ke pedalaman (uluan atau Muararawas) merupakan strategi serangan balas yang difikirkan paling selamat untuk kedaulatan Palembang. Kawasan pedalaman sememangnya merupakan asas pertahanan yang dibina oleh Badaruddin II dalam menghadapi kuasa asing sekiranya pusat pemerintahan Palembang dikuasai Belanda atau kuasa lain. Ini menyebabkan beberapa benteng pertahanan telah siap dibina, seperti benteng di Muara Rawas. Dari aspek strategi perjuangan, dengan mengundurkan diri dari Palembang, Badaruddin mempunyai kesempatan untuk mendekati rakyatnya serta memupuk semangat untuk mempertahankan tanah air serta menentang bangsa asing. Secara psikologis langkah Badaruddin II tersebut membolehkannya mendapatkan simpati rakyat, kerana pengunduran diri tersebut menunjukkan bahwa beliau sentiasa bersama rakyatnya dalam perjuangan menghadapi British. Ini menyebabkan rakyat Palembang sentiasa mendukungnya

[176]M.O. Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang*. hlm. 91-92.

dalam perjuangan menghadapi British mahupun Belanda. Pada 25 April 1812 Badaruddin II serta pengikut dan tenteranya mengundurkan diri ke pedalaman.

Sebelum berundur ke kawasan pedalaman Palembang, Badaruddin II meninggalkan tiga amanat penting kepada adiknya, Pangeran Adipati. Amanat tersebut:

1. Tetap berada di Palembang,
2. Dilarang menaikkan bendera British, dan
3. Tidak boleh mengikat perjanjian dengan British.[177]

Memandangkan jumlah armada yang dihantar Raffles ke Palembang sangat besar, Badaruddin II berpendapat adalah tidak wajar untuknya mendepani kuasa tersebut secara perang terbuka. Ini berdasarkan kepada perkiraan yang kekuatan pertahanan Palembang akan hancur jika beliau melaksanakan tindakan sedemikian. Malah tindakan sedemikian juga akan merugikan Palembang untuk perjuangan jangka panjang khususnya perjuangan menentang kuasa asing. Berdasarkan kepada kandungan amanat Badaruddin II tersebut, jelas sekali tindakannya mengundurkan diri ke pedalaman adalah sebagai satu usaha untuk menghindari peperangan terbuka dengan British secara berdepan di samping sebagai satu strategi untuk menyekat British daipada berkuasa di Palembang. Sultan Badaruddin II juga yakin yang adiknya Pangeran Adipati akan mematuhi amanatnya yang ditinggalkannya.

Penyerahan kekuasaan pemerintahan itu bukanlah bererti Badaruddin II akan kehilangan kuasanya ke atas takhta Palembang tetapi tindakannya itu hanya bersifat

[177]RHM Akib, (1978). *Sejarah Perjuangan Sultan Mahmoed Baderedin II*. Palembang, hlm.42.

sementara. Dari sudut hirarki kekuasaan di Kesultanan Palembang, sultan masih lagi disandang oleh Badaruddin II, manakala adiknya bukanlah sultan Palembang yang sebenar tetapi hanyalah pemangku sultan. Ini kerana beliau tidak dinobatkan sebagai pengganti Badaruddin II tetapi hanyalah sebagai melaksanakan pemerintahan selama mana Badaruddin II berada di pedalaman. Oleh itu Pangeran Adipati masih lagi sebagai sorang Pangeran sebagaimana adik-adik sultan yang lain. Sultan Badaruddin II juga telah mengangkat anaknya Pangeran Ratu sebagai putra Mahkota sultan yang akan menggantikannya sebagai sultan Palembang. Daripada aspek lain, Pangeran Adipati menganggap dirinya sebagai pengganti Badaruddin II sebagai sultan setelah abangnya itu berundur ke pedalaman. Bagi merealisasikan hasrat tersebut beliau merasakan perlu untuk menjalin hubungan yang baik dengan British dalam usahanya untuk diangkat oleh kuasa tersebut sebagai sultan dan melaksanakan pemerintahan di Palembang secara sah.

Perpindahan kepemimpinan kerajaan daripada Badaruddin II kepada adiknya Pangeran Adipati, merupakan titik permulaan kepada krisis perwarisan Kesultanan Palembang yang bukan sahaja melibatkan British tetapi juga Belanda. Kedua kuasa tersebut memanfaatkan situasi tersebut untuk melemahkan Kesultanan Palembang dengan mencipta persengketaan dalam kalangan keluarga DiRaja tersebut. Cara yang dilakukan oleh kedua kuasa tersebut untuk mencipta krisis perwarisan istana Palembang ialah dengan menyokong salah seorang daripada mereka. Secara keseluruhannya tindakan Pangeran Adipati bekerjasama dengan British sejak awal lagi telah membuka pintu kepada kuasa Eropah tersebut untuk menerobos masuk ke dalam sistem kekuasaan Kesultanan Palembang dan seterusnya merosak sistem pewarisan dan kepemimpinan kerajaan tersebut. Keadaan ini akhirnya

menghancurkan terus kedaulatan kerajaan Palembang setelah kejatuhannya ke tangan British dan seterusnya Belanda.

Penyerahan pimpinan kerajaan kepada Pangeran Adipati mempunyai beberapa kesan politik dan diplomasi. Pertama; dengan penyerahan tersebut, Pangeran Adipati menganggap dirinya menjadi pemegang kuasa atau Sultan Palembang. Keadaan ini menyebabkan beliau merasakan dirinya mempunyai hak untuk menentukan dasar politik Palembang. Ini menyebabkan beliau mengadakan perjanjian dengan British. Seterusnya dengan perlantikan Pangeran Adipati, maka pihak British beranggapan bahwa Badaruddin II tidak mempunyai kuasa lagi ke atas Palembang. Sebagai pengganti sementara kepada Badaruddin II, British mengambil pendekatan memperkuatkan kedudukan Pangeran Adipati sebagai pemerintah Palembang. Keadaan ini juga menyebabkan Pangeran Adipati merasakan, kuasa yang diterima daripada Badaruddin II tersebut perlu dipertahankan. Untuk membolehkan beliau terus memegang jawatan sebagai Sultan Palembang, usaha mengadakan rundingan dengan British perlu dilaksanakan supaya kuasa tersebut dapat menyokong dan mengiktiraf kedudukannya.

Tindakan penyerahan kekuasaan oleh Badaruddin II kepada adiknya Pangeran Adipati adalah perkara yang pertama kali terjadi dalam Kesultanan Palembang. Dalam tradisi peralihan kekuasaan di Kesultanan Palembang, pemerintahan yang dipegang oleh sultan hanya akan berakhir apabila sultan tersebut mengundurkan diri sebagai Susuhunan atau wafat. Keadaan tersebut boleh dilaksanakan dengan baik kerana ancaman politik dari kuasa Barat tidak dialami oleh pemerintahan kerajaan tersebut sebelumnya. Era pertapakan British di Palembang ketika pemerintahan

Badaruddin II memperlihatkan usaha penguasaan politik melalui perjanjian mula dilakukan. Memandangkan pendirian Sultan Badaruddin II yang ingin mempertahankan kesinambungan kedaulatan kerajaan Palembang, Beliau terpaksa berundur daripada Palembang ke wilayah pedalaman dan meninggalkan kekuasaan Palembang kepada adiknya sehingga keadaan kembali setabil. Walaupun Badaruddin II tidak berada di ibukota kerajaan, namun roda pemerintahan tetap berjalan di bawah Pangeran Adipati. Dengan demikian secara undang-undang antarabangsa, kesultanan Palembang tetap ada kerana mempunyai sultan dan organisasi istana. Namun dari perspektif lain, dengan penyerahan kekuasaan tersebut kepada adiknya yang juga bercita-cita untuk menggantikannya telah membuka ruang kepada campurtangan kuasa lain yang memberi kesan dalam mempercepat kejatuhan kesultanan Palembang.

3.6 Pendudukan British dan Perubahan Takhta Kesultanan Palembang

Thorn[178] mendakwa setelah Benteng Borang dikuasai dan armada British meneruskan perjalanan ke ibukota Palembang dengan lancar, terdapat saki baki tentera Palembang yang setia kepada Badaruddin II meneruskan penentangan terhadap British. Walau bagaimanapun, usaha tersebut gagal disebabkan keupayaan ketenteraan British yang jauh lebih kuat setelah pasukan tersebut berpecah. Palembang berjaya dikuasai sepenuhnya oleh British pada 28 April 1812 yang memperlihatkan buat kali pertamanya bendera Union Jack, British dikibarkan di perkarangan keraton Palembang. Meskipun Palembang berjaya dikuasai, namun British tidak berjaya menangkap Badaruddin II, kerana beliau berada di daerah hulu bagi memimpin

[178] William Thorn. (2004). *Penaklukan Pulau Jawa*. Jakarta: Elex Media Komputindo, hlm 122

penentangan terhadap British dari luar Palembang. Dari perspektif ketenteraan, kegagalan menangkap Badaruddin II memperlihatkan British masih gagal menguasai Palembang dalam ertikata sebenar. Ini memandangkan sultan sebenar masih hidup dan berusaha melancarkan srerangan ke atas kedudukan British dan sultan yang diangkat kuasa tersebut. Bagi melemahkan pemimpin dan ketenteraan Palembang, British melaksanakan strategi mengadu domba antara Badaruddin II dengan adiknya Pangeran Adipati. Memandangkan kejayaan adiknya Pangeran Adipati menaiki takhta Palembang atas sokongan British dan tidak mengikut adat Kesultanan Palembang, beliau sentiasa merasakan kedudukannya sentiasa tidak selamat. Malah tindakan Pangeran Adipati berkunjung ke Markas armada British di Kuto Besak pada 30 April 1812 memperlihatkan kedudukannya yang terlalu bergantung kepada British. Kehadirannya disambut oleh kapten Meares dan tentera British yang berkawal di Benteng. Petangnya Gillespie pula melakukan kunjungan balas ke kediaman Pangeran Adipati di keraton Kuto Lamo.

Ketika Palembang dipimpin oleh Pangeran Adipati, hubungan istana dengan British kelihatan begitu intim walaupun merasakan kedudukan mereka yang masih belum selamat berikutan ancaman Badaruddin II yang bila-bila masa boleh sampai ke Palembang. Kunjungan kedua-dua pemimpin tersebut memperlihatkan langkah diplomasi Pangeran Adipati ke atas British yang bukannya bersifat atas dasar sama taraf tetapi merendahkan kedudukan istana Palembang. British menjadi pihak yang begitu berkuasa ke atas kerajaan tersebut kerana telah berjaya menguasai Palembang. Sementara itu Palembang menjadi pihak yang dikuasai British bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga politik. Ini memandangkan Sultan Palembang yang memerintah

ketika itu adalah disokong oleh kuasa tersebut. Perkara ini akhirnya mempengaruhi segala bentuk perundingan yang dilakukan oleh kedua belah pihak.

Dalam perundingan berhubung dengan kedudukan sultan antara Pangeran Adipati dengan pihak British yang diwakili Kolonel Gillespie, satu kata sepakat dicapai iaitu Sultan Mahmud Badaruddin II diturunkan dari kekuasaanya dan digantikan oleh Pangeran Adipati sebagai Sultan Palembang dengan memakai gelaran Sultan Ahmad Najamuddin II.[179] Kejayaan Sultan Ahmad Najamuddin II menaiki takhta ini menjadikan seluruh Palembang sebagai wilayah taklukan British. Langkah bagi memantapkan kedudukannya, beliau melantik saudaranya yang lain untuk memegang jawatan dalam pemerintahan kerajaan Palembang. Pangeran Aryo Kusuma diangkat sebagai Pangeran Adipati dan Pangeran Suryo Kusumo diangkat sebagai Pangeran Aryo Kusuma. Selain itu Ahmad Najamuddin II juga mengangkat anaknya menjadi Putera Mahkota dengan gelar Pangeran Anom.

Apa yang dilakukan oleh Sultan Ahmad Najamuddin II ini secara politik merupakan langkah penting untuk mengukuhkan kuasanya sebagai Sultan Palembang selain untuk memastikan tiadanya cubaan mengulingkannya. Ini kerana struktur kekuasaan di Kesultanan Palembang menetapkan Pangeran Adipati yang merupakan wakil Sultan 1 dalam bidang pemerintahan dengan dibantu oleh Pangeran Aryo sebagai wakil Sultan 2. Langkah melantik semula Putera Mahkota yang baharu

[179]Nama kecil dari Ahmad Najamuddin, pada mulanya adalah Raden Husin. Ketika Dewasa ia memakai nama Pangeran Adi Menggolo. Ketika Sultan Mahmud Badaruddin II naik tahta, Pangeran Adi Menggolo menduduki posisi Adipati yang mengurusi masalah pemerintahan, kerana itu ia disebut juga dengan Pangeran Adipati. Ketika ia diangkat oleh British sebagai Sultan Palembang, maka Pangeran Adipati memakai gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (II). Nama Ahmad Najamuddin adalah nama dari kakeknya Sultan Ahmad Najamuddin (I). Setelah mengundurkan diri dari pemerintahan Sultan Ahmad Najamuddin (II) menggunakan gelaran Susuhunan Husin Diahuddin.

adalah satu langkah untuk mengelakkan berlakunya pengembalian kuasa ke tangan keturunan Badaruddin II. Ini menyebabkan Pangeran Ratu yang dilantik oleh Badaruddin II sebagai Putera Mahkota sebelumnya telah dibatalkan. Pemberian jawatan penting kepada kedua saudaranya itu, merupakan satu usaha membalas jasa di atas kesediaan mereka untuk mematuhi arahan Najamuddin II untuk tidak menentang British ketika berkawal di Benteng Borang.

Terdapat dua pertimbangan utama yang mendorong Sultan Najamuddin II, mengadakan perundingan dengan British, walaupun menerima amanat daripada Badaruddin II sebelum beliau meninggalkan Palembang. Antara amanat Badaruddin II ialah supaya tidak melakukan perundingan dan mengikat perjanjian dengan British. Pertimbangan pertama ialah; ia merupakan tindakan susulan daripada diplomasi rahsia (secret diplomacy) Pangeran Adipati dengan British sebelum kejatuhan benteng Borang. Hasil perundingan tersebut beliau ditawarkan jawatan Sultan Palembang sekiranya kejayaan British menguasai Palembang. Kesempatan ini sememangnya telah lama ditunggu oleh Najamuddin II memandangkan beliau tersisih daripada menjadi pemerintah Palembang menurut adat kesultanan tersebut kerana kedudukannya sebagai anak kedua. Pertimbangan kedua; pertimbangan Najamuddin II boleh dikaitkan dengan situasi dan keadaan keselamatan Palembang yang mendesak. Kedudukan British yang telah berada di Palembang, menyebabkan agak sukar baginya untuk menghalau kuasa tersebut demi mempertahankan kedaulatan Palembang. Tambahan pula, keadaan Palembang ketika itu, tidak memungkinkan bagi Najamuddin II untuk memerangi British, kerana kekuatan ketenteraan Palembang agak berkurangan. Ini kerana sebahagian tentera Palembang menyertai Badaruddin II untuk berundur ke pedalaman. Tindakan Najamuddin II menentang British hanya

mengundang kehancuran negeri Palembang. Ini ditambah pula dengan kejatuhan benteng Borang iaitu benteng utama pertahanan Palembang yang menjadikannya lemah sehingga tidak mungkin dapat bangkit kembali. Perkara yang lebih membincangkan ialah sekiranya penentangan bersenjata dilaksanakan oleh Najamuddin II terhadap British, akan mengundang risiko yang lebih buruk iaitu dengan jatuhnya Kesultanan Palembang sepenuhnya ke tangan British akan menyebabkan institusi Kesultanan Palembang akan dibubarkan. Dengan kata lain tindakan Najamuddin II ini merupakan langkah untuk menyelamatkan institusi kesultanan kerajaan Palembang daripada ditakluki British sepenuhnya.

Bagaimanakah sikap rakyat terhadap perlantikan Najamuddin II sebagai Sultan Palembang? Secara umumnya, rakyat Palembang terutama di daerah uluan (pedalaman), masih mengakui Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Ini dibuktikan dengan sokongan rakyat kawasan uluan terhadap perang gerila yang dipimpin oleh Badaruddin II dan anaknya Pangeran Ratu. Bagi rakyat uluan Najamuddin II adalah sultan lantikan British dan tidak sah dan tidak perlu dipatuhi. Sebaliknya di bandar Palembang masyarakatnya berpecah dua iaitu, kelompok pertama ialah yang menyokong dan mengakui Najamuddin II sebagai sultan. Mereka terdiri daripada keturunan Najamuddin II dan para pengikutnya. Kelompok kedua adalah mereka yang tidak mengakuinya kesultanan Najamuddin II dan tetap setia pada Badaruddin II.

Kesediaan British mengangkat Pangeran Adipati menjadi sultan berasaskan kepada pertimbangan politik yang matang. Sasaran British sebenarnya ialah penguasaan ke atas kawasan kesultanan Palembang, khususnya Bangka dan Belitung.

Kedua kawasan ini merupakan kawasan lombong bijih timah terbesar ketika itu. Raffles berpendapat penguasaan ke atas kawasan terkaya tersebut tidak mungkin dapat dicapai selagi Palembang masih di bawah kekuasaan Badaruddin II. Ini menyebabkan Raffles mencari tokoh penguasa Palembang yang sesuai untuk menggantikan Badaruddin II. Selain itu ketiadaan Sultan Badaruddin II di Palembang ketika itu menyukarkan sebarang perundingan diadakan dengan beliau.

3.7 Diplomasi dan Strategi Pertahanan Era Sultan Ahmad Najamuddin II

Keseronokan yang dialami oleh Sultan Najamuddin II tidaklah kekal lama. Pada 17 Mei 1812, Ahmad Najamuddin II diminta menandatangani perjanjian baru yang antara lain mengandung klausa bahawa sultan menyerahkan pulau Bangka dan Belitung kepada British dan EIC (East Indian Company).[180] Selain itu Sultan Najamuddin II akan mengambil alih hak ke atas harta kekayaan Sultan Badaruddin II dan seterusnya sebagian daripada harta kekayaan perlu diserahkan kepada British sebagai ganti rugi perbelanjaan ekspedisi British ke atas Palembang. Sultan Ahmad Najamuddin II juga diminta untuk menangkap mereka yang melakukan pembunuhan terhadap orang Belanda tahun 1811 serta menjatuh dan melaksanakan hukuman yang setimpal kepada mereka.

Sebahagian tuntutan British tersebut dapat dipenuhi oleh Najamuddin II. Pulau Bangka dan Belitung diserahkan kepada British pada 20 Mei 1812. Sejak itu Bangka dan Belitung bebas daripada Kesultanan Palembang dan berada di bawah penjajahan

[180]ANRI, Bundel Palembang No. 5.1

British. Seterusnya Gillespie mengganti nama Bangka menjadi “Duke of York” dan nama Kota Muntok menjadi Minto yang diambil dari nama Gabenor Jeneral British di Calcutta. Untuk menjalankan pentadbiran di Bangka, Gillespie melantik Kapten Meares sebagai Residen Bangka dan Palembang dengan dinaikkan pangkat kepada Mayor. Meares mempunyai kekuasaan yang besar baik di bidang sivil mahupun ketenteraan. Tuntutan lain tak dapat dipenuhi oleh Najamuddin II, kerana kekayaan Sultan Badaruddin II telah dibawa bersamanya ketika berundur ke daerah pedalaman (uluan).

Pengangkatan Sultan Ahmad Najamuddin II oleh British menjadikan Palembang memiliki dua sultan pada satu masa, iaitu Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Ahmad Najamuddin II. Sultan Mahmud Badaruddin II adalah sultan yang diangkat secara rasmi oleh Kesultanan Palembang sebagai pengganti dari Sultan Muhammad Bahauddin. Kepemimpinannya diakui oleh rakyat di Kesultanan Palembang. Dengan kata lain Badaruddin II adalah Sultan Palembang yang sah tetapi tidak diakui oleh British. Oleh itu Sultan ini mendapat sokongan yang kuat dari masyarakat daerah pedalaman atau uluan. Sokongan ini juga berkait rapat dengan cara pemerintahan yang diterapkan Badaruddin yang memberikan kebebasan kepada daerah Uluan untuk mengatur pemerintahan sendiri terutama dalam hal ekonomi. Ini menyebabkan rakyat daerah uluan dapat hidup dengan tenang dan aman. Oleh itu setelah adanya perubahan politik dan kekuasaan di Palembang, maka Badaruddin II melakukan konsolidasi untuk menyatukan para penyokongnya dalam menghadapi British. Badaruddin II juga membina benteng pertahanan di daerah Boya Langu (Bay langu) dan mempersiapkan penyokongnya untuk menyerang Palembang yang dikuasai oleh Najamuddin II.

Sultan Ahmad Najamuddin II adalah sultan yang diangkat dan diakui oleh British, dan sebahagian masyarakat di Kesultanan Palembang sebagai pengganti Sultan Mahmud Badaruddin II. Sultan ini tidak mendapat sokongan daripada masyarakat Uluan. Salah satu penyebabnya ialah kerana adanya perjanjian antara Sultan Ahmad Najamuddin II dengan British yang menyerahkan Bangka dan Belitung. Oleh itu kuasa Ahmad Najamuddin II sangat bergantung kepada sokongan British. Maklumat mengenai kekuatan Badaruddin II dan adanya rancangan untuk melancarkan serangan terhadap Palembang membimbangkan Najamuddin II. Beliau perlu membina kemampuannya untuk menghadapi sebarang kemungkinan tersebut. Kegagalan beliau akan menyebabkan kuasanya ke atas Palembang akan jatuh ke tangan Badaruddin II. Lebih membimbangkan lagi apabila sokongan rakyat terhadap Najamuddin II amat lemah di Palembang. Ini menyebabkan Najamuddin II perlu meminta bantuan kepada British yang sekali gus menyebabkan kedudukan dan pengaruh British menjadi lebih kuat.

Dalam usaha mempertahankan kekuasanya itu, Najamuddin II sentiasa melaporkan kepada British perkembangan yang terjadi di Palembang. Laporan ini merupakan kesempatan yang baik bagi British untuk menyerang pusat pertahanan Badaruddin II di luar Kota Palembang. Kapten Meares berangkat dari Muntok ke Palembang pada 13 Julai 1812. Ia membawa pasukan terdiri daripada 150 orang tentera yang terdiri daripada masyarakat kesatuan orang Ambon, kesatuan Artileri dari Benggala dan tambahan pasukan dari Ahmad Najamuddin sebanyak 20 orang. Dari Palembang pasukan ini bergerak menuju Bay Langu. Pertempuran dengan pasukan Badaruddin II berlaku pada bulan September 1812. Dalam pertempuran itu pertahanan Badaruddin II berjaya dimusnahkan oleh kapten Meares, namun kapten

Meares sendiri terkena tembakan, sehingga pasukannya terpaksa diundurkan dari kawasan tersebut.[181] Dalam pertempuran tersebut, sebanyak sembilan buah meriam British berjaya dirampas oleh pasukan Badaruddin II. Sementara kerugian di pihak Badaruddin II adalah dengan tertangkapnya Pangeran Wirodinoto.

Kedudukan Kapten Meares sebagai pimpinan ekspedisi ke Palembang digantikan oleh Mayor William Robison (selanjutnya disebut Robison). Beliau menyedari bahwa usaha menangkap Badaruddin II bukanlah sesuatu yang mudah. Perkara ini disebabkan oleh sokongan rakyat kepada Badaruddin II sangat kuat, selain kekuatan Ahmad Najamuddin II tidak dapat diharapkan untuk membantu British. Oleh itu Robison mengambil langkah melakukan perundingan dengan Sultan Mahmud Badaruddin II dan juga Ahmad Najamuddin II. Dalam perundingannya dengan Ahmad Najamuddin II, Mayor Robison meminta kepada Najamuddin II melepaskan kedudukannya sebagai raja. Sebagai gantinya ia akan diangkat sebagai Sultan Bangka. Najamuddin II akan menjadi raja Palembang setelah Sultan Badaruddin II meninggal dunia. Tawaran dan permintaan Robison ini tidak dapat diterima oleh Najamuddin II.

Penolakan ini menyebabkan mayor Robison, mengalihkan perhatiannya untuk berunding dengan Badaruddin II. Secara politiknya langkah tersebut menunjukkan

[181]Kapten Meares adalah Residen Bangka merangkap pimpinan pasukan British di Muntok (Bangka). Ia ditugaskan Raffles untuk mengatasi perlawanan Badaruddin II di Bay langu. Selain sebagai ajutan Kolonel Gillespie ia juga sorang penterjemah bagi pihak British. Dalam pertempuran itu Kapten Meares tertembak sehingga pasukannya di tarik mundur dari Bay langu. Seterusnya ia di bawa ke Muntok, Akibat luka parah yang dideritanya Kapten Meares akhirnya meninggal dunia pada usia 40 tahun di Fort Nugent (Muntok), pada 16 Oktober 1812. Lihat, *The Literary Gazette and Journal of Belles Lettres, Arts, Sciences,* No.245, Part 2, 29 September 1821, hlm. 611-612. Juga lihat, The Saturday Magazine, Volume 1, Vol.1 No. 32. Philadelphia 1 December, 1821, From The London Literary Gazette. Descriptive Account of Palembang and Banca by, Major MH Court, London, 1821, 8 Vol. New York: E. Little and R. Norris Henry. hlm. 505-509.

British mengakui pengaruh dan kuasa Sultan Badaruddin II ke atas Palembang. Pertemuan dengan Robison pertama kali dilakukan pada 27 Jun 1813. Kandungan perjumpaan ini pada dasarnya membincangkan tentang kemungkinan untuk mengadakan hubungan secara diplomasi prundingan antara kedua pihak. Pihak British berusaha mendapatkan maklumat tentang sikap Badaruddin II terhadap British dan mengapa beliau mengundurkan diri ke pedalaman. Badaruddin II menegaskan bahawa ia akan bersikap baik terhadap British sebagaimana kepada Belanda sebelumnya. Tentang mengapa ia mengundurkan diri, Badaruddin II memberi alasan, yang beliau pernah menghantar utusan kepada Gillespie untuk menanyakan tentang maksud kedatangan British dengan armada yang besar, namun utusan itu telah ditawan. Malah Gillespie juga mengancam akan menangkap Badaruddin II. Penjelasan tersebut dijadikan Robison pertimbangan dalam mengadakan rundingan selanjutnya bagi menghasilkan satu kata sepakat.

Pada 29 Jun 1813, satu perjanjian dimeteri antara Mayor Robison dengan Sultan Badaruddin II. Terdapat beberapa klausa penting perjanjian itu yang menyentuh tentang soal politik dan ekonomi yang merugikan Palembang. Antaranya, Badaruddin II harus membayar perbelanjaan ekspedisi British ke Palembang sebanyak empat ribu dolar Sepanyol. Sultan Badaruddin harus menjual sebanyak 15,000 pikul lada setiap tahun dengan harga 3 dolar Sepanyol sepikul. Sultan juga mesti mengesahkan penyerahan Bangka dan Belitung kepada British.[182] Berdasarkan kepada kandungan perjanjian tersebut, jelaslah ia merugikan Palembang dari segi ekonomi dan politik. Namun keuntungan yang diperoleh Badaruddin II ialah

[182]ANRI, Bundel Palembang. No. 67.

kesediaan Robison untuk menabalkan kembali dirinya sebagai Sultan Palembang, dan menurunkan Ahmad Najamuddin II.

Kesediaan British (Mayor Robison) mengembalikan kekuasaan Sultan Badaruddin II merupakan perkara yang penting untuk dianalisa. Tindakan Robison ini menunjukkan bahwa British mengakui kedudukan Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Ini dilihat sangat penting kepada Badaruddin II kerana dengan pengakuan itu berarti kedaulatan Palembang dikembalikan sebagai kawasan yang merdeka dan tanggungjawab untuk mengendalikan pemerintahan akan diserahkan kembali kepada Sultan Badaruddin II. Untuk jangka panjang pengembalian kedudukannya sebagai sultan merupakan perkara yang sangat penting kerana melaluinya beliau dapat mengatur strategi diplomasi rundingan dalam menghadapi usaha penjajahan British. Melaluinya, segala rundingan selanjutnya dapat dilakukan atas dasar kedudukan yang sama taraf.

Pada 13 Julai 1813 Badaruddin II kembali menaiki takhta Kesultanan Palembang, menggantikan Najamuddin II. Badaruddin II dibenarkan untuk kembali ke istananya (Keraton Kuto Besak), dan Najamuddin II meninggalkan Kuto Besak dan berundur ke Kuto Lamo. Najamuddin II seterusnya dilantik sebagai Sultan Bangka atau Sultan Ogan. Keputusan Robison ini tak dapat ditolak oleh Najamuddin II, kerana kuasanya amat lemah dan sangat bergantung dengan British. Tambahan pula kedudukannya sebagai Sultan Palembang bukanlah atas kemahuan rakyat, tetapi atas sokongan British. Dengan kata lain ia hanyalah sultan yang menjadi boneka British.

Langkah politik Mayor Robison tersebut pada dasarnya tidak dipersetujui oleh Raffles. Ini menyebabkan beliau kemudian dipanggil balik. Pada 4 Ogos 1813, Raffles mengeluarkan arahan yang membatalkan keputusan Robison.[183] Beliau juga tidak bersetuju dengan perlantikan semula Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Keputusan tersebut disampaikan bersama-sama penghantaran armada British di bawah pimpinan Mayor Cookbroke untuk menemui Sultan Mahmud Badaruddin II. Mayor Cookbroke tiba di Palembang pada 14 Ogos 1813. Berikutan arahan Raffles, Ahmad Najamuddin II dilantik semula sebagai Sultan Palembang, manakala Sultan Mahmud Badaruddin II diturunkan kembali daripada kedudukannya sebagai Sultan Palembang. British juga memaksa Sultan Badaruddin II menyerahkan segala simbol kekuasaan kepada adiknya Sultan Ahmad Najamuddin II. Ini menyebabkan Sultan Mahmud Badaruddin II hanya berkuasa selama satu bulan.

Keputusan Raffles membatalkan perlantikan kembali Badaruddin II berkait rapat dengan kurangnya komunikasi antara Robison dengan Raffles. Sultan Mahmud Badaruddin II dilihat Raffles sebagai tokoh yang kuat dan tidak akan mematuhi segala tuntutan dan tekanan British. Pengalaman Raffles sebelum ini jelas menunjukkan yang segala tuntutan dan rundingan secara surat menyurat yang dilakukannya tidak dipenuhi oleh Badaruddin II. Ini menyebabkan Badaruddin II dianggap sebagai musuh yang harus ditundukkan. Selain daripada itu Badaruddin II juga dianggap menjadi dalang peristiwa Loji Sungai Aur yang mengorbankan orang Belanda. Bagi Raffles urusan Kesultanan Palembang hanya boleh ditentukan

[183] Lady Sophia Raffles. (1835). *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence*. London: William Clowes and Sons, hlm. 394.

menurut dasar pemerintah pusat British di Indonesia (Batavia) dan bukannya urusan wakil British yang ditempatkan di Palembang. Maksudnya keputusan yang diambil Robison adalah menyalahi dan melangkui Raffles selaku Leftenan Gabenur Jeneral British di Hindia Belanda (Indonesia).[184]

Keputusan Mayor Robison untuk menurunkan Ahmad Najamuddin II dan mengangkat serta mengakui Badaruddin II sebagai Sultan Palembang adalah berdasarkan kepada realiti politik semasa di Kesultanan Palembang. Walaupun, Badaruddin II berjaya diturunkan oleh Raffles sebagai Sultan Palembang, tetapi beliau masih memiliki karisma dan mendapat sokongan penuh daripada rakyat di negeri tersebut. Sebaliknya yang berlaku kepada Ahmad Najamuddin II, walaupun berjaya menaiki takhta kerajaan dengan bantuan British tetapi beliau tidak mendapat sokongan rakyat sehingga menyebabkan kestabilan institusi Kesultanan Palembang tergugat. Bagi menjamin kestabilan dan kedamaian negeri Palembang akan dapat dicapai, kedudukan Badaruddin II perlu dikembalikan sebagai Sultan Palembang. Tambahan pula Badaruddin II juga bersedia memberikan gantirugi yang menguntungkan British melalui ikatan perjanjian yang disepakati pada 29 Jun 1813.

Keinginan Raffles mempertahankan Najamuddin II sebagai Sultan Palembang berkait rapat dengan kesediaannya bekerjasama dengan British dalam usaha mendapatkan takhta negeri tersebut. Najimuddin II juga sentiasa bersedia untuk melaksanakan apa sahaja yang diminta oleh British baik dari aspek politik mahupun ekonomi. Ini disebabkan Najamuddin II adalah seorang raja yang lemah

[184] . Lady Sophia Raffles. (1835). *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence. London: William Clowes and Sons, hlm. 394.*

baik dari segi politik mahupun ekonomi. Dari segi politik Najamuddin merupakan seorang raja yang tidak mendapat sokongan rakyat, sehinggakan untuk menjamin agar ia terus kekal sebagai Sultan pun terpaksa mendapatkan bantuan daripada British. Ini menyebabkan kedudukan Najamuddin II sangat tergantung kepada British. Keadaan ini akan dimanfaatkan British untuk menguasai Kesultanan Palembang secara beransur-ansur dengan mengikat Najamuddin II dengan berbagai perjanjian. Dari segi ekonomi, Najamuddin juga sedang mengalami kesulitan kewangan untuk membiayai pemerintahannya. Perkara ini disebabkan kedudukan Pulau Bangka dan Belitung yang menjadi sumber ekonomi terpenting bagi Kesultanan Palembang telah diserahkan kepada British. Ini menyebabkan beliau terpaksa mencari sumber ekonomi lain seperti mengiatkan aktiviti perdagangan rempah yang dihasilkan oleh daerah uluan. Keadaan menjadi semakin sukar apabila penduduk di daerah uluan bukanlah mereka yang menyokong pemerintahannya kerana mereka masih taat setia kepada mengakui Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Selain itu kekayaan Kesultanan Palembang dibawa oleh Badaruddin II ke daerah pedalaman, sehingga Najamuddin II mengalami kesulitan untuk membiayai ketenteraan dan pentadbiran bagi memperkuat kedudukannya.

Keadaan politik dan ekonomi ini menyebabkan apabila Ahmad Najamuddin II diangkat kembali oleh Raffles, beliau terpaksa menyetujui perjanjian baru yang dibuat oleh British yang semakin menyukarkan kedudukannya. Perjanjian itu sebagai balasan atas bantuan British mengembalikan kuasa Sultan Ahmad Najamuddin II setelah diambilalih oleh Badaruddin II. Perjanjian Najamuddin II dan British dibuat pada 21 Ogos 1813. Kandungan perjanjian itu antara lain berbunyi:

(1) Sultan Najamuddin II, para ahli waris dan penggantinya, atas nama semua Pangeran, menteri dan kepala adat Palembang akan menyerahkan kekuasaan mutlak atas pulau Bangka, Belitung dan pulau-pulau disekitarnya kepada raja British dan Syarikat Hindia Timur British.

(2) Sultan Najamuddin II wajib untuk menyerahkan semua hasil bumi apabila diminta oleh British beserta ganti rugi yang layak.

(3) Sultan wajib meminta persetujuan daripada Residen untuk membangun benteng pertahanan.[185]

Kandungan perjanjian yang mengikat itu menjadikan kuasa Najamuddin II semakin berkurang mengakibatkan sokongan rakyat kepada beliau semakin berkurang. Sebaliknya Badaruddin II semakin mendapatkan sokongan rakyat. Oleh itu selama tempoh kesultanan Ahmad Najamuddin II (1811-1816) keadaan di Palembang tidak pernah aman. Ini memperlihatkan diplomasi dan strategi pertahanan Palembang selepas Sultan Badaruddin II semakin merugikan Palembang.

3.8 Rumusan

Berdasarkan pada perbincangan di atas, terdapat tiga perkara penting yang mewarnai perkembangan diplomasi dan strategi pertahanan Palembang dalam tempoh ini. Pertama ialah usaha Sultan Palembang dalam mempertahankan kedaulatannya daripada serangan British mengalami kegagalan akibat adanya

[185]ANRI. Bundel Palembang. No. 67

“secret diplomacy” yang digerakkan oleh Pangeran Adipati dengan pihak British. Kegagalan Pangeran Adipati menghidu tektik British untuk menguasai Palembang menyebabkan beliau begitu mudah menerima tawaran British sehingga membawa kepada penyerahan kawalan ke atas benteng terpenting Palembang iaitu benteng Borang yang membawa kepada kejatuhannya.

Kedua ialah, kegagalan Badaruddin II menghidu kerjasama adiknya dengan British sehingga kejatuhan Benteng Borang diburukkan lagi dengan tindakan Badaruddin II menyerahkan urusan pemerintahan Palembang kepada Pangeran Adipati yang sememangnya bersiap sedia untuk merampas takhta daripada beliau. Walaupun strategi tersebut mempunyai kepentingan dalam memelihara kedaulatan Palembang tetapi ia memberi kesempatan kepada Pangeran Adipati dengan British mencapai matlamat masing-masing tanpa perlu bersusah payah. Manakala perkara ketiga pula ialah, kejayaan Najamuddin II menaiki takhta Palembang telah merosak sistem pergantian raja Palembang dan hubungan kekeluargaan istana kerajaan tersebut. Keutuhan sistem politik Kesultanan Palembang terletak kepada kemampuan pihak istana mengawal keutuhan ikatan kekeluargaannya. Ini kerana sekiranya negara berada di dalam keadaan terancam, adik Sultan atau Adipati merupakan orang yang perlu melaksanakan pemerintahan bagi pihak abangnya. Ini akan dapat memastikan kedudukan sultan dan pengganti sultan dapat dilindungi daripada sebarang tipu muslihat yang mengancam kedudukan pemegang takhta kerajaan tersebut. Antara cabaran yang sering terjadi ialah tipu muslihat musuh ketika rundingan sehingga menyebabkan tertangkapnya sultan dan penggantinya sehingga menyebabkan kejatuhan kerajaan tersebut kepada kuasa lain. Dalam sejarah Palembang, kejayaan British memecah belahkan

hubungan istana membuka ruang kepadanya untuk menguasai kerajaan tersebut tanpa perlu menempuh diplomasi ketenteraan. Kesan paling nyata apabila sistem tradisional ini dirosakkan ialah hilangnya kedaulatan Palembang dan bermulalah campurtangan pihak Barat dalam politik kerajaan tersebut.

Gambar 3.1. Benteng Kuto Besak. Sumber: Collectie Tropenmuseum KNIL militairen met kinderen voor de poort van het fort te Palembang TMnr 60042555.jpg

BAB 4

DIPLOMASI DAN STRATEGI PERTAHANAN PALEMBANG ERA PERJANJIAN LONDON (1816-1819)

4.1 Pengenalan

Penggantian Sultan Palembang yang ditentukan oleh British pada 1812, turut mempengaruhi perkembangan diplomasi seterusnya Kesultanan Palembang dengan kuasa Barat khususnya British dan Belanda. British melihat kejayaannya meletakkan Sultan Ahmad Najamuddin II sebagai Sultan Palembang membawa maksud kerajaan tersebut merupakan sebahagian daripada wilayah jajahannya. British seterusnya hanya melakukan sebarang urusan berkaitan Palembang hanya dengan sultan yang ditabalnya iaitu Ahmad Najamuddin II dan bukannya dengan Badaruddin II. Rakyat dan kepemimpinan tradisional Palembang pula berpendapat, sebarang urusan dengan pihak luar khususnya British ataupun Belanda perlu melibatkan kedua-dua Sultan

Palembang tersebut. Ahmad Najamuddin II adalah sultan yang diangkat dan diakui oleh British, sedangkan Badaruddin II diangkat oleh Pemuka Kerajaan Palembang dan diakui Belanda tetapi tidak diakui oleh British.

Keadaan ini memberi kesan kepada diplomasi yang dilakukan oleh British mahupun Belanda terhadap Palembang. Keadaan ini berlarutan walaupun termeterinya Perjanjian London yang menetapkan lingkungan kuasa Belanda mahupun British di Nusantara. Berhubung dengan isu Palembang, mana-mana kuasa yang mempunyai hak ke atas wilayah tersebut perlu mendapatkan sokongan daripada Sultan Palembang. Berikutan perjanjian tersebut, Belanda yang diberi hak untuk menguasai Palembang telah melaksanakan dasarnya sendiri termasuklah dalam hal pengiktirafan sultan yang menaiki takhta negeri tersebut. Ini menyebabkan berlakunya perubahan dalam takhta Palembang apabila, Sultan Mahmud Badaruddin II yang diturunkan oleh British pada tahun 1812, diangkat kembali oleh Belanda pada 1816. Sebaliknya Sultan Ahmad Najamuddin II yang sebelumnya ditabal sebagai sultan oleh British diturunkan oleh Belanda. Meskipun demikian kedua Sultan Palembang tersebut tetap tidak mahu untuk menyerahkan Palembang kepada kuasa Barat, sehingga menyebabkan penyelesaian diplomasi secara rundingan sering menemui kegagalan dalam usaha menguasai kedaulatan Palembang era Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 (Convention of London). Walau bagaimanapun, perlaksanaannya ke atas Palembang berlaku pada 1816.

Bab ini membincangkan tentang strategi Palembang dalam menghadapi Belanda dan British yang mahu berkuasa di Palembang antara tahun 1816-1819. Fokus perbincangan ialah tentang Perjanjian London dan Kesultanan Palembang,

diplomasi Palembang dengan Belanda Selepas Perjanjian London 1814, konflik British dan Belanda, diplomasi dan perang melawan Belanda.

4.2 Perjanjian London dan Kesultanan Palembang

Perkembangan di Eropah berikutan berakhirnya Perang Napoleon 1815 turut mempengaruhi aktiviti kuasa tersebut di Indonesia. Perkembangan tersebut juga mengakhiri penguasaan Perancis ke atas Belanda. Persidangan Vienna yang diadakan pada November 1814 sehingga Jun 1815 yang bertujuan untuk membentuk langkah keamanan di Eropah. turut membincangkan tentang kedudukan tanah jajahan di Asia dan Afrika. Impak daripada perjanjian ini British dan Belanda mengadakan perjanjian di London bagi membincangkan status dan kedudukan negeri jajahan mereka di Indonesia. Kedua bangsa ini seterusnya mengadakan perjanjian London.

British dan Belanda berjaya mencapai kesepakatan dengan menandatangani Convention of London pada 13 Ogos 1814. Perjanjian ini membawa kepada beberapa persetujuan antara British dengan Belanda. Antara isi kandungan perjanjian tersebut ialah:

1. Semua loji dan pangkalan yang menjadi milik Belanda sebelum satu Januari 1803, akan dikembalikan British kepada Belanda, kecuali Tanjung Harapan, dan koloni Demerary, Essequebo dan Berbice di barat.

2. Pulau Bangka diserahkan sepenuhnya kepada Belanda, sebagai gantinya Belanda memberikan Cochin dan sekitarnya di pantai Malabar kepada British.[186]

Berdasarkan kepada kandungan perjanjian ini, Palembang dan Pulau Bangka merupakan salah satu kawasan yang perlu diserahkan British kepada Belanda. Klaus perjanjian ini tidak begitu disenangi oleh pegawai British di Asia Tenggara terutamanya Gabenor Sir Thomas Stanford Raffles. Sikapnya didasari oleh kepentingan ekonomi di rantau ini khususnya Pulau Bangka yang kaya dengan bijih timah. Raffles berpendapat Pulau Bangka tidak termasuk pada kawasan yang perlu diserahkan pada Belanda. Alasannya ialah kerana Belanda tidak pernah menguasai atau memiliki Pulau Bangka. Pulau tersebut diperoleh British melalui perjanjian dengan Sultan Ahmad Najamuddin II. Walaupun, Raffles mempunyai alasannya tersendiri, namun kedudukannya sebagai pegawai British yang menerima arahan daripada pemerintah pusat di London, menyebabkannya terpaksa akur dengan keputusan yang disepakati melalui Perjanjian London. Penyerahan Palembang membawa maksud, Bangka perlu diserahkan kepada Belanda kerana pulau tersebut merupakan sebahagian daripada Kesultanan Palembang.[187]

Persoalan tentang mengapa Raffles tidak bersetuju dengan persetujuan London tersebut mempunyai kaitan dengan kegiatan yang dilaksanakan beliau di

[186]ANRI Bundel Palembang No.67. Bataviasch Courant 26 Juni 1819.
[187] Untuk maklumat lanjut tentang Raffles di Palembang, Lihat Victoria Glendinning. (2012). *Raffles: And the Golden Opportunity 1781-1826*. London: Profil Book juga, Lady Sophia Raffles. 1835. *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence*. hlm. 394.

Pulau Bangka setelah dikuasainya. Bangka merupakan kawasan perlombongan bijih timah yang besar dan galian tersebut mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran dunia. Oleh itu sepanjang penguasaan British ke atas Bangka, mereka telah menanam modal yang besar untuk pengeksploitasian bijih timah di pulau tersebut sejak diserahkan oleh Ahmad Najamuddin II. Langkah menyerahkan pulau tersebut kepada Belanda sudah tentu akan memberi kerugian yang cukup besar kepada British. Kerugian pertama ialah British kehilangan sumber devisa kerajaan yang diperoleh daripada penjualan bijih timah dan kedua; pelaburan British dalam pengeksloitasian bijih timah di Bangka akan tamat. Oleh yang demikian, motif kepentingan ekonomi kelihatan lebih kuat berbanding dengan alasan politik bagi Raffles untuk tetap mempertahankan Bangka, selain daripada merasakan usahanya dalam menghadapi Palembang sebelum ini menjadi sia-sia.

Sikap Raffles yang berkeras tidak menerima keputusan untuk menyerahkan Bangka kepada Belanda, dianggap kerajaan British sebagai menyalahi etika sebagai seorang Leftenan Gabenur British. Tindak balas British, Raffles telah digantikan dengan John Fendall. Tindakan British ini didasari oleh kedudukan negara tersebut yang lebih mengutamakan keamanan dan keselamatan di Eropah setelah mengharungi Perang Napoleon yang menyukarkan. Selain daripada itu British juga cuba mengelakkan pertelingkahan dengan Belanda atau mana-mana kuasa Eropah berhubung dengan isu di Asia Tenggara dalam keadaan Amerika Syarikat mula menyertai kuasa Barat yang lain dalam melaksanakan perluasan kuasanya ke Asia. Oleh itu British berpendapat penciptaan konflik sesama bangsa Eropah di rantau ini akan memudahkan Amerika Syarikat menguasai Asia Tenggara.

Perbezaan pandangan antara wakil British dan Belanda di Hindia Timur diselesaikan dengan menyerahkan isu tersebut kepada pertimbangan negara induk masing-masing. Bagi menyelesaikan isu tersebut Britain dan Belanda membentuk sebuah suruhanjaya untuk mengatur peralihan kuasa ke atas Palembang daripada British kepada Belanda. Tugas suruhanjaya ini ialah membuat pertimbangan dalam pelbagai segi termasuk jumlah yang telah dibayar oleh British sebagai pendahuluan kepada para pekerja lombong bijih timah Bangka. Bayaran tersebut telah dilunaskan melalui ketua mereka di setiap daerah. Berikutan termeterinya perjanjian ini bijih timah yang telah dilombong tidak lagi diserahkan kepada British. Menurut perjanjian yang telah mereka sepakati, bijih timah yang telah dilombong akan diserahkan kepada Belanda, manakala British pula akan menerima bayaran gantirugi sebanyak lapan real sepikul dengan mengira terlebih dahulu jumlah wang pendahuluan yang dibayar British. Dengan pembayaran itu bermula pada 1 Ogos 1816 Bangka menjadi milik Belanda.

Isu perbezaan pandangan antara British dan Belanda menyebabkan proses serah terima kawasan Hindia Belanda hanya dapat dilakukan pada tahun 1816. Bagi melaksanakan proses penerimaan Hindia Belanda daripada British, Raja William menghantar tiga Komisaris Jeneral, iaitu C. Th. Elout sebagai ketua Jawatankuasa, Buyskes iaitu seorang Komandan Angkatan Laut, dan Van Der Capellen, yang dilantik sebagai Gabenor Jeneral dan akan menjalankan tugas tersebut bagi pihak Hindia Belanda (Indonesia). Mereka mewakili Belanda untuk menerima kawasan Hindia Belanda daripada Britain yang diwakili oleh John Fendall pada 19 Ogos 1816.

Seterusnya John Fendall yang menggantikan Raffles[188] sebagai Gabenor Jeneral British di Batavia. Beliau seterusnya mengarahkan Residen Palembang M.H. Court untuk menyerahkan Palembang dan Bangka kepada Klaas Heynis iaitu Resident Palembang dan Bangka yang dilantik Belanda di Muntok pada 16 Disember 1816.

Berdasarkan kepada kesepakatan British dengan Belanda ini, jelaslah bahawa kedua perjanjian ini tidak merujuk terlebih dahulu kepada Kesultanan Palembang. Ini memperlihatkan yang mereka bertindak sebagai pemegang kuasa penuh atau pemilik Palembang secara sah. Keadaan ini bercanggah dengan realiti yang Palembang ketika itu masih berstatus sebagai kerajaan yang berdaulat di bawah kepemimpinan Sultan Mahmud Badaruddin II. Ini menyebabkan Belanda, British dan Palembang terlibat dalam permainan diplomasi tiga penjuru yang bertujuan untuk menguasai Palembang.

4.3 Diplomasi Palembang dengan Belanda Selepas Perjanjian London 1814

Selepas penyerahan Palembang daripada British kepada Belanda disempurnakan, Klaas Heynes dilantik Belanda sebagai Residen Bangka dan Palembang mulai 22 Oktober 1816. Tugas pertamanya sebagai Residen ialah menerima penyerahan hak pengawasan ke atas Kesultanan Palembang. Untuk melaksanakan tugas tersebut,

[188]Setelah gagal mempertahankan Palembang, Raffles diangkat sebagai Gabenor Jeneral British di Bengkulu. Pada 1819 British memperoleh Singapura dari Sultan Johor. Pada 1824 British dan Belanda melakukan perundingan kembali dan sepakat bahawa Belanda memberikan Melaka kepada British dan sebaliknya Belanda menerima Bengkulu. Selain itu diatur pula tentang batas wilayah kekuasaan, di mana ditentukan bahawa Belanda berkuasa di sebelah selatan garis paralel Singapura dan British di sebelah utara. Lihat, Great Britain, *The London Gazette*, Part 2, 3 Julai-25 Disember 1824. hlm 1198.

Heynes pergi ke Muntok (Bangka)[189] untuk menerima penyerahan wilayah tersebut daripada Residen British M.H Court pada 10 Disember 1816. Memandangkan British berjaya memperolehi hak ke atas Bangka berikutan perjanjian dengan Sultan Ahmad Najamuddin II, menyebabkan Palembang tak berhak campur dalam masalah Bangka. Ini menyebabkan Bangka ditadbir secara berasingan daripada Palembang era pentadbiran Belanda.

Setelah selesai tugasnya di Muntok, K. Heynes berangkat ke Palembang untuk berjumpa dengan penguasa Palembang Sultan Ahmad Najamuddin II, bagi membincangkan kedudukan kesultanan Palembang. Berbeza dengan kedudukan Bangka, Palembang tidak termasuk di dalam wilayah yang diserahkan oleh Sultan Najamuddin II kepada British malah pengiktirafan British terhadap institusi kesultanan di sana menunjukkan ia masih kekal sebagai sebuah kesultanan yang berdaulat. Apabila K. Heynes menganggap wilayah tersebut termasuk dalam kawasan yang diserahkan juga kepada Belanda, beliau perlu menyelesaikan isu tersebut dengan Sultan Palembang. Ini berikutan kedudukan Sultan Palembang yang masih berpegang kepada perjanjian antara Palembang dengan British yang tidak pernah menyerahkan wilayahnya kepada mana-mana kuasa pun.

Usaha penyelesaian dengan Sultan Palembang bermula dengan ketibaan K. Heynes di Palembang pada 16 Disember 1816. Beliau disambut oleh Sultan Ahmad Najamuddin II dan puteranya Pangeran Prabu Anom. Dalam perjumpaan tersebut

[189]Bangka adalah kawasan kesultanan Palembang, yang diserahkan oleh Ahmad Najamuddin II kepada British sebagai imbalan atas diakui dan disokongnya Ahmad Najamuddin II oleh British sebagai Sultan Palembang menggantikan Sultan Mahmud Badaruddin II. Perkara ini tercantum dalam perjanjian dengan British tahun 1812. Merle Calvin Ricklefs, (2001). *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*. Stanford: Stanford University Press, hlm.171.

Heynes menyerahkan surat serta hadiah daripada Batavia. Seterusnya K. Heynes mengadakan perbincangan dengan Sultan Ahmad Najamuddin II pada 18 Disember 1816. Dalam perundingan tersebut, K. Heynes menjelaskan sikap Belanda terhadap peristiwa Loji Sungai Aur dan misi yang perlu dilaksanakannya sebagai Residen Palembang. Heynes menganggap bahwa peristiwa Loji Sungai Aur sudah ditutup dan tidak perlu dibincangkan lagi, kerana Palembang telah dihukum oleh British dengan ekspedisi ketenteraannya tahun 1812. Kehadirannya kali ini membawa misi untuk meredakan ketegangan antara Sultan Ahmad Najamuddin II dengan Sultan Mahmud Badaruddin II yang menyentuh isu kuasa ke atas Palembang, serta memberikan kedamaian dan ketenteraman pada masyarakat Palembang.[190] Dari apa yang dilakukankan Heynes, jelaslah beliau tidak mahu (berani) menyampaikan secara langsung maksud kedatangannya iaitu untuk mengambil alih pengawasan ke atas Palembang daripada British. Bagi memelihara perundingan dengan Palembang, Heynes seolah-olah bertindak sebagai juru damai antara Badaruddin II dan Najamuddin II.

Perundingan yang dilakukan Heynes dengan Najamuddin II, memperlihatkan secara tidak langsung bahawa Belanda memberikan pengakuan atas kuasa Najamuddin II di Palembang. Pada peringkat awalnya, Heynes tidak melibatkan Badaruddin II dalam perundingan meskipun Badaruddin II juga sedang berada di Palembang.[191] Ini disebabkan kesedaran Heynes tentang keperluan menyelesaikan

[190]ANRI. Bundel Palembang No.5.1

[191]Sultan Mahmud Badaruddin II adalah Sultan Palembang yang diangkat berdasarkan kesepakatan kerabat kesultanan pada 1804. Ia menggantikan bapaknya Sultan Muhammad Bahauddin. Ketika British menyerbu Palembang tahun 1812, ia mengundurkan diri dan memimpin perlawanan menghadapi Britis dari Pedalaman. Pemerintahan Palembang diserahkan kepada adiknya Pangeran Depati (1812). Seterusnya British (Gillespie) mengangkat Pangeran Depati sebagai pengganti Badaruddin II dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (II) dengan perjanjian tertentu. Najamuddin (II) beberapa bulan kemudian diturunkan oleh Mayor William Robison (British) dan diangkat kembali

isu permusuhan antara Ahmad Najamuddin II dengan Badaruddin II. Kedua tokoh yang bersaudara ini menuntut haknya sebagai Sultan Palembang. Bagi Heynes, selagi ada pertentangan antara dua bersaudara itu, maka tidak akan wujudlah kedamaian di Kesultanan Palembang. Dalam usaha membawa kedua-dua sultan ini ke meja rundingan, Heynes telah menempatkan kedua sultan itu pada kedudukan yang setara iaitu Ahmad Najamuddin II tetap sebagai Sultan Palembang, manakala Badaruddin II dirancang untuk dilantik sebagai Sultan Lampung.[192]

Cadangan Heynes ini tidak dapat diterima oleh pihak Belanda di Batavia. Ini kerana ia akan menimbulkan permasalahan baru yang akan dihadapi sehingga menyebabkan penyelesaian terhadap masalah Palembang akan menjadi semakin rumit. Masalah yang mungkin muncul adalah pertama; apakah rakyat Lampung akan menerima Badaruddin II sebagai rajanya, dan apakah Badaruddin II setuju untuk dijadikan Sultan di Lampung. Bagaimana jika rakyat Lampung dan Sultan Badaruddin menolak cadangan tersebut? Sudah tentu ia akan membawa berbagai masalah lain di Lampung.

Berdasarkan laporan tentang realiti kehidupan masyarakat Palembang ketika itu, kehidupan mereka dalam keadaan yang berpecah belah. Keadaan di daerah hulu

---

Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Satu bulan kemudian Badaruddin II diturunkan kembali oleh Raffles, dan Ahmad Najamuddin II diakui kembali sebagai Sultan Palembang. Namun Badaruddin II tetap dibolehkan bermukim di Palembang. Kajian lengkap ada pada bab 3. Lihat, "Silsilah Anak-anak Bangsawan Palembang."(1867). Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

[192]Lampung adalah satu negeri yang terletak di kawasan sebelah selatan Palembang. Jarak antara Palembang dengan Lampung sekitar 400 km. Pada mulanya kawasan ini berada di bawah kuasa Banten, namun setelah Belanda berkuasa di Banten kawasan ini menjadi kawasan di bawah kuasa Belanda, untuk mengatur pemerintahan Belanda menyerahkan pada penguasa-penguasa tempatan. Kawasan ini kaya akan rempah. Lihat, Atsushi Ōta. (2006). *Changes of Regime And Social Dynamics in West Java: Society, State And the outer world of Banten 1750-1830* (TANAP monographs on the history of the Asian-European interaction II; Leiden, Boston: Brill. hlm. 87.

dan ibukota Palembang sering berlakunya kekacauan. Sultan Ahmad Najamuddin II tidak mampu untuk mengatasinya kerana beliau merupakan seorang sultan yang kurang mendapat sokongan rakyat Palembang. Sementara itu Heynes sendiri tidak berkemampuan untuk mengembalikan ketenangan dan keamanan kepada masyarakat Palembang. Ini menyebabkan Belanda menganggap Heynes tidak mampu melaksanakan tugasnya di Palembang.

Kegagalan K. Heynes mengambilalih kuasa ke atas Palembang menyebabkan Belanda mengarahkan Herman Warner Muntinghe untuk menggantikannya. Memandangkan Herman Warner Muntinghe masih lagi menjawat jawatan sebagai Ketua Dewan Kewangan Hindia Timur Belanda, Bernhard *Coop à Groen*, yang merupakan anggota Suruhanjaya Pemeriksa Kewangan telah dilantik sebagai Residen Palembang untuk sementara waktu. R. Coop memulai tugasnya sebagai Residen Bangka dan Palembang pada 29 Jun 1817. Tugas utama Coop ialah menyelidiki keadaan di Palembang untuk dilaporkan kepada pemerintah Belanda di Batavia. Ketika menjalankan tugasnya, Coop lebih banyak berada di Bangka, manakala urusan Palembang banyak dilakukan dengan menghantar utusan untuk melakukan proses pengumpulan maklumat. Laporan tersebut diperlukan oleh Batavia untuk tujuan perancangan dasar yang akan dilaksanakan di Palembang. Selain daripada itu, Ia juga penting kepada Muntinghe dalam menentukan langkah yang perlu diambil terhadap Palembang. Secara keseluruhanya, diplomasi Belanda ke atas Palembang menemui kegagalan era pentadbiran Coop.

Seterusnya pada 13 April 1818, Muntinghe bergerak dari Batavia dengan menggunakan kapal perang Eendracht. Setelah menempuh perjalanan selama 1

minggu, beliau tiba di Muntok pada 20 April 1818. Ketibaannya di Muntok disambut oleh A.P Smissaert, Residen R. Coop A. Groen dan para tentera Belanda. Setelah menerima laporan dan berbagai maklumat tentang keadaan di Bangka,[193] Muntinghe kemudian mengarahkan A.P. Smissaert untuk menyelesaikan permasalahan di Bangka, kerana beliau ingin memberi tumpuan kepada penyelesaian isu dan melaksanakan langkah menguasai Palembang.

Terdapat dua persoalan pokok yang perlu diselesaikan oleh Muntinghe, iaitu pertama; menyusun pemerintahan di Kesultanan Palembang, dan kedua; menyelesaikan kewujudan dua Sultan memerintah Palembang. Kedua-dua persoalan ini penting untuk diatasi segera, kerana ia memberi kesan kepada kuasa Belanda atas Palembang. M.O. Wolders, menyatakan tugas Muntinghe ialah untuk untuk menurunkan Sultan Ahmad Najamuddin II dan menghapuskan Kesultanan Palembang.[194] Tugas tersebut tidaklah mudah untuk dilaksanakan, kerana di sebalik Ahmad Najamuddin II terdapat kelibat British yang menyokongnya. Najamuddin II tentu akan meminta bantuan British sekiranya kedudukannya terancam. British pula dijangka akan memenuhi permintaan tersebut kerana dalam perjanjian yang ditandatangani kedua-dua pihak sebelum ini, terdapat klaus yang menyebutkan bahawa Sultan Najamuddin II berada di bawah perlindungan British. Perkara ini perlu dijadikan bahan pertimbangan bagi Muntinghe jika beliau ingin menurunkan Najamuddin II. Ini menyebabkan beliau berusaha mencari strategi yang tepat untuk

[193]Ketika itu Bangka sedang dilanda oleh krisis makanan dan sejumlah pemberontakan terhadap Belanda. Rakyat Bangka tertekan dan terancam oleh kelompok-kelompok perompak yang membuat rakyat tidak tenteram, kerana itu Muntinghe sebelum ke Palembang, berupaya untuk mengamankan Bangka lebih dulu. Bangka adalah kawasan penghasil timah yang sangat penting kepada perekonomian kesultanan Palembang, lihat, Mary F. Somers Heidhues. (1991). Company Island: A Note on the History of Belitung. *Indonesia*, (51), 1-20.

[194]M.O. Wolders. (1975). *Het Sultanaat Palembang.* hlm. 320

menurunkan Najamuddin II dan menaikkan kembali Sultan Mahmud Badaruddin II, iaitu Sultan Palembang yang sebenarnya dan disokong oleh Belanda.[195]

Untuk menyelesaikan isu tersebut, Muntinghe mengambil langkah awal dengan menghubungi kedua sultan melalui penghantaran surat melalui Demang Usman dari Muntok pada 21 April 1818.[196] Kandungan surat pada dasarnya menyatakan bahawa Belanda mahu menjalin persahabatan dengan kedua sultan itu. Langkah Muntinghe ini mendapat reaksi yang positif dari kedua sultan. Najamuddin II juga berjanji akan menghantar utusan untuk menemui Muntinghe. Badaruddin II juga menyatakan persetujuannya untuk menghantar utusan khusus ke Muntok. Langkah Muntinghe yang melakukan diplomasi dengan kedua Sultan Palembang memperlihatkan bahawa Belanda mengakui kedua sultan itu sebagai penguasa Palembang.

Sambutan yang baik dari kedua sultan menunjukkan Palembang tetap berpegang kepada prinsip pemerintahan asalnya iaitu ingin bersahabat dengan mana-mana bangsa. Daripada aspek lain, kedua sultan dalam keadaan yang kurang menguntungkan, kerana memerlukan sokongan daripada Muntinghe dalam usaha mendapatkan legitimasi kekuasaannya ke atas kerajaan Palembang. Bagi Najamuddin II sememangnya beliau sorang sultan yang berkuasa ke atas Palembang, namun pengangkatannya sebagai sultan adalah atas sokongan British.

---

[195] Untuk maklumat lanjut lihat, Ma'moen Abdullah Drs. (1980). *Riwayat hidup dan perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II: calon pahlawan nasional.* Palembang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya, Proyek Inventarisasi & Dokumentasi Sejarah Nasional, hlm. 113-130.

[196] Demang Usman adalah seorang Cina yang kerana kesetiaannya kepada Sultan diangkat sebagai seorang Demang, satu jabatan dalam birokrasi kesultanan yang memimpin satu kawasan tertentu. Demang mempunyai hubungan yang dekat dengan raja, kerana ia adalah perpanjangan tangan raja dalam mengatur pemerintahan.

Ini menyebabkan untuk memperkuat kedudukannya selepas pengunduran British, Najamuddin II tetap memerlukan sokongan Belanda agar tidak diganggu oleh Badaruddin II. Sebaliknya bagi Badaruddin II beliau perlu mendapatkan semula haknya sebagai seorang sultan yang telah diambilalih secara tidak sah oleh Najamuddin II. Secara *de facto*, Badaruddin II adalah sultan yang diakui oleh Belanda dan pernah menjalin hubungan yang baik dengan kuasa tersebut. Badaruddin II menjadi raja adalah menurut adat Istiadat dan dinobatkan oleh rakyat dan kerajaan sebagai pengganti ayahandanya Sultan Muhammad Bahauddin. Memandangkan Badaruddin II diturunkan oleh British dan bukannya oleh Belanda, menyebabkan beliau lebih berkeyakinan posisi sebagai sultan akan dikembalikan oleh Belanda. Namun begitu, bagi mengembalikan kuasanya sebagai Sultan Palembang, Badaruddin II tetap memerlukan sokongan Belanda. Hal yang demikian menjadikan Muntinghe (Belanda) berada di tempat yang menguntungkan, kerana ia diperlukan oleh kedua sultan. Oleh itu dapatlah dikatakan kedudukan Muntinghe saat itu seperti "*sedang memegang kad A dalam pertikaian antara kedua sultan itu."*

Bagaimanakah sikap Palembang dalam menghadapi Belanda? Ahmad Najamuddin II mahupun Badaruddin II menyedari bahwa Palembang sedang berhadapan dengan dua kekuatan asing yang mahu menguasai dan menghancurkan kuasa Kesultanan Palembang. Untuk menghadapi kedua-dua kuasa ini dengan kekuatan senjata adalah sesuatu yang mustahil kerana Palembang dalam keadaan yang lemah kerana kehilangan penguasaan ke atas benteng ketenteraannya dan perpecahan pengikutnya kepada dua Sultan. Ini menyebabkan kedua Sultan Palembang tersebut terpaksa memanfaatkan British dan Belanda dalam menyokong kedudukannya. Dari satu segi, nampaknya keadaan mereka yang saling bermusuhan

akan memaksa mereka untuk mendapatkan sokongan baik dari British mahupun Belanda. Namun daripada aspek lain kedua sultan sedang menjadi mangsa *politik adu domba* antara dua kekuatan asing itu tanpa disedarinya.[197]

Reaksi yang positif daripada kedua-dua Sultan Palembang tersebut telah menghapuskan pandangan negatif Muntinghe sebelumnya yang menganggap Sultan Palembang bermusuhan dengan Belanda. Ini menyebabkan Muntinghe datang ke Palembang dengan segera untuk berunding dengan kedua sultan tersebut. Muntinghe seolah-olah bertindak sebagai pihak pendamai kepada kedua-dua Sultan tersebut. Namun di sebalik kebaikan tersebut tersimpan matlamat sebenar Muntinghe iaitu ingin menguasasi Palembang. Muntinghe juga telah mendapat perintah daripada Batavia untuk menurunkan Sultan Ahmad Najamuddin II dan mengangkat kembali Sultan Mahmud Badaruddin II.[198] Arahan rahsia tersebut agak sukar untuk dilaksanakan Muntinghe sekiranya dilaksanakan melalui perundingan atas prinsip sama taraf. Oleh itu langkah yang cepat untuk menyelesaikan pertikaian di Palembang adalah dengan melaksanakan perjanjian yang sudah disiapkan terlebih dulu. Melalui kaedah ini, langkah seterusnya hanyalah menunggu kedua-dua sultan menandatanganinya sama ada secara sukarela mahupun paksa.

---

[197]Perkara ini kelihatan ketika British menghantar pasukan Kapten Salmond untuk menyokong Najamuddin II dan berada di kawasan keraton Palembang. Salmond dan pasukannya tidak mahu meninggalkan Palembang dan bertekad untuk menghadapi pasukan Belanda. Melalui diplomasi dan paksaan akhirnya pasukan British berjaya dikeluarkan dari Palembang dan dihantar ke Jakarta dengan kapal Belanda dan seterusnya dihantar ke Bengkulu. Lihat, *The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency*, Volume 7, January to June 1817.

[198]Johan Hanafiah menyatakan ada perintah rahsia yang diterima oleh Muntinghe untuk mengakhiri perselisihan antara Badaruddin II dan Najamuddin II. Perintah rahasia itu adalah untuk menurunkan Najamuddin II dan mengangkat kembali Badaruddin II sebagai Sultan Palembang. Johan Hanafiah, (2004). *Kesultanan Palembang Darussalam : Perkembangan Kebudayaan Islam dan Kebangkitannya pada abad ke 18*. Makalah seminar Sejarah dan Budaya Palembang. 26 Jun 2004.

Muntinghe belayar dari Muntok pada 1 Jun 1818, dan tiba di Palembang tiga hari kemudian. Ketibaannya disambut secara resmi oleh Sultan Ahmad Najamuddin II di keraton Kuto Besak pada 6 Jun 1818. Dalam pertemuannya dengan Najamuddin II, Muntinghe menyerahkan surat dari Komisaris Jeneral Belanda yang isinya berupa makluman tentang kedudukannya sebagai wakil Belanda yang akan menyelidiki keadaan di Bangka dan Palembang untuk dilaporkan pada pemerintah Belanda di Batavia.[199]

Bagi menyelesaikan kemelut di Kesultanan Palembang, Muntinghe berhadapan dengan dua persoalan yang perlu diatasinya. Ia berpunca daripada pertikaian kedua-dua sultan yang ingin memegang kuasa ke atas Palembang. Persoalan seterusnya ialah, adalah tidak logik untuk beliau mengangkat kembali keduanya sekali. Ada dua pilihan bagi Muntinghe, iaitu pertama; menurunkan salah satu daripada sultan tersebut. Kedua; membahagi kekuasaan di Palembang menjadi dua kawasan kesultanan yang masing-masing dikuasai oleh Sultan Ahmad Najamuddin II dan Sultan Mahmud Badaruddin II. Berdasar kepada perkembangan di Kesultanan Palembang sebelum dikuasai oleh British, raja yang diakui Belanda adalah Sultan Mahmud Badaruddin II.

Bagi menyelesaikan masalah kekuasaan dalam Kesultanan Palembang, pada 7 Jun 1818, Muntinghe mengadakan rundingan dengan Najamuddin. Ketika perundingan tersebut, Muntinghe menyatakan idea tentang konsep pembahagian kawasan kekuasaan antara Sultan Ahmad Najamuddin II dengan Sultan Mahmud Badaruddin II. Cadangan Pembahagian kawasan ini bertujuan untuk mengurangkan

[199] *The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency*, Volume 8, January to Julai-December 1819.

kekacauan yang telah dan sedang berlaku di Kesultanan Palembang. Kuasa ke atas Palembang juga perlu tetapkan, memandangkan kedua-duanya adalah Sultan yang dilantik untuk merajai Palembang. Berdasarkan kepada kedudukan kedua-dua sultan ini, Belanda melihat Sultan Ahmad Najamuddin II merupakan sultan yang dicipta oleh British dan ini menyebabkan kuasanya harus dibatasi. Sedangkan Badaruddin II pula merupakan sultan yang sah serta diakui oleh Belanda. Ini menyebabkan kekuasaannya patut disokong. Selain daripada menentukan kawasan kekuasaan tersebut, perundingan ini juga bertujuan untuk memastikan Belanda juga mendapatkan sebagian kawasan kesultanan Palembang.[200]

Berikutan perundingan tersebut, sempadan kekuasaan Badaruddin II di utara ialah kawasan yang terletak di antara Sungai Musi di Utara, Sungai Ogan, Terusan Kilip, Bulu Cawang dan Bankula. Sempadan di sebelah timur ialah meliputi Sungai Kouang, di sebelah selatan meliputi Lamatang, dan bahagian barat pula disempadani oleh Sungai Musi. Daerah kekuasaannya terdiri dari Blida, Kramasan, Klakar, Meranjat, terusan Kilip. Belanda memperoleh kawasaan di sebelah hulu dan hilir kesultanan Palembang termasuk kawasan yang bersempadan dengan Bengkulu dan Lampung.[201] Sedangkan Ahmad Najamuddin II memperoleh kawasan selebihnya, iaitu Sungai Oling, Sungai Serma, Sungai Kampung, Sungai Keroi, Sungai Benging, Sungai Bawang, Sungai Rampang, dan Sungai Siayou. Kawasan dusun yang diperoleh Najamuddin II adalah 5 dusun di Sungai Bawang, 10 Dusun di Sungai Bening, 12 dusun di Sungai Rampang dan 3 dusun di Sungai Plaju.[202]

---

[200]ANRI , Bundel Palembang No. 12 D. II

[201]*Ibid.*

[202]Surat Perjanjian antara Muntinghe dengan kedua Sultan terdiri dari tiga eksemplar. Namun yang penyelidik temukan pada Arsip Nasional RI hanya lembaran pertama, sedangkan dua lembar lainnya hilang,

Selain itu Sultan Badaruddin II wajib membantu pemerintah Belanda sebanyak f100,000.00 untuk membangunkan kembali benteng Belanda yang telah hancur. Beliau juga wajib membayar ganti rugi kepada Sultan Mudo[203] (Ahmad Najamuddin II) sebanyak f500,000.00. Ganti rugi kepada Najamuddin II tersebut sebagai saguhati di atas kesediaan Najamuddin II meninggalkan keraton Kuto Besak dan diganti oleh Badaruddin II. Selain itu Najamuddin II mendapat dana bantuan sebanyak seribu dollar Sepanyol sebulan, sepuluh koyang garam, dan seratus sampai dua ratus koyang beras.

Kertas konsep perjanjian antara Belanda (Muntinghe) dengan kedua sultan tersebut, diserahkan pada 20 Jun 1818. Sultan Badaruddin II menerima kandungan perjanjian itu, kerana beberapa klausa perjanjian itu menguntungkan dirinya terutama yang menyentuh tentang pengembalian kedudukannya sebagai Sultan Palembang, meskipun terpaksa menyerahkan sebahagian kawasan kekuasaannya kepada Belanda dan Najamuddin II. Ini memperlihatkan sikap Badaruddin II yang lebih mengutamakan pengembalian kedudukannya sebagai Sultan berbanding dengan kawasan kuasanya. Perkara ini dianggap penting kerana dengan memegang kekuasaan di Kesultanan Palembang, Badaruddin II dapat mengendalikan rakyat yang sebagian besar memberikan sokongan kepadanya selain mengembalikan keamanan dan kemakmuran di Palembang.

[203]Sultan Mudo adalah gelaran yang diberikan Belanda kepada Ahmad Najamuddin II, sedangkan Badaruddin II mendapaatkan gelaran Sultan Tuo. Pemberian gelaran ini berkaitan dengan perjanjian Belanda (Muntinghe) dengan kedua Sultan yang ada di Palembang (20 Juni 1818).

Sebaliknya Sultan Najamuddin II pada mulanya enggan menyetujui perjanjian tersebut, kerana kandungan perjanjian itu jelas merugikannya. Penolakan Najamuddin II menyebabkan Muntinghe mengerahkan armadanya untuk berada hadapan benteng Kuto Besak. Berikutan ancaman kekuatan ketenteraan Belanda, Najamuddin II menyerahkan urusan menandatangani perjanjian itu kepada Pangeran Adipati pada 23 Jun 1818. Dengan penurunan kuasa tersebut itu, Pangeran Adipati adalah bertanggung jawab ke atas perlaksanaan kandungan perjanjian tersebut.[204]

Berikutan termeterinya perjanjian tersebut, Najamuddin II diminta oleh Muntinghe untuk keluar dari Keraton Kuto Besak dan berpindah ke Keraton Kuto Lamo. Sebaliknya Badaruddin II diminta untuk berpindah dari keraton Kuto Lamo ke keraton Kuto Besak.[205] Pertukaran tempat tinggal ini merupakan strategi halus Muntinghe untuk tidak mengakui kuasa Najamuddin II ke atas Palembang. Perpindahan tersebut memberi makna, Najamuddin II sudah tidak berkuasa lagi di Palembang. Ini kerana Keraton Kuto Besak adalah pusat pemerintahan kesultanan Palembang. Mendiami Keraton Kuto Besak merupakan simbol kepada Sultan palembang yang berkuasa. Perkara ini juga kelihatannya disedari oleh Sultan Ahmad Najamuddin II. Meskipun ia masih merupakan Sultan Palembang, tetapi wilayah kekuasaannya sangat kecil. Oleh itu Najamuddin II berusaha untuk mendapatkan sokongan dan perlindungan daripada British yang sebelumnya sudah membantunya dalam mendapatkan kuasa dari Badaruddin II.

---

[204]Pangeran Adipati adalah kepala pemerintahan di Kesultanan Palembang. Ia merupakan wakil Sultan dalam menjalankan pemerintahan. Jawatan ini pernah dipegang oleh Najamuddin II pada masa Sultan Mahmud Badaruddin II berkuasa. Ketika Najamuddin II menjadi raja Palembang, jawatan Pangeran Adipati dipegang oleh adiknya Pangeran Aryo Kusuma.

[205]Pasal sembilan perjanjian antara Komisaris Muntinghe dengan Badaruddin II dan Najamuddin II tanggal 20 Juni 1818.

4.4 Strategi Pertahanan dan Diplomasi era Konflik British dan Belanda

Berikutan termeterinya Convention of London 1814, Leftenan Gabenur British di Indonesia, Raffles, menyerahkan keseluruhan wilayah Hindia Belanda kepada kuasa Belanda walaupun hasratnya untuk memperluas kawasan kekuasaan British di Sumatera Selatan dengan menggabungkan Bangka, Palembang dan Bengkulu[206] berkubur. Kegagalan ini merupakan sesuatu yang amat mengecewakan Raffles kerana Palembang dan Bangka merupakan daaerah yang punya potensi ekonomi yang besar.

Penyelesaian isu kekuasaan Palembang melalui perjanjian antara Najamuddin II dan Badaruddin II dengan Muntinghe pada dasarnya telah menutup kesempatan bagi British untuk meneruskan campurtangan secara tidak langsung dalam politik kerajaan Palembang. Satu-satunya jalan untuk British kembali masuk ke kerajaan Palembang adalah apabila Sultan Palembang yang memihak kepadanya iaitu Najamuddin II meminta bantuan daripada British untuk menyelesaikan kemelut di sana. Dari aspek lain, Najamuddin II yang menandatangi perjanjian dengan Muntinghe merasa dikecewakan kerana terusir dari keraton Kuto Besak. Oleh itu satu-satunya jalan bagi Najamuddin II untuk mendapatkan kembali kuasanya secara penuh, ialah dengan memohon bantuan British.

[206]Bengkulu terletak sekitar 450 km di sebelah barat Palembang. Daerah ini kaya akan emas dan rempah. Bengkulu dikuasai British sejak tahun 1685. Pada tahun 1824 ditandatangani Perjanjian London antara Belanda dan British mengenai Bengkulu. Kandungan kesepakatan itu antara lain kawasan Bengkulu diserahkan oleh British kepada Belanda dan sebagai gantinya British menerima Melaka daripada Belanda. Sejak itu Bengkulu menjadi daerah yang dikuasai Belanda.

Peluang British (Raffles) untuk kembali terlibat dalam persoalan di Palembang muncul setelah mendapat permohonan daripada Najamuddin II untuk membantunya kembali berkuasa. Permintaan tersebut disebabkan oleh tindakan Muntinghe yang memaksa Najamuddin II untuk meninggalkan keraton Kuto Besak dan berpindah ke keraton Kuto Lamo yang tidak dapat diterima olehnya. Permintaan Najamuddin II dilakukan dengan menghantar surat kepada Raffles yang masih berada di Bangkahulu. Kandungan surat itu pada pokoknya adalah meminta bantuan daripada British untuk menghantar pasukannya ke Palembang bagi menyokong Najamuddin II di Palembang. Permintaan ini dipenuhi oleh Raffles dengan menghantar beberapa ratus pasukan yang dipimpin oleh Kapten Francis Salmond melalui jalan darat dan tiba di Palembang 4 Julai 1818.[207] Penghantaran pasukan British ini menurut Raffles sesuai dengan perjanjian tahun 1812 antara British dan Palembang. Dalam perjanjian itu terdapat klausa yang menyatakan, British wajib mempertahankan kedudukan Sultan Ahmad Najamuddin II yang terancam berikutan kehadiran Belanda.

Ketibaan pasukan British disambut oleh Sultan Ahmad Najamuddin II, tiga orang Pangeran, Tumenggung, Rangga dan Demang di gerbang Keraton Kuto Lamo.[208] Dalam pertemuan itu Kapten Salmond menyerahkan surat daripada Raffles dan Bendera British, *The Union Jack*. Pemberian *The Union Jack* merupakan suatu

[207] British menghantar pasukan dengan tujuan ke Palembang sebanyak 300 orang. Namun dalam perjalanan sebagian pasukan itu sekitar 150 orang ditinggalkan di Muara Beliti. Setelah itu Raffles menghantar lagi pasukannya ke Palembang. Namun pasukan ini berhenti di Baylango sambil menunggu arahan daripada Kapten Salmond yang sudah di Palembang, Translation of a Letter from Sultan Achmed Nujemudin, of Palembang, to the Lieutenant-Govenor of Bancoolen. *The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency*, Volume 7, January to June 1817, London hlm 214.

[208] Lihat, *Asal Usul raja-raja Palembang*, Woelders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821),* hlm. 102.

simbol bahawa Raffles akan membela Sultan Ahmad Najamuddin II daripada ancaman Belanda. Sementara Najamuddin II menyatakan bahawa dirinya tidak terikat perjanjian dengan Belanda, dan oleh kerana itu beliau mahu mengadakan perjanjian baru dengan British.[209] Kenyataan Najamuddin II ini berdasarkan kepada kedudukannya yang tidak menandatangani sebarang perjanjian dengan Belanda dan perjanjian sebelumnya adalah ditandatangani oleh Pangeran Adipati.[210] Perjumpaan Najamuddin II dengan Kapten Francis Salmond berjaya menghasilkan satu perjanjian. Terdapat dua perkara penting yang disepakati iaitu pertama, Sultan Najamuddin II menerima perlindungan British dan British berjanji akan mengusir semua bangsa Eropah daripada Palembang. Kedua, Sultan Najamuddin II bersetuju untuk menerima pasukan British dan akan menanggung segala perbelanjaannya.

Pasukan British yang dipimpin Kapten Francis Salmod kemudian mengibarkan bendera British di Keraton Kuto Lamo. Pengibaran bendera British ini memberi makna bahawa Najamuddin II dan keratonnya berada di bawah perlindungan British. Perkara ini memberi peringatan kepada Muntinghe bahawa British telah bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan untuk mempertahankan Najamuddin II dari ancaman kuasa tersebut. Tindakan Pengibaran bendera British di Palembang, menyebabkan Muntinghe segera mengambil tindakan menghubungi Kapten Francis Salmond untuk mengadakan perundingan di atas kapal Eendrach yang ditumpanginya. Belanda juga meminta Salmond meninggalkan Palembang balik ke Bengkulu serta menurunkan bendera British yang dikibarkan di

[209] Ibid., hlm. 98.
[210] Pangeran Adipati adalah adik dari Najamuddin II. Adipati adalah jabatan tertinggi dalam birokrasi pemerintahan di Kesultanan Palembang. Dalam konsep kekuasaan tradisional raja dianggap sebagai penguasa dan pemilik kawasan kerajaan, kerana itu persetujuan raja atas suatu perjanjian sangatlah penting.

Keraton Kuto Lamo. Namun undangan tersebut ditolak Salmond dengan mengatakan ia hanya mahu berurusan dengan Sultan Ahmad Najamuddin II bukan dengan Muntinghe. Jawapan Salmond tersebut berasaskan kepada mandat daripada Raffles untuk berurusan dengan Sultan Ahmad Najamuddin II dan bukannya dengan Belanda. Selain alasan itu, Salmond juga merasa diperkecilkan oleh Muntinghe, karena kenyataannya yang meminta Salmond dan pasukannya untuk kembali ke Bengkulu dan menurunkan bendera British dari Keraton Kuto Lamo.[211]

Tuntutan Muntinghe ini tidak dipenuhi oleh Salmond, kerana beliau telah mengadakan perjanjian dengan Najamuddin II. Selain itu penurunan bendera British juga merupakan suatu penghinaan bagi Salmond, kerana bendera adalah simbol negara. Penurunan bendera bermakna British dengan rasmi mengundurkan diri dari Palembang. Perkara ini dianggap sebagai satu penghinaan kepada negaranya. Sikap keras Kapten Salmond adalah berasaskan kepada arahan yang diterima daripada Raffles untuk melindungi Najamuddin II dan Kesultanan Palembang selain perjanjian yang disepakatinya dengan Najamuddin II. Sebaliknya Muntinghe perlu bersikap keras kepada Salmond, kerana berdasarkan perjanjian dengan Najamuddin II pada 23 Juni 1818, Belanda mempunyai kuasa atas Palembang.

Muntinghe ingin untuk menyelesaikan permusuhan dengan British dengan cepat. Cara diplomasi perundingan yang diusahakan Muntinghe mengalami kebuntuan. Ini menyebabkannya tiada jalan lain daripada melaksanakan diplomasi ketenteraan. Bagi melaksanakan diplomasi tersebut, Muntinghe mengerahkan

[211] Translation of a Letter from Sultan Achmed Nujemudin, of Palembang, to the Lieutenant-Govenor of Bancoolen.*The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency*, January to June 1817, Volume 7, London hlm 214; juga lihat, Asal-usul raja-raja Palembang, hlm 54..

pasukan Belanda di bawah pimpinan Kapten Van der Wijck serta pasukan dari Sultan Mahmud Badaruddin II dan Raja Akil[212] untuk mengepung pintu gerbang Keraton Kuto lamo dan mengarahkan kapal perang Eendrach ke hadapan keraton. Bimbang dengan keadaan tersebut, Najamuddin II mendesak Salmond untuk menurunkan bendera British. Keputusannya itu dibuat atas pertimbangan sekiranya bendera British tidak diturunkan Keraton Kuto Lamo pasti akan hancur akibat serangan Muntinghe.

Sementara itu Kapten Salmond, masih bertindak melengah-lengahkan waktu dengan menuntut agar pasukan Belanda diundurkan daripada Keraton Kuto Lamo tersebut. Cadangan Salmond ini dibuat setelah menyedari bahwa kekuatan pasukan British yang berada di Palembang adalah terbatas (dengan jumlahnya yang sedikit), manakala Sultan Najamuddin pula, tidak mempunyai pasukan yang mencukupi bagi menghadapi tentera Badaruddin II yang disokong Belanda. Sekiranya terjadi konflik bersenjata antara kedua pihak, pasukan Salmond akan mengalami kesulitan. Berdasarkan pertimbangan itu Salmond dan pasukannya bersedia untuk kembali ke Bangkahulu melalui jalan Batavia pada bulan Ogos 1818.

Muntinghe meletakkan segala punca yang menyebabkan kepada kehadiran tentera British ke Palembang adalah angkara Sultan Ahmad Najamuddin II. Oleh itu Najamuddin II perlu bertanggungjawab atas segala kejadian yang ditimbulkan oleh British. Hukumannya, Muntinghe menangkap dan menahan Ahmad Najamuddin II

[212]Raja Akil adalah sorang Pangeran dari kerajaan Siak. Ia diusir penguasa Siak Raja Ali dari negerinya. Bersama penyokongnya ia berlayar ke Lingga dan ke Bangka. Residen Belanda, Court seterusnya memanfaatkannya untuk menumpas perlawanan dan menangkap Raden Keling (pemimpin perlawanan rakyat Bangka kepada Belanda). Meskipun ia tak berjaya menangkap Raden Keling, namun ia dapat dipercaya dan setia dengan Belanda. Ia ikut dipihak Belanda ketika berlangsung perang Palembang (1819 mahupun 1821). Atas dasar itu ia kemudian diangkat oleh Belanda sebagai sorang Sultan di Kalimantan.

dan para pengikutnya yang terlibat. Seterusnya Najamuddin II serta tiga orang Pangeran, seorang Tumenggung, seorang Ronggo dan seorang Demang ditahan di sebuah bilik kecil di sebelah timur Keraton Kuto Besak dengan kawalan yang ketat.[213] Pada 30 November 1818, Najamuddin II dibawa ke Batavia kemudian dibuang ke Cianjur. Dengan pengasingan Najamuddin II tersebut, Palembang kini berada di bawah kuasa penuh Sultan Mahmud Badaruddin II.

4.5 Diplomasi dan Perang Melawan Belanda

Selepas ketiadaan Najamuddin II, Sultan Badaruddin II berusaha membangunkan kembali Palembang yang sebelum ini berpecah kepada dua. Nasib Kesultanan Palembang kini berada sepenuhnya di tangan Badaruddin II. Kedudukan Palembang sama ada menjadi sebuah kerajaan yang dikuasai Belanda atau menjadi kawasan yang merdeka dan berdaulat kini terletak pada kewibawaan Sultan Badaruddin II. Selepas isu dengan Najamuddin II sudah diselesaikan dengan campur tangan Belanda timbul pula persoalan baru yang perlu diselesaikan oleh Sultan Badaruddin II, iaitu bagaimana untuk mengembalikan kawasan kuasanya yang sudah diserahkan oleh Najamuddin II kepada Belanda terutama Bangka Belitung yang merupakan sumber ekonomi utama Kesultanan Palembang. Selain daripada itu kawasan kekuasaan Kesultanan Palembang semakin kecil berikutan penyerahan sebahagian daripadanya kepada Belanda menurut kesepakatan dengan Sultan Mahmud Badaruddin II dan Ahmad Najamuddin II dalam perjanjian 23 Jun 1818.

[213]Lihat, Woolders, (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821),* hlm. 100.

Bagi Muntinghe dengan pengasingan Najamuddin II ke Cianjur, berjaya menyelesaikan masalah kekuasaan di Palembang. Perkara yang perlu diselesaikan seterusnya ialah mengenai gerakan penentangan di daerah huluan. Ia turut melibatkan konflik dengan British di daerah perbatasan Palembang–Bengkahulu yang belum diselesaikan. Kawasan yang dikuasai oleh Badaruddin II secara umum adalah kawasan yang aman dan dikendalikan oleh sultan. Namun bagi kawasan lain yang dikuasai Belanda, konflik antara Belanda dengan penduduk setempat dan antara Belanda dengan British masih berlaku.

Askar British di bawah komando Kapten Salmond meninggalkan Palembang pada 7 Ogos 1818. Muntinghe melihat perkara tersebut masih belum selesai, kerana masih ramai askar British yang berada di kawasan uluan. Beliau berpendapat keberadaan askar tersebut lambat laun akan menjadi ancaman atau menyerang Palembang. Oleh itu Muntinghe mengatur strategi dengan memperkuat pertahanan di Palembang, dan mengejar askar British yang ada di daerah huluan. Untuk memperkuat pertahanan Palembang Muntinghe telah mengerahkan askar Belanda di samping meminta bantuan Sultan Mahmud Badaruddin II mempersiapkan askar kesultanan untuk membantu menghalau British. Bagi melaksanakan misi tersebut, Muntinghe melantik Leftenan Laut Fabritius sebagai komandan pertahanan Palembang. Beliau dilengkapi dua kapal meriam, dua perahu dengan sepuluh orang askar Belanda. Sultan Mahmud Badaruddin II pula menyediakan tiga perahu pancalang (salah satunya perahu bersenjata), beberapa Menteri dan Pangeran. Dengan adanya kekuatan gabungan tersebut, Muntinghe yakin dapat mengalahkan tentera musuh sekiranya diserang.

Bantuan yang diberikan oleh Badaruddin II kepada Belanda meningkatkan lagi keyakinan kuasa tersebut yang Badaruddin II menyokong kehadiran mereka ke Palembang. Bagi Badaruddin II sokongan tersebut merupakan strateginya untuk memperkuatkan kedudukannya di Palembang. Dengan keluarnya Muntinghe dari Palembang, Badaruddin II akan berkuasa penuh ke atas Palembang. Ini akan memberikan kesempatan kepada Badaruddin II untuk mengatur pemerintahan dan sekaligus memperkuat pertahanan Palembang.

Usaha Muntinghe membentuk serta memimpin pasukannya untuk membasmi gerakan penentangan yang berkembang di kawasan uluan dan sekaligus mengusir British dari kawasan kesultanan mempunyai dua matlamat penting.[214] Pertama; keterlibatan Muntinghe secara langsung bertujuan untuk memulihara kedamaian di Palembang, dan sekaligus dapat menunjukkan kepada masyarakat wilayah tersebut bahwa Belanda mempunyai kemampuan untuk melindungi rakyat Palembang. Kedua; Keterlibatan Muntinghe juga bertujuan untuk mengetahui potensi ekonomi di daerah uluan yang dapat dikembangkan untuk kepentingan pemerintah Belanda.

Muntinghe melaksanakan operasi ke daerah Uluan bersamaan dengan tarikh keberangkatan Ahmad Najamuddin II ke Batavia iaitu pada 30 November 1818. Beliau kembali lagi ke Palembang pada 20 Mei 1819. Selama lebih enam bulan Muntinghe di daerah uluan, beliau telah menghadapi berbagai penentangan daripada

[214]Konflik dengan British telah terjadi sejak kedatangan kapten Salmond dan pasukannya di Palembang. Meskipun pasukan yang di Palembang berjaya dipulangkan ke Bengkulu melalui Batavia, namun pasukan yang tersisa di Muara Beliti tetap meneruskan perjalanan ke Palembang. Pasukan Salmond ini rehat di Bay langu yang terletak sekitar 200 km dari Palembang. Bay Langu adalah kawasan yang masuk dalam Kesultanan Palembang. Sesudah Kapten Salmont dan pasukannya dibawa ke Batavia, sisa pasukan Salmond yang berada di Baylangu kembali ke Muara Beliti untuk meneruskan perjalanan kembali ke Bengkulu.

masyarakat di sana. Ini memperlihatkan bukan mudah untuk Belanda menguasai secara *de facto* daerah di luar Palembang. Penduduk di kawasan uluan adalah mereka yang tetap setia dan memberikan sokongan yang kuat kepada Badaruddin II. Oleh itu, meskipun Badaruddin II sudah kembali sebagai Sultan Palembang, namun mereka tetap meneruskan penentangan terhadap Belanda. Mereka beranggapan, perang menentang Belanda adalah perang melawan orang kafir. Perang melawan orang kafir adalah jihad sebagaimana yang diajarkan oleh Syekh Abdussamad Al Palimbani.[215] Bagi masyarakat tersebut juga, perang bukanlah bertujuan untuk membela kepentingan Badaruddin II, tetapi memperjuangkan kepentingan mereka agar tidak ditindas oleh Belanda terutama di sektor ekonomi.

Perjalanan Muntinghe ke daerah uluan yang agak lama telah memberi kesempatan kepada Badaruddin II untuk mempersiapkan diri bagi memperkuatkan pertahanan Palembang. Tujuannya ialah untuk merampas kembali kuasa ke atas Palembang secara penuh. Ancaman British yang akan menyerbu Palembang merupakan alasan yang tepat bagi Badaruddin II untuk memperkuat pertahanannya. Pihak Belanda yang berada di Palembang sentiasa memerhati gerak geri Sultan Badaruddin II. Sementara itu perjalanan Muntinghe ke wilayah perbatasan Bengkahulu dan Palembang menerima tentangan daripada masyarakat setempat. Beliau berusaha meneruskan perjalanan ke kawasan Rejang, namun sebelum sampai ke sana Muntinghe berhadapan dengan serangan yang sengit sehingga terpaksa mengundurkan diri ke Muara Beliti pada 13 Mei 1819 dan seterusnya kembali ke

[215]Menurut Mal'an Abdullah, dalam tulisannya tentang Abdussamad Al Palembani, dikatakan bahwa setengah dari Iman adalah jihad dalam mempertahankan agama dan menghadapi musuh-musuh kafir. Mal'an Abdullah adalah seorang pensyarah di Universiti Islam Negeri Palembang. Kitab beliau yang lain termasuklah Tuḥfat al-Rāghibīn. Untuk maklumat lanjut tentang kitab tersebut lihat, Noorhaidi Hasan. (2007). The Tuḥfat al-Rāghibīn: The work of Abdul Samad al-Palimbani or of Muhammad Arsyadal-Banjari?, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 163, No. 1, hlm. 67-85.

Palembang. Dalam perjalanan menuju Palembang, pasukan Muntinghe menghadapi serangan daripada penduduk Muara Rawas. Setelah melakukan perjalanan selama sebulan, Muntinghe akhirnya berjaya sampai ke Palembang pada 20 Mei 1819.

Penentangan yang dihadapi di daerah uluan merupakan sesuatu yang tidak dijangka oleh Muntinghe. Dalam pemikiran Muntinghe pengangkatan kembali Badaruddin II akan menghentikan serangan daripada masyarakat setempat. Namun jangkaan itu meleset, kerana rakyat di kawasan uluan tetap meneruskan penentangan terhadap mereka atas dasar untuk mengusir kuasa kafir yang cuba menguasai kesultanan Palembang.

Ketibaan Muntinghe di Palembang memulai babak baru dalam hubungan Belanda dengan Palembang. Muntinghe mendapatkan laporan daripada pegawainya di Palembang mengenai aktiviti yang telah dilakukan oleh Badaruddin II. Antara aktiviti yang dilaporkan ialah penambahan kekuatan pertahanan dan peningkatan jumlah orang dari luar tiba di Palembang. Penentangan di kawasan uluan yang hebat boleh dianggap petanda kemunculan penentangan oleh Badaruddin II sendiri terhadap Belanda. Selain itu Muntinghe mengesyaki bahawa penentangan di daerah uluan adalah digerakkan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II secara senyap. Ini menyebabkan pada hari ketibaannya di Palembang, Muntinghe cuba mendapatkan kepastian tentang pendirian Badaruddin II. Usaha tersebut dilakukan dengan menghantar utusan Pangeran Syarif Mohammad[216] berjumpa Sultan Badaruddin II.

[216]Pangeran Syarif Muhammad adalah sorang keturunan bangsawan Palembang. Ia adalah orang kepercayaan Sultan yang mendampingi Muntinghe melakukan perjalanan ke kawasan huluan dalam rangka mengejar pasukan British yang ditinggalkan kapten Salmond. Oleh itu ia diminta Muntinghe untuk menjadi juru runding dengan Sultan Mahmud Badaruddin II.

Utusan ini menyampaikan permintaan Muntinghe agar Badaruddin II bertanggungjawab atas penentangan yang berlaku di luar Palembang.

Muntinghe juga menuntut agar sultan menyerahkan Pangeran Ratu dan beberapa pangeran lain untuk dibawa ke Batavia. Tuntutan Muntinghe ini, menunjukkan sifat sombong Belanda terhadap Palembang. Belanda menganggap bahawa Palembang adalah kerajaan yang sudah dikuasai Belanda, dan sultannya perlu memenuhi segala tuntutan Belanda. Tuntutan ini nampaknya sebagai usaha Belanda (Muntinghe) untuk menawan dan menjadikan Putera Mahkota Palembang serta pembesar yang lain sebagai tebusan untuk menjamin agar Palembang tetap setia pada Belanda. Ketika rundingan tersebut, Badaruddin II menegaskan yang beliau tidak terlibat dalam penentangan di kawasan uluan. Berhubung dengan tuntutan Belanda agar beliau menyerahkan Pangeran Ratu dan lain-lain, Badaruddin II menjawab, "*memberikan tidak, melawan tiada"*[217]

Jawapan daripada Badaruddin II mempunyai makna yang mendalam. "*Memberikan tidak"* bermakna bahwa Badaruddin II akan melindungi Pangeran Ratu serta pembesarnya yang lain. Sekiranya Belanda mengambilnya secara paksa, ia perlu berhadapan dengan sultan dan rakyat Palembang. "*Melawan tiada"* artinya Sultan Palembang tidak akan melakukan menyerang Belanda terlebih dulu, akan tetapi jika Belanda memaksanya untuk berperang, Palembang bersedia menghadapinya. Dengan kata lain jika Belanda memulai peperangan, Palembang juga akan melawan dengan segala kemampuannya.

[217]*Asal Usul Raja-raja Palembang*. Juga lihat, Woelders, *Het Sultanaat Palembang (1811-1821), hlm* 102.

Jawapan diplomatis Badaruddin II itu juga mencerminkan sikap yang tegas dari seorang sultan yang menjadi pemimpin masyarakat Palembang. Sultan tidak mahu dipaksa untuk mengikuti kemahuan Belanda yang akan merendahkan martabatnya. Bagi Badaruddin II, jawaban itu sudah menunjukkan bahwa Palembang bukanlah kerajaan yang patuh dan menuruti saja apa keinginan Belanda. Palembang adalah kerajaan yang merdeka, kerana itu perlakuan Belanda itu tidaklah patut untuk dituruti sepenuhnya. Keberanian Badaruddin II memberikan jawaban sedemikian rupa, kerana Badaruddin II memang sudah mempersiapkan diri untuk menghadapi segala kemungkinan dalam hubungannya dengan Belanda. Kekuatan pertahanan Palembang jauh lebih kuat jika dibandingkan dengan ketika Palembang masih dikuasai oleh Ahmad Najamuddin II.

Bagi menghadapi situasi yang genting ini, Muntinghe telah meminta bantuan daripada Batavia. Keadaan ini berikutan kaedah diplomasi secara perundingan tidak mungkin dapat dilaksanakan lagi. Permohonan bantuan ketenteraan tersebut telah dipenuhi oleh Batavia dengan menghantar 209 orang tentara di bawah pimpinan Mayor Tierlam. Pasukan ini diangkut menggunakan kapal Elisabet dari Batavia dan tiba di Palembang pada Mei 1819. Mereka ditempatkan di Keraton Kuto Lamo.[218] Penempatan pasukan Belanda di Keraton Kuto Lamo, bertujuan untuk mengawasi

[218]Pada abad ke-19 di Palembang terdapat dua keraton, iaitu Keraton Kuto Besak dan keraton Kuto Lamo. Keraton Kuto Besak berada di dalam kawasan Benteng Kuto Besak. Keraton Kuto Besak adalah tempat tinggal dari Sultan Palembang dan menjadi simbol penguasa Palembang. Keraton Kuto Lamo adalah keraton yang terletak di luar kawasan benteng Kuto Besak. Keraton ini pada mulanya memang tempat penguasa (raja) Palembang. Namun seiring dengan dibangunnya benteng dan Keraton Kuto Besak, maka Keraton Kuto Lamo tidak lagi menjadi tempat mukim raja. Ketika Palembang dapat ditaklukkan Belanda (1821) dan diikuti dengan penghapusan Kesultanan Palembang (1825), Keraton Kuto Lamo dihancurkan oleh Belanda dan dibangun kembali dengan bentuk dan gaya Belanda. Bangunan baru ini menjadi rumah Residen Belanda. Saat ini bangunan itu menjadi Museum Sultan Mahmud Badaruddin II. Jarak antara Keraton Kuto Lamo dan Keraton Kuto Besak sekitar 500 meter.

gerak-geri Badaruddin II di Keraton Kuto Besak dan sekaligus untuk memberikan tekanan kepada Badaruddin II dan rakyat Palembang.

Selain daripada menambah jumlah pasukan tenteranya, tentera Belanda turut memperlihatkan kekuatannya dengan menempatkan dua kapal perang di Sungai Musi. Kapal perang Ajax yang berkekuatan 16 meriam ukuran 8 pon diketuai Kapten Takki Bakker dan kapal perang Eendracht yang berkekuatan 32 meriam ukuran tiga puluh pon pimpinan Leftenan Klas 1 Jan van Ginkel. Kedua kapal perang ini melakukan pelayaran di Sungai Musi dalam usaha memberi tekanan kepada Sultan Palembang.

Muntinghe juga meminta bantuan daripada Residen Bangka Smissaert, untuk menghantar bantuan ke Palembang. Smissaert memenuhi permintaan Muntinghe dengan menghantar lima puluh orang tentera, tiga puluh peti peluru, kapal-kapal perang dan perahu-perahu Belanda yang ada di Muntok. Situasi ini memperlihatkan perang terbuka antara Palembang dengan Belanda semakin menjadi kenyataan. Dalam situasi yang genting tersebut, usaha diplomasi perundingan terus dilakukan. Pada 10 Jun 1819, Badaruddin II menyatakan kesanggupannya untuk memenuhi tuntutan Muntinghe, kecuali berkaitan dengan penyerahan Putera Mahkotanya. Kesokan harinya Badaruddin meminta kepada Muntinghe untuk memindahkan pasukan Belanda yang berada di Keraton Kuto Lamo ke tempat lain, sebagai syarat jika Putera Mahkota mahu diserahkan. Usulan Badaruddin II ini merupakan salah satu langkah penting untuk membaca sikap Belanda yang sebenarnya, apakah Belanda memang bersiap sedia untuk bertempur dengan Palembang, atau Belanda hanya ingin menakut-nakutkan Badaruddin II.

Berdasarkan kepada tuntutan Badaruddin II tersebut, sekiranya Belanda bersedia memindahkan pasukannya daripada Kuto Lamo, ia menunjukkan Belanda mula mengalah dengan tuntutan Badaruddin II. Ini memberi kesan psikologi kepada kedudukan pasukan Belanda sebagai pasukan yang mengalah. Malah, kejayaan Badaruddin II mengusir Belanda dari kawasan keraton ini juga akan menjadikan kawasan tersebut berada di bawah kawalan Badaruddin II sepenuhnya. Sebaliknya, jika Belanda tidak bersedia untuk memenuhi tuntutan tersebut, mereka harus bersedia untuk menghadapi peperangan dengan Palembang. Apakah Badaruddin II akan menyerahkan puteranya kepada Belanda? Ini merupakan sesuatu yang tidak akan terjadi kerana Pangeran Ratu adalah pewaris dan penerus kuasa atas Kesultanan Palembang. Tindakan menyerahkan Pangeran Ratu bererti ia akan mengakhiri dinasti Badaruddin II. Selain itu Badaruddin II sebagai raja Palembang yang mendapat sokongan penuh dari rakyatnya perlu mempertimbangkan pula kesan dari segi kewibawaan dan prestijnya dirinya sekiranya beliau menyerahkan Pangeran Ratu kepada Belanda.

Sementara itu persiapan Palembang untuk menghadapi Belanda semakin diperkuat. Pusat kekuatan pertahanan Palembang ada di Banteng Kuto Besak. Benteng ini dilengkapi dukungan 242 pucuk meriam besar dan kecil. Setiap sudut keraton dikawal dengan ketat di bawah pimpinan seorang Pangeran. Pintu Baluarti yang terletak di sebelah hilir (timur) dipimpin oleh Pangeran Kramadjaya, sebelah hulu (barat) oleh Pangeran Keramadiraja, manakala sebelah utara dipimpin oleh

Pangeran Citra Saleh.[219] Empat orang menteri ditugaskan untuk mengatur pertahanan dari atas benteng lengkap dengan persenjataannya.

Sesuai dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Badaruddin II, bahawa beliau akan memenuhi tuntutan Belanda dengan syarat Belanda harus memindahkan pasukannya dari kawasan benteng Kuto Lamo. Pada 12 Jun 1819, pasukan Belanda sudah siap untuk meninggalkan Keraton Kuto Lamo. Sementara itu di Pemarekan luar,[220] para tokoh agama dan masyarakat mengadakan ritual agama dengan berzikir dan berdoa. Zikir dan doa yang digunakan adalah ratib Saman dan doa-doa anjuran dari Abdussamad Al Palembani.[221] Pada waktu Belanda mendengar bunyi gemuruh orang berzikir di Balai Pemarekan, seorang *pegawai* dan seorang tentera pergi ke luar pintu Keraton Kuto Lamo menuju ke Pemarekan untuk mengetahui apa yang terjadi di sana.

Ketibaan mereka ini meningkatkan emosi para pemuka agama tersebut sehingga menyebabkan Haji Zein, Haji Lanang, dan Kemas Said bin Kemas Haji Ahmad dengan diikuti beberapa pengikutnya mengejar kedua orang Belanda tersebut dengan senjata terhunus.[222] Keduanya lari sambil berteriak minta tolong kepada pasukan Belanda yang ada di Keraton Kuto Lamo. Mendengar teriakan itu,

---

[219]Woelder, *Naskah Asal-usul Raja Palembang*, hlm 58

[220]Pemarekan luar adalah salah satu bagian dari keraton Palembang yang terletak di sebelah luar. Tempat ini biasa digunakan untuk tempat berkumpulnya musyawarah para pemimpin lokal (pasirah dan lain-lain) dan tempat Sultan memberikan informasi/perintah kepada para pemimpin lokal di kerajaan Palembang.

[221]Abdussamad Al Palembani adalah sorang ulama besar keturunan Palembang, maklumat lanjut lihat, Luzmy Ningsih.1998. *Syaikh Abdus Samad Al-Palimbani: Pemikiran Dakwah dan Karyanya.* Depok: Universitas Indonesia Fakultas Sastra.

[222]Keberanian Haji Zein dan kawan-kawan dalam menghadapi Belanda dilukiskan dalam Syair Perang Palembang atau lebih dikenal dengan nama Syair Perang Menteng. Naskah ini dimuat dalam tulisan Woelder, 1975. *Het Sultanaat Palembang* (1811-1821). Naskah asli dalam bentuk tulisan hurup Arab Pegon bahasa Melayu. Naskah ini ada pada Kms. H. Andi Syarifuddin.

pasukan Belanda yang berada di Keraton Kuto Lamo lalu melepaskan tembakan terhadap Haji Zein dan rakan-rakannya. Ini menyebabkan pertempuran tak dapat dihindari lagi. Rancangan penarikan pasukan Belanda keluar dari Keraton Kuto Lamo tidak sempat dilaksanakan. Pasukan Belanda yang tidak menduga akan terjadi pertempuran terpaksa menghadapi serangan dari pasukan Palembang yang datang dengan tiba-tiba. Mereka tidak sempat menyusun pasukannya sehingga menyebabkan tentera Belanda lari menyelamatkan diri bagi mengelakkan serangan mendadak tersebut.

Kejadian tersebut meningkatkan semangat juang menentang Belanda di bumi Palembang. Kapal-kapal perang Belanda yang ketika itu berlabuh di Muara Ogan bergerak ke hilir sambil menembak ke arah benteng Kuto Besak untuk membantu pengunduran kapal-kapal mereka yang lain. Askar Belanda juga turun daripada kapal-kapal dan menggunakan perahu-perahu kecil untuk menyusuri Sungai Tengkuruk bagi melakukan serangan. Mereka berjaya memecahkan pintu Keraton di tembok Baluwarti Kiri, tetapi mendapat tentangan hebat dari pihak askar Palembang.

Serangan Belanda disambut dengan gencar oleh askar Palembang. Pasukan Belanda di Keraton Kuto Lamo yang sedang sibuk untuk berpindah ke Loji Sungai Aur telah diserang oleh pasukan Pangeran Citra Soleh yang berada di atas Baluwarti darat sebelah hilir. Pasukan Belanda yang ketika itu tidak sempat menyusun strategi tempurnya mengalami kehilangan banyak nyawa dan sebahagiannya sempat melarikan diri. Dalam keadaan terdesak, Muntinghe mengirim utusan menghadap sultan untuk meminta penangguhan peperangan selama beberapa hari. Utusan

Muntinghe tersebut adalah Raja Akil (seorang Pangeran dari Siak), Pangeran Pengoeloe dan Tumenggung Soeratdiprano Hasan. Raja Akil hanya dapat berjumpa dengan Pangeran Adipati Tua yang mewakili sultan.[223]

Dalam perjumpaan tersebut Raja Akil menyampaikan permintaan Muntinghe untuk berdamai dengan sultan dengan alasan jika peperangan berterusan, ia akan mengakibatkan kerosakan kota dan mengorbankan ramai rakyat. Muntinghe meminta gencatan senjata selama empat hari. Pangeran Adipati Tua kemudian melaporkan kepada sultan akan permintaan Muntinghe tersebut. Secara kesatria namun dengan penuh kewaspadaan permintaan musuh diterima oleh Sultan Mahmud Badaruddin II. Dengan sikap dan perbuatan itu Sultan Mahmud Badaruddin II memperlihatkan kebesaran jiwa, kepercayaan, atas diri sendiri dan keberanian terhadap lawannya. Dilihat dari sisi diplomasi, kesediaan sultan memenuhi permintaan Belanda, bukanlah berarti Palembang takut dengan Belanda tetapi hanya untuk memberikan kesempatan kepada mereka untuk berundur dari Palembang secara terhormat. Secara tidak langsung permintaan Belanda itu telah memperlihatkannya memberikan legitimasi kepada Badaruddin II akan kekuatannya dalam pertempuran.

Empat hari gencatan senjata tersebut telah dimanfaatkan Badaruddin II untuk memperbaiki dan membangunkan kembali pertahanan Palembang. Salah satu saha penting yang dilakukan agar para pemimpin dan rakyat Palembang tetap setia kepada Sultan adalah dengan meminta para priyayi dan bangsawan Palembang untuk bersumpah setia kepada Badaruddin II. Tindakan ini diambil oleh Badaruddin II,

[223] Naskah Asal-usul Raja Palembang, hlm 61

berdasarkan pengalaman sebelumnya yang memperlihatkan beliau kehilangan Benteng Borang kepada British tanpa pertempuran. Kehilangan tersebut adalah disebabkan pakatan sulit Pangeran Adipati (Ahmad Najamuddin II) yang ditugaskan oleh Badaruddin II pada tahun 1812.

Setelah berakhirnya tempoh gencatan senjata pada 15 Jun 1819, Muntinghe kembali menyerang Palembang dengan kekuatan ketenteraan yang lebih hebat. Ia disambut dengan serangan balas yang tidak kurang hebatnya daripada tentera Badaruddin II dengan senjata moden dan tradisional. Strategi tradisional Palembang dalam menghadapi Belanda ialah penggunaan rakit api yang dibina rakyat Palembang. Rakit api ini dihanyutkan ke arah sekoci dan kapal Perang Belanda sehingga membakar kelengkapan perang tersebut. Loji Sungai Aur yang berada dalam jarak tembak meriam Keraton Kuto Besak, hancur dibedir tentera Palembang. Ini menyebabkan Muntinghe terpaksa mengundurkan diri pada petang 15 Jun 1819 akibat kekalahan teruk di tangan Palembang. Beliau serta saki baki askar juga segala kelengkapan perang yang selamat, berangkat ke Bangka sebelum meneruskan perjalanannya ke Batavia. Kekalahan Muntinghe ini merupakan pukulan hebat kepada Belanda yang sebelumnya menganggap Palembang sebagai kesultanan yang dapat ditakluki dengan mudah. Dengan penarikan keluar tentera Belanda dari Palembang, seluruh kawasan Kesultanan Palembang kembali diletakkan di bawah kesultan Palembang pimpinan Sultan Badaruddin II.

Kejayaan Badaruddin II mengusir Belanda dari Palembang, memberi kesan psikologi kepada rakyat Palembang. Sokongan terhadap Badaruddin II semakin kuat dan seterusnya rakyat mempersiapkan diri untuk memperjuangkan sultan dan

kerajaan Palembang. Sebaliknya bagi Muntinghe (Belanda) kekalahannnya merupakan pukulan hebat yang memaksanya mengakui bahwa Palembang bukanlah kesultanan yang mudah untuk ditakluki. Beliau sedar bahawa untuk menaklukkan Palembang, Belanda memerlukan perancangan rapi dan kekuatan tentera yang besar.

Badaruddin II menjangkakan keadaan aman tersebut tidak bertahan lama, kerana pihak Belanda pasti akan kembali ke Palembang dan menuntut bela atas kekalahan dalam perang sebelum ini. Badaruddin II melaksanakan persiapan ketenteraan yang lebih rapi bagi menghadapi kehadiran serangan yang lebih besar daripada Belanda. Beliau menyedari bahawa serangan Belanda yang lebih besar akan dapat dihadapi dengan adanya sokongan dari semua rakyat di Kesultanan Palembang, baik di ibukota mahupun uluan. Strategi menyatukan rakyat demi memastikan keutuhan Kesultanan Palembang digerakkan bagi membolehkan rakyat dan Sultan berjuang bersama-sama dalam menghadapi kemaraan Belanda.

Bagi menjayakan strategi ini iaitu membangunkan semangat kebersamaan dalam menghadapi Belanda, sultan menggerakkan utusannya ke seluruh kawasan kesultanannya. Tujuannya ialah untuk menggerakkan rakyat Palembang dalam menghadapi kemaraan Belanda. Utusan yang dihantar menjelaskan bahwa bangsa kafir (Belanda) akan kembali di Palembang untuk menguasai negeri tersebut. Prinsip sultan ialah beliau tidak menginginkan peperangan, tetapi jika bangsa asing datang menyerang maka adalah satu kewajipan untuk mereka menentangnya. Perang yang dilakukan adalah demi rakyat, agama Islam, dan kehormatan bangsa. Oleh itu keterlibatan rakyat dalam perang menentang Belanda sangatlah diperlukan. Selain itu pemimpin lokal di Kesultanan Palembang, seperti para Pangeran, Demang dan

Pasirah diundang ke istana Palembang untuk berjumpa dengan sultan dan bersumpah untuk tetap membela kerajaan dari serangan Belanda.

Secara geografinya terdapat dua kemungkinan jalan yang bakal ditempuhi oleh Belanda untuk menyerang Palembang. Pertama; melalui Selat Bangka dan Lampung. Jika menggunakan laluan ini, Belanda akan melalui Muara Sungsang/Sungai Musi dan seterusnya ke ibukota Palembang. Kedua; melalui Lampung dan seterusnya melintasi Sungai Komering, Sungai Musi dan seterusnya ke ibukota Palembang. Strategi Badaruddin II ialah memfokuskan kepada pertahanan Palembang di sepanjang Sungai Musi dan Sungai Komering. Pulau Kembara (Kemaro) menjadi pusat pertahanan di Sungai Musi telah dilengkapi dengan dua belas Meriam yang siap sedia untuk menggempur tentera musuh. Di muka pulau kembara juga ditempatkan rakit-rakit api yang siap dibakar jika musuh sudah memasuki kawasan perairan Sungai Musi. Pemimpin pertahanan pulau ini adalah Pangeran Suradilaga.[224] Apabila benteng pertahanan ini dapat direbut Belanda, maka Benteng Tambak Bayo menjadi pangkalan pertahanan kedua. Benteng ini terletak di sebelah kanan Sungai Plaju dan dipimpin oleh Pangeran Kramadiradja. Benteng Martapura didirikan di hulu benteng Tambak Bayo dan dipimpin oleh Pangeran Ratu dan Pangeran Adipati.

Selain menggunakan strategi perbentengan untuk menyekat pergerakan kapal Belanda, Mereka turut membina cerucup (tonggak) antara Pulau Kembara hingga

[224]Dalam perang tahun 1812 benteng terdepan Palembang ada di pulau Borang dan dipertahankan oleh Pangeran Adipati dengan adik-adiknya. Dalam perang itu benteng Borang dapat direbut British kerana adanya secret diplomacy antara Pangeran Adipati dengan British. Oleh itu dalam menghadapi pihak Belanda Badaruddin II menugaskan keluarga terdekatnya iaitu Pangeran Ratu (kanak Sultan)Pangeran Kramadiraja (menantu Sultan), Pangeran Adipati (adik Sultan).

muara Sungai Plaju. Cerucup itu ditanamkan di dasar sungai dan diikat dengan kayu-kayu besar sehingga tidak hanyut oleh arus air Sungai Musi. Di tengah-tengah bentangan kayu itu dibina benteng pertahanan iaitu benteng Manguntama yang dipersenjatai dengan 26 meriam. Benteng ini dipimpin oleh Pangeran Wirosentiko dan Pangeran Ratu dari Jambi. Selain perbentengan juga, pertahanan di sepanjang Sungai Musi diperkuatkan dengan pembinaan Kubu atau pos pertahanan yang dilengkapi dengan lima puluh pucuk meriam daripada berbagai ukuran. Pertahanan terakhir adalah di keraton Palembang. Posisi keraton yang berada di dalam Benteng Kuto Besak dan menghadap Sungai Musi menjadikan kedudukannya strategik untuk menyekat sebarang serangan asing. Benteng ini dilengkapi dengan persenjataan Meriam di setiap sudutnya. Jumlah meriam yang ditempatkan di benteng ini sebanyak 234 pucuk. Persiapan yang begitu rapi ini mampu melindungi Sultan Palembang daripada serangan musuh.

Sementara itu Muntinghe yang meninggalkan Palembang sejak 15 Jun 1818 tiba di Betawi pada 19 Jun 1819 untuk melaporkan kepada Gabenor Jeneral Van der Capellen tentang apa yang dialaminya di Palembang. Pada masa yang sama, Jenderal Van der Capellen sedang dalam perjalanan ke Cirebon. Muntinghe seterusnya menyusulnya ke Cirebon dan menyertai Van der Capellen untuk perjalanan ke Semarang. Muntinghe dalam laporannya menyatakan bahawa kekalahan kepada Kesultanan Palembang merupakan suatu bencana besar dan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk memperbaiki kapal-kapal yang rosak. Muntinghe juga berharap dapat mewujudkan perdamaian dengan Palembang tetapi

sekiranya serangan yang kedua ingin dilaksanakan ia perlu dilakukan oleh pasukan tentera yang besar.[225]

Setelah mendengar laporan daripada Muntinghe, Gabenur Jeneral van der Capellen merasakan adalah perlu untuknya menghukum Palembang dengan melakukan ekspedisi ketenteraan secara besar-besaran. Untuk itu, Belanda telah mengerahkan kekuatan armada lautnya dari berbagai daerah di Jawa, seperti Semarang, Surabaya dan Batavia. Armada kapal yang dihantar Belanda ke Palembang adalah Fregat Wilhelmina, Korvet Eendragh, Kapal Perang Tromp, 2 Kapal Meriam, 4 kapal pengangkut tentera, sejumlah perahu kecil yang dilengkapi dengan Meriam dan lima perahu yang mengangkut pasukan raja Akil. Jumlah pasukan yang disiapkan Belanda untuk menyerang Palembang sebanyak 1,500 orang yang terdiri dari pasukan infantri 1,130 orang, Artileri 109 orang, Pioneer 249 orang dan 12 orang anggota perubatan.

Serangan ke atas Palembang bukan sahaja untuk menghukum Badaruddin II yang telah menentang Belanda tetapi juga untuk menurunkan Badaruddin II dari takhtanya. Seterusnya Belanda ingin menggantinya dengan Sultan yang baru dan patuh kepada Belanda. Dalam rancangan tersebut, Gabenor Jeneral Van der Capellen mengadakan mesyuarat yang turut dihadiri Laksamana G. Y. Wolterbeek dan Panglima Angkatan Darat Jeneral Baron de Kock. Mesyuarat tersebut membahas laporan Muntinghe dan rancangan untuk menyerang Palembang pada 30 Julai 1819. Mesyuarat tersebut memutuskan untuk menghantar ekspedisi ketenteraan yang terkuat ke Palembang dan dipimpin Jenderal Schobert dengan

[225]ANRI, Bundel No. 66. 10

dibantu Laksamana Wolterbeek. Mesyuarat tersebut juga menetapkan Muntinghe perlu menyertai ekspedisi tersebut. Sultan Mahmud Badaruddin II harus di-makzulkan (diturunkan) dan digantikan oleh putera ketiga dari Sultan Ahmad Najamuddin II, iaitu Pangeran Jayoningrat. [226]

Keputusan mesyuarat tersebut jelas menunjukkan bahwa Belanda telah memutuskan tali persahabatan dengan Badaruddin II dan berusaha untuk menyingkirkannya dari takhta Palembang. Najamuddin II juga tidak akan diberi kesempatan untuk menggantikan Badaruddin II sebaliknya Belanda lebih berminat untuk melantik puteranya untuk menjadi raja di Palembang. Belanda berpendapat, Sultan Badaruddin II dan Najamuddin II adalah orang yang tak dapat dipercaya dan tak mungkin dapat dikendalikannya. Oleh itu rancangan untuk menabalkan Pangeran Jayoningrat akan membolehkan Sultan Palembang yang baru ini dikendalikan dengan lebih mudah. Cadangan Belanda untuk mengangkat Pangeran Jayoningrat sebagai calon pengganti Badaruddin II adalah tidak tepat dan menunjukkan bahwa Belanda kurang faham dengan sistem penggantian raja di Palembang. Selain itu pengangkatan Jayoningrat akan meningkatkan perpecahan dalam keluarga Najamuddin II. Ini kerana, menurut sistem penggantian Sultan di Palembang, orang yang berhak menggantikan sultan adalah anak tertua (sulung) beliau.

---

[226]Najamuddin II, mempunyai beberapa orang isteri dan 25 anak. Dari isteri pertama Ahmad Najamuddin II memperoleh enam orang anak., yaitu Pangeran Prabu Anom, Pangeran Bupati Jayaningrat, Pangeran Arya Kusuma Mahbub, Pangeran Citra Diningrat, Pangeran Adi Menggala, dan Raden Ayu Putri Nurus Sanah. Pangeran Jayoningrat tidak sempat memangku jabatan sebagai Sultan Palembang, kerana serangan Belanda tahun 1819 berjaya dikalahkan oleh Palembang. Kegagalan itu membuat Belanda pada tahun 1821 mengangkat Pangeran Prabu Anom menjadi Sultan untuk menggantikan Badaruddin II , bila Belanda dapat menguasai Palembang. Seterusnya kerana Belanda berjaya mengalahkan Badaruddin II dalam perang tahun 1821, maka Pangeran Prabu Anom disahkan sebagai Sultan Palembang dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (IV).

Pada tarikh 22 Ogos 1819 ekspedisi ketenteraan Belanda mula digerakkan ke Palembang. Kekuatan ketenteraan ekspedisi tersebut ialah yang terdiri daripada dua kapal perang besar, dua kapal meriam, 4 kapal pengangkut yang dipersenjatai dan sejumlah kapal-kapal kecil dengan 900 orang tentera. Ekspedisi ini juga diikuti oleh Pangeran Jayo Ningrat, Pangeran Jayo Kramo, Raden Badaruddin dan Pangeran Wikramo Gober, saudara-saudara dan patih daripada pihak Sultan Ahmad Najamuddin II. Ekspedisi itu tiba di Mentok pada akhir bulan Ogos 1819. Ketika di Mentok, pasukan ini diperkuatkan lagi dengan 4 kapal perang, beberapa kapal kecil dan 500 orang tentera. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pasukan yang telah berada di kapal tersebut, terpaksa diturunkan kembali, karena diperlukan untuk menghapuskan pemberontakan di Muntok (Bangka).[227] Pemberontakan di Bangka semakin meningkat sejak ditinggalkan Muntinghe ketika pemergiannya ke Batavia.

Pertengahan bulan September 1819 ekspedisi tersebut menuju ke Palembang. Ekspedisi ini mendapat tentangan yang hebat di Sungsang pada 10 Oktober 1819 sebelum berlabuh di Sungai Kundur. Muntinghe menghantar sorang wakil Sultan Ahmad Najamuddin II menemui Sultan Mahmud Badaruddin II dengan membawa pesanan supaya beliau menyerah kepada Belanda. Pesanan Muntinghe itu ditolak oleh sultan, dan menyebabkan Belanda bergerak menuju Palembang. Sepanjang perjalanan tersebut, armada Belanda mengalami masalah untuk meneruskan pelayaran karena kapalnya yang besar tidak dapat masuk ke muara sungai Musi kerana airnya cetek. Mereka perlu menunggu air pasang besar untuk

[227]Kejayaan Palembang dalam perang bulan Juni 1819, mendorong rakyat Bangka untuk melakukan perlawanan kepada Belanda. Rakyat Bangka yang dipimpin Adipati Bahrin berjaya mengusir Belanda dari Bangka Kotta, sehingga pasukan Belanda tersisa dan bertahan di Muntok. Kerana itu askar Balanda yang sebelumnya mahu dihantar ke Palembang terpaksa ditunda dan ditugaskan kembali untuk mempertahaankan Muntok dari serangan rakyat Bangka.

meneruskan perjalanan. Selain daripada itu, arus yang deras di Sungai Musi telah melambatkan perjalanan sehingga mengambil masa lebih satu bulan untuk sampai di Pulau Kemaro.

Pada 18 Oktober 1819 ekspedisi ketenteraan Belanda menghadapi serangan di luar dugaan ketika tiba di Benteng Tambak Bayo. Tentera Palembang yang berkubu di Benteng Tambak Bayo telah menembak kapal perang mereka secara bertali arus sehingga keadaan menjadi kacau bilau. Dalam keadaan panik, Wolterbeek masih terpikir untuk melakukan diplomasi dengan Sultan Palembang. Beliau mengirim pesan melalui utusannya agar Badaruddin II menyerah kalah. Usaha tersebut tidak berjaya, kerana Badaruddin II menolak tuntutan tersebut. Tindakan Wolterbeek merupakan percubaan menyadur strategi kejayaan British ketika perang tahun 1812, yang memperlihatkan pihak Palembang (Pangeran Adipati atau Najamuddin II) mahu berunding dan bersedia tidak memerangi British sehingga Palembang berjaya diduduki oleh British.

Strategi British enam tahun lalu tidak berjaya dilaksanakan oleh Belanda, kerana situasinya sudah berbeza. Ketua pertahanan Palembang berada di bawah komando Sultan Badaruddin II dan pimpinan pertahanan di setiap benteng di Sungai Musi adalah orang kepercayaan sultan yang sangat taat dan sedia berjuang untuk sultan dan kerajaan Palembang. Mereka adalah daripada keluarga Badaruddin II sendiri dan bukan dari penyokong Najamuddin II. Kegagalan berunding dengan Badaruddin II, menyebabkan Wolterbeek mengambil keputusan untuk menyerang Palembang.

Namun sebelum kapal perang Wolterbeek sempat melaksanakan operasinya, pihak Palembang telah terlebih dulu melancarkan serangan. Setiap benteng melancarkan serangan Meriam secara bertali arus ke arah kapal perang Belanda. Tembakan Meriam yang dilepaskan dari Tambak Bayo tepat mengenai kapal perang Belanda sehingga mengakibatkan kerosakan pada tiang kapal dan menyebabkan lubang yang banyak dinding kapal tersebut. Tentera Palembang yang berkawal di benteng Martapura pula telah melepaskan tembakan Meriam ke atas kapal pengangkut Belanda dan beberapa sekoci yang digunakan tenteranya sehingga hancur dan tenggelam di Sungai Musi. Serangan tersebut menyebabkan ramai tentera Belanda yang tercedera dan terbunuh.

Keampuhan pertahanan Palembang sangat menghairankan dan dikagumi Belanda. Kemampuan Sultan Mahmud Badaruddin II menyusun angkatan tenteranya serta menempatkan meriam di sepanjang Sungai Musi iaitu dari Pulau Kembaro sampai ke Plaju, di pulau-pulau dan tebing-tebing dalam tempoh empat bulan menimbulkan tanda tanya kepada kuasa Barat tersebut. Pada pandangan Belanda, kemampuan tersebut adalah di luar kemampuan Palembang. Selain daripada itu perkara yang amat menakjubkan Belanda ialah cara tentera Palembang menyusun meriam sebegitu rupa, sehingga mampu melakukan tembakan silang *kuisvuur* ke arah kapal Belanda.

Kegagalan Belanda untuk menembusi pertahanan Palembang adalah berkait rapat dengan sistem pertahanan yang dilasanakan Palembang amat berbeza daripada sebelumnya. Strategi pertahanan Palembang sebelum ini hanya berpusat kepada pertahanan di luar yang diketuai oleh Pangeran Adipati, tetapi pertahanan

Palembang dalam perang terbaru adalah bersifat liner. Mereka menggunakan strategi pertahanan berlapis, iaitu jika pertahanan pertama berjaya ditembus Belanda, tentera penceroboh tersebut perlu menghadapi pertahanan kedua iaitu berupa cerucup-cerucup yang dipasang di laluan masuk ke Palembang. Jika pertahanan ini pun berjaya ditembus Belanda, strategi pertahanan ketiga akan digerakkan iaitu dengan meluncurkan rakit-rakit api. Dan jika pertahanan ini dapat ditembus oleh Belanda, mereka terpaksa berhadapan secara langsung dengan kekuatan sebenarnya di benteng Kuto Besak.

Pada 27 Oktober 1819 panglima pasukan Belanda yang memimpin serangan ke atas Palembang, Laksamana Wolterbeek, mengadakan mesyuarat untuk menilai serangan ke atas kapal Wilhelmina. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh para komandan pasukan dan komandan kapal yang terlibat dalam serangan ke atas Palembang. Para komandan kapal dan pasukan yang bertanggungjawab melaporkan tentang keadaan terkini yang mereka alami dan gambaran tentang kekuatan pertahanan Palembang yang masih kebal walaupun setelah 15 hari bertempur. Antara strategi tradisional yang membantu keampuhan pertahanan ialah pemasangan cerucup/tonggak di tengah Sungai Musi. Strategi ini juga diperkukuhkan oleh banyaknya benteng pertahanan di sepanjang Sungai Musi. Kedua strategi ini merupakan halangan utama kepada kelancaran perjalanan kapal besar. Rumusan daripada pertemuan tersebut ialah usaha untuk menaklukkan Palembang perlu dilakukan melalui serangan secara besar-besaran.

Setelah melihat pertahanan Palembang yang begitu kukuh akhirnya Jeneral Schoebert memutuskan untuk berundur. Pengunduran pasukan ini merupakan satu

langkah untuk menghindari kerugian yang lebih besar di pihak Belanda. Seterusnya langkah untuk menggangu perdagangan Palembang, Laksamana Wolterbeek diarahkan untuk menyekat sebarang lalulintas daripada menggunakan muara Sungai Sungsang manakala Jenderal Schobert kembali semula ke Batavia. Pengunduran pasukan Belanda tersebut menyebabkan berakhirnya perang Palembang untuk sementara waktu. Kedua belah pihak melakukan refleksi terhadap perjalanan peperangan yang telah mereka hadapi sebelum ini. Selepas perang tersebut juga, Palembang menjadi negeri yang merdeka dan bebas daripada tekanan Belanda selama dua tahun. Dalam tempoh tersebut, kedua-dua pihak mula mengatur strategi dalam menghadapi satu sama lain sekiranya perang meletus kembali.

4.6 Rumusan

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa, diplomasi pihak Belanda dengan penguasa Palembang baik Sultan Najamuddin II mahupun Sultan Badaruddin II, menunjukkan bahawa Belanda mengakui adanya kedaulatan kedua sultan atas kerajaan Palembang. Usaha Belanda untuk mendapatkan Palembang melalui diplomasi perundingan menemui kegagalan. Kegagalan diplomasi ini akhirnya membawa kepada perang antara Palembang dengan Belanda pada bulan Jun dan Oktober 1819.

Diplomasi Najamuddin II untuk menghancurkan kekuatan ketenteraan Belanda dengan mendapatkan bantuan British juga tidak berjaya mengusir Belanda dari Palembang. Diplomasi ini merugikan Najamuddin II, sehingga membawa

kepada penyingkirannya daripada takhta Palembang atas arahan Belanda. Sebaliknya Badaruddin II, melihat perkembangan tersebut menguntungkannya kerana ia menyebabkan beliau berjaya menjadi penguasa tunggal di Palembang yang diakui wujudnya oleh British mahupun Belanda.

Belanda berpendapat, dengan kekuasaan tunggal yang diberikan kepada Badaruddin II, Palembang akan dapat dikendalikan untuk kepentingan Belanda. Namun dugaan itu tak sepenuhnya tepat, justeru dengan kekuasaan ditangan Badaruddin II, sokongan rakyat kepadanya semakin kuat serta merupakan modal utama bagi Badaruddin II untuk menghadapi Belanda. Tindakan Muntinghe yang meninggalkan Palembang terlalu lama, merupakan satu kesalahan besar. Perkara ini menguntungkan Badaruddin II, kerana dapat memperkuatkan kedudukannya sebagai sultan sekaligus memberi kesempatan kepadanya untuk memperkukuhkan pertahanan kerajaannya.

Kegagalan Belanda menaklukkan Palembang ketika peperangan dalam bulan Jun mahupun Oktober 1819, membuktikan bahawa strategi pertahanan Palembang sangat berkesan dan kukuh ketika pemerintahan Badaruddin II. Oleh itu untuk menaklukkan Palembang, Belanda perlukan strategi yang tepat baik melalui diplomasi mahupun ketenteraan. Ini kerana Sultan Palembang mempunyai sokongan padu daripada rakyat Palembang.

BAB 5

KEGAGALAN STRATEGI DIPLOMASI DAN PERTAHANAN PALEMBANG 1819-1825

5.1 Pengenalan

Selepas kejayaan dalam perang menentang Belanda pada tahun 1819, Sultan Mahmud Badaruddin II kembali menjadi pemerintah Palembang yang sah dan berkuasa sepenuhnya ke atas kerajaan tersebut. Kemenangan ini juga menjadikan Kesultanan Palembang sebuah negeri yang berdaulat dan bebas daripada kekuasaan Belanda. Usaha kini ditumpukan untuk memelihara kedaulatan tersebut berikutan kesedaran tentang wujudnya ancaman berterusan daripada Belanda yang kini mulai melebarkan penguasaannya ke atas kerajaan di Nusantara. Dari sudut yang lain, Belanda yang mengalami kekalahan bertekad untuk kembali menaklukkan Palembang

dan akan menjadikan wilayah tersebut sebagai kawasan jajahannya. Bagi memastikan kejayaannya menakluki Palembang, diplomasi rundingan dan ketenteraan perlu digerakkan secara bersama bagi melemahkan kerajaan tersebut. Tahun 1821 merupakan era yang amat penting dalam menentukan kelangsungan kerajaan Palembang. Pada tahun tersebut, Belanda dengan kekuatan ketenteraan yang lebih besar melakukan serangan ke atas Palembang. Perancangan rapi telah dilakukan kuasa Barat tersebut bukan sahaja dari segi ketenteraan tetapi menetapkan pengganti Sultan Badaruddin II sekiranya ekspedisi tersebut mencapai kejayaan. Pengganti yang dicadangkan ialah Prabu Anom iaitu putera mantan Sultan Palembang iaitu Najamuddin II.

Perang tahun 1821 adalah perang yang sangat penting dalam menentukan kelangsungan Kesultanan Palembang yang memberi kesan penting kepada politik, ekonomi, pertahanan dan sosial budaya. Oleh itu bab ini membincangkan dua persoalan penting iaitu tentang perang Palembang dan kesannya terhadap Kesultanan tersebut. Persoalan pertama berkaitan dengan empat aspek iaitu persiapan Kesultanan Palembang dalam menghadapi perang dari aspek strategi pertahanan dan politik. Kedua; strategi Belanda dalam usaha menakluki Palembang yang terdiri daripada strategi politik dan strategi ketenteraan. Ketiga; keadaan Palembang semasa perang 1821. Keempat; tentang perjalanan Perang Palembang tahun 1821. Soalan kedua, mengkaji tentang kesan perang 1821 terhadap Kesultanan Palembang daripada aspek politik, ekonomi, pertahanan dan sosial budaya.

5.2 Persiapan Palembang menghadapi Perang 1821

Berikutan kejayaan Badaruddin II dalam mempertahankan kedaulatan Palembang daripada serangan Belanda pada 1819, terdapat dua kemungkinan yang dijangkakan akan berlaku berikutan peristiwa tersebut. Pertama; Belanda mungkin tidak akan kembali lagi ke Palembang, setelah mengalami dua kali kegagalan dalam perang ke atas Palembang (Jun dan Oktober 1819). Kedua; Belanda akan melakukan serangan seterusnya untuk menaklukkan Palembang dengan kekuatan armada yang lebih besar berbanding sebelumnya. Dari aspek ketenteraan pula, sekiranya Belanda tidak meneruskan serangan ke atas Palembang bererti kuasa tersebut secara tidak langsung telah mengakui kalah. Ini tidak mungkin akan dilakukan kuasa tersebut kerana ia akan merendahkan imej Belanda di mata antarabangsa. Ini juga akan menyebabkan mitos Belanda sebagai bangsa yang hebat, kukuh dan berkuasa akan hilang dengan sendirinya. Namun jika Belanda melakukan serangan seterusnya ke atas Palembang, ini akan memperlihatkan kekuatan dan kehaibatan Belanda di Nusantara.

Menyedari hakikat ini Sultan Badaruddin II telah mempersiapkan pertahanan Palembang dari segi ketenteraan khususnya strategi, keanggotaan dan peralatannya untuk menghadapi perang besar-besaran menentang Belanda. Pengalaman yang sangat berharga diperoleh Palembang dalam perang sebelumnya, baik daripada aspek kekuatan tentera, psikologi, strategi dan ekonomi akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam merangka strategi perang seterusnya. Peperangan adalah langkah terakhir yang harus dilakukan Palembang, setelah diplomasi rundingan tidak mampu mengatasi pelbagai isu antara Belanda dan Palembang dalam mempertahankan kedaulatan kerajaan Palembang.

Dari aspek ekonomi, jika Belanda tidak kembali menyerang Palembang, Belanda akan mengalami kerugian. Ini kerana Belanda tidak boleh menuntut ganti rugi ke atas Palembang. Selagi Belanda tidak menguasai sepenuhnya negeri tersebut, ia tidak mempunyai peluang untuk memaksa Palembang bagi membayar ganti rugi peperangan. Oleh itu mahu atau tidak, Belanda perlu melancarkan peperangan seterusnya ke atas Palembang demi nama baik dan gantirugi peperangan. Selain daripada itu, penaklukkan ke atas Palembang juga mampu meningkatkan ekonomi Belanda, kerana negeri tersebut mempunyai hasil bijih timah dan rempah yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

Berdasarkan analisis tersebut, perang dengan Belanda sudah pasti tidak dapat dielakkan. Serangan itu bakal menggunakan kekuatan armada yang besar, kerana Belanda tidak mahu mengalami kekalahan kali ketiga. Sebagaimana dijelaskan sebelumnya, setelah Belanda mengundurkan diri kembali ke Batavia, Badaruddin II memiliki kesempatan untuk menyusun semula pemerintahan Palembang dan memperkuatkan pertahanan negeri tersebut. Dalam usaha memelihara kedaulatan Palembang daripada serangan Belanda, Badaruddin II telah mempersiapkan pertahanan yang lebih kuat baik dari segi persenjataan mahupun tentera dan strategi. Badaruddin juga melaksanakan pembinaan semula benteng yang rosak akibat bedilan Belanda ketika perang tahun 1819.

Ketika perang dalam bulan Oktober 1819, benteng pertahanan lebih tertumpu kepada benteng Tambak Bayo, benteng Martapura, benteng Pulau Kembaro (Gombora), dan Benteng Manguntama. Selepas tamatnya perang tersebut, Badaruddin II memperkuatkan pertahanan Palembang dengan menambah benteng-benteng baru,

persenjataan dan memilih ketua pemerintah yang sesuai untuk mengendalikan benteng pertahanan tersebut. Benteng yang berada di kedudukan yang strategik telah diperkuatkan dari segi persenjataan dan jumlah askarnya. Bagi memastikan pertahanan Palembang beroperasi secara lebih berkesan, Badaruddin II memperkukuhkan pertahanan di benteng Palembang dengan melantik pemimpin pertempuran dan pertahanan seperti berikut:

Pemimpin Peperangan	: Sultan Mahmud Badaruddin II
Pemimpin Pertempuran	: Sultan Ahmad Najamuddin (III) Pangeran Ratu.
Pemimpin Benteng Tambak Bayo	: Pangeran Keramajaya (sebelumnya Pangeran Keramadiraja)
Pemimpin Benteng Martapura	: Pangeran Adipati dan Pangeran Bupati
Pemimpin Benteng Pulau Kembaro:	: Pangeran Keramadilaga.
Pemimpin Benteng Manguntama	: Pangeran Wirosentiko Deragen
Pemimpin Benteng Mengapung	: Pangeran Ratu dari Jambi
Pemimpin Benteng terapung dari rakit dan rakit api	: Encik Nauk [228]

Kekuatan Pertahanan Palembang terletak pada benteng pertahanan yang terdapat di sepanjang sungai Musi. Selain benteng-benteng rasmi yang disiapkan, terdapat juga meriam-meriam yang disembunyikan di luar benteng di tepian sungai Musi. Dari segi geografinya benteng-benteng yang dibina Badaruddin II terletak pada kedudukan yang strategik. Dalam Naskah Asal-usul raja-raja Palembang, disebutkan bahawa "sultan memerintahkan membuat benteng pertahanan dan mengangkat pimpinan pertahanan itu."

[228] Dalam Naskah Asal- Usul Raja Palembang disebutkan bahawa Encik Nauk, adalah Ketua masyarakat Bugis yang bermukim di kepulauan Lingga. Ia datang ke Palembang bersama masyarakat Bugis lainnya setelah Palembang berjaya mengusir Belanda dalam perang bulan Jun 1819. Seterusnya ia bekerjasama dengan Palembang untuk memerangi Belanda. Sultan Mahmud Badaruddin II sangat berbesar hati dengan kerjasama Encik Nauk serta mempercayainya untuk memimpin benteng terapung dan rakit api yang menjadi senjata ampuh Palembang dalam menghadapi kemaraan Belanda.

Urutan benteng pertahanan yang disusun oleh Badaruddin II, dilihat daripada laluan untuk memasuki Palembang adalah sebagai berikut :

1. Benteng Tambak Bayo.[229] Benteng ini berada di muara sungai Komering dan merupakan benteng pertama (paling hadapan) yang harus dihadapi Belanda untuk memasuki kawasan Kesultanan Palembang. Benteng ini dilengkapi dengan persenjataan meriam sebanyak 168 pucuk termasuk di dalamnya Meriam "Sri Palembang" dengan kaliber 24 pond.
2. Benteng Pulau Kembara,[230] benteng ini berada di tengah Sungai Musi dan berseberangan dengan benteng Tambak Bayo. Benteng ini turut dilengkapi dengan meriam. Ia terbahagi kepada dua, iaitu benteng Pulau Kembaro Darat dan Pulau Kembaro laut. Komandan pertahanan benteng ini diserahkan oleh Badaruddin II kepada menantunya Pangeran Keramadilaga. Benteng Kembara Darat diperkuat dengan 29 Meriam dan Benteng Kembara Laut diperkuat dengan 21 Meriam.
3. Benteng Terapung yang terletak di tengah sungai Musi antara Benteng Tambak Bayo dan benteng pulau Kembaro. Benteng ini dibuat daripada kayu balak yang disusun berbentuk rakit. Benteng ini dilindungi oleh kayu yang dibuat cerucup dan ditanam dari tepian Sungai Musi hingga ke Pulau Kembaro. Cerucup ini menjadi penghalang bagi kapal-kapal Belanda yang akan melalui Sungai Musi untuk menuju Bandar Palembang. Kepala benteng terapung ini dipegang oleh Pangeran Ratu dari Jambi. Ini menyebabkan benteng ini juga dikenali sebagai benteng Pangeran Ratu.

---

[229] Sungai Komering adalah satu daripada sembilan sungai (Batanghari sembilan). Sungai ini bermuara ke Sungai Musi dan panjangnya 360 km. Benteng Tambak Bayo terletak di kawasan temuan antara Sungai Musi dengan Sungai Komering.

[230] Pulau Kembara disebut juga dengan Pulau Gombora atau Pulau Kembaro atau lebih dikenal oleh masyarakat Palembang dengan nama Pulau Kemaro. Pulau ini terletak di tengah Sungai Musi dengan luasnya sekitar 5 km^2. Pulau ini mempunyai erti penting dari segi pertahanan, kerana pulau ini menjadi asas utama pertahanan baik pada masa perang tahun 1659, mahupun pada masa perang 1819 dan 1821.

4. Benteng Manguntama, benteng ini berada di sebelah benteng Tambak Bayo dan berseberangan dengan Benteng Pulau Kembaro laut. Ia merupakan benteng pertempuran yang dikendalikan oleh Sultan Ahmad Najamuddin III Pangeran Ratu, Pangeran Wirosentiko dan Pangeran Bupati. Benteng ini merupakan benteng komando pertempuran. Jumlah Meriam yang diletakkan di benteng ini sebanyak 91 pucuk.
5. Benteng Keraton Kuto Besak pula dilengkapi dengan 83 pucuk Meriam. Di dalam benteng ini terdapat keraton Kuto Besak yang merupakan tempat tinggal sultan dan keluarganya serta para priyayi pegawai pemerintahan kerajaan. Benteng ini terletak sangat strategik dan dikelilingi oleh sungai. Bahagian hadapannya menghadap ke Sungai Musi, bahagian belakang Sungai Kapuran, bahagian kanan terletak sungai Sekanak dan bahagian kiri pula Sungai Tengkuruk.
6. Armada, kapal dan perahu kecil ditempatkan di belakang benteng terapung (dibuat daripada rakit kayu balak) yang terletak di sebalik pagar atau cerucup.[231] Armada laut yang mengendalikan benteng terapung ini dipimpin Encik Nauk, Ketua Suku Bugis dari Lingga.

Jumlah sebenar askar yang menyertai perang menentang Belanda tidak diketahui kerana tiada catatan atau dokumen rasmi yang menyebutnya. Ini kerana Palembang sememangnya tidak mempunyai askar rasmi kerajaan.[232] Persenjataan

[231] Cerucup adalah tonggak kayu yang dipasang atau ditanamkan di tengah Sungai Musi. Cerucup ini berfungsi untuk menghalang laluan kapal yang akan memasuki bandar Palembang. Kedudukan cerucup adalah melintang di belakang benteng terapung antara Pulau Kembaro dengan tepian sungai Musi. Terdapat juga beberapa penulisan yang menyebut cerucup sebagai ***Cerucuk.*** Perkataan Cerucuk adalah tidak tepat kerana ia tak bermakna menurut istilah Palembang.

[232] Namun yang menarik dalam sebuah naskah tulisan tangan, berkode UBL 9 tahun 1831 menyatakan bahwa setiap Pangeran, Menteri, Tumenggung, Rangga Ngabehi, Pasirah dan seterusnya bertugas mengawasi satu lela (meriam kecil) dan satu meriam besar sebanyak 40 orang. Ini bermaksud, jika Meriam yang dimiliki Palembang berjumlah 383 pucuk, maka jumlah tentera yang terlibat dalam pertempuran tersebut ialah sekitar 15 ribu orang,

askar Palembang terdiri dari berbagai jenis. Senjata utamanya ialah Meriam dengan berbagai saiz. Meriam besar merupakan senjata utama yang digunakan untuk menembak kapal perang Belanda yang masuk di kawasan pertempuran. Keberkesanan meriam ini terbukti dalam perang tahun 1819, apabila tentera Palembang berjaya menyekat dan menghalau kapal musuh dari memasuki Palembang. Akibatnya, kapal perang komando yang dipimpin Laksamana Wolterbeek mengalami kerosakan serius selain menyebabkan kecederaan dan kematian kepada tenteranya.

Selain daripada itu terdapat senjata api dan senjata tradisional seperti keris, tombak, cepiau dan parang digunakan. Senjata tradisional ini dimiliki oleh setiap askar serta dibuat oleh penduduk tempatan Palembang, mahupun di luar kota Palembang. Senjata ini digunakan jika terjadi pertempuran jarak dekat antara askar Palembang dengan pihak Musuh (Belanda). Pusat pembuatan senjata tradisional di Palembang terdapat di Kampung Kepandean, manakala daerah luar kota pula di dusun Tanjung Batu (Meranjat) [233].

Senjata terhebat Palembang yang lain adalah rakit api. Rakit api, ditempatkan di belakang benteng terapung. Ia merupakan sebuah rakit yang di atasnya diletakkan jerami, kayu dan akar yang mudah terbakar dan akan dihanyutkan bila pasukan musuh dapat menembus pagar pertahanan (cerucup) yang dipasang merentangi Sungai Musi dari tepian Plaju hingga ke Pulau Kembaro. Jumlah rakit api yang disedikan oleh pasukan Palembang juga tidak dapat diketahui

[233] Kampung Kepandean merupakan pusat pandai besi iaitu pusat pembuatan senjata daripada logam tersebut. Kampung ini terletak di sebelah hilir Keraton Kuto Besak, iaitu yang jaraknya kira-kira 1 km. Kini kampung tersebut merupakan ibukota Palembang dan tidak ada lagi bangunan lama yang sezaman dengan kesultanan. Dusun Meranjat terletak sekitar 35 km dari Palembang menghala ke hulu Sungai Ogan. Kini penduduk setempat masih melakukan kegiatan membuat senjata dan alat rumah tangga secara tradisonal.

secara jelas. Namun berdasarkan kepada catatan dalam Naskah *Asal-usul Raja-raja Palembang* menyatakan, setiap orang Cina yang mempunyai rakit diwajibkan menyumbang sebuah rakit api kepada kerajaan. Dalam Bundel Palembang No.70 dinyatakan yang jumlah penduduk dari keluarga Cina pada tahun 1825 seramai 184 keluarga.[234] Dengan demikian jangkaan jumlah rakit api yang digunakan oleh Palembang adalah sekurang-kurangnya 180 buah.

Dalam syair Perang Menteng[235], disebutkan bahwa rakit api menjadi senjata berkesan dalam menyekat kapal Belanda yang memasuki Palembang. Penghanyutan rakit-rakit api ini pernah menimbulkan ketakutan dan kemarahan kepada Muntinghe sehingga diperkatakan tindakannya seperti "layaknya seperti orang gila." Akibat serangan rakit api, kapal-kapal Belanda terpaksa berundur dari Palembang.[236] Berikut merupakan sebahagian kandungan syair yang menerangkan peristiwa tersebut:

Menteng melihat terlalu marah ,
muka yang pucat menjadi merah,
semuanya rakyat disuruh kerah,
rakit api datangnya mewah.

Beberapa rakit sudah dibakar,
isinya penuh kayu dan akar,
menuju kapal kornel Bakar,
bersorak rakyat silat pendekar,

[234] Pada tahun 1825 di Palembang terdapat sekitar 50 kampung dengan jumlah penduduk sebanyak 29,457 orang. Bangsa Arab 119 keluarga, bangsa Cina 184 keluarga, pribumi 3589 keluarga dan sebagian kecil lainnya bangsa Asia lain (ANRI, bundel No.70).

[235] Syair Perang Menteng adalah sebuah karya sastra yang ditulis oleh R.M. Rasyip. Ada tiga naskah syair ini satu naskah yang disimpan di perpustakaan Nasional Jakarta. Naskah yang disimpan oleh Sultan Mahmud Badaruddin III dan Naskah Kemas. H.Andi Syarifuddin. Syair ini telah diterbitkan oleh M.O Woelders, tahun 1975 dalam bukunya Het Sultanaat Palembang 18111-1825. Kandungan syair mengisahkan tentang perang Palembang bulan Jun 1819. Istilah "Perang Menteng" diambil dari nama seorang jenderal Belanda Idelir Muntinghe, karena pengucapan rakyat Palembang, Muntinghe menjadi Menteng. Menurut hemat penyelidik nama yang tepat adalah syair Perang Palembang, kerana syair itu menceritakan kehaibatan para pejuang Palembang dalam menghadapi Belanda dalam perang tahun 1819.

[236] G.L. Koster, (1983). The Kerajaan at war: On the Genre Heroic-historical syair." Proceeding of Forth Indonesian-Dutch Historical Conference, Yogyakarta, 24-29 Julai 1983.

> Kapalnya undur lancapun datang,
> menahan rakit dengan satang,
> ada yang malang ada yang melintang
> rakitpun hanyut seperti batang.[237]

Selain memperkuat pertahanan di sepanjang Sungai Musi, sultan juga melakukan strategi mobilisasi (kerahan) rakyat. Strategi ini perlu dilakukan memandangkan Kesultanan Palembang memang tidak mempunyai pasukan tentera kerajaan yang khas dibayar.[238] Sebagaimana yang dikatakan oleh Radermacher:

> "…Palembang tidak mempunyai pasukan secara teratur. Dalam keadaan darurat setiap orang menurut kemampuannya harus menyerahkan sejumlah bawahannya untuk berperang. Para pembesar dan Pangeran juga harus menyiapkan beberapa perahu kepada kerajaan." [239]

Mobilisasi lazimnya dilakukan apabila Kesultanan Palembang berada di dalam keadaan terancam. Dalam menghadapi ancaman Belanda, bukti langkah mobilisasi tersebut mendapat sokongan rakyat ialah apabila ia menerima kehadiran sukarelawan yang begitu ramai untuk menyertai perang menghadapi Belanda. Keadaan ini juga berkaitan rapat dengan kewibawaan Sultan Mahmud Badaruddin II itu sendiri yang mendapat sokongan penuh rakyat untuk merajai Kesultanan Palembang. Sultan merupakan pemimpin yang dilihat sebagai tokoh yang berani membela dan mempertahankan daerahnya daripada ancaman musuh. Strategi ini memberi kesan yang mendalam pada rakyat di Kesultanan Palembang.

---

[237] R.M. Rasyip Syair Perang Menteng, simpanan Kemas. H. Andi Syarifuddin. Syair ini juga diterbitkan oleh M.O. Woelders dalam bukunya *Het Sultanaat Palembang 1811-1825*. Leiden : Martinus Nijhoff`s Gravenhage yang diterbitkan pada 1975.

[238] William Marsden, (2013). *Sejarah Sumatera*. Jakarta : Komunitas Bambu hlm.431

[239] J.C.M. Radermacher, (1842). *Beschrijving van het Eiland Sumatera,* In Zo Verre het Zelve Nog Toe Bekend Is, [s.l.] : [s.n], 1781, hlm. 51.

Mobilisasi rakyat merupakan konsep pertahanan Palembang yang melibatkan semua lapisan masyarakat dalam menyertai sesuatu perjuangan. Menurut sistem ini, setiap pemimpin tempatan dikehendaki menyediakan rakyatnya untuk mengabdikan diri kepada raja dan kerajaan Palembang dengan berjuang menghadapi ancaman luar termasuk Belanda. Mobilisasi dapat dilakukan dengan mudah kerana rakyat memandang Sultan bukan hanya sebagai raja, tetapi juga sebagai wakil tuhan di muka bumi. Oleh itu, mengabdikan diri untuk sultan adalah sama seperti mengabdikan diri dan beribadat kepada tuhan. Pemahaman sebegini telah meningkatkan semangat rakyat untuk berkorban demi kepentingan kerajaan.

Kelemahan sistem mobilisasi ini antaranya ialah, rakyat yang dikerah untuk berjuang bukanlah mereka yang terlatih dan memiliki semangat juang yang tinggi. Sokongan rakyat sangat bergantung kepada pengaruh pemimpinnya. Sekiranya seseorang pemimpin itu jauh daripada rakyatnya, maka sokongan yang diperoleh adalah tidak optimal. Apabila pemimpin mereka tertangkap atau menghentikan penentangan, maka penglibatan mereka dalam perjuangan tersebut juga akan terhenti, kerana perjuangan mereka amat bergantung kepada pemimpin, sekiranya pemimpin tiada maka perjuangan mereka pun berakhir. Keadaan seperti ini menyebabkan beberapa penentangan yang dilancarkan terhadap Belanda berakhir setelah pemimpin mereka berjaya ditawan.

Berdasarkan kepada pengalaman Palembang menghadapi Belanda ketika perang tahun 1819, Badaruddin II menerapkan strategi pertahanan “linear”. Strategi ini pada dasarnya adalah menempatkan pertahanan secara berlapis antara satu dengan

yang lainnya. Operasi pertahanan ini digerakkan secara berlapis iaitu apabila benteng pertama jatuh ke tangan musuh, mereka akan ditentang pula oleh tentera yang berkawal di benteng pertahanan berikutnya. Apabila semua benteng pertahanan jatuh ke tangan musuh, mereka akan berhadapan dengan pertahanan terakhir yang paling kuat. Pertahanan terakhir pada masa Kesultanan Palembang berada di Benteng Kuto Besak yang mengelilingi keraton Kesultanan Palembang yang menjadi tempat tinggal sultan dan keluarganya.

Pembentukan strategi dan sistem pertahanan sebegini amat berkesan untuk mempertahankan Kesultanan Palembang. Badaruddin II juga menempatkan orang kepercayaannya terutama dari keluarga terdekatnya untuk memegang jawatan sebagai pemerintah pertahanan. Pertahanan tidak lagi tertumpu kepada seorang atau satu-satu tempat utama sahaja, sehingga apabila pusat pertahanan tersebut jatuh ke tangan musuh, akan menyebabkan kejatuhan seluruh negeri. Melalui strategi pertahanan Badaruddin II ini, sekiranya sesebuah benteng jatuh, benteng lain akan terus memberikan penentangan selanjutnya. Demikian pula apabila seseorang pemimpin pertahanan menyerah atau ditawan oleh musuh, ia tidak akan membantutkan penentangan seterusnya oleh benteng pertahanan yang lain. Selain itu dengan perubahan pola pertahanan itu, maka lebih memudahkan bagi Badaruddin II untuk melakukan pengawasan terhadap pertahanannya.

5.3 Penambahbaikan Dalam Bidang Pemerintahan

Pemerintahan yang kukuh merupakan modal utama untuk mempertahankan kedaulatan Palembang. Sultan yang memerintah perlu mendapat sokongan yang kuat dari rakyat dan pegawai kerajaan. Berdasarkan pengalaman sebelumnya Badaruddin II, menyedari bahawa adiknya Ahmad Najamuddin II[240] dan keturunannya masih bercita-cita tinggi untuk menjadi Sultan Palembang. Mereka juga berpotensi untuk menjadi alat kepada Belanda untuk merosak sistem pemerintahannya. Pembuangan Ahmad Najamuddin II ke Cianjur yang jaraknya tidak terlalu jauh dari Batavia memungkinkan Belanda untuk melakukan pendekatan diplomasi secara rundingan untuk mempengaruhi Najamuddin II. Beliau merupakan tokoh yang pernah dipengaruhi dengan mudah oleh British dan sudah tentu Belanda juga berminat untuk mengambil kesempatan yang sama bagi membantu kuasa tersebut bagi merosak sistem kekeluargaan dan pentadbiran di kerajaan Palembang. Sikap Najamuddin II ini amat menguntungkan pihak Belanda tetapi sebaliknya merugikan kesultanan dan rakyat Palembang. Oleh itu, bagi mengelakkan Palembang jatuh ke tangan Najamuddin II atau keluarganya, Badaruddin II perlu mencari dan menetapkan pewaris dinastinya untuk menjadi Sultan Palembang.

Pada bulan Disember 1819, Pangeran Ratu yang merupakan anak Sultan Mahmud Badaruddin II dinobatkan sebagai Sultan Palembang dengan gelar Sultan Ahmad Najamuddin (III). Badaruddin II seterusnya mengundurkan diri daripada

[240] Sejak diturunkan oleh Belanda (November 1818), Najamuddin II dan keluarganya dibuang/diasingkan ke Cianjur (Jawa Barat) dan selalu berada di bawah pengawasan pihak Belanda. Kehidupan Najamuddin II dan keluarganya sangat bergantung dengan Belanda yang memberikan elaun bulanan. Keadaan ini menjadi salah satu sebab mengapa Najamuddin II berpihak kepada Belanda.

takhta kerajaan dan menjadi Susuhunan.[241] Perkara ini merupakan strategi penting dilakukan bagi mengelakkan pemerintahan Palembang kembali kepada keluarga adiknya yang mendapat sokongan daripada Belanda. Jika terjadi sesuatu kepada Badaruddin II dan Kesultanan Palembang, tokoh yang akan meneruskan pemerintahan adalah puteranya Pangeran Ratu atau Sultan Ahmad Najamuddin III. Dalam naskah Asal Usul Raja Palembang, disebutkan :

> "Syahdan pada masa itu berhimpunlah segala priyayi dan menteri dan rakyat negeri dan segala pesirah perwatin uluan semuanya sama berhimpun di Pemarekan Jaboh serta sekalian orang alim-alim dan sekalian arab-arab, maka jemenenglah Suhunan Mahmoed Badaruddin dan Pangeran Ratu pun dijenengkan Sultan Ahmad Najamuddin ditengah pemarekan dihadepan sekalian penggawa menteri dan rakyat negeri dan segala orang alim-alim dan yang menyuarakan itu Pangeran Depati Tua. Setelah jumeneng dua berputera itu, maka sujudlah sekalian menteri, priyayi dan rakyat." [242]

Pengangkatan Pangeran Ratu didasarkan pada peraturan dan adat yang diamalkan dalam kerajaan Palembang. Menurut adat Palembang, mereka yang berhak untuk menjadi raja adalah putera tertua permaisuri raja.[243] Dari segi pemerintahan, dengan berakhirnya pemerintahan Sultan Ahmad Najamuddin II dan keluarganya, pegawai kerajaan Palembang yang kebanyakannya merupakan penyokong Najamuddin II, digantikan oleh pegawai baru yang tidak bekerjasama atau menyokong Najamuddin II. Pegawai pelaksana harian pemerintahan kesultanan dipegang oleh Pangeran Adipati Tua, iaitu salah seorang daripada adik Badaruddin II yang setia kepadanya.

---

[241]Susuhunan bererti orang yang terpuji, orang yang dimuliakan. Gelaran ini menunjukkan bahawa beliau pernah menjadi Sultan dan dalam kes Ahmad Najamuddin II, beliau pernah mengundurkan diri daripada pemerintahan Palembang. Namun dalam hal-hal tertentu misalnya berkaitan dengan dasar pemerintahan, Susuhunan mempunyai peranan yang penting menentukannya, sehingga sultan yang juga anak Susuhunan hanyalah sebagai pelaksana pemerintahan.

[242]Naskah Asal usul Raja-raja Palembang, hlm 65

[243] Mahmud Badaruddin II mempunyai 9 orang isteri dan 62 anak. Isteri pertama (Embok Pati Rasmi) hanya mempunyai seorang anak perempuan, kerana itu tidak boleh menjadi Putera Mahkota. Pangeran Ratu adalah anak tertua dari isteri kedua iaitu Ratu Sepuh Asma. Ia mempunyai dua belas orang adik beradik daripada satu ibu.

Sementara adiknya yang lain (Pangeran Suryo Kusumo dan Pangeran Aryo Kusumo) tidak diberi sebarang jawatan kerana berpihak pada Najamuddin II.

Sementara itu dalam usaha membuat persiapan untuk berperang dengan Belanda, Palembang juga melakukan strategi diplomasi rundingan dengan negeri serantau yang menyokong Palembang. Ini disebabkan diplomasi rundingan dengan pihak Belanda sudah tertutup sama sekali. Manakala rundingan dengan British tidak akan dilakukan walaupun kedudukan British di Bangkahulu berdekatan dengan Palembang. Ini kerana, Badaruddin II tidak berminat untuk menjalin sebarang hubungan dengan British berikutan pengalamannya yang sentiasa bermusuhan dengan kuasa tersebut. Beliau juga melancarkan penentangan terhadap British terutama di kawasan hulu dalam perang pada tahun 1812. Zaman pentadbiran British juga memperlihatkan Badaruddin II dimakzulkan (diturunkan takhta) sebagai Sultan Palembang.

Badaruddin II berusaha mendapatkan sokongan daripada jiran serantau yang bersimpati dengan perjuangan Palembang. Beliau telah menghantar utusan ke negeri jiran serantaunya seperti Jambi, Sambas dan Linggau. Strateginya membuahkan hasil apabila beliau berjaya memperoleh bantuan daripada jirannya itu. Antara bantuan yang diterima daripada Jambi ialah dalam bentuk pengiriman askar pilihan yang dipimpin secara langsung oleh Pangeran Ratu Jambi. Berikutan bantuan tersebut, Badaruddin II seterusnya menugaskan Pangeran Ratu Jambi untuk memimpin benteng pertahanan yang berupa pulau buatan di sebelah kiri benteng Manguntama. Raja Lingga dan Sambas menghantar ubatan, peluru dan garam. Selain itu Palembang juga mendapatkan bantuan askar dari Ketua Suku Bugis di Lingga yang dipimpin oleh

Encik Nauk. Mereka ditugaskan dengan perahu kecil yang berada di sebalik benteng terapung Pangeran Ratu Jambi.[244] Dengan demikian perang Palembang bukan hanya disertai oleh rakyat Palembang, tetapi juga kalangan negeri jirannya.

5.4 Strategi Belanda Merampas Palembang

Kegagalan Belanda dalam dua siri ekspedisi penaklukan Palembang 1819, merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima oleh kuasa Eropah tersebut. Pengalaman tersebut telah menyebabkan mereka lebih berhati-hati dalam usaha untuk melancarkan operasi seterusnya setelah menyedari akan kekuatan ketenteraan tidak mampu untuk menundukkan kerajaan Melayu tersebut. Oleh itu selain strategi ketenteraan, Belanda juga menggerakkan strategi politik dengan tujuan untuk mengganggu atau merosakkan sistem politik dan pertahanan Palembang yang menjadi elemen penting dalam menjadikan kerajaan tersebut begitu sukar untuk ditundukkan. Bagi memastikan operasi Belanda seterusnya tidak mengalami nasib yang sama, kuasa tersebut bukan sahaja menggunakan strategi ketenteraan sahaja tetapi juga strategi politik.

[244] Daripada beberapa sumber yang dirujuk penyelidik, pada umumnya tidak menyebutkan siapa tokoh yang melakukan diplomasi terhadap Jambi, Riau, Sambas dan jirannya yang lain. Penyelidik hanya menemukan bantuan yang diberikan oleh tiga kerajaan tersebut sahaja kepada Palembang dalam usaha menghadapi Belanda. Tulisan Wooelders, (1975), mahupun Naskah Asal-usul Raja-raja Palembang juga tidak menyebutkan nama para utusan yang dikirim Sultan Palembang.

5.4.1 Strategi Politik

Kegagalan Belanda dalam usaha menguasai Palembang melalui ketenteraan tidak membuahkan hasil. Pengalaman tersebut telah mendorong Belanda mengambil langkah baru iaitu menggerakkan strategi politik dan ketenteraan secara serentak. Strategi ini dilaksanakan dengan melaksanakan kedua-dua kaedah iaitu diplomasi dan peperangan secara bersama. Kejayaan menakluki Palembang merupakan agenda penting Belanda di Asia Tenggara pada awal abad ke-19 bagi meningkatkan prestijnya selain daripada memenuhi tujuan mereka untuk menguasai ekonomi kawasan tersebut. Perancangan politik ini mempunyai dua matlamat iaitu untuk mendapatkan sokongan pemimpin yang bermusuhan dengan Badaruddin II ketika usaha menguasai Palembang. Seterusnya perancangan selepas perang iaitu melantik mereka yang lebih mudah dikendalikan Belanda sebagai pemerintah Palembang. Dengan pengertian lain, strategi politik ini juga mempunyai kaitan dengan kepentingan perancangan selepas Palembang berjaya dikuasai. Beberapa persoalan turut diambilkira pihak Belanda dalam merancang strategi selepas perang di Palembang. Antaranya ialah memutuskan kedudukan institusi Kesultanan Palembang selepas penyingkiran Badaruddin II. Belanda perlu mengambil pertimbangan sewajarnya sama ada untuk mengekalkan atau memansuhkan institusi tersebut setelah kejayaannya menguasai kesultanan tersebut. Pertimbangan perlu mengambilkira perkara yang lebih penting iaitu risiko yang bakal diterima Belanda ketika melaksanakan dasar penjajahan ke atas Palembang. Perancangan dasar penjajahan ini juga mengambilkira tiga pilihan utama iaitu, mempertahankan institusi kesultanan dengan mengekalkan Sultan Badaruddin II, mempertahankan kesultanan tersebut tetapi mengganti rajanya dengan tokoh yang pro Belanda, dan alternatif terakhir ialah

dengan menghapuskan kesultanan Palembang, seterusnya pentadbiran negeri tersebut diletakkan di bawah pemerintah Belanda secara langsung.

Daripada ketiga-tiga alternatif tersebut, pihak Belanda lebih cenderung kepada pilihan kedua dan ketiga. Pada mulanya Belanda bercadang untuk mempertahankan Kesultanan Palembang dengan mengganti Badaruddin II dengan Pangeran Prabu Anom. Pertimbangan Belanda ini berasaskan kepada sikap Prabu Anom yang lebih mudah bekerjasama dengannya. Pada dasarnya, Prabu Anom juga tidak bersetuju dengan kehadiran Belanda di bumi Palembang. Akhirnya Belanda lebih cenderung untuk memilih alternatif ketiga iaitu membubarkan Kesultanan Palembang dan menempatkan Palembang di bawah pentadbiran langsung pemerintah Belanda.[245]

Pertimbangan ini diambil memandangkan langkah mengekalkan institusi Kesultanan Palembang akan menyebabkan kedudukan Belanda sentiasa tidak selamat di sana. Ini kerana, langkah tersebut akan menyebabkan lambat laun, sultan yang dilantik pasti akan menentang pendudukan Belanda di Palembang, terutamanya apabila berlakunya krisis berkaitan dengan kepentingan ekonomi dan politik. Walaupun setiap tindakannya sentiasa dibatasi dengan perjanjian, namun pengalaman sebelumnya memperlihatkan, perjanjian tidak semestinya dipatuhi sepenuhnya oleh sultan yang berkuasa.[246] Malah, usaha mendapatkan kerjasama daripada rakyat juga

---

[245] Politik Belanda ini berbeza dengan kerajaan-kerajaan lain di Nusantara (Mataram, Banten, Sumatera Timur, dan lain - lain). Di daerah tersebut, Belanda hanya menggantikan raja yang berkuasa, sedangkan kerajaannya tetap dipertahankan. Kerajaan-kerajaan itu tetap ada sampai sekarang, seperti Yogyakarta dan Cirebon. Selepas Indonesia merdeka kerajaan-kerajaan itu bergabung di bawah pemerintah Indonesia.

[246] Badaruddin II, dikembalikan kekuasaannya oleh Belanda (yang diketuai oleh Muntinghe) pada Jun 1818 dengan beberapa perjanjian yang antara lain perlu membayar ganti rugi sebanyak f100.000 (lihat bab IV). Namun perjanjian itu tidak ditepati oleh Badaruddin II, bahkan Badaruddin II memperkuat pertahananannya untuk menghadapi Belanda> Ini akhirnya membawa kepada meletusnya perang tahun 1819 yang memperlihatkan Badaruddin II berjaya mengusir Belanda dari Kesultanan Palembang.

mengalami kesukaran kerana tokoh seperti Sultan Badaruddin II, begitu melekat di hati rakyat. Sokongan padu rakyat Palembang terhadap Sultan Badaruddin II tidak terhad di kawasan kota tetapi juga meliputi kawasan huluan (pedalaman). Ini menyebabkan kemungkinan tercetusnya permusuhan dengan Belanda akan sentiasa wujud.

Aspek lain yang juga menjadi pertimbangan kepada Belanda dalam membuat keputusan untuk mempertahankan atau sebaliknya institusi kesultanan tersebut ialah tokoh yang mampu menggantikan Badaruddin II. Penyingkiran Badaruddin II perlu digantikan orang yang mempunyai kewibawaan yang setanding dengan beliau bagi membolehkan sultan mewujudkan keamanan di Palembang. Pengganti Badaruddin II perlu terdiri daripada mereka yang diterima baik oleh masyarakat Palembang di samping memberikan bekerjasama kepada Belanda.

Penghapusan Kesultanan Palembang dengan meletakkan pentadbirannya secara langsung di bawah pemerintah Belanda juga mempunyai risikonya tersendiri. Kedudukan sultan yang begitu tinggi dalam masyarakat tersebut bukan sahaja atas faktor budaya tetapi juga keagamaan. Penghapusannya juga bakal dianggap satu penghinaan kepada agama Islam yang menjadi tunjang dan anutan utama masyarakat Palembang. Ini akan menimbulkan konflik yang berterusan antara pihak Belanda dengan masyarakat tersebut. Perkembangan tersebut sudah tentu akan menjejaskan kestabilan kuasa Belanda di Palembang.[247] Belanda juga melihat persoalan Palembang ini perlu diselesaikan dengan segera. Perkembangan abad ke-19 di Nusantara memperlihatkan kewujudan usaha atau gerakan menentang kehadiran kuasa Barat

[247] ANRI Bundel Palembang 5.1.

yang pada akhirnya membawa kepada peperangan.[248] Penyelesaian masalah Palembang akan membolehkan Belanda memperluas lingkungan pengaruhnya ke kawasan lain. Ini sekali gus akan meningkatkan lagi penguasaan ekonomi pemerintah Belanda. Kekayaan Palembang khususnya hasil bijih timah yang mendapat permintaan tinggi dunia penting untuk menyokong ekonomi Belanda yang mengalami kemerosotan selepas Perang Napoleon.

Bagi mengelakkan risiko yang lebih mencabar kewibawaan Belanda, alternatif ketiga lebih diminati Belanda iaitu, mempertahankan institusi Kesultanan Palembang dengan melibatkan tokoh penguasa tradisional pro Belanda untuk memimpinnya. Badaruddin II tidak akan diberi kesempatan untuk berkuasa dan perlu disingkirkan dari Palembang. Belanda juga perlu mempersiapkan pengganti Badaruddin II sebelum perang dimulakan. Berdasarkan peraturan pemilihan pengganti Sultan yang menjadi amalan di Palembang, apabila raja meninggal dunia atau mengundurkan diri daripada pemerintahan, tokoh yang berhak menggantikannya adalah Putera Mahkota. Dalam hal ini, apabila Badaruddin II berundur daripada kekuasaan ke atas Palembang, tokoh yang berhak menggantikannya adalah Putera Mahkota (anaknya) yang bernama Pangeran Ratu [249] yang dilantik ke jawatan tersebut pada tahun 1819, dengan gelar Sultan Ahmad Najamuddin III.

---

[248] Campurtangan Belanda yang melibatkan urusan di beberapa kawasan di Sumatera, Jawa dan Maluku telah menimbulkan penentangan daripada masyarakat setempat di bawah pimpinan tokoh agama, masyarakat, mahupun tokoh pemerintahan tempatan. Pattimura misalnya memimpin penentangan di Maluku (1817), Tuanku Imam Bonjol di Sumatera Barat/Minangkabau (1821-1837), Pangeran Diponegoro di Jawa Tengah dan sekitarnya (1825-1830). Perlawanan mereka tamat setelah tokoh pemimpinnya ditangkap dan diasingkan.

[249] Pangeran Ratu adalah anak tertua Sultan Mahmud Badaruddin II dari permaisurinya yang bernama Ratu Sepuh Asma. Ia dilahirkan pada tahun 1789 di Palembang. Pendidikan agamanya dari ulama besar Palembang Syekh Kgs. Muhammad Akib, Kgs. Muhammad Zen,dll. Ketika Badaruddin II menjadi Sultan Palembang, ia diangkat sebagai kepala pertahanan Benteng Martapura di tepian Sungai Musi. Pada tahun 1819 (Disember) Ia dinobatkan oleh Badaruddin II sebagai Sultan Palembang dengan Gelar Sultan Ahmad Najamuddin (III) Pangeran Ratu Prabu Negara. Setelah kejatuhan Palembang

Belanda tidak bersetuju untuk melantik Sultan Ahmad Najamuddin III kerana beliau pernah terlibat dalam Peristiwa Loji Sungai Aur dan termasuk orang yang dikehendaki Belanda untuk diadili.[250] Keinginan Belanda untuk mengadili Najamuddin III, kerana ketokohannya bakal menjadi ancaman kepada Belanda, selain mempunyai kemampuan untuk menggagalkan rancangan Belanda untuk menaklukkan Palembang. Pendirian ini berikutan kedudukan Ahmad Najamuddin III sebagai putera mahkota yang memiliki sikap enggan berkompromi dengan Belanda. Kedudukan Najamuddin III sebagai pemimpinan penentangan terhadap Belanda ketika pemerintahan Badaruddin II, merupakan bukti yang jelas terhadap risiko yang bakal dihadapi sekiranya beliau diangkat menggantikan bapanya. Penyingkiran Najamuddin III juga penting kepada Belanda kerana dengan cara ini tumpuannya hanyalah terarah kepada usaha mengendalikan Sultan Badaruddin II. Pangeran Ratu Ahmad Najamuddin III juga memiliki persamaan dari segi sikap dan kewibawaan seperti bapaknya Badaruddin II yang anti-Belanda. Ini merupakan pertimbangan penting Belanda untuk memutuskan agar keduanya harus disingkirkan dari kekuasaan Palembang.

---

beliau dibuang oleh Belanda bersama Badaruddin II ke Ternate (Maluku Utara) dan wafat di sana pada tahun 1860.

[250] Belanda berkemahuan untuk mengadili Ahmad Najamuddin (III) Pangeran Ratu, kerana Badaruddin II tidak mungkin akan mengadili anaknya sendiri secara adil. Melalui perbicaraan di mahkamah Belanda ke atas Najamuddin III Pangeran Ratu, mereka yang terlibat dalam aksi peristiwa loji Sungai Aur dapat dikenalpasti dan segala kesalahan dalam peristiwa tersebut tidaklah dibebankan hanya kepada Pangeran Ratu. Melalui pengadilan di mahkamah Belanda juga, mereka yang menjadi dalang kepada peristiwa itu juga dapat dikenalpasti. Peristiwa Loji Sungai Aur tidak dapat tidak mempunyai kaitan dengan surat Raffles kepada Badaruddin II yang mencadangkan agar sultan menghalau orang Belanda dari Palembang. Oleh itu jika dilakukan pengadilan oleh Belanda maka akan dapat terbuka keterlibatan British dalam aksi itu. Apabila ditelusuri sebelum terjadinya Peristiwa Loji Sungai Aur, Raffles telah menghantar surat kepada Badaruddin II yang menyatakan komitmen British sekiranya Badaruddin II berjaya mengusir Belanda sebelum British menguasai Jawa daripada Belanda. Sultan akan dianggap sebagai pemerintah yang merdeka sekiranya baginda berjaya berbuat demikian sebelum serangan British ke atas Jawa. Sebaliknya jika ia dilakukan setelah British menaklukkan Jawa, maka Palembang akan menjadi milik British. Sebagai sokongan British kepada Badaruddin II, maka British telah menghantar kelengkapan ketenteraan berupa 320 senapang berserta 10 keranjang peluru. Raffles juga akan menghantar kapal, askar, dan senjata lainnya kepada Sultan agar dapat digunakan untuk mengusir Belanda dari Palembang

Tokoh seterusnya iaitu Ahmad Najamuddin II adik Badaruddin II juga bukanlah calon yang sesuai untuk menggantikan Badaruddin II. Ini berkait rapat dengan kewibawaannya yang lemah dan tidak disokong oleh rakyat Palembang. Belanda bimbang, pemerintahannya akan menyebabkan Palembang akan menjadi semakin huru hara. Calon yang difikirkan sesuai untuk menggantikan Badaruddin II dialah dari keturunanan Ahmad Najamuddin II, iaitu Pangeran Jayaningrat atau Pangeran Prabu Anom.[251]

Pangeran Jayaningrat pernah dicadangkan untuk menggantikan Badaruddin II pada peperangan tahun 1819. Rancangan ini terbantut kerana Belanda tak berjaya mengalahkan Palembang dalam perang tersebut. Pencalonannya untuk kali kedua juga menimbulkan risiko kepada Belanda kerana ini akan mengundang konflik dalaman keluarga Najamuddin II. Konflik ini boleh ditimbulkan oleh Pangeran Jayaningrat iaitu putera Najamuddin II yang ketiga yang juga bercita-cita untuk menjadi Sultan Palembang. Perlantikannya akan menyalahi adat dalam kerajaan Palembang yang memperuntukkan putera sulung (tertua) seseorang sultan lebih berhak untuk mewarisi takhta daripada bapanya. Adat ini menunjukkan Pangeran Jayaningrat tak berhak untuk menjadi Sultan Palembang. Berdasarkan kepada pertimbangan tersebut, Belanda telah memilih Pangeran Prabu Anom[252] iaitu putera sulung Ahmad Najamuddin II sebagai calon yang akan menggantikan Badaruddin II.

---

[251]Dalam naskah Palembang yang dikutip Woelders, disebutkan bahwa tokoh yang mahu diangkat sebagai sultan adalah Pangeran Jayaningrat, namun atas permintaan Ahmad Najamuddin II (Husin Diahuddin) Prabu Anom telah diangkat dan dipersetujui oleh Belanda. Salah satu alasan Najamuddin II berbuat demikian kerana perlantikan Pangeran Jayaningrat adalah menyalahi undang-undang Palembang, kerana ia adalah anak ketiga bukan pertama dari Najamuddin II. Lihat, Woelders, M.O., 1975, *Het Sultanaat Palembang*, 1811-1825, hlm. 107.

[252] Prabu Anom adalah putra dari Najamuddin II yang dilahirkan di Palembang tahun 1795. Ia dinobatkan oleh Najamuddin II atas sokongan British ketika penguasaannya ke atas Kesultanan Palembang (1821). Ahmad Najamuddin (IV) Prabu Anom semasa berkuasa (1821-1823) turut diikat dengan sejumlah perjanjian dengan Belanda. Akibatnya ia melancarkan penentangan dan

Pemilihan Prabu Anom antara lain berdasarkan beberapa pertimbangan iaitu, pertama; Prabu Anom memang calon Sultan yang sudah dirancangkan oleh Najamuddin II. Kedua; ia tidak terlibat dalam Peristiwa Loji Sungai Aur. Pemilihan Prabu Anom juga merupakan jalan tengah agar tidak mengecewakan Najamuddin II yang telah diturunkan dari kekuasaannya selain diketepikan terus oleh Belanda untuk menjadi raja di Kesultanan Palembang. Untuk menyampaikan keputusan tersebut, pihak Belanda telah mengadakan perjumpaan dengan Najamuddin II dan Prabu Anom. Perjumpaan diadakan di Buitenzorg (sekarang Bogor) pada 28 April 1821. Dalam perjumpaan tersebut, pihak Belanda telah diwakili oleh Anggota Dewan Hindia, Ranier Dozy dan Setiausaha Umum Pemerintah, Christian Baud. Perkara yang disepakati dalam pertemuan tersebut ialah:

(1) Prabu Anom diangkat sebagai sultan dengan memakai gelaran Sultan Ahmad Najamuddin III dan diwajibkan mematuhi perjanjian dengan Belanda.

(2) Sultan Najamuddin II mendapat gelaran *susuhunan* (Susuhunan Husin Dhiauddin) dan mendapat bahagian daripada beberapa daerah sesuai dengan permintaannya.

(3) Sultan hidup terpisah dan tidak akan mencampuri urusan pemerintahan serta hanya menumpukan perhatian pada bidang keagamaan. [253]

---

menyebabkannya ditangkap Belanda dan diasingkan ke Pulau Banda, seterusnya dipindahkan ke Menado. Ia Wafat tahun 1844 dan dimakamkan di Menado. Lihat B.W. Andaya. (1993). *To live as brothers: southeast Sumatra in the seventeenth and eighteenth centuries*. Hawaii: University of Hawaii Press.

[253]Kesepakatan antara Najamuddin II dengan pihak Belanda tertuang dalam 52 pasal perjanjian. Perjanjian itu ditandatangani oleh Ahmad Najamuddin II dan Prabu Anom dan disahkan oleh Gabenor Jeneral Belanda pada 28 April 1821. *ANRI*, Bundel Palembang No. 5.1.

Perkara yang menarik berdasarkan kesepakatan ini adalah Prabu Anom diangkat oleh Belanda sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Ahmad Najamudin III pada 28 April 1821. Ia diwajibkan mematuhi arahan Belanda. Perlantikan Prabu Anom sebagai sultan oleh Belanda merupakan penyimpangan dari tradisi Palembang. Tradisi Perlantikan Sultan Palembang menetapkan seorang sultan hanya boleh diangkat oleh istana dan institusi pemerintahan dan bukan bangsa asing yang datang ke Palembang. Perlantikan seumpama ini merupakan yang kedua dalam sejarah Kesultanan Palembang. Sebelum ini, Sultan Ahmad Najamuddin II juga pernah dilantik oleh British bagi menggantikan Sultan Mahmud Badaruddin II pada 1812. Perlantikan dan pemakaian gelaran kepada Prabu Anom sebagai Sultan Ahmad Najamuddin III tidak tepat, kerana gelaran tersebut telah diberikan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dan keluarga istana kerajaan Palembang kepada anaknya (Pangeran Ratu) pada tahun 1819. Oleh yang demikian, terdapat dua sultan yang memakai gelaran yang sama, iaitu Sultan Ahmad Najamuddin III (Pangeran Ratu) yang diangkat oleh keluarga istana kerajaan Palembang dan Sultan Ahmad Najamuddin III Prabu Anom yang diangkat oleh Belanda.

Pengangkatan Sultan Ahmad Najamuddin III Prabu Anom merupakan strategi Belanda untuk memecah belahkan keluarga istana Palembang. Pengangkatan dan pemberian gelaran tersebut kepada Pangeran Prabu Anom menunjukkan bahwa Belanda tidak mahu mengiktiraf Pangeran Ratu sebagai sultan yang menggantikan Sultan Mahmud Badaruddin II. Ini merupakan penyebab utama Belanda mengangkat pesaingnya sebagai sultan. Pengangkatan turut memperlihatkan keinginan Belanda mencampuri hal-ehwal politik kerajaan Palembang khususnya dalam perlantikan

sultan sesuka hatinya tanpa melihat realiti yang terjadi dalam masyarakat.[254] Bagi Belanda konflik antara dua bersaudara itu Najamuddin II dan Badaruddin II, perlu dimanfaatkan untuk menguasai Palembang.

Tinjauan dari aspek politik memperlihatkan, langkah Belanda ini merupakan tektik untuk membataskan segala tindakan serta mengatur pemerintahan Prabu Anom selaku sultan yang akan menjalankan pemerintahan Palembang. Najamuddin II juga akan mendapat tujuk ajar dan bantuan dalam melaksanakan pemerintahannya daripada Sultan Ahmad Najamuddin II ketika itu merupakan Susuhunan. Dengan pemakaian gelaran tersebut, kedudukan Najamuddin II tetap dihormat masyarakat Palembang. Melalui strategi ini juga, simpati dan sokongan daripada rakyat terhadap Najamuddin II dan Prabu Anom diharapkan akan semakin kuat. Namun dari aspek lain, kedudukan Sultan Ahmad Najamuddin II sebagai Susuhunan menyebabkan ruanglingkup gerak Najamuddin II juga dibatasi oleh Belanda.

Dalam perspektif kekayaan negara, kesepakatan antara Najamuddin II dengan Belanda dari aspek:

a. Menyebabkan semua penghasilan yang diperoleh dari bumi Palembang tetap menjadi milik sultan. Sultan juga berhak memungut cukai yang jumlahnya akan ditentukan kemudian.

[254]Ramai peneliti yang menyebutkan bahwa Sultan Ahmad Najamuddin III adalah Prabu Anom, putra dari Sultan Ahmad Najamuddin II. Pendapat demikian kerana hanya menggunakan sumber-sumber Belanda tanpa melihat atau memperdulikan sumber Palembang. Bagi mereka gelaran Sultan Ahmad Najamuddin III hanya ada pada Pangeran Prabu Anom, putra Ahmad Najamuddin II. Bila merujuk pada data Palembang, maka Sultan Ahmad Najamuddin III jatuh pada putra dari Sultan Mahmud Badaruddin II iaitu Pangeran Ratu kerana ia dinobatkan lebih dulu (1819) oleh kerajaan Palembang dibandingkan dengan Prabu Anom yang diangkat Belanda kemudian (1821). Oleh itu Prabu Anom menempati gelaran sebagai Sultan Ahmad Najamuddin IV. Untuk tulisan selanjutnya penyelidik menggunakan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin III Pangeran Ratu dan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom.

b. Rakyat Palembang bebas bekerja dan menikmati hasil pekerjaan mereka. Pemerintah Belanda akan mengendalikan import dan eksport, memborong berbagai komoditi perdagangan dan mengenakan cukai berlabuh, cukai lewat, cukai pelabuhan, dan penjualan candu dan garam.
c. Sultan dilarang memiliki senjata untuk tujuan ketenteraan, kecuali untuk kepentingan upacara (tembakan kehormatan). Pusaka keraton diserahkan kepada sultan.
d. Sultan Najamuddin III wajib membantu pemerintah Belanda, untuk membangun benteng di Komering atau di lokasi-lokasi lainnya.[255]

Kesan daripada kesepakatan ini memperlihatkan Sultan Najamuddin II kembali ke Palembang dengan memperoleh kedudukan sebagai Susuhunan yang tidak memegang kuasa lagi atas Palembang. Kuasa pemerintahan ke atas Palembang dipegang oleh anaknya sebagai penerus kepada dinasti Ahmad Najamuddin II. Dari aspek lain, kuasa yang peroleh oleh putera Pangeran Prabu Anom, dibatasi oleh Belanda dengan yang berbagai perjanjian.

Strategi pentadbiran tanah jajahan yang diterapkan Belanda ini merupakan sebahagian daripada dasar politik “devide et impera” dan biasa dilaksanakan Belanda untuk memecah belah kesatuan keluarga DiRaja atau kerajaan di jajahannya. Strategi ini menghasilkan dua kelompok saling bermusuhan. Persaingan tersebut akan membuka ruang kepada Belanda untuk menyokong salah satu kelompok (lazimnya golongan yang lemah dan bersedia menyokongnya) untuk mengalahkan kelompok yang lain bagi membolehkannya menguasai pemerintahan. Keadaan yang sama terjadi

[255]*ANRI*, Bundel Palembang No. 5.1 - 4,

kepada keluarga DiRaja Palembang yang kelihatan semakin sukar selepas pegunduran British dan kemasukan semula Belanda.

Najamuddin II seperti menyedari strategi “devide et impera” Belanda yang dilaksanakan ke atas keluarga kerajaan. Namun pada masa yang sama beliau juga sedar akan kelemahannya iaitu adalah tidak mungkin baginya mendapatkan kembali kekuasaan tanpa bantuan Belanda. Ini memandangkan kuasa British yang pernah menjadi penyokong kuatnya telah meninggalkan Palembang. Najamuddin sendiri tidak mempunyai kekuatan ketenteraan dan sokongan rakyat Palembang untuk memerangi abangnya Sultan Badaruddin II dan Belanda. Statusnya sebagai sultan buangan oleh Belanda menjadikannya sangat lemah. Oleh itu tawaran Belanda untuk kembali ke Palembang dilihat Najamuddin II merupakan sesuatu yang harus disambut dengan sebaiknya. Kedudukannya yang pernah menjadi sultan yang ditabalkan oleh British menambah keinginannya untuk menyingkirkan Badaruddin II. Meskipun perjanjian dengan Belanda hanya memperuntukkan Najamuddin II sebagai susuhunan, tetapi ia merasa puas kerana anaknya yang bakal diangkat Belanda menjadi Sultan Palembang. Ini memperlihatkan yang Kesultanan Palembang seterusnya adalah daripada zuriat Najamuddin II.

Strategi politik Belanda kelihatan tidak berkesan dalam mendapatkan kerjasama Sultan Badaruddin II. Ini kerana setelah Najamuddin II dibuang Belanda ke Cianjur, Badaruddin II yang sememangnya mempunyai kekuatan melalui sokongan rakyat telah memperkukuhkan kedudukannya dengan menyingkirkan seluruh penyokong adiknya daripada pemerintahan Palembang. Semua jawatan dalam pertahanan dipegang oleh keluarga Badaruddin II dan orang kepercayaannya yang

sangat taat kepada beliau. Dari aspek lain, sokongan terhadap Badaruddin II menjadi semakin kuat, baik di kawasan bandar mahupun dari luar bandar (kawasan Uluan), Palembang. Kemenangan dalam perang tahun 1819 meningkatkan keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka mampu menghadapi bangsa Belanda tanpa bantuan daripada pihak lain. Oleh itu strategi politik yang digerakkan oleh Belanda hanya memberi kelebihan kepada Najamuddin II dan sebaliknya kepada Badaruddin II yang disokong sebahagian besar masyarakat Palembang.

5.4.2 Strategi Ketenteraan Palembang

Persediaan seterusnya yang lebih penting difikirkan oleh Belanda ialah strategi ketenteraan yang digunakan untuk menyerang dan menumpaskan Palembang. Persoalan yang perlu diambilkira dalam perancangan strategi ini ialah isu kekuatan pertahanan Palembang. Sebagaimana diketahui, dalam perang sebelumnya 1819, Belanda gagal menerobos pertahanan Palembang yang disokong oleh kekuatan benteng pertahanan dan keberanian askar-askarnya. Oleh itu bagi memulakan perancangan strategi ketenteraan, Belanda terlebih dahulu mendapatkan maklumat tentang kedudukan ketenteraan Palembang. Mereka perlu menilai kekuatan dan kelemahan Palembang baik dari segi ketenteraan, politik (diplomasi), mahupun sosial dan budaya. Kekurangan yang ada pada Palembang perlu dimanfaatkan sepenuhnya Belanda untuk menumpaskan kepemimpinan Palembang.

Dalam mempersiapkan serangan ke atas Palembang, Muntinghe dan Wolterbeek memainkan peranan yang penting dalam perancangan strategi kuasa

tersebut. Berdasarkan kepada pengalaman ditewaskan oleh Palembang beberapa kali, beliau boleh dianggap paling mahir tentang kelemahan dan kekuatan strategi perang negeri tersebut. Pertimbangan berdasarkan kepada pengalamannya dalam berperang dengan Palembang menyebabkan mereka dianggap pemberi maklumat penting kepada pemerintah Belanda di Batavia dalam merangka strategi perang ke atas Palembang. Muntinghe lebih menekankan aspek politik, sosial dan budaya sebagai faktor penting dalam menjadikan pertahanan Sultan Badaruddin II begitu kental dan sukar ditembusi tenteranya. Berdasarkan kepada pengalaman operasi ketenteraan Muntinghe ke daerah huluan Kesultanan Palembang, beliau dapat merumuskan aspek ini perlu diatasi terlebih dahulu sebelum operasi ketenteraan dilakukan ke atas Palembang. Muntinghe pernah mengadakan operasi selama enam bulan dari ibu kota Kesultanan Palembang sehingga ke daerah huluan untuk mengetahui bagaimana keadaan masyarakat daripada aspek politik dan sosial budaya di kesultanan tersebut. Beliau benar-benar memahami bahawa masyarakat sangat menyokong pemerintahan Badaruddin II di Palembang. Sokongan itu bukan hanya di pusat tetapi juga dalam kalangan kaki tangannya penguasa di daerah. Sebaliknya Najamuddin II tidak mendapat sokongan ramai dan hanya terbatas kepada kerabatnya yang rapat selain daripada kepemimpinannya yang yang lemah, serta tak mampu mengatasi kekacauan yang terjadi ketika pemerintahannya.

Wolterbeek pula banyak memberikan cadangan dari aspek ketenteraan berdasarkan pengalaman dan penganalisaannya terhadap kekuatan pertahanan Palembang yang gagal ditembusinya. Beliau berpendapat, bagi mencapai kejayaan dalam misi Palembang, ia perlu dilaksanakan menerusi serangan secara besar-besaran. Dari segi saiz kapal, penggunaan kapal perang yang bersaiz besar agak sukar kerana keadaan Sungai Musi yang sentiasa mengalami fenomena pasang surut. Apabila

Sungai Musi dalam keadaan pasang, maka kapal-kapal besar akan dapat melaluinya, sebaliknya apabila ia surut, hanya kapal-kapal kecil yang dapat melaluinya. Berdasarkan analisa terhadap kegagalan dua kali dalam peperangan dengan Palembang, Belanda menyusun strategi dan kekuatan tentera secara berhati-hati untuk menguasai Palembang.

Strategi pertama pasukan Belanda adalah mempersiapkan askar dan peralatan perang yang terbaik untuk digunakan dalam operasi menyerang Palembang. Bagi mengatasi kelemahan dalam perang pada tahun 1819, jumlah kapal dan tentera laut yang dihantar untuk melancarkan serangan ke atas Palembang adalah lebih banyak. Jumlah kapal tersebut ialah tujuh puluh buah yang terdiri daripada 10 kapal Meriam, 20 kapal jenis fregat, korvet dan kapal perang bersaiz sederhana, 7 kapal pendarat, 30 kapal pengangkut pasukan, 2 kapal pencabut tiang (cerucup) dan 1 kapal perubatan. Selain itu juga mereka dilengkapi dengan puluhan perahu kecil untuk tujuan pendaratan. Jumlah meriam yang dibawa oleh Belanda sebanyak 414 meriam laut dan 18 meriam bergerak untuk diangkut ke darat. Jumlah anggota tenteranya terdiri daripada 2.580 yang angkatan laut dan 1.679 angkatan darat.[256] Armada yang besar ini berada di bawah komando Jenderal de Kock, selaku Panglima Tertinggi, dengan Ketua Stafnya ialah Timbalannya Kolonel Bakker, dan dibantu oleh Komandan pasukan Infantri pimpinan Kolonel Bisschoff, pasukan Artileri yang diketuai Komandan Pasukan Letkol Riesz, Komandan pasukan Zeni dan Kolonel Cochins.

[256] RHM AKIB, 1978. *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Badaruddin ke II*, hlm 60-61.

Strategi kedua ialah mengganggu konsentrasi para komandan pertempuran tentera Palembang dengan memecah belahkan para penyokong Badaruddin II yang memegang jawatan komandan pertahanan. Sasaran utama mereka ialah ketua tentera yang bukan daripada lingkungan keluarga Badaruddin II. Antara yang diberi perhatian adalah Pangeran Ratu Jambi. Beliau mengetuai pertahanan di benteng hujung pulau Kembara. Sebagai langkah untuk melonggarkan pertahanan Pulau Kembara, Belanda telah memujuk Pangeran Ratu Jambi dengan suapan berjumlah 2.000 dollar Sepanyol agar beliau memihak Belanda. Namun tawaran ini ditolak oleh Pangeran Ratu Jambi[257] dan beliau tetap setia untuk membela Badaruddin II. Belanda juga menawarkan persahabatan kepada beberapa priyayi yang dianggap bersimpati dengannya.

Strategi ketiga, ialah langkah diplomasi rundingan yang digerakkan oleh Jenderal de Kock dengan menghantar surat kepada Sultan Mahmud Badaruddin II. Kandungan surat itu antara lain menyatakan, mantan Sultan Ahmad Najamuddin II dan putra sulungnya Pangeran Prabu Anom turut menyertai kapal perang Belanda. Oleh itu de Kock menuntut supaya Sultan Mahmud Badaruddin II menyerahkan kuasanya kepada Prabu Anom sebagaimana yang ditetapkan oleh Belanda dengan persetujuan Ahmad Najamuddin II sebagai Sultan Palembang.

Tuntutan Belanda tersebut ditolak oleh Badaruddin II kerana, jika tawaran itu diterima ia sangat merendahkan martabat Badaruddin II selaku sultan yang berkuasa dan berdaulat ke atas kerajaan Palembang. Badaruddin II melihat tawaran itu sebagai usaha memecah belahkan keluarga dan kerajaan Palembang yang akhirnya

[257] Johan Hanafiah, 1986. *Perang Palembang (1819-1821), Suatu Catatan Sejarah*. Palembang: Parawisata Jasa Utama. hlm 17.

menyebabkan Belanda akan berkuasa sepenuhnya ke atas Palembang. Ia juga merupakan usaha Belanda untuk merosakkan sistem kerajaan yang ada dan sekali gus akan menamatkan institusi Kesultanan Palembang. Ini kerana, sekiranya tawaran tersebut diterima ia akan menutup peluangnya Ahmad Najamuddin III atau Pangeran Ratu untuk meneruskan dinasti Badaruddin II menjadi raja Palembang. Selain daripada itu, tawaran tersebut juga akan meletakkan Kerajaan Palembang berada di bawah cengkaman Belanda sepenuhnya kerana kuasa tersebutlah yang menentukan kedudukan kuasa Kesultanan Palembang.

Tuntutan agar Badaruddin II menyerahkan kuasanya kepada Prabu Anom bermaksud, Badaruddin II perlu menyerahkan kedaulatan negaranya melalui proksi Belanda iaitu Prabu Anom sebelum diambil alih oleh kuasa tersebut sepenuhnya. Daripada perspektif lain, keenganan Badaruddin II menyerahkan Pangeran Ratu kepada Belanda seperti yang diminta sebelum meletusnya perang kali pertama, adalah untuk memastikan Palembang akan tetap menjadi kerajaan yang berdaulat, meskipun Badaruddin II sudah tidak ada lagi. Ini kerana, Pangeran Ratu adalah Putera Mahkota yang sudah ditetapkan menurut adat istiadat Palembang sebagai pengganti Badaruddin II. Ini bermaksud, dengan meneruskan legasi keturunan Badaruddin II sebagai pemerintah Palembang, kesultanan tersebut akan terus berdaulat dan bebas daripada pengaruh mana-mana kuasa asing.

Strategi diplomasi rundingan dan ketenteraan Belanda cukup mengancam pertahanan Palembang. Ini menunjukkan yang Belanda berusaha sedaya upaya untuk melakukan apa sahaja untuk menaklukkan Palembang. Strategi kuasa tersebut juga meletakkan Badaruddin II ke dalam dilema sama ada untuk menyerahkan

Palembang dengan mematuhi segala tuntutan Belanda atau melaksanakan operasi mempertahankan Palembang daripada ancaman Belanda yang membawa kepada peperangan dengan saudaranya sendiri yang telah berpihak pada Belanda. Berdasarkan kepada pengalaman sebelumnya iaitu ketika perang dengan British ataupun ketika perang dengan Belanda untuk mempertahankan Palembang, Badaruddin II amat faham bahwa adiknya memang berkeinginan untuk menjadi Sultan Palembang dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-citanya itu. Badaruddin II melihat, sama ada beliau berperang atau tidak dengan adiknya, kekuasaan ke atas Palembang akan jatuh ke tangan adiknya yang sememangnya telah berpihak kepada Belanda. Ini membawa maksud, sekiranya beliau tidak memerangi Belanda, kedaulatan kerajaan Palembang dengan sendirinya menjadi terancam. Oleh itu walau apapun yang akan terjadi atau harus dihadapi, Badaruddin II akan bertindak untuk terus mempertahankan kedaulatan Palembang.

5.5 Perang Palembang 1821

Pada dasarnya perang tahun 1821 ini terjadi kerana adanya dua kepentingan yang berbeza antara Palembang dan Belanda. Belanda melihat peperangan ini merupakan usaha untuk membalas dendam di atas kekalahannya dalam dua siri peperangan sebelumnya (Jun dan Oktober 1819). Dalam usaha menaklukkan Palembang, Armada Belanda yang dipimpin Jenderal Baroon de Kock bergerak dari Batavia (Jakarta) pada 9 Mei 1821. Armada ini sampai di Pulau Salah Nama pada 10 Jun

1821.[258] Seterusnya sebahagian daripada pasukan de Kock menyerang benteng Tambak Bayo daripada darat dengan membuat jalan setapak dalam hutan mulai dari Sungai Kundur ke Plaju. Gerakan tersebut diketahui pihak Palembang, sehingga membawa kepada meletusnya pertempuran yang memaksa pasukan tentera Belanda berundur dari situ. Serentak dengan gerakan dari darat tersebut, Jenderal de Kock menggerakkan armadanya menuju Palembang. Namun armada de Kock itu mendapatkan serangan dari benteng-benteng pertahanan di sepanjang sungai Musi.

Keesokan harinya, Kapten (Laut) L. Van Arnard dan beberapa tentera Belanda turun dari kapal mereka untuk melakukan pemantauan kekuatan pertahanan Palembang. Pasukan Belanda tersebut turut mendapat serangan senjata api dari benteng hadapan Palembang. Ini menyebabkan mereka terpaksa mengundurkan diri ke kapalnya dan menyusun strategi lain untuk menyerang Palembang. Pada 14 Jun 1821, De Kock memutuskan untuk melakukan serangan besar-besaran. Serangan tersebut dilakukan pada malam hari, dengan melibatkan pasukan infantri, artileri dan penjejak (pioneer) seramai tujuh ratus hingga lapan ratus orang tentera di bawah pimpinan Kolonel Bischoff. Serangan dilakukan daripada dua arah iaitu dari depan dan belakang benteng Tambak Bayo. Serangan dari hadapan dilakukan oleh kapal perang Dageraad yang berada di perairan Sungai Musi pimpinan Kapten Tieman bersama-sama Leftenan laut Pieke dan Leftenan klas-2 Freudenberg. Serangan dari belakang pula dilakukan melalui Sungai Komering.

[258]Untuk mencapai bandar Palembang jalur pelayaran yang ditempuh melalui sungai Musi. Pulau Salah Nama adalah pulau yang berada di tengah Sungai Musi dan merupakan pulau kedua yang harus dilalui setelah Pulau Borang. Jarak Pulau Salah Nama dengan Bandar Palembang sekitar 15 km.

Sementara itu, Leftenan laut Le Jeune dan Willink melakukan pemantauan terhadap kekuatan meriam Palembang dengan menggunakan perahu dayung di antara tonggak yang dipasang oleh askar Palembang bagi menyekat serangan musuh. Hasil pemantauan itu telah memudahkan De Kock untuk menentukan kedudukan yang tepat kapal yang akan melakukan serangan. Usaha itu sangat besar kesannya dalam menentukan langkah ketenteraan Belanda. Pemasangan tonggak kayu (cerucup) sebagai kubu pertahanan merupakan strategi pertahanan Palembang yang sangat sukar ditembus sebagaimana terjadi pada perang 1819.[259] Pengalaman dua siri peperangan dengan Palembang memberikan mereka pelajaran berharga, sehingga mampu mengatasi setiap kemungkinan yang dapat menggagalkan usaha serangan mereka.

Pada tanggal 16 Jun 1821 kapal perang Nassau dengan diiringi oleh kapal-kapal lainnya cuba mendekati kubu pertahanan Palembang, tetapi mendapat tentangan hebat daripada pertahanan Palembang di hadapan Pulau Kembaro dan Manguntama. Pertahanan berupa "Cerucup" yang dipasang di tengah sungai itu telah menyekat kemaraan Belanda untuk masuk ke Palembang. Ini menyebabkan dua buah *Langboot* berlapis tembaga serta meriamnya telah dirampas oleh askar Palembang. Salah sebuah daripadanya berjaya dinaikkan ke daratan Pulau Kembaro, lalu diberi nama "Sri Betawi". Kapal Nassau mengalami kerosakan dengan patah tiangnya, akibat terkena peluru meriam Palembang. Pasukan Belanda akhirnya mengundurkan diri setelah mendapat tentangan hebat daripada pihak Palembang sehingga mengakibatkan ramai askarnya tercedera.

[259] *Bataviaasche Courant,* 11 Juli 1821.

Seterusnya Palembang memperkuat pertahanan dengan menempatkan perahu bersenjata di sepanjang Sungai Ogan dan Sungai Musi. Keberadaan perahu bersenjata tersebut cukup berkesan untuk membalas serangan daripada armada Belanda. Pihak Belanda juga diperkuatkan dengan kehadiran kapal *Emerentia* dan kapal *Schipman* yang menyertai armada De Kock. Seterusnya ia disusul dengan kehadiran kapal *Jessi* pada 17 Jun 1821. Kedudukan tersebut memaksa De Kock mengubah strategi perang dengan memerintahkan tenteranya untuk berundur buat sementara. Pada 17 Jun 1821 Kolonel Bischoff merealisasikan perintah itu dengan berundur selama 24 jam, sambil menunggu arahan selanjutnya. Walau bagaimanapun, semua kapal tentera Belanda terpaksa berundur untuk mengurangkan serang balas bertali arus Palembang. Pengunduran tersebut diharapkan akan menyebabkan tentera Palembang mengambil tindakan yang sama dan merehatkan tenteranya daripada peperangan berterusan.[260] Strategi de Kock tersebut berjaya memancing Sultan untuk turut mengundurkan diri dari arena pertempuran.

Pada malam 19 Jun 1821, pasukan Belanda mulai mendekati tonggak kayu dan buluh yang dipasang di hadapan Benteng Kembora. Pagi 20 Jun 1821, jam 05.30, De Kock dan stafnya mengendalikan peperangan menggunakan kapal *Johanna*, yang dipimpin oleh Leftenan laut Scheidius. Dalam pertempuran tersebut kapal milik Belanda menembak dan menghancurkan kubu pertahanan Sultan Badaruddin II di pulau Kembara. Kapal *Johanna* diiringi sepuluh perahu di bawah Leftenan Komander laut kelas-1 Buijs. Apa yang dilakukan oleh armada dan tentera Belanda, telah dirancang dengan baik agar kemenangan segera diraih. Hal itu dapat dilihat berdasarkan kepada persiapan mereka dalam melancarkan serangan. Pasukan Belanda

[260] *Bataviaasche Courant,*11 Juli 1821.

diperkuatkan oleh kapal *Santa Maria* dan tujuh perahu di bawah pimpinan Raja Akil. Mereka bergabung dengan 300 orang tentera infantri, beberapa orang tentera artileri dan tentera perintis yang dipimpin Leftenan Kolonel Keer. Armada laut Belanda telah mengundurkan diri pada 17 Jun 1821, sebagai taktik untuk menyusun kekuatan yang lebih besar.

Armada Belanda semakin mendekati benteng terkuat Palembang iaitu Gombora (Kembara). Usaha menggempur benteng tersebut dilakukan pada pukul 08.00 pagi, apabila lapan kapal meriam Belanda dan diiringi kapal lainnya berada di depan benteng Gombora (Kembara). Pasukan armada Belanda melakukan serangan secara serentak ke atas kubu pertahanan tersebut. Serangan itu merupakan satu pukulan hebat kepada pasukan Palembang. Walau bagaimanapun, pasukan Palembang tetap gigih melakukan penentangan dan masih mampu bertahan. Pertempuran sengit itu tidak membawa hasil seperti yang diinginkan oleh pemimpin pasukan Belanda. Akibat serangan balas pasukan Palembang, kapal *Nassau*, *Dageraad*, *van der Werff,* dan *Zeepaard* mengalami putus tali jangkar dan hanyut dibawa arus Sungai Musi. Keadaan air yang deras tersebut mengakibatkan kapal *Nasau* dan *Dageraad* bergeser sehingga tidak mampu melindungi kapal perang *van der Werff.* [261] Ini menyebabkan ramai tentera Belanda yang terkorban selain kehilangan banyak kapal.

Meskipun beberapa utama kapal Belanda hanyut ketika pertempuran berlaku, tenteranya tetap berusaha untuk kembali pada kedudukan menyerang semula.

[261] Dalam naskah Syair Perang Menteng disebutkan bahawa semua kapal Belanda mendapati serangan balasan dari pihak Palembang, yang berakibat kerosakan pada kapal-kapal Belanda itu. Kapal Nassau paling parah keadaannya, badan kapal itu penuh lubang "bagai ayakan" akibat tembakan pasukan Palembang dan sauhnya tenggelam.

Menyedari keadaan Belanda yang mengalami banyak kerugian akibat pertempuran tersebut dan diburukkan lagi dengan keadaan angin yang kencang di perairan Sungai Musi (sehingga jangkar dan tali kapal sukar ditarik), De Kock memutuskan untuk mengundurkan tenteranya. Keputusan itu dilakukan sebagai strategi mempersiapkan tenteranya untuk serangan seterusnya. Berikutan pengunduran De Kock, pasukan Sultan Badaruddin II berjaya menguasai kembali semua kubu pertahanannya menjelang petang hari tersebut. Peperangan tersebut menyebabkan pasukan Belanda menderita akibat mengalami banyak kerugian. Laporan daripada pihak Belanda menyebut, selain kerugian peralatan, pasukan Belanda juga kehilangan 46 orang tenteranya yang terbunuh, 55 orang luka parah dan 42 orang luka ringan.[262] Sementara di pihak Palembang pula, tiada data dan maklumat kerugian dan kematian akibat pertempuran tersebut yang diperoleh.

Pada malam 20 Jun 1821, Jeneral de Kock mengerahkan seluruh kekuatannya menggempur pertahanan Palembang. Strategi yang dilaksanakan ialah dengan menembak benteng pertahanan Palembang serta megambilalih kedudukan tersebut dengan menempatkan kapal perangnya. Gerombolan tentera Belanda melancarkan serangan sehingga ke subuh. Kiellchters melaksanakan tugas mencabut cerucup yang ditanamkan di tengah Sungai Musi. Gempuran Belanda tersebut disambut dengan tembakan balas secara besar-besaran. Kapal-kapal meriam dan Kiellchters menembak Pulau Kemaro dan benteng terapung di tengah Sungai Musi. Kapal Nassau dan Van der Werf mengambil kedudukannya, kemudian disusuli oleh Kapal Dageraad, yang membantu Kapal Venus dan Ayax. Gempuran Belanda secara

[262]*ANRI*, Bundel Palembang No. 5.1; No. 4, *Bataviaasche Courant*,11 Juli 1821*; Bataviaasche Courant*,
4 Agustus 1821.

besar-besaran tidak mampu menawan Palembang dengan mudah sebaliknya terpaksa menerima serangan balas secara bertali arus daripada tentera Sultan Badaruddin II. Kematian meningkat di kedua-dua belah pihak namun serangan de Kock tidak berjaya menembus pertahanan Sultan Mahmud Badaruddin II.

Pada Jumaat 22 Jun 1821 Belanda menghentikan serangan, malah pada hari berikutnya iaitu 23 Jun 1821, Belanda hanya melakukan tembakan meriam sekali sekala. Penghentian sementara serangan de Kock ini adalah untuk memberi ruang kepadanya menyusun kembali pasukan bagi mempersiapkan diri untuk melancarkan serangan yang lebih besar. Tindakan Belanda menghentikan pertempuran pada hari Jumaat pula dianggap Badaruddin II sebagai satu sikap terpuji kerana menghormati umat Islam yang ingin melaksanakan ibadah keagamaan iaitu sembahyang Jumaat. Beliau juga melihat, penghentian serangan pada hari Sabtu juga dilihat sebagai keenganan Belanda berperang pada hari Ahad. Oleh itu Badaruddin II berpendapat bahawa Palembang juga perlu menghormati hari Ahad sebagai hari agama bagi orang Belanda yang beragama Kristian. Ini menyebabkan pertahanan Palembang agak longgar pada hari tersebut, kerana sebahagian tentera Palembang memanfaatkan waktu itu untuk rehat.

Apa yang dilakukan Palembang merupakan satu kekeliruan besar sehingga mengakibatkan kehancuran pertahanan Palembang. Strategi Belanda yang menghentikan serangan pada hari Jumaat seperti menghormati hari keagamaan tersebut merupakan strategi yang berjaya memperdaya pertahanan Palembang. Ini kerana pada pagi hari Ahad, 24 Jun 1821 (hari keagamaan orang Kristian), Belanda melakukan serangan bertubi-tubi ke arah kedudukan Palembang. Tiga kapal perang

Belanda iaitu Nassau, van der Werf dan Dageraad melakukan tembakan ke arah benteng pertahanan Palembang di Pulau Kembara dan Plaju. Tembakan meriam Belanda dibalas oleh pasukan Palembang juga dengan tembakan meriam. Setelah melalui pertempuran yang sengit, benteng Pulau Kembaro berjaya diduduki Belanda. Selepas kejayaan serangan tersebut, serangan seterusnya dilakukan ke atas benteng Manguntama. Kolonel Bischoff, Leftenan kolonel Riezs, Kapten George dan Leftenan satu Schenk memimpin pasukan masing-masing telah menggempur benteng Manguntama dan benteng-benteng terapung di sekitarnya.

Pasukan Belanda berhadapan dengan pasukan Palembang yang dipimpin Pangeran Wirosentiko ketika menyerang benteng Manguntagma. Pasukan Belanda yang mendarat di benteng tersebut mendapat tentangan hebat daripada pasukan Palembang. Pertempuran jarak dekat ini memaksa pasukan Belanda menggunakan senjata bedil (senapang) dan bayonet manakala pejuang Palembang menggunakan senjata tradisional seperti keris dan tombak. Pertempuran ini menyebabkan ramai tentera kedua belah pihak yang terkorban. Kolonel Riezs turut terkena tombak di pahanya, Kapten George luka terkena 4 tusukan keris dan Letnan Schenk mengalami kecederaan yang parah. Setelah Pangeran Wirosentiko berpendapat adalah sukar bagi pasukannya untuk terus mempertahankan Benteng Manguntama, beliau akhirnya mengundurkan diri bersama pasukan orang Bugis ke benteng Martapura yang dipimpin oleh Pangeran Ratu Jambi. Kejatuhan benteng Manguntama membolehkan tentera Belanda meneruskan operasi menggempur pertahanan Palembang. Kapal-kapal perang Belanda kemudian meneruskan serangannya ke atas benteng pertahanan di Plaju.

Benteng Martopuro di Bagus Kuning turut diserang Belanda dan berjaya didudukinya. Dengan pendudukan Belanda ke atas benteng tersebut, maka seluruh pertahanan Sultan Palembang di perairan Sungai Musi semakin lemah, sehingga menyebabkan kapal perang Belanda dengan mudah bergerak menuju ke muara Sungai Ogan untuk menyekat jalan tentera bantuan mahupun pengunduran Sultan ke pedalaman. Seterusnya Belanda meneruskan serangan ke atas Keraton Kuto Besak. Serangan de Kock pada pagi Ahad, 24 Jun 1821 tersebut merupakan serangan terbesar yang dilakukan oleh Belanda. Selepas pertahanan Plaju dikalahkan Belanda, maka tidak ada lagi halangan bagi Belanda untuk menuju bandar Palembang. Pertahanan cerucup yang melintang di tengah Sungai Musi dapat dikuasai Belanda. Rakit api yang begitu banyak diluncurkan telah dihancurkan dengan tembakan meriam oleh kapal Belanda.

Pada 25 Jun 1821, de Kock mengeluarkan arahan umum kepada askar Belanda yang terlibat dalam pertempuran yang antara lain kandungannya tentang ucapan terima kasih atas kejayaan askar angkatan laut dan angkatan darat Belanda yang telah menguasai Benteng Kembara (Kemaro) dan Benteng Manguntama (Plaju). Beliau juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada raja Belanda dan Gabenor Jeneral Hindia Belanda di Batavia atas kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua angkatan laut tersebut. Sebagai penghargaan, De Kock telah menyerahkan kepada pasukan Belanda untuk menyerang Keraton Palembang.[263]

Sehari selepas mengeluarkan arahan umum umum tersebut, pada 26 Jun 1821 Jeneral de Kock menghantar sepucuk surat kepada Sultan Mahmud

[263] G. Bruining, hlm. 113-188, dalam Pemerintah Provinsi Sumatera selatan, 1986. Sejarah perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II, hlm 48.

Badaruddin II. Kandungan surat tersebut berbunyi, selaku pemimpinan ekspedisi ke Palembang, de Kock telah memaklumkan kepada penduduk Sungsang[264] bahawa pasukannya bukan dihantar untuk memerangi rakyat, tetapi untuk membalas dendam terhadap Sultan Palembang. Memandangkan kedudukan pertahanan semakin lemah dan serangan ke atas keraton Palembang pula hanya akan membawa kemusnahan keraton serta kematian orang awam dan tentera, Sultan Badaruddin II disarankan de Kock agar menyerah diri kepada Belanda. Ini kerana sultan tidak mungkin mampu mengusir Belanda, dan tindakan tersebut adalah demi keselamatan sultan dan rakyatnya.

Warkah tersebut telah membuka peluang pada Badaruddin II untuk membuka jalan diplomasi perundingan dalam menghadapi Belanda. Jalan ini dipilih, berikutan menyedari kekuatan ketenteraan Palembang semakin lemah terutamanya setelah jatuhnya benteng pertahanan di luar kota Palembang. Badaruddin II melihat, langkah berunding dengan Belanda akan memberi kesempatan kepadanya untuk memperbaiki pertahanan dan melakukan penyusunan semula tenteranya bagi mempertahankan Palembang. Bagi menjawab tawaran Belanda tersebut, Badaruddin II mengutus Pangeran Adipati Tuo berjumpa Jeneral de Kock di kapal perangnya untuk menyampaikan jawapan sultan. Jawapan sultan yang disampaikan oleh Pangeran Adipati mengemukakan beberapa perkara iaitu:

[264] Sungsang adalah kawasan yang berada paling hadapan dari jalur Sungai Musi. Apabila kapal-kapal mahu memasuki perairan Sungai Musi atau mahu ke Palembang perlu melalui kawasan ini. Pertahanan Palembang di kawasan Sungsang merupakan daerah sikap iaitu kawasan yang diberi tugas untuk memastikan keselamatan jalur pelayaran di perairan Muara Sungai Musi dan sekaligus mengamati dan memberi informasi kepada pusat kerajaan tentang kekuatan musuh yang tiba.

1) Sultan membantah serangan Belanda pada hari Ahad, 24 Jun 1821, iaitu hari suci bagi umat Kristian yang dihormati sultan dan rakyat Palembang.
2) Sultan bersedia menyerahkan pemerintahan Kesultanan kepada saudaranya, asal beliau diizinkan tinggal di Palembang.[265] Selain itu Depati Tua mengusulkan agar Belanda memberikan keamanan atas Palembang.

Jenderal de Kock dengan tegas menolak permintaan Sultan Mahmud Badaruddin II dan menetapkan sultan perlu menyerah dan dihantar ke Betawi atas perintah Gabenur Jeneral. Bagi de Kock, kesediaan Badaruddin II untuk menyerahkan pemerintahan kepada adiknya, tidak dapat diterima Belanda. Ini kerana, Belanda sudah mencapai kesepakatan dengan Najamuddin II untuk menempatkan Prabu Anom sebagai pengganti Badaruddin II. Bila tawaran Badaruddin II diterima, maka yang akan menggantikannnya adalah Najamuddin II yang tidak mendapat sokongan dari masyarakat. Demikian pula sekiranya Badaruddin II tetap bermukim di Palembang, ia akan membahayakan kedudukan Najamuddin II dan Prabu Anom di Palembang. Oleh itu maka de Kock menolak cadangan Badaruddin II itu.

Bagi de Kock tawaran Badaruddin II, menunjukkan bahawa Palembang sedang berada di dalam keadaan yang lemah, dan ini merupakan peluang untuknya meneruskan keinginan menguasai Palembang. Beliau berpendapat, Palembang harus diserang dengan kekuatan ketenteraan sebagai memberi tekanan kepada Badaruddin

[265] Naskah Asal-usul raja-raja Palembang, hlm 67

II agar mengikuti keinginan Belanda. Seterusnya de Kock mula mempersiapkan armada perangnya untuk menggempur Palembang. Pasukannya terdiri daripada sepuluh kapal meriam penggempur yang dipimpin korvet Venus ditempatkan di Muara Sungai Ogan.[266] Penempatan kapal ini merupakan satu langkah de Kock untuk menyekat Badaruddin II daripada melarikan diri meninggalkan Palembang ke daerah Pedalaman (uluan) dan sekaligus menyekat kemasukan bantuan daripada penduduk daerah uluan ke Palembang. Lima kapal perang ditempatkan di hadapan keraton, iaitu ZM Hulk Nassau, ZM Freegat Van der werf, ZM Freegart Dageraad, korvet Ajax dan ZM Schoener Yohanna. Tiga kapal perang ditempatkan di Muara sungai Aur[267] iaitu ZM Schoener Galypso, ZM Kielligter dan kapal pencabut tiang. Di muara Sungai Bayas[268] ditempatkan lapan kapal perang, iaitu ZM Brik Jacoba Elizabeth dengan tujuh kapal pendarat, lima kapal perang serta kapal lainnya ditempatkan di sekitar sungai Buah dan sungai Terusan Batang. Pelan kepungan Belanda ke atas Palembang dapat dilihat dalam lampiran 2.

Pada 27 Jun 1821 kapal perang Belanda tiba di hadapan keraton (jarak satu tembakan senapang dari tembok kraton). De Kock mendaratkan 2000 anggota pasukannya bersama dengan Najamuddin II diiringi oleh patihnya Pangeran Wirakerama Guber. Keadaan ini membuat Sultan Badaruddin II memutuskan untuk

[266] Sungai Ogan adalah salah satu daripada batanghari sembilan (sembilan sungai) yang bermuara ke Sungai Musi. Sungai Ogan berada sekitar 3 km sebelah hulu Keraton Kuto Besak. Sungai ini menghubungkan Palembang dengan daerah Uluan (pedalaman), oleh itu keberadaan kapal perang Belanda di muara sungai ini telah menutup jalan bagi Badaruddin II untuk mengundurkan diri ke luar Bandar.

[267] Sungai Aur adalah anak Sungai Musi yang terletak sekitar 1 km sebelah hilir dari Keraton Kuto Besak. Di sini terdapat Loji milik Belanda yang seterusnya dihancurkan oleh pihak Palembang pada peristiwa Loji Sungai Aur (1812). Kawasan sungai Aur ini merupakan pusat perdagangan etnik Cina.

[268] Sungai Bayas adalah anak Sungai Musi dan berseberangan dengan Sungai Aur. Posisi sungai ini sekitar 2 km sebelah hilir benteng Kuto Besak. Kawasan ini majoriti dihuni oleh etnik Arab. Dalam perang Palembang etnik Arab ikut melibatkan diri dipihak Palembang, dan kerananya penempatan kapal perang itu merupakan usaha Belanda untuk memberi tekanan pada masyarakat Arab agar menarik sokongannya pada sultan.

mengadakan perundingan dengan Belanda. Sultan mengutus Pangeran Adipati Tuo menemui de Kock di atas kapal *Johanna*. Dalam pertemuan itu, Pangeran Adipati Tuo menyatakan kesediaannya untuk menyerahkan saudaranya Sultan Badaruddin II kepada pemerintah Belanda, dengan permintaan dirinya diizinkan untuk tetap tinggal di Palembang. Jenderal Mayor de Kock menolak tawaran tersebut.

Pangeran Adipati Mudo pula menyatakan bahwa Sultan Badaruddin II bersedia menyerahkan pemerintahannya tanpa syarat untuk mengelakkan terjadinya pertumpahan darah. Sultan juga meminta penundaan waktu untuk berangkat ke Batavia, kerana beliau perlu mempersiapkan isteri, anak-anak dan para pengikut yang masih setia kepadanya untuk menyertainya ke sana. De Kock bersetuju dengan permintaan tersebut dengan memberi masa selama dua hari, dengan syarat sultan perlu membongkar semua meriam di keratonnya dengan segera. Ketika de Kock sedang berunding dengan wakil Sultan, beliau telah memerintahkan semua armada Belanda menutup jalan masuk dan keluar ke Palembang menerusi Sungai Musi bagi mengelakkan percubaan Sultan Badaruddin II keluar dari ibu kota Palembang.[269]

Sultan Badaruddin II cuba memohon penangguhan kedua keberangkatannya ke Betavia, tetapi ia ditolak de Kock. Seterusnya beliau mengutus Kapten Elout ke keraton untuk mendesak sultan memenuhi janjinya untuk menyerahkan kuasa kepada de Kock. Permintaan tersebut tidak dipenuhi oleh Badaruddin II, kerana jika beliau berbuat demikian bermakna Palembang telah diserahkan sepenuhnya kepada Belanda dan beliau juga akan menjadi tawanan Belanda. Untuk menghindari penyerahan

[269]*ANRI*, Bundel Palembang No. 5.1; N0. 4, *Bataviaasche Courant*, 11 Juli 1821; *Bataviaasche Courant* ,
4 Agustus 1821.

kekuasaan kepada Belanda, Badaruddin II mengadakan perjumpaan dengan Prabu Anom dan merestui perlantikan Prabu Anom sebagai Sultan Ahmad Najamuddin IV dan Ahmad Najamuddin II sebagai Susuhunan. Badaruddin II kemudian melakukan penyerahan kekuasaan dan kekayaan kepada saudaranya Ahmad Najamuddin II dan anak saudaranya Ahmad Najamuddin IV atau Prabu Anom.[270] Dengan demikian Badaruddin II tidak pernah menyerahkan kekuasaan pemerintahan dan kedaulatan kerajaan Palembang kepada Belanda.

Pada 1 Julai 1821, keraton Kuto Besak diserahkan oleh putera Badaruddin II iaitu Pangeran Prabukesuma dan Pangeran Kramajaya kepada Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom. Pasukan Belanda yang digerakkan oleh de Kock seterusnya menduduki Keraton Kuto Besak, ketika Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom masih tinggal di luar keraton. Dua hari kemudian Sultan Badaruddin II dan kerabat terdekatnya telah dihantar ke Batavia. Mereka dihantar menggunakan Kapal Perang *de Dageraad,* dan tiba di sana pada 29 Julai 1821. Pada Mac 1822 Sultan Badaruddin II dan rombongannya dihantar ke Ternate. Sebelum rombongan itu dibawa ke Ternate, semua harta benda yang mereka bawa disita pihak Belanda.[271] Ini menyebabkan apabila tiba di Ternate mereka sudah tidak memiliki kekayaan dan kehidupan mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan atau pemberian daripada pemerintah Belanda.

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, jelaslah terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan Palembang dalam perang 1821. Faktor tersebut ialah kegagalan Badaruddin II mengambil pengajaran daripada kekalahan

[270] Naskah Asal-usul raja-raja Palembang, hlm 107
[271] ANRI, Bundel Palembang No. 5.1; Woelders, 1975: 112.

beliau dalam perang sebelumnya yang bukan disebabkan oleh kelemahan strategi pertahanan Palembang tetapi tipu helah Belanda. Dalam perang sebelum ini, Badaruddin II kalah dengan tipu helah Belanda yang bersetuju dengan gencatan senjata pada bulan Ramadhan. Kegagalan kali ini pula adalah kesilapan beliau yang menjangkakan Belanda tidak akan melancarkan perang pada hari kebesaran Kristian iaitu Ahad. Faktor kedua pula ialah, sikap Badaruddin II yang berusaha mempertahankan kedaulatannya dengan mengutamakan diplomasi rundingan atas dasar sama taraf. Sedangkan Belanda sentiasa menganggap Palembang sebagai naungannya setelah kejayaannya menguasai Batavia. Faktor ketiga ialah kegagalan Badaruddin dalam mengambil tindakan sewajarnya terhadap adiknya yang membelot ketika kedatangan British menyebabkan strategi pertahanan beliau dengan mudah diketahui Belanda. Palembang sememangnya mempunyai kekuatan pertahanan baik dari strategi dan peralatan yang pada dasarnya mampu menyokong diplomasi rundingan disamping diplomasi ketenteraan. Walau bagaimanapun, kegagalan Badaruddin II, melakukan apa yang sepatutnya kepada pembelot iaitu adiknya Najamuddin II, telah menyebabkan tokoh tersebut sentiasa dipergunakan Belanda untuk memecah belahkan istana Palembang selain mendapatkan maklumat pertahanan negeri tersebut. Perpecahan dalam istana Palembang turut mempengaruhi rakyatnya. Konflik kekeluargaan istana ini dipergunakan oleh Belanda untuk merosakkan sistem penggantian Kesultanan Palembang yang seterusnya membawa kepada kekalahannya dalam perang 1821. Ini merupakan elemen terpenting kepada runtuhnya kesultanan Palembang kerana rahsia kekuatan negeri tersebut diketahui sepenuhnya oleh keluarga DiRaja. Apabila pertelingkahan wujud dalam kalangan mereka menyebabkan rahsia strategi tersebut dengan mudah jatuh ke tangan penjajah yang menjanjikan jawatan tersebut kepadanya. Perpecahan

dalam istana boleh dianggap sebagai jalan kehancuran institusi terpenting Palembang tersebut sehingga berakhir dengan penguasaannya oleh penjajahan Belanda.

Berikutan penurunan Sultan Mahmud Badaruddin II daripada takhta Kesultanan Palembang, Pangeran Prabu Anom telah diangkat menjadi Sultan Palembang dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (IV) atau Sultan Ahmad Najamudin Prabu Anom, dan Ahmad Najamuddin (II) diangkat menjadi Susuhunan Husin Diahuddin. Sejak itu, Belanda telah melaksanakan pelbagai perubahan terhadap pentadbiran Palembang yang bertujuan untuk menamatkan sebuah kesultanan yang berdaulat. Walaupun kejayaan Sultan Ahmad Najamudin Prabu Anom menaiki takhta Palembang dilihat seperti satu pengiktirafan Belanda terhadap penerusan Kesultanan Palembang, tetapi pada hakikatnya ia merupakan tipu helah kuasa tersebut untuk memastikan kemenangannya dalam menjatuhkan Sultan Badaruddin II. Penurunan Badaruddin II dari takhta Palembang pada dasarnya bolehlah dianggap mengakhiri riwayat kesultanan tersebut. Ini berdasarkan kepada, dasar Belanda yang tidak lagi menganggap Palembang sebagai sebuah negeri yang tersendiri tetapi merupakan sebuah wilayah yang ditadbir di bawah pentadbiran Belanda yang berpusat di Palembang.

5.6 Kesan Perang 1821

Perlawanan Palembang terhadap Belanda berakhir setelah Badaruddin II di buang ke Ternate dan Palembang seterusnya menjadi daerah taklukan Belanda. Selaku kesultanan yang kalah perang, maka Palembang perlu menerima kesan daripada kekalahan tersebut. Belanda selaku pihak yang menang dalam perang tersebut melakukan berbagai perubahan dan memperkenalkan dasar baru terhadap rakyat di Kesultanan Palembang. Perbincangan seterusnya akan menganalisa keadaan Palembang daripada aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya.

5.6.1 Kesan Terhadap Politik Palembang

Selepas Badaruddin II dihantar ke Batavia, maka kekuasaan ke atas Palembang berada di bawah pemerintahan Belanda. Jeneral de Kock melantik Leftenan Kolonel Keer sebagai komandan tentera dan sekaligus sebagai Residen Palembang pada 12 Julai 1821. Tugas utamanya ialah untuk menyusun dan sekaligus mengendalikan pentadbiran di sana[272]. Sehari selepas perlantikannya, pada 13 Julai 1821 de Kock mengeluarkan arahan kepada Residen Keer, agar mengambil langkah segera untuk melaksanakan pentadbiran kolonial di Palembang. Keer diperintahkan untuk melaksanakan perubahan dalam pemerintahan, infrastruktur dan perjawatan di Kesultanan Palembang.[273]

---

[272] R.H.M. Akib. *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Baderuddin II*, Palembang, Anggrek, 1978 hlm.74

[273] ANRI. Bundel Palembang No.47.6

Seterusnya pada 16 Julai 1821, Jenderal de Kock melantik Pangeran Prabu Anom menjadi Sultan Palembang Upacara pelantikan berlangsung dengan meriah serta dihadiri oleh para menteri, pembesar dan pemimpin dalam kalangan kaum Arab, India, China dan rakyat Palembang. Dalam upacara tersebut perutusan daripada pemerintah Belanda dibacakan yang antara isi kandungannya seperti berikut:

1. bahawa mulai saat sekarang Susuhunan Mahmud Badruddin II turun-temurun dihapuskan haknya menjadi raja di Palembang.
2. bahawa mulai saat ini Susuhunan Husin Dhiauddin turun temurun diakui sebagai raja Palembang
3. bahawa mulai hari ini Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom dinobatkan menjadi raja Palembang dan segala daerah takluknya dan supaya setiap orang mengakuinya.
4. bahawa untuk daerah Boom, pungutan cukai seterusnya akan dilaksanakan oleh Belanda.
5. bahawa perihal hukum-hukum adat dan yang lain-lainnya yang ada hubungannya dengan itu akan ditetapkan menurut yang lazim dilakukan sebagai zaman bahari juga.[274]

Penobatan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom sebagai Sultan Palembang menggantikan Badaruddin II memperlihatkan Palembang seolah-olah masih merupakan sebuah kerajaan yang berdaulat. Namun kerajaan Palembang yang wujud era beliau amat berbeza berbanding dengan sebelumnya. Era Sultan Ahmad

[274] R.H.M. Akib. 1978. *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Baderuddin II*, Palembang : Anggrek, hlm.74

Najamuddin Prabu Anom memperlihatkan beliau bukan sahaja terpaksa berkongsi kuasa dengan Belanda sebaliknya perlu mematuhi segala arahan kuasa tersebut yang diwakili residennya Keer.

Keer sempat menjalankan tugasnya selama beberapa bulan sebelum digantikan oleh Komisaris van Sevenhoven pada bulan November 1821. Penempatan Van Sevenhoven adalah untuk membantu pemerintahan Ahmad Najamuddin Prabu Anom, yang belum berpengalaman luas dalam melaksanakan pemerintahan. Kehadiran beliau juga memperkukuh kedudukan Belanda di Palembang. Dalam laporannya kepada Gabenur Hindia Belanda di Batavia, van Sevenhoven menyatakan bahawa pemerintahan kerajaan Palembang perlu dirombak semula. Oleh itu beliau mengemukakan tiga cadangan iaitu:

1. Kawasan Uluan ditempatkan secara langsung di bawah kekuasaan Belanda.
2. Pungutan cukai di daerah kesultanan akan dilakukan oleh pemerintah Belanda.
3. Sultan Palembang dibayar gaji tetap.[275]

Cadangan penempatan semula kawasan uluan di bawah pentadbiran langsung Belanda didasari oleh pertimbangan untuk melemahkan pengaruh birokrasi pemerintahan kerajaan Palembang dan sekaligus mengurangi pengaruh Sultan atas kawasan Uluan. Oleh itu, kakitangan pentadbiran kesultanan akan dipindahkan menjadi kakitangan pentadbiran Belanda. Berdasarkan kepada amalan sebelum ini,

[275] Ibrahim Alfian. *Sejarah Perlawanan Terhadap Imperilisme dan Kolonialisme di Daerah Sumatera Selatan*. Jakarta :Depdikbud, 1983. hlm.53.

urusan berkaitan dengan kewangan seperti pungutan cukai di daerah uluan adalah dilaksanakan oleh pemimpin daerah yang mewakili Sultan Palembang. Perubahan yang dicadangkan van Sevenhoven tersebut telah menjadikan pemimpin uluan sebagai wakil Belanda. Ini menjadikan beliau berkuasa penuh terhadap urusan kewangan termasuk percukaian di daerah uluan sekali gus menamatkan kuasa Sultan di sana. Kesan daripada Perang 1821 ini memperlihatkan perlaksanaan pemerintahan Palembang ditentukan sepenuhnya oleh Belanda.

Dalam melaksanakan pemerintahannya, Ahmad Najamuddin Prabu Anom, di bantu oleh dua pihak iaitu Belanda dan Susuhunan Ahmad Najamuddin II atau Susuhunan Husin Dhiauddin. Belanda seterusnya menempatkan sorang Residen yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang luas dalam bidang pemerintahan. Residen merupakan wakil Gabenur Jeneral Belanda di Batavia, manakala Husin Dhiauddin walaupun tidak berkuasa, turut berperanan dalam menasihati Sultan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan pemerintahan. Kedudukan Susuhunan Husin Dhiauddin masih penting dalam hal ehwal adat istiadat sehinggakan beliau mempunyai kuasa dalam memberikan gelaran kepada mereka yang telah menyokongnya.[276] Keadaan ini merupakan di luar kekuasaan Susuhunan menurut adat istiadat kesultanan Palembang kerana hanya Sultan yang berkuasa sahaja berhak untuk menganugerahkan gelaran negeri. Najamuddin II sememangnya memahami adat istiadat tersebut tetapi demi kepentingan politik beliau hanya

[276] Dalam naskah Asal Usul Raja-raja Palembang disebutkan penyokong Najamuddin II yang diberi gelaran diantaranya, Pangeran Jayaningrat (putra Susuhunan) diberi gelaran Pangeran Depati Jayaningrat, Pangeran Keramo diberi gelaran Pangeran Ario Kesumo, Pangeran Depati Tua (saudara Susuhunan dan Sultan) diberi gelaran Pangeran Bupati Panembahan, Pangeran Wirokeramo diberi gelaran Pangeran Purbonegoro, Raden Said diberi Gelaran Pangeran Martokusumo, Raden Badaruddin diberi gelaran Pangeran Notowijoyo, dan Pangeran Sumodilago diberi gelaran Pangeran Natokeramo, hlm 75.

mendiamkan sahaja. Pemberian gelaran ini merupakan satu usaha daripada Husin Dhiauddin untuk menarik sokongan orang yang pernah membantunya agar terus berada bersamanya.

Pada 18 Ogos 1823, Belanda dan Ahmad Najamuddin Prabu Anom mencapai kesepakatan bahawa sultan menerima gaji 1000 dollar Sepanyol sebulan dan urusan pemerintahan dan keadilan diserahkan kepada pengawasan pemerintah Belanda[277] Keputusan pemerintah Belanda ini dikeluarkan berdasarkan cadangan Van Sevenhoven kepada Gabenor Jeneral Hindia Belanda di Batavia dua tahun sebelumnya. Perlaksanaan sistem pengajian kepada Sultan ini merupakan kali pertama dilaksanakan di Palembang. Ini kerana amalan sebelumnya, semua hasil mahsul Palembang akan disimpan oleh perbendaharaan negeri yang dikendalikan oleh sultan. Sistem baharu ini menyebabkan kehidupan Sultan sangat bergantung kepada Belanda, kerana Sultan tidak lagi mempunyai pendapatan daripada negerinya sendiri. Keadaan ini menyebabkan Kesultanan Palembang menjadi miskin.

Pada 20 Ogos 1823, Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom secara rasmi menyerahkan kekuasaan Sultan Palembang kepada pemerintah Belanda[278] Walau bagaimanapun, bagi menjaga keamanan serta mengelakkan sebarang kemungkinan termasuk pemberontakan rakyat, pihak Belanda terus membenarkan pemakaian gelaran Sultan oleh Ahmad Najamuddin Prabu Anom, tetapi hanya sebagai simbol.

[277] Ibrahim Alfian. (1983). Sejarah Perlawanan Terhadap Imperilisme dan Kolonialisme di Daerah Sumatera Selatan. Jakarta :Depdikbud, hlm.53.

[278] Maklumat Penyerahan Kekuasaan Sultan kepada Pemerintah Belanda dibuat pada Tarikh hari Isnin sebelas hari bulan Zulhijjah tahun seribu dua ratus tiga puluh lapan. Tarikh tersebut disepadankan dengan 20 Ogos 1823.(lihat lampiran). Husni Rahim, 1998, hlm 281.

Penyerahan kekuasaan ini memperlihatkan Palembang secara rasmi menjadi tanah jajahan Belanda. Keadaan ini menyebabkan gerakan untuk menyingkirkan Belanda semakin hebat berkembang dalam kalangan masyarakat Palembang. Laporan van Sevenhooven menyatakan, pada tahun 1823 wujudnya cubaan membunuhnya oleh masyarakat di negeri tersebut.[279]

Berikutan penyerahan kuasa pemerintahan kepada Belanda, Palembang tidak lagi ditadbir oleh penduduk atau tokoh tempatan. Walaupun begitu, Belanda tetap inginkan tokoh tempatan terlibat sama dalam mengendalikan masyarakat Palembang. Bagi memenuhi keperluan berhadapan dengan masyarakat setempat, pihak Belanda telah melantik Pangeran Keramajaya[280] sebagai Perdana Menteri Palembang. Majlis angkat sumpah berlangsung dihadapan Komisaris Belanda van Sevenhoven di keraton Palembang pada 5 September 1823. Seterusnya pada tahun 1824 Belanda melantik ketua polis dan pegawai Kesultanan Palembang yang bertanggungjawab kepada Residen Belanda. Dewan tersebut diketuai oleh Susuhunan Husin Dhiauddin dengan anggotanya seramai 7 orang, iaitu Pangeran Keramajaya Perdana Menteri, Kemas Tumenggung Kertanegara, Kemas Rangga Hasan, Kirangga Tamin, Kirangga Ahmad, Kirangga Jalil dan Pangeran Penghulu Agama.[281] Tindakan Belanda ini merupakan satu pukulan hebat terhadap Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom apabila pegawai istananya telah dilantik

[279] Van Sevenhoven, JI. 1971, hlm 50-51.
[280] ANRI, Bundel Palembang. No.15 D VII. Pangeran Keramajaya adalah Menantu Sultan Mahmud Badaruddin II. Setelah kesultanan dihapuskan Belanda (1825) Pangeran Keramajaya ditunjuk Belanda sebagai Regent rijksbestuurder. Pada tahun 1851 ia melakukan perlawanan kepada Belanda, sehingga ia kemudian ditangkap dan diasingkan ke Purbolinggo pada bulan Ogos 1851. Beliau wafat pada 5 Mei 1862 di Purbolinggo (Jawa Tengah).
[281] Dalam naskah Riwayat Singkat dari Kerajaan Palembang, disebutkan bahawa Dewan yang dimaksud adalah Dewan Pemerintahan Negeri. Dewan ini bersidag pada setiap hari Kamis dan Sabtu dan harus dihadiri oleh Sultan Najamuddin IV. Anggota Dewan mendapatkan gaji bulanan sebanyak f.150.

menjadi sebagai pegawai Belanda. Setelah semua pegawai dan orang besar istana dilantik menjadi pegawai Belanda, Kesultanan Palembang akhirnya dimansuhkan pada 15 Oktober 1825.[282]

5.6.2 Kesan Terhadap Bidang Ekonomi

Kejatuhan Kesultanan Palembang memberikan kesan yang cukup ketara kepada ekonomi negeri tersebut. Selepas ditakluki, Palembang menjadi negeri yang miskin kerana seluruh hasil negeri tersebut dikaut oleh Belanda dan dihantar ke Batavia. Begitu juga dengan harta bekas Sultannya Badaruddin II, juga telah dirampas Belanda sehingga tidak memungkinkan beliau untuk bangkit semula memimpin kekuatan untuk membela Palembang.[283] Pemerintahan Belanda ke atas Palembang menyebabkan sistem pentadbiran percukaian diubah mengikut sistem kuasa tersebut. Jika sebelumnya, cukai dipungut oleh sultan Palembang melalui pegawainya, kini telah diambilalih oleh Belanda. Ini memberi kesan yang sangat besar kepada kejatuhan pendapatan kerajaan Palembang. Selain daripada percukaian, sumber ekonomi utama Palembang adalah melalui perdagangan yang berpusat di pelabuhan Palembang. Ketika Palembang masih berada di bawah kesultanan yang merdeka, pengendalian pelabuhan adalah diletakkan di bawah kerajaan dengan diawasi oleh Syahbandar. Berikutan penguasaan Belanda, semua

[282] H.M. Ali Amin, 1983. Sejarah Kesultanan Palembang Darussalam dan Beberapa Aspek hukumnya, dalam K.H.O. Gadjahnata & Sri-Edi Swasono, (ed.) Prosiding Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan. 27 November 1984 di Palembang.

[283] Belanda telah merampas harta dan kekayaan yang di bawa Badaruddin II ke tempat pengasingannya di Ternate. Oleh itu ketika dalam buangan, Badaruddin II menjadi pemimpin yang miskin harta dan miskin juga kekuatan pertahanan. Kehidupannya sangat bergantung dengan Belanda. Lihat, RHM Akib, 1978, *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Baderedin ke II*, Palembang. hlm. 67. Lihat juga Naskah Hadjerat Raja-raja Palembang hingga sampai Kota Palembang terserah kepada kerajaan Belanda.

urusan yang berkaitan dengan pelabuhan Palembang diambil alih oleh pihak mereka. Sumber kewangan kerajaan dari sektor perdagangan pelabuhan juga diambilalih oleh Belanda. Ini menambahkan kesukaran kepada Kesultanan Palembang.

Tindakan kuasa penjajah memutuskan bantuan terpenting Sultan Palembang dengan meletakkan wilayah uluan di bawah pentadbiran langsung Belanda merupakan antara penyumbang terbesar kepada kelemahan ekonomi negeri tersebut. Ini menyebabkan Sultannya, Ahmad Najamuddin IV tidak lagi mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi bagi membiayai pemerintahannya. Ketika era Kesultanan Palembang, masyarakat uluan melakukan perdagangan dengan kerajaan melalui wakil sultan yang ditempatkan di setiap kawasan luar bandar. Barangan tersebut kemudiannya itu dibawa ke ibukota (Palembang) untuk diperdagangkan. Setelah Palembang dikuasai Belanda sistem itu dihapuskan dan digantikan dengan sistem kalangan, iaitu sistem perniagaan yang berbentuk pasar yang diadakan pada hari tertentu dan kawasan tertentu pula. Dalam sistem kalangan ini terjadi transaksi jual beli secara langsung antara peniaga dan pembeli.

Palembang seterusnya bukan sahaja merupakan sebuah ibukota kerajaan tetapi juga merupakan pusat perdagangan. Bandar ini menjadi pusat pertemuan para peniaga dari wilayah uluan untuk memasarkan barangan mereka. Palembang menjadi pusat perekonomian yang kendalikan oleh Belanda. Ketika pentadbiran van Sevenhoven, beliau telah menyusun dan mengawasi aktiviti perniagaan di sini. van Sevenhoven melantik kapitan Cina iaitu Lim Bon Kwee untuk menjalankan

pungutan cukai dagangan.[284] Sejak itu, etnik Cina mula mendapat kedudukan yang lebih baik dari pihak Belanda. Bahkan setelah penghapusan kesultanan Palembang 1825, masyarakat Cina telah dibenarkan oleh Belanda untuk tinggal dan bermukim di daratan khususnya kawasan bandar.

Bagi membolehkan Sultan Najamuddin IV Prabu Anom mempertahankan pemerintahannya, baginda menggunakan diplomasi secara rundingan dengan menghantar surat kepada Gabenor Jeneral Belanda di Batavia, Baron Van der Capellan pada 13 Rajab 1238 (26 Mac 1823). Antara isi kandungan surat tersebut ialah permohonan untuk mengadakan perdagangan gerabah dan seramik di Jawa. Selain itu beliau juga menghantar permohonan kepada Belanda untuk meminjam modal dan pengurangan cukai perdagangan.[285] Melihat kepada isi kandungan surat ini, jelaslah betapa miskinnya raja Palembang setelah kesultanan tersebut dikuasai Belanda. Kehidupannya sangat bergantung kepada belas kasihan Belanda. Penghasilan Sultan melalui perdagangan dan cukai sudah beralih ke pihak Belanda. Kedudukan Sultan pun bergantung kepada keputusan pentadbiran Belanda.

Pihak Belanda tidak memberikan sebarang balasan atau jawapan terhadap surat beliau. Langkah seterusnya diambil Najamuddin IV ialah menghantar utusan rasmi untuk menyampaikan surat yang kedua kepada van der Capellan. Dua orang utusan yang dihantar ke Batavia tersebut ialah Pangeran Perabu Negara dan Kemas Demang Jaya Wikana. Keenganan Belanda memberi jawapan kepada permintaan Najamuddin IV tersebut didorong oleh strategi kuasa penjajah tersebut yang ingin

[284] ANRI. Bundel Palembang No.33, tanggal 12 April 1823
[285] ANRI, Bundel surat-surat Palembang. .

menjadikan beliau sentiasa bergantung kepada kuasa penjajah tersebut. Ini merupakan helah Belanda untuk memastikan Sultan Palembang sentiasa mematuhi kehendak Belanda. Kelemahan ekonomi yang dihadapi oleh Kesultanan Palembang setelah dikuasai Belanda ini menyebabkan institusi tersebut tidak mampu menjalankan peranannya sebagaimana sebelumnya. Ini menyebabkan pengaruhnya terhadap rakyat juga mulai terhakis.

5.6.3 Bidang Pertahanan

Kegagalan mempertahankan kedaulatan Palembang dalam Perang dengan Belanda pada 1821, turut melumpuhkan pertahanan kesultanan tersebut. Kejayaan Belanda menghancurkan pusat pertahanan strategik Palembang khususnya benteng utama mereka yang merupakan faktor penting yang membawa kepada kekalahan kerajaan tersebut. Antara benteng utama yang dihancurkan termasuklah, benteng manguntama, benteng pertahanan yang berada di Pulau Kembara, dan benteng yang berada tepian sungai Musi dan di luar bandar Palembang. Setelah kejayaannya menghancurkan pertahanan benteng tersebut, Belanda turut merampas semua peralatan perang milik Palembang. Laporan yang diperolehi daripada dokumen Belanda menyatakan lebih dua ratus meriam dirampas daripada benteng Pulau Kembara, Plaju dan Benteng Kuto Besak[286] Tindakan melumpuhkan pertahanan Palembang ini bertujuan bagi memastikan kerajaan tersebut tidak mampu lagi membina kekuatan untuk masa hadapan. Bagi menghapuskan kepemimpinan

[286] Bataviasch Courant, 11 Juli 1821.

ketenteraan Kesultanan Palembang, Belanda juga memenjarakan pemimpin tentera yang enggan menyertai pasukan kolonial selain daripada dikenakan tindakan dibuang ke daerah lain. Terdapat juga pemimpin tentera yang menyertai Sultan Mahmud Badaruddin II menjalani pembuangan di Ternate.

Langkah melumpuhkan pertahanan Kesultanan Palembang juga dilaksanakan dengan membubarkan pasukan tentera sukarelawan atau pasukan tentera tidak rasmi kesultanan tersebut. Keadaan ini juga menyebabkan terdapat dalam kalangan pasukan yang membubarkan diri dan kembali ke tempat asalnya setelah Badaruddin II diasingkan ke Ternate. Askar-askar ini kembali kepada para Pangeran yang menghantarnya atau yang melindunginya. Selepas kekalahan tersebut juga, tiada lagi tokoh pemimpin baru dalam kalangan Pangeran yang berani menentang Belanda. Rakyat Palembang juga yakin bahawa hanya mereka yang dari keturunan Sultan sahaja yang mampu memimpin mereka untuk melakukan penentangan tersebut. Ini berdasarkan keyakinan terhadap kedudukan Sultan sebagai wakil Tuhan dan sudah pasti mempunyai karisma yang luar biasa serta tidak dimiliki oleh masyarakat biasa.

5.6.4 Kesan Terhadap Bidang Sosial Budaya

Selepas perang 1821, pihak Belanda menduduki Keraton Palembang dan menjadikannya sebagai pangkalan tentera Belanda. Keraton turut digunakan Belanda sebagai tempat kediaman komisaris dan para pegawainya. Keadaan ini

telah mengubah pandangan rakyat terhadap keraton yang sebelumnya merupakan simbol kekuasaan raja kini menjadi pusat pentadbiran kolonial Belanda. Perubahan fungsi Keraton ini telah mematikan amalan adat dan budaya yang dikembangkan dalam lingkungan keraton. Keraton yang sebelumnya menjadi tempat perjumpaan para elite pemerintahan atau birokrasi Kesultanan Palembang kini telah hilang fungsi tradisionalnya itu.

Penyelidikan dan kegiatan keagamaan yang biasanya dilakukan di dalam masjid dan keraton secara bebas telah dibatasi oleh Belanda. Keraton tak boleh lagi digunakan untuk kegiatan keagamaan setelah dijadikan pusat pentadbiran kolonial. Ini memberi kesan kepada kemerosotan peranan dan kegiatan ulamak Islam di sana. Ini menyebabkan para ulamak mula berpindah ke kawasan yang lebih sesuai seperti Sumatera Barat sekitar abad ke 19. Para ulamak yang masih kekal di sini meneruskan kegiatan penyebaran syiar Islam dengan menjadikan rumah mereka sebagai pusat kegiatan Islam. Aktiviti keagamaan seperti ceramah agama di rumah para ulamak ini dikenali sebagai Cawisan oleh masyarakat setempat.

Selain daripada keraton, rumah di kawasan sekitarnya turut dirampas oleh Belanda. Rumah yang berada di dalam kawasan keraton dan sekitarnya yang sebelumnya didiami oleh golongan ningrat, kini menjadi tempat tinggal tentera Belanda. Pemerintah kolonial Belanda turut merancang untuk mendirikan benteng yang berdekatan dengan Benteng Kuto Besak. Namun ia tidak diteruskan kerana perbelanjaannya yang terlalu besar. Demikian pula plan Belanda untuk membangun rumah untuk Residen Belanda di kawasan seberang hulu juga gagal dilakukan, kerana kerajaan Palembang tidak memiliki dana. Usaha utusan yang dihantar Sultan

Najamuddin IV ke Batavia tidak berjaya mendapatkan pinjaman dana dari Gunadur Jeneral. [287] Belanda akhinya mengalihkan pembangunan rumah Residen itu dengan menghancurkan keraton kuto lamo yang berjarak sekitaran 500 meter dari Keraton Kuto Besak. Di atas puing bangunan keraton itu kemudian dibangunlah rumah Residen Belanda. Oleh itu dengan kejatuhan kesultanan Palembang, telah menyebabkan wilayah dan masyarakat di sana turut kehilangan identiti dan simbol kesultanannya.

Pola kependudukan masyarakat Palembang juga mula berubah berikutan kejatuhan keraton Palembang ke tangan Belanda. Pola kependudukan yang selama ini berpusatkan keraton telah berubah menjadi terpisah-pisah dan tersebar ke kawasan luar bandar. Perkembangan ini menyebabkan komunikasi dan interaksi antara masyarakat Palembang terbatas, dan amalan budaya keraton semakin disisihkan. Usaha menghapuskan identiti masyarakat Palembang, Belanda turut menghapuskan nama kampung tradisional Palembang serta menggantinya dengan sistem angka. Palembang dibahagikan kepada wilayah hilir dan hulu manakala nama kampung digantikan dengan angka seperti Kampung Palembang lamo berganti nama kampung 3 hilir, Kampung Suak Bato menjadi kampung 26 hilir, Kertapati berubah kepada kampung 1 hulu, dan sungei lumpur menjadi kampung 10 hulu. Penguasaan Belanda ke atas Palembang ini bukan sahaja memberi kesan kepada politik dan ekonomi tetapi juga sosio-budaya masyarakat yang menjadi tunggak kepada kekuatan Kesultanan Palembang.

[287] Naskah Hadjerat Raja-raja Palembang hingga sampai Kota Palembang yang diserahkan kepada kerajaan Belanda.

5.7 Kebangkitan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom

Berikutan sokongan dan kerjasama Najamuddin II dan puteranya terhadap Belanda, Prabu Anom seterusnya ditabalkan sebagai Sultan Palembang dengan Gelaran Sultan Ahmad Najamuddin. Beliau menggantikan Sultan Mahmud Badaruddin II yang tinggal dalam buangan di Ternate. Upacara penobatannya pada 16 Julai 1821 seolah-olah merupakan pengiktirafan Belanda terhadap kewujudan kerajaan Palembang. Pada dasarnya Belanda menggunakan strategi tersebut bagi mengelakkan kebangkitan masyarakat tempatan sekiranya institusi tersebut dihapuskan secara tergesa-gesa. Perlantikan Sultan Prabu Anom yang menggantikan Sultan Badaruddin II adalah atas percaturan kuasa kolonial yang membawa makna tersirat iaitu peralihan kuasa secara langsung daripada kesultanan kepada Belanda.

Belanda mengakui tentang kewujudan kerajaan Palembang, namun kedaulatannya telah dirampas oleh kuasa penjajah tersebut. Ini menyebabkan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom menjadi sultan yang tidak mempunyai kuasa ke atas negerinya. Hasrat Prabu Anom untuk berkuasa penuh ke atas Palembang setelah dinobatkan sebagai Sultan tidak kesampaian. Beliau hanyalah sultan secara simbolik kepada sebuah kerajaan yang sudahpun ditaklukkan sepenuhnya. Keadaan ini amat mengecewakan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom kerana beliau seperti ditipu oleh Belanda.

Pada 18 Ogos 1823 satu perjanjian telah dimeteri oleh Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom dengan Belanda. Kandungan perjanjian itu berbunyi:

(1) Kekuasaan Sultan baik di bidang pemerintahan, keamanan, keadilan dan cukai dihapuskan.

(2) Sultan hanya berkuasa dalam bidang undang-undang agama, yang menangani masalah perkahwinan, perceraian dan waris. Pelaksanaan tugas tersebut diserahkan kepada seorang pangeran.

(3) Apabila sesuatu perkara tidak dapat diselesaikan oleh pegawai yang berkaitan, perkara tersebut boleh dirujuk kepada Sultan.

(4) Sultan akan memperoleh pendapatan berupa bayaran bulanan sebanyak 1000 dollar Sepanyol, dengan kenaikan mencapai 500 dollar Sepanyol.

(5) Kedudukan Sultan dalam mahkamah sivil adalah di bawah pegawai pemerintah Belanda.[288]

Berdasarkan kepada isi kandungan perjanjian itu, jelaslah bahawa kekuasaan politik dan ekonomi Sultan ke atas negeri Palembang sudah tidak ada lagi, bahkan kedudukan Sultan berada lebih rendah daripada pegawai sivil pemerintah Belanda. Keadaaan tersebut terpaksa diterima oleh Sultan, kerana beliau sudah tiada mempunyai sebarang kekuatan lagi. Sementara itu Sultan dan para bangsawan hanya menerima pendapatan daripada kerajaan Belanda dengan jumlah yang agak kecil. Keterbatasan bertindak dan hilangnya hak kesultanan menyebabkan timbul keresahan Sultan terhadap Belanda. Dalam situasi yang demikian Ahmad Najamuddin Prabu Anom terpaksa menetapkan sikapnya terhadap Belanda.

[288] ANRI, Bundel Palembang No.3

Menyedari hakikat tersebut, Sultan telah membuat keputusan untuk menyerahkan kuasanya ke atas Palembang kepada Pemerintah Belanda. Keputusaan Sultan itu tertulis dalam Maklumat Penyerahan Kekuasaan Sultan Kepada Pemerintah Belanda yang dikeluarkan pada 11 Zulhijah 1238 H, atau 20 Ogos 1823.[289] Selepas penyerahan kekuasaan tersebut, Sultan enggan terlibat dalam segala masalah pemerintahan kesultanan Palembang. Seterusnya bagi mengendalikan pemerintahan Palembang, Residen Belanda melantik Pangeran Keramajaya sebagai Perdana Menteri. Perlantikan Keramajaya sebagai Perdana Menteri kelihatan sebagai satu usaha Belanda untuk menamatkan keterlibatan keturunan Najamuddin II dan Badaruddin II dari pemerintahan Palembang.

Keputusan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom untuk menyerahkan kekuasaan pemerintahan kepada Belanda merupakan suatu kesilapan yang besar. Keputusan itu kelihatan hanya didasari oleh faktor emosional, kerana ia dikeluarkan dalam tempoh dua hari setelah termeterinya perjanjian dengan Belanda. Tindakan tersebut telah meletakkan kedaulatan ke atas Palembang berada sepenuhnya di tangan Belanda. Keputusan itu telah menamatkan kemungkinan untuk kebangkitan kembali kesultanan Palembang dan ia juga bertentangan dengan perutusan pemerintah Belanda yang disampaikan ketika majlis penobatannya. Perutusan tersebut antara lain menyatakan keturunan dari Badaruddin II tidak dibenarkan untuk menjadi Sultan, namun keturunan Ahmad Najamuddin II dibenarkan untuk meneruskan pemerintahan

[289] Naskah Asli Penyerahan kekuasan Sultan kepada pemerintah Belanda tertulis dalam huruf Arab Melayu Salinan naskah tersebut dapat dilihat pada lampiran. Dalam naskah Ternate 1, yang berjudul *Riwayat Singkat dari Kerajaan Palembang* disebutkan bahawa selain penyerahan kuasa pemerintahan Najamuddin IV mengajukan permintaan pada Belanda gaji sebesar f. 2500 dan wang belanja secukupnya untuk setiap priyayi Palembang. Cadangan ini telah dipenuhi oleh Belanda dengan kadar gaji yang berbeza mengikut jawatan yang dipegang oleh priyayi itu setelah penyerahan pemerintahan oleh Najamuddin IV. Contohnya Pangeran Keramjaya yang menjadi Perdana Menteri dengan gaji f.500 setiap bulan, Pangeran Penghulu Nato Agamo bergaji f.150 sebulan.

kerajaan Palembang. Keadaan ini memberi peluang kepada Belanda untuk membubarkan kesultanan Palembang. Namun kesempatan itu tidak dilakukan oleh Belanda, atas pertimbangan aspek keamanan dan ketenteraman Palembang. Pembubaran institusi kesultanan ketika itu akan memungkinkan timbulnya gerakan penentangan secara besar-besaran daripada rakyat dan keluarga Sultan (para bangsawan).

Penyerahan kekuasaan yang dilakukan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom kepada Belanda tidak dapat menyelesaikan masalah. Sebaliknya ia memberikan akibat kepada Sultan yang harus ditanggung iaitu, pertama; Sultan perlu mematuhi semua peraturan yang ditetapkan Belanda. Kedua; Sultan terpaksa berhadapan dengan golongan yang tidak menyetujui (terutama bangsawan) tindakan tersebut. Golongan ini merasa rugi, kerana hak-hak istimewa yang sebelumnya mereka miliki seperti pemungutan cukai akan hilang. Para bangsawan yang rapat dengan Najamuddin IV, seperti Pangeran Puspa Cengot dan Pangeran Catra Putang mengemukakan pendapatnya kepada Najmuddin IV agar mengadakan penentangan terhadap Belanda. Menurut kedua Pangeran itu, Belanda telah memberikan kedudukan yang sesuai kepada Ahmad Najamuddin IV yang merupakan Sultan dan Ahmad Najamuddin II selaku Susuhunan berbanding dengan kedudukan dan kekuasaan Wakil Pemerintah Belanda di Palembang. Susuhunan mukim diberi rumah yang kecil dan tidak sesuai di Soak Bato, sedangkan Susuhunan adalah pemilik kerajaan. Demikian juga Sultan Ahmad Najamuddin IV hanya tinggal di Kampung Sekanak dan tidak mempunyai

kuasa sebagai Sultan. Sementara Wakil Pemerintah Belanda bermukim di keraton milik kerajaan Palembang dan berkuasa penuh ke atas negeri Palembang.[290]

Tekanan ini menyebab Sultan memutuskan untuk melancarkan penentangan kepada Belanda. Namun apa yang dilakukan Sultan tidak memberi sebaran kesan kepada kuasa penjajah tersebut. Ini kerana, ketika itu Belanda sedang berada di puncak kekuasaan ke atas Palembang. Kekuatan ketenteraan penjajah tersebut di Palembang sangat besar, sementara Najamuddin yang melakukan penentangan tidak mempunyai kekuatan ketenteraan yang setanding dengan lawannya. Ini kerana sokongan yang diharapkan Najamuddin IV dari kawasan uluan tidak mendapat sambutan kerana rakyat di kawasan tersebut melihatnya sebagai raja yang pro Belanda. Akibatnya gerakan penentangan yang dibangkitkan kepada masyarakat uluan tak mendapat reaksi yang positif. Sebaliknya Najamuddin IV terpaksa berpindah-randah kerana dikejar oleh pasukan Belanda. Kekurangan dana kewangan serta jumlah tentera serta peralatan yang kurang menjadikannya terlalu lemah untuk berhadapan dengan tentera penjajah. Sebaliknya Belanda yang bukan sahaja mempunyai kekuatan dari segi kewangan dan peralatan peperangan, tetapi juga mendapat sokongan dari para Pangeran yang sudah berpihak kepada Belanda.

Pada 22 November 1824, Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom dengan pengetahuan Susuhunan Husin Dhiauddin melakukan serangan ke atas Keraton yang menjadi tempat tinggal Residen. Namun serangan tersebut berjaya dipatahkan oleh Belanda yang memang telah mempersiapkan diri menanti serangan tersebut.

[290] Naskah Riwayat Singkat dari Kerajaan Palembang. Naskah asli dalam bentuk tulisan hurup Arab melayu, sudah tidak ada lagi. Naskah yang diperoleh adalah salinan dari naskah aslinya. Sayangnya pada naskah ini siapa penulis dan tahun berapa naskah sebenarnya tidak dapat dibaca. Pemilik Naskah ini adalah Raden Cik, salah satu zuriat dari Sultan Mahmud Badaruddin II di Ternate.

Akibatnya ramai kalangan pengikut Sultan Ahmad Najamuddin IV yang terkorban. Selain daripada jumlah pengikut dan kelengkapan perang yang sedikit, kegagalan ini juga disebabkan pihak Belanda telah mendapat maklumat tersebut terlebih dahulu daripada Pangeran Depati Abdurrahman dan Pangeran Dipati Jayaningrat.[291] Belanda menggunakan alasan keterlibatan dalam serangan tersebut untuk menangkap Susuhunan Ahmad Najamuddin II dan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom. Susuhunan berjaya ditangkap dan kemudian dibuang ke Batavia pada tanggal 6 Desember 1824.[292] Beberapa bulan kemudian Susuhunan Ahmad Najamuddin II meninggal dunia pada 21 Februari 1825.[293]

Sementara itu usaha Belanda untuk menangkap Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom mengalami kegagalan. Ini membolehkan Sultan bersama pengikutnya kemudian melarikan diri ke pedalaman dan mengadakan penentangan secara gerila di daerah sekitar Muara Beliti. Perang tersebut dilakukan selama lebih lapan bulan. Bagi menumpas penentangan tersebut, Belanda menghantar pasukan yang dipimpin oleh Pangeran Depati Muda (sodara Susuhunan), yang sebelumnya dijanjikan jawatan Sultan Palembang sekiranya berjaya menamatkan kebangkitan tersebut. Dalam pertempuran di Muara Beliti, Ahmad Najamuddin IV mengalami kekalahan, sehingga terpaksa mengundurkan diri dan bertahan di daerah hulu sungai Ogan dan Lematang. Selain itu ia juga berusaha mendapatkan sokongan dari daerah

[291] Pangeran Depati Abdurrahman adalah saudara Susuhunan Ahmad Najamuddin II atau bapa saudara kepada Ahmad Najamuddin Prabu Anom, sedangkan Pangeran Dipati Jayaningrat adalah saudara kepada Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom. Pangeran Jayaningrat dalam tahun 1819 dijanjikan oleh Belanda untuk menjadi Sultan Palembang bila Belanda memenangkan perang dengan Palembang pada tahun itu. Namun kerana Belanda gagal mengalahkan Palembang, maka Pangeran Jayaningrat gagal pula untuk menjadi raja Palembang. Lihat Naskah Asal-usul Raja-raja Palembang.
[292] The Asiatic Journal Vol 17 menyebutkan selain Susuhunan Ahmad Najamuddin II, juga ditangkap 14 orang pengikutnya dan dibawa ke Batavia dengan kapal The Dolphin
[293] ANRI, Bundel Palembang No.50.2

Pasemah. Pangeran Depati Muda terus memburu Ahmad Najamuddin IV, namun ketika usaha tersebut dijalankan beliau jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia.

Selepas kematian Pangeran Depati Muda, usaha memburu Ahmad Najamuddin IV terus dilakukan oleh pasukan pimpinan Rangga Wirasentika. Usaha pencarian tersebut membawa kepada pertempuran dengan pengikut setia Ahmad Najamuddin IV di dusun Limbun. Dalam pertempuran tersebut Pangeran Jayadilaga yang mempertahankan Ahmad Najamuddin IV telah gugur. Penyokong Sultan juga semakin hari semakin berkurangan dan ini memaksa beliau mencari sokongan daripada rakyat uluan khususnya di daerah Pasemah. Walau bagaimanapun, usaha tersebut menemui kegagalan kerana ketua suku Pasemah iaitu Pangeran Bajan telah termakan hasutan Rangga Wirasentika supaya menentang Sultan Ahmad Najamuddin IV. Ini menyebabkan Sultan meneruskan perjalanan di daerah hulu Ogan untuk mencari sokongan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Belanda menghapuskan gerakan penentangan yang diketuai oleh Najamuddin IV. Pertama; kuasa tersebut mengerahkan pasukan yang besar dan semua *pancalang* untuk melancarkan rondaan di sungai. Langkah ini berikutan laluan sungai merupakan jalan utama yang digunakan untuk mengejar Najamuddin Prabu Anom. Kedua; melibatkan para bangsawan dan Depati di daerah uluan untuk membantu ekspedisi memburu Najamuddin IV Prabu Anom. Bangsawan yang terlibat dalam ekspedisi tersebut termasuklah Pangeran Adipati Abdulrahman, Pangeran Suradilaga, Pangeran Purbayo, Demang Buncul, Tumenggung Kartanegara, Raden Muin dan Kranggaunut. Bangsawan dari daerah *uluan* yang turut membantu ialah Pangeran Pulau Panggung.

Langkah ketiga adalah mendekati para pasiran dan proatin di daerah uluan untuk memujuk Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom agar bersedia menyerahkan diri kepada Belanda, kerana matlamat kuasa tersebut ialah untuk menangkap dan seterusnya dipindahkan keluar daripada Palembang.

Belanda mengarahkan agar Najamuddin Prabu Anom ditangkap hidup-hidup dan berusaha mengelakkan pertempuran yang menyebabkannya terbunuh. Strategi tersebut adalah bagi mengelakkan kemunculan gerakan penentangan yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat Palembang dan uluan. Kebimbangan ini berikutan kedudukan Ahmad Najamuddin IV sebagai Sultan Palembang yang masih mempunyai pengikutnya secara langsung atau daripada golongan yang berusaha mempertahankan institusi kesultanan tersebut. Langkah keempat adalah menghantar pasukan perisik untuk menjejaki gerak geri Sultan dan mendapatkan maklumat tentang kekuatannya. Mereka yang dipilih untuk menjalankan tugas tersebut kebanyakannya dalam kalangan keluarga Keraton.

Dalam perjalanan melalui Sungai Ogan, Sultan bertemu dengan Tumenggung Mahidin yang seterusnya memujuknya untuk kembali ke Palembang. Tawaran tersebut diterima Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom setelah menyadari akan kekuatannya yang terbatas.[294] Perjalanan ke Palembang dilakukan dengan menggunakan perahu Tumenggung Mahidin dengan disertai oleh Pangeran Jayadiraja Cengot dan Masagus Abdul Jamil.

[294]Temenggung Mahidin adalah Kepala Divisie Ogan Ulu yang dibentuk oleh Belanda setelah berakhirnya perang tahun 1821. Ogan Ulu terletak sekitar 240 km sebelah selatan daripada Palembang. Tumenggung pada masa kesultanan bertugas mengurusi pentadbiran daerah atau semacam kepala kawasan setempat.

Rombongan yang membawa Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom tersebut tiba di Palembang pada 9 Ogos 1825. Memandangkan Sultan Ahmad Najamuddin IV melancarkan gerakan penentangan ke atas pemerintah Belanda di Palembang, beliau sepatutnya diadili oleh pengadilan wilayah tersebut. Persidangan mahkamah memutuskan bahawa Sultan didapati bersalah kerana menentang Belanda dan dijatuhi hukuman buang negeri dan dikehendaki menjalankan kerja paksa. Sultan juga dilayan sebagai tawanan dan tidak dibenarkan untuk berhubung dengan sesiapa pun. Pemerintah Belanda mengeluarkan Surat Keputusan No. 140, bertarikh 7 Oktober 1825. Isi kandungan surat keputusan tersebut menyatakan, Sultan bersama empat belas pengikutnya yang lain dihantar ke Batavia menggunakan kapal perang *Lijnx*. Keputusan itu dilakukakan berikutan penangkapan terhadap Sultan pada 15 Oktober 1825. Seterusnya Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom dibawa ke Batavia pada 20 Oktober 1825. Seterusnya pada 5 November 1825 Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom dihantar ke Banda. Ketika di sana, beliau akan mendapat bayaran sebanyak 30 Guilder sebulan. Memandangkan keberadaannya di sana masih dianggap membahayakan Belanda, pada 1841 beliau dipindahkan ke Manado sehingga akhir hayatnya pada 1844. [295]

[295]. Ada tiga orang Sultan Palembang yang dibuang ke luar Palembang, iaitu Sultan Mahmud Badaruddin II, dan putranya Sultan Ahmad Najamuddin (III) Pangeran Ratu dibuang ke Ternate. Makamnya terdapat di perkampungan Palembang Ternate (Maluku Utara). Sultan Ahmad Najamuddin II dibuang ke Batavia (Jakarta), makamnya di Jakarta, kemudian di pindahkan ke Palembang. Sultan Ahmad Najamuddin (IV) Prabu Anom dibuang ke Menado (Sulawesi Utara) dan dimakamkan di Menado. Namun sampai saat ini keberadaan tempat makam Sultan Ahmad Najamuddin (IV) Prabu Anom belum ditemukan. Sementara itu pembantu-pembantu Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom yang ikut berjuang menentang Belanda ditangkap dan dijatuhi hukuman oleh pemerintah Belanda. Empat orang pembantu Sultan, yaitu Pangeran Jayadiraja Cengot, Masagus Jamil, Kemas Usman dan Pujang dijatuhi hukuman mati yang dilaksanakan pada tanggal 17 Agustus dan 6 September 1826. Pengikut Ahmad Najamuddin IV lainnya yang berjumlah 34 orang dijatuhi hukuman seumur hidup.

Selepas Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom tertangkap, Belanda menganggap tiada lagi tokoh yang berani melawan Belanda di Palembang. Para Pangeran yang berada di sana memberikan sokongan kepada pemerintah kolonial Belanda. Berikutan pembuangan Sultan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom, pemerintah Belanda membubarkan kesultanan Palembang secara rasmi dan seterusnya menjadikan wilayah tersebut sebagai daerah keresidenan. Ini telah menempatkan Palembang ditadbir secara langsung oleh Gabenur Hindia Belanda. Dengan terhapusnya kesultanan Palembang, maka tiada ada lagi peluang keturunan Sultan Ahmad Najamuddin II mahupun Sultan Mahmud Badaruddin II yang menjadi Sultan Palembang yang berkuasa politik di negeri tersebut sehingga kini.

5.8. Rumusan

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, jelaslah terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan Palembang dalam perang 1821. Faktor tersebut ialah kegagalan Badaruddin II mengambil pengajaran daripada kekalahan beliau dalam perang sebelumnya yang bukan disebabkan oleh kelemahan strategi pertahanan Palembang tetapi tipu helah Belanda. Dalam perang sebelum ini, Badaruddin II kalah dengan tipu helah Belanda yang bersetuju dengan gencatan senjata pada bulan Ramadhan. Kegagalan kali ini pula adalah kesilapan beliau yang menjangkakan Belanda tidak akan melancarkan perang pada hari kebesaran Kristian iaitu Ahad.

Faktor kedua pula ialah, sikap Badaruddin II yang berusaha mempertahankan kedaulatannya dengan mengutamakan diplomasi rundingan atas dasar sama taraf. Sedangkan Belanda sentiasa menganggap Palembang sebagai naungannya setelah kejayaannya menguasai Batavia.

Faktor ketiga ialah kegagalan Badaruddin dalam mengambil tindakan sewajarnya terhadap adiknya yang membelot ketika kedatangan British menyebabkan strategi pertahanan beliau dengan mudah diketahui Belanda. Palembang sememangnya mempunyai kekuatan pertahanan baik dari strategi dan peralatan yang pada dasarnya mampu menyokong diplomasi rundingan disamping diplomasi ketenteraan. Walau bagaimanapun, kegagalan Badaruddin II, melakukan apa yang sepatutnya kepada pembelot iaitu adiknya Najamuddin II, telah menyebabkan tokoh tersebut sentiasa dipergunakan Belanda untuk memecah belahkan istana Palembang selain mendapatkan maklumat pertahanan negeri tersebut. Perpecahan dalam istana Palembang turut mempengaruhi rakyatnya. Konflik kekeluargaan istana ini dipergunakan oleh Belanda untuk merosakkan sistem penggantian Kesultanan Palembang yang seterusnya membawa kepada kekalahannya dalam perang 1821. Ini merupakan elemen terpenting kepada runtuhnya kesultanan Palembang kerana rahsia kekuatan negeri tersebut diketahui sepenuhnya oleh keluarga DiRaja. Apabila pertelingkahan wujud dalam kalangan mereka menyebabkan rahsia strategi tersebut dengan mudah jatuh ke tangan penjajah yang menjanjikan jawatan tersebut kepadanya. Perpecahan dalam istana boleh dianggap sebagai jalan kehancuran institusi terpenting Palembang tersebut sehingga berakhir dengan penguasaannya oleh penjajahan Belanda.

Berikutan penurunan Sultan Mahmud Badaruddin II daripada takhta Kesultanan Palembang, Pangeran Prabu Anom telah diangkat menjadi Sultan Palembang dengan gelaran Sultan Ahmad Najamuddin (IV) atau Sultan Ahmad Najamudin Prabu Anom, dan Ahmad Najamuddin (II) diangkat menjadi Susuhunan Husin Diahuddin. Sejak itu, Belanda telah melaksanakan pelbagai perubahan terhadap pentadbiran Palembang yang bertujuan untuk menamatkan sebuah kesultanan yang berdaulat. Walaupun kejayaan Sultan Ahmad Najamudin Prabu Anom menaiki takhta Palembang dilihat seperti satu pengiktirafan Belanda terhadap penerusan Kesultanan Palembang, tetapi pada hakikatnya ia merupakan tipu helah kuasa tersebut untuk memastikan kemenangannya dalam menjatuhkan Sultan Badaruddin II. Penurunan Badaruddin II dari takhta Palembang pada dasarnya bolehlah dianggap mengakhiri riwayat kesultanan tersebut. Ini berdasarkan kepada, dasar Belanda yang tidak lagi menganggap Palembang sebagai sebuah negeri yang tersendiri tetapi merupakan sebuah wilayah yang ditadbir di bawah pentadbiran Belanda yang berpusat di Palembang.

BAB 6

KESIMPULAN

Peperangan menentang Belanda pada tahun 1821, merupakan penutup kepada segala kejayaan Palembang sebelum ini. Berdasarkan kepada prestasi pertahanan Palembang, pertahanannya ketika Perang 1821 jauh lebih kuat jika dibandingkan dengan peperangan 1819. Kekalahan Palembang ke atas Belanda dalam perang tahun 1821 diikuti dengan pertabalan Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom sebagai sultan menggantikan Badaruddin II merupakan permulaan kepada kejatuhan Palembang sebagai sebuah kerajaan Islam yang berdaulat. Ini kerana, kejayaan Najamuddin IV menaiki takhta adalah tidak mengikut adat istiadat Kesultanan Palembang sebaliknya melalui sokongan Belanda. Ini menyebabkan segala dasar selepas itu perlu mematuhi

garis panduan yang ditetapkan Belanda. Dalam ertikata lain, Kesultanan Palembang selepas Badaruddin II hanya bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan Belanda dan bukannya untuk memenuhi keperluan tanggungjawab terhadap negeri dan rakyat seperti sebelumnya.

Sejarah perkembangan pengaruh Barat di Palembang bukanlah perkara baru malah bermula sejak sebelum British lagi iaitu zaman Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Usaha melemahkan Palembang bermula setelah kedatangan kuasa British bagi menggantikan Belanda sebagai penguasa kepada wilayah Hindia Timur Belanda di Nusantara. Berikutan kesukaran yang dihadapi oleh British untuk mengalahkan Sultan Badaruddin II secara ketenteraan, mereka telah menggunakan tektik merasuah keluarga DiRaja Palembang yang juga merupakan kepala pertahanan utama Kesultanan Palembang. Isu dalam keluarga DiRaja Palembang yang reka cipta oleh British ketika menguasai Palembang 1812, terus dipupuk dan dimanfaatkan oleh Belanda sebagai bahan untuk menjatuhkan kuasa raja-raja Palembang setelah Belanda menerima Palembang dari tangan British, 1816. Isu dalaman istana ini dikembangkan lagi oleh Belanda sehingga akhirnya menjadi konflik perebutan takhta Palembang. Konflik ini menjadi titik kelemahan kepada kerajaan Palembang. Selain itu beberapa persoalan lain, seperti kekuatan pertahanan yang semakin menurun, sokongan daripada rakyat ke atas raja yang berkuasa dan usaha penentangan yang dilakukan oleh Ahmad Najamuddin IV Prabu Anom menjadi penggerak kepada dasar politik kolonial Belanda untuk membubarkan Kesultanan Palembang.

Persoalannya adalah mengapa Kesultanan Palembang dibubarkan atau dimansuhkan oleh Belanda? Berdasarkan kepada perbincangan sebelumnya Pemansuhan Kesultanan Palembang ini seiring dengan penangkapan Sultan Ahmad Najamuddin IV yang melancarkan penentangan ke atas Belanda. Dengan pemansuhan ini, Palembang menjadi sebahagian daripada kawasan yang ditadbir secara langsung oleh Belanda yang dipimpin oleh sorang Residen. Melalui pemansuhan institusi kesultanan di Palembang ini juga telah menutup peluang kemunculan sultan baru di negeri tersebut baik daripada keturunan Najamuddin II mahupun Badaruddin II. Apa yang terjadi di Palembang berbeza dengan yang terjadi kepada kerajaan lain terutamanya di Jawa. Meskipun penentangan terhadap Belanda turut dilakukan oleh pemimpin kerajaan lain di Nusantara, kerajaan tersebut tidak dimansuhkan sebagaimana Palembang sebaliknya hanya berlaku penggantian sultan atau raja yang boleh bekerjasama dengan kuasa tersebut.

Belanda pernah melalui pengalaman getir dalam memastikan kesultanan terkaya tersebut dapat ditumpaskan. Pengalaman tersebut memperlihatkan keunikan pertahanan Palembang merupakan sesuatu yang paling digeruni dan sukar ditembusi walaupun dengan kelengkapan perang yang hebat. Pertahanan Palembang tidak hanya terletak di kotanya atau jalan masuk ke kotanya sahaja, malah bantuan juga boleh datang bila-bila masa dari daerah uluan (pedalaman) yang tidak kurang kuatnya. Berbeza dengan kesultanan di nusantara yang lain, kekuatan pertahanan Palembang juga terletak pada kewibawaan sultannya seperti Mahmud Badaruddin II. Oleh itu selagi kesultanan tersebut tidak dihapuskan, ancaman terhadap Belanda boleh hadir bila-bila masa sahaja dan dalam bentuk yang tidak terduga.

Penghapusan institusi kesultanan Palembang juga menyebabkan rakyat negeri tersebut akan menuruti sikap pemimpin mereka terhadap Belanda yang telahpun dilantik sebagai wakil pemerintahan kolonial. Usaha menghapuskan institusi tersebut menjadi lebih mudah apabila Sultan Ahmad Najamuddin IV, melancarkan penentangan terbuka kepada kuasa tersebut. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya untuk mematahkan penentangan oleh sultan yang diangkatnya itu serta menjadikannya alasan untuk membubarkan terus institusi Kesultanan Palembang. Dengan berakhirnya Kesultanan Palembang yang menjadi lambang kebanggaan rakyat negeri tersebut, menyebabkan masyarakat tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menerima kehadiran Belanda.

Sejak ditubuhkan Sultan Abdurrahman pada 1666, Kerajaan Palembang mengalami perkembangan yang pesat sehingga mencapai kemuncaknya ketika pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin Jayo Wikramo atau Sultan Mahmud Badaruddin I (1724 -1758). Pada abad ke-19, ketika Palembang diterajui Sultan Mahmud Badaruddin II hubungan yang baik dengan Belanda berubah menjadi permusuhan. Ini disebabkan oleh adanya keinginan Belanda untuk menaklukkan dan menguasai Palembang. Keinginan ini tidak dapat dipenuhi oleh Palembang yang ingin kekal bebas daripada sebarang pengaruh asing. Keadaan ini mencetuskan rasa tidak puas hati pihak Belanda yang selama ini sentiasa memperolehi kerjasama erat daripada Sultan Palembang, walaupun pada dasarnya perjanjian yang dimeterai tidak dipatuhi sepenuhnya. Kekuatan Palembang yang tidak hanya terletak pada strategi ketenteraan tetapi juga diplomasi dan kekuatan sistem tradisionalnya telah menyukarkan kuasa Barat untuk menguasainya. Ini menyebabkan kuasa tersebut kemudiannya menggunakan strategi politik dengan merosakkan sistem tradisional

Kesultanan Palembang bagi memastikan kekuatan ketenteraan menjadi semakin lemah. Ini memperlihatkan British dan Belanda berjaya menguasai sepenuhnya kesultanan tersebut melalui gabungan strategi diplomasi, politik dan ketenteraan.

Berdasarkan penyelidikan ini jelaslah bahawa Kesultanan Palembang merupakan salah satu kesultanan Melayu yang mampu bertahan dalam menghadapi serangan ketenteraan kuasa Barat bedasarkan sejarahnya berhadapan dengan British dan Belanda antara tahun 1666 hingga 1825. Selepas membebaskan diri daripada kekuasaan Mataram, Sultan Abdurrahman telah berjaya memimpin Palembang sehingga menjadi sebuah negeri yang makmur dari segi ekonomi, sosial dan politik. Kemakmuran tersebut dimantapkan lagi oleh kepemimpinan seterusnya sehinggalah ke zaman Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo. Era tersebut memperlihatkan Palembang berada di tahap paling mantap dengan kekuatan ekonomi dan ketenteraan yang kental serta sentiasa mendapat sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat baik di Kota Palembang mahupun daerah uluan. Kejayaannya bertahan sehingga lebih dari satu setengah abad (154 tahun) juga membuktikan keberkesanan strategi pertahanan, diplomasi dan keutuhan sistem politik tradisional Kesultanan Palembang.

Strategi pertahanan yang dimaksudkan ialah terdiri dari tiga aspek utama iaitu pertama; pengembelingan pembesar dan ketua suku dalam memimpin pasukan tentera masing-masing yang terdiri daripada seluruh masyarakat yang mendiami Palembang. Kedua; kewibawaan Sultan dalam membentuk sistem pertahanan yang mengembeling unsur kebijaksanaan lokal dalam memanfaatkan kedudukan geografinya dalam strategi pertahanan. Ketiga; membina jatidiri dan keutuhan masyarakat yang juga

tentera Palembang dengan penggunaan unsur spiritual dan keagamaan dalam membentuk sebuah angkatan tentera yang berani dan cekal serta komited terhadap perjuangan demi agama, bangsa dan negara.

Kemampuan raja-raja Palembang memperkukuhkan tradisi masyarakat yang sentiasa menumpukan ketaatsetiaan kepada raja dan negeri tersebut merupakan kaedah terpenting kepada pertahanannya. Ini menyebabkan negeri tersebut tidak perlu menubuhkan angkatan tentera di peringkat negeri tetapi hanya mengembeling tenaga rakyatnya untuk mempertahankan negara apabila terancam. Kekuatan pertahanan Palembang diletakkan kepada kepemimpinan masyarakat yang terdiri daripada Pangeran yang dilantik Sultan dan ketua suku. Strategi ini amat berkesan berdasarkan kepada kejayaan Badaruddin II dalam mempertahankan Palembang dari serangan Belanda. Strategi pertahanan yang digunakan oleh beliau ialah dengan mengetuai sendiri perang tersebut dengan dibantu oleh Pangeran yang mengetuai suku masing-masing. Antara Pangeran yang membantu Sultan Badaruddin II ialah Pangeran Keramajaya, Pangeran Adipati, Pangeran Bupati, Pangeran Keramadilaga, Pangeran Wirosentiko dan Pangeran Ratu dari Jambi. Selain daripada itu pertahanan Palembang juga dibantu oleh Encik Nauk, Ketua Suku Bugis dari Lingga yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan benteng terapung. Kekentalan pertahanan Palembang dengan strategi tersebut menyebabkan Belanda terpaksa menggunakan tektik atau helah dalam usaha menjatuhkan Kesultanan Palembang setelah usaha ketenteraan menemui kegagalan.

Aspek Kewibawaan Sultan juga penting dalam memperkukuhkan pertahanan Palembang. Sultan yang berwibawa mampu mengembeling unsur kebijaksanaan lokal dalam memanfaatkan kedudukan geografinya dalam membentuk strategi pertahanan negeri tersebut. Strategi tersebut amat membantu kerana strategi ini menyebabkan Belanda mahupun British tidak dapat menjangka bentuk serangan balas yang akan dilancarkan oleh tentera Palembang ketika ekspedisi dilancarkan. Antara strategi yang paling berkesan ialah pembinaan benteng yang dilengkapi meriam pelbagai saiz di sepanjang Sungai Musi. Penggunaan benteng terapung juga merupakan satu strategi yang amat berkesan sehingga mampu menyekat kemaraan Belanda dalam beberapa siri pertempuran dengan kuasa tersebut. Kebijaksanaan lokal masyarakat Palembang dengan menggunakan rakit api (rakit yang dinyalakan unggun api) untuk membakar kapal dan perahu musuh juga merupakan strategi pertahanan yang cukup berkesan. Kejayaan ini adalah disebabkan kewibawaan sultan yang dapat mengembeling tenaga dan fikiran rakyat dalam mempertahankan negeri Palembang.

Kewibawaan seseorang raja di Palembang berkait rapat dengan bagaimana beliau dimahkotakan, sama ada ia menurut sistem dan adat istiadat Palembang atau sebaliknya diangkat oleh kuasa asing seperti Belanda atau British. Seorang sultan yang berwibawa dan mampu mendapatkan sokongan padu rakyat juga pembesar ialah mereka yang ditabalkan menurut adat istiadat Palembang atau menepati sistem tradisional yang mendasari kehidupan dan budaya masyarakat. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan kepada kewibawaan Sultan Mahmud Badaruddin II dan raja-raja sebelumnya. Berbanding dengan Sultan Najamuddin II dan anaknya Najamuddin IV Prabu Anom, cara mereka menaiki takhta dengan perkenan Belanda dan British menyebabkannya gagal mendapatkan sokongan rakyat. Ini menyebabkan beliau gagal

mendapatkan sokongan rakyat dalam melaksanakan usaha menentang kuasa penjajah tersebut. Ini menjelaskan lagi bahawa sistem politik tradisional amat penting dalam memastikan kekuatan sosial, ekonomi dan politik Palembang yang membantu membentuk pertahanan yang kental di negeri tersebut.

Kaedah pembinaan jatidiri dan keutuhan masyarakat melalui penerapan unsur spiritual dan keagamaan amat berkesan dalam memantapkan pertahanan negeri tersebut. Tentera Palembang yang terdiri daripada rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat dan suku mampu disatukan atas dasar keagamaan. Ini menyebabkan mereka sanggup mempertahankan negeri Palembang atas dasar mempertahankan sebuah kesultanan Islam. Bagi memperkasa emosi dan keyakinan mereka, peranan alim ulamak amat penting bukan sahaja meyakinkan perjuangan mereka menepati kehendak agama malah mereka juga diajar dengan amalan zikir tertentu yang dapat menjadikan mereka mampu bertahan daripada cabaran alam semulajadi. Contohnya ketika peperangan menentang Belanda, tentera Palembang dikehendaki mengamalkan zikir tertentu untuk tujuan memastikan kesihatan tubuh badan, tahan sejuk, tahan senjata tajam dan tahan daripada mengantuk sama ada siang atau malam. Mereka juga dididik dengan ajaran Sheikh Abdussamad Al Palimbani tentang Perang Jihad bagi meningkatkan semangat dalam memperjuangkan Islam dalam menentang tentera kufar. Penerapan amalan keagamaan atau spiritual ini memperkuatkan semangat dan keberanian mereka ketika menghadapi serangan musuh yang lengkap dengan peralatan ketenteraan yang mantap. Strategi ini membolehkan keselamatan Palembang diperkukuhkan oleh barisan pejuang yang mantap biarpun tidak mempunyai pasukan tentera negeri yang khusus.

Strategi diplomasi juga merupakan kekuatan yang penting kepada keutuhan Kesultanan Palembang dalam menghadapi kuasa Barat. Diplomasi yang dimaksudkan terbahagi kepada dua iaitu diplomasi dalam kalangan kerajaan jirannya di nusantara dan diplomasi dengan kuasa barat. Kemampuan Palembang bertahan untuk satu jangkamasa yang agak lama dalam menangani cubaan perluasan kuasa Belanda berkait rapat dengan strategi diplomasi dan pertahanan yang diamalkan oleh Kesultanan Palembang. Strategi tersebut merupakan sebahagian daripada sistem pemerintahan yang dipatuhi oleh masyarakat dan kerajaan Palembang.

Strategi diplomasi dengan kuasa Barat era pemerintahan Sultan Abdurrahman memperlihatkan Palembang berjaya menyerap tekanan yang hebat daripada Belanda berikutan kekalahannya dalam perang menentang Belanda 1659. Melalui strategi tersebut, Abdurrahman berjaya mengadakan rundingan dan perjanjian dengan kuasa Belanda dengan berpegang kepada prinsip pengekalan kedudukan kesultanan Palembang walaupun terpaksa melepaskan sedikit kepentingan ekonominya sebagai tukaran. Implikasi daripada strategi diplomasi bercorak rundingan tersebut, entiti politik Palembang masih utuh malah ia masih diakui sebagai satu kerajaan yang berdaulat dengan ditandai oleh kesediaan Belanda mengadakan perjanjian ekonomi dengan Sultan Abdurrahman. Dalam ertikata lain, meskipun mengalami kekalahan dengan Belanda tetapi Sultan Abdurrahman masih mampu mengekalkan kedaulatan sehinggakan beliau telah berjaya meletakkan asas pembinaan kerajaan Melayu Palembang. Strategi diplomasi ketenteraan dan rundingan yang diamalkan oleh Sultan Palembang sepanjang menghadapi ancaman Belanda dan British merupakan tunggak kepada keutuhan Kesultanan Palembang sehingga dibubarkan Belanda.

Strategi diplomasi dengan kerajaan serantau juga turut membantu keutuhan kerajaan Palembang selain meningkatkan kemakmurannya. Diplomasi yang dijalankan Palembang dengan jirannya meliputi aspek perkahwinan serta diplomasi peperangan yang digerakkan ke atas Jambi apabila kesultanan tersebut memintanya menghapuskan pemberontakan pada 1680. Bagi menjamin keselamatan Palembang daripada tindakan provokatif atau pengkhianatan daripada jirannya, diplomasi perkahwinan dilaksanakan antara anak raja Palembang dengan puteri jirannya. Contohnya perkahwinan putera Sultan Abdurrahman, Raden Aria dengan anak raja Jambi. Selain daripada itu Sultan Abdurrahman sendiri berkahwin dengan puteri Sultan Jalil iaitu Sultan Bangka. Kaedah ini membolehkan beliau menguasai Bangka tanpa pertumpahan darah, selain dapat memastikan keselamatannya. Perkahwinan ini juga meningkatkan kekayaan Palembang dengan menguasai perdagangan bijih timah di sana.

Keutuhan kerajaan Palembang yang ditunjangi oleh strategi ketenteraan dan diplomasi ini mampu mempertahankan kedaulatan Palembang untuk satu jangka masa yang lama selepas pembebasannya dari kerajaan Mataram. Kedaulatan yang dimiliki Palembang menjadi modal utama bagi sultan Palembang yang selanjutnya dalam membina serta memperkukuhkan kedudukan kerajaan dan masyarakat Palembang. Kedaulatan dimaksud bukan sekadar dalam pengertian politik (negara) tetapi juga dalam kedaulatan ekonomi dan rakyat. Kedaulatan ekonomi dikembangkan melalui sistem ekonomi Palembang yang dibangun atas dasar saling mempercayai dan menguntungkan antara rakyat dengan Sultan (negara). Begitu juga dengan kedaulatan rakyat, ia bukan sekadar pengertian yang rakyat diberikan hak untuk hidup bermasyarakat dan bernegara dalam kerajaan Palembang, tetapi juga rakyat perlu

bertanggungjawab ke atas negeri mereka. Rakyat perlu turut serta dalam berjuang membela negeri ketika diancam musuh.

Ketika pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo atau Sultan Mahmud Badaruddin I (1724-1758), Palembang merupakan sebuah kerajaan yang kukuh serta disegani baik oleh kerajaan Melayu lain di Nusantara, mahupun bangsa Belanda. Ini disebabkan kemampuan Sultan Palembang mewujud dan mengekalkan pemerintahannya sebagai sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat penuh atas kawasan kuasanya selain memiliki strategi pertahanan dan diplomasi yang baik. Dalam usaha menegakkan kedaulatan Palembang, Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo berjaya mengekalkan diplomasi rundingan dengan Belanda. Era beliau memperlihatkan segala perundingan dan perjanjian yang disepakati dengan Belanda adalah berdasarkan kepada prinsip sama taraf. Kedua bangsa saling mengakui kebebasan dan kedaulatan masing-masing, sehingga perjanjian itu bersifat kerjasama atau mitra dalam perniagaan. Melalui prinsip kesetaraan itu, maka kedua pihak merasa perdagangan antara mereka berjalan secara saling menguntungkan. Melalui model perjanjian ini Palembang mendapatkan keuntungan yang luar biasa daripada perniagaan (terutama bijih timah) dengan Belanda. Keuntungan yang besar itu menjadikan Palembang dapat membangunkan binaan seperti bangunan monumental yang masih wujud sehingga kini. Keuntungan daripada perdagangan dengan Belanda dan kuasa lain telah menjadikan Sultan Palembang memiliki kekayaan sehingga mampu mensejahterakan rakyatnya.

Keutuhan sistem tradisional Kesultanan Palembang khususnya sistem penggantian kepemimpinan (Sultan), sistem penyusunan pentadbiran wilayah dan pemupukan semangat kebertanggungjawaban rakyat terhadap keselamatan negeri dan Sultan. Penggantian kepemimpinan kerajaan ditentukan oleh musyawarah keluarga kerajaan (istana). Kaedah ini amat berkesan dalam memperkukuhkan sokongan kaum kerabat terhadap raja. Raja bertanggungjawab bukan hanya kepada rakyatnya, tetapi juga kepada sokongan keluarganya. Falsafah Melayu yang melihat raja sebagai wakil Tuhan di muka bumi telah memperkukuh sokongan terhadap raja. Perkara ini menjadi faktor utama yang mendorong rakyat dan pemimpin dari segenap lapisan bersatu mempertahankan kedaulatan Palembang. Sistem pentadbiran yang memberi keistimewaan kepada kawasan di luar bandar Palembang atau kawasan huluan (daerah Sindang dan Sikap) untuk mentadbir daerahnya sendiri telah mewujudkan hubungan yang harmoni antara wilayah dengan pusat pemerintahan kesultanan tersebut. Ini menyebabkan mereka tidak merasakan wilayahnya sebagai sebuah wilayah jajahan takluk Palembang. Strategi ini berkesan dalam memupuk kesetiaan masyarakat dan ketua suku bagi daerah di luar ibu kota Palembang terhadap raja atau sultan dan negeri.

Sikap politik Palembang ini berbeza dengan kerajaan-kerajaan lain di Nusantara yang rata-rata melihat kuasa Barat sebagai musuh yang menjadi ancaman kepada keselamatan mereka. Ini menyebabkan hubungan dengan kuasa tersebut sentiasa berada di dalam keadaan saling mencurigai sehingga membawa kepada permusuhan dan peperangan dengan pihak Belanda. Permusuhan dengan kuasa Barat tersebut menyebabkan usaha memantapkan ekonomi dan politik terjejas sehingga akhirnya melemahkan kekuasaan sultan atau raja ke atas negeri masing-masing.

Kelemahan itu menjadi malapetaka kerana ia merupakan faktor kejatuhan kerajaan nusantara kepada Belanda. Namun Palembang khususnya era Sultan Mahmud Badaruddin Jayowikramo, melihat kehadiran Belanda di Nusantara bukanlah sebagai bangsa Belanda dalam pengertian pemerintah Belanda. Sebaliknya beliau menganggapnya sama seperti pedagang lain dari Jepun, China, India mahupun Asia Barat iaitu sebagai bangsa yang ingin berdagang dengan kerajaan rantau ini. Oleh itu diplomasi yang dilakukan bukanlah dengan negeri atau pemerintah Belanda tetapi dengan Syarikat Dagang Hindia Timur Belanda (VOC). Ini menyebabkan perjanjian-perjanjian yang dibuat dengan pihak Belanda bersifat menguntungkan kedua belah pihak. Ini memperlihatkan perbezaan diplomasi Sultan Palembang dengan sultan atau raja lain yang membolehkannya memperkukuhkan keutuhan kerajaannya. Kegagalan diplomasi rundingan antara kerajaan tempatan dengan Belanda adalah berkait rapat dengan sikap dan pandangan mereka terhadap Belanda sebagai sebuah bangsa yang menjajah dan seterusnya menguasai ekonomi dan politik negerinya. Ini menyebabkan kuasa tersebut perlu ditentang secara kekerasan atau melalui diplomasi ketenteraan.

Menjelang abad ke-19 atau mulai 1 Januari 1800, Syarikat Dagang Hindia Timur dibubarkan oleh kerajaan Belanda, dan ini menyebabkan semua urusan yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan politik di Nusantara diambil alih oleh pemerintah Belanda. Selepas perpindahan tersebut, segala dasar ke atas wilayah yang dahulunya termasuk dalam zon perdagangan syarikat tersebut telah dimasukkan ke dalam wilayah kekuasaan Belanda. Perubahan ini juga mengesani hubungan antara Palembang dengan Belanda yang dahulunya bersifat ekonomi dan kini mula beralih kepada politik. Ini bermaksud lingkungan pengaruh politik pemerintah Belanda telah diperluaskan menjadi lingkungan pengaruh politik dengan wilayah yang sebelumnya

mempunyai hubungan perdagangan dengan VOC. Oleh itu kerajaan-kerajaan yang sememangnya mempunyai hubungan dagangan dengan VOC serta mempunyai potensi ekonomi yang tinggi, dimasukkan ke dalam lingkungan pengaruh Belanda. Ini menyebabkan Belanda meningkatkan bentuk hubungannya daripada kawasan dagangan kepada penguasaan sepenuhnya ke atas wilayah dan ekonomi.

Demi melaksanakan usaha tersebut, Belanda akan berhadapan dengan kerajaan di Nusantara sama ada mereka bersetuju atau sebaliknya, secara diplomasi rundingan atau diplomasi ketenteraan. Memandangkan hubungan dengan Belanda semakin genting, Palembang terus mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan lain di Nusantara yang terbina sejak sebelumnya. Palembang menganggap jirannya itu sebagai sahabat yang tidak harus diserang atau ditakluki. Namun jika kerajaan itu menyerang Palembang, barulah mereka akan dihadapi Palembang dengan segala kekuatan yang dimiliki. Ini memperlihatkan dari segi pertahanan, Palembang merupakan sebuah kerajaan yang bersifat defensif bukannya offensif.

Pada tahun 1804, Badaruddin II menaiki takhta Kesultanan Palembang menggantikan ayahandanya Sultan Muhammad Bahauddin. Sebagai sorang raja yang masih muda dan berjiwa nasionalis dan idealis beliau sentiasa memerhatikan perbezaan keadaan yang dialami Palembang zamannya berbanding dengan Mahmud Badaruddin Jayowikramo. Apa yang dialami dan dirasakan oleh Badaruddin II ketika beliau memegang pemerintahan Palembang amat berbeza dengan zaman bapanya. Kedaulatan penuh negeri Palembang dibidang politik dan ekonomi yang dinikmat era VOC kini mulai dirampas oleh Kerajaan Belanda. Perjanjian ekonomi yang dulunya atas dasar saling menguntungkan kini semakin merugikan Palembang. Badaruddin II

yang mempunyai kedudukan yang sama sebagaimana ayahandanya terdahulu terpaksa bergelut dengan Belanda demi mempertahankan Palembang sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat.

Kemenangan dua kali atas Belanda dalam perang tahun 1819, menambah keyakinan Badaruddin II untuk terus memperkuatkan lagi pertahanan Palembang dalam menghadapi Belanda. Dalam Perang 1819, Badaruddin II mendapat sokongan yang kuat daripada keluarga kerajaan dan rakyatnya. Pertahanan Palembang ketika itu masih mengekalkan sistem tradisi iaitu dengan meletakkannya di bawah kendalian para Pangeran mengikut kepakaran masing-masing. Selain Pangeran, rakyat juga terlibat dalam pembuatan benteng dan persenjataan yang digunakan dalam perang menentang Belanda. Namun strategi pertahanan tidaklah banyak memberi manfaat kepada pertahanan negeri tersebut memandangkan sistem ketenteraan tradisional yang tidak dipertingkatkan mengikut keperluan semasa. Antaranya sistem ketenteraan yang masih menggunakan kaedah lama iaitu semua rakyat adalah tentera dan bersedia untuk dikerah bila-bila masa. Sememangnya kaedah ini berkesan dalam kedudukan Palembang yang hanya berhadapan dengan sebuah syarikat perdagangan Belanda iaitu VOC. Selepas tahun 1800, apabila peranan VOC berpindah kepada Kerajaan Belanda, Palembang terpaksa berhadapan dengan tentera Belanda yang cukup terlatih dari segi peperangan dan mempunyai kelengkapan ketenteraan yang terkini. Pertahanan tradisional Palembang yang tidak mempunyai tentera khas kerajaan dan terlatih menyebabkannya sukar untuk mendepani tentera Belanda. Ini menyebabkan pola kepemimpinan di dalam pasukan tentera Palembang yang masih tradisional dan tidak berstruktur dengan baik, menyukarkannya untuk menghadapi tentera Kerajaan Belanda.

Berbeza dengan Palembang, kekalahan dua kali yang dialami Belanda menjadi pengalaman yang sangat berharga dalam menyusun semula strategi ketenteraannya. Pengalaman itu menjadi bahan kajian Belanda untuk mempersiapkan diri secara lebih sistematik dalam usaha menaklukkan Palembang. Persiapan Belanda bukan hanya dari segi ketenteraan tetapi juga strategi politik. Strategi ketenteraan yang digunakan diiringi dengan strategi politik. Dari segi ketenteraan, Belanda mengerahkan pasukan yang sangat besar dengan melibatkan puluhan kapal perang dan tentera yang banyak. Dari segi politik pula Belanda melaksanakan strategi politik "adu domba" terhadap keluarga DiRaja Palembang. Politik adu domba ini (Devide et impera) dilaksanakan Belanda sebagai usaha untuk menghancurkan sistem politik tradisional yang menjadi teras keutuhan kerajaan Palembang. Kegagalan Badaruddin II dalam membina hubungan kekeluargaan dengan mantap menyebabkan keluarga kerajaan berjaya dipecahkan Belanda menjadi dua iaitu golongan yang berpihak kepada Belanda dan yang berpihak kepada kerajaan Palembang. Strategi Belanda merosakkan sistem politik tradisional menyebabkan rakyat yang menyokong raja turut berpecah kepada dua.

Kekalahan Palembang dalam perang tahun 1821, juga disebabkan oleh tumpuan Palembang yang lebih terarah kepada aspek pertahanan. Ini menyebabkan lompang dari aspek politik kurang diberi perhatian oleh Badaruddin II. Ini memberi ruang kepada Belanda untuk melemahkan pertahanan Palembang dengan menggunakan tektik merosakkan sistem politik tersebut iaitu dengan menyokong pengganti yang tidak seiring dengan sistem penggantian Kesultanan Palembang. Ini menyebabkan perpecahan bukan sahaja dalam keluarga DiRaja malah juga rakyat yang juga tentera kerajaan tersebut. Dari satu segi sistem pertahanan tradisi

Palembang sememangnya terbukti sangat kuat, namun dari aspek lain, kejayaan Belanda mengesan kelemahan Palembang yang tidak diberi perhatian oleh Sultan Mahmud Badaruddin II, menjadi punca kehancuran kesultanan tersebut.

Sejak pembubaran Kesultanan Palembang pada 1825, kerajaan tersebut ditadbir secara langsung oleh kuasa pemerintah kolonial Belanda. Kuasa politik, ekonomi, dan sosial masyarakat berada sepenuhnya di tangan Belanda. Ini bermakna kedudukan Palembang sebagaimana wilayah lain, tidak lagi berstatus negeri tetapi wilayah jajahan pemerintah kolonial Belanda. Selepas berakhirnya penjajahan Belanda di Indonesia pada tahun 1949, Palembang secara rasminya turut terlepas daripada penjajahan Belanda selama seratus dua puluh empat tahun. Dengan demikian kenyataan yang mengatakan bahawa Indonesia telah dijajah Belanda selama tiga ratus lima puluh tahun tidak dapat dipertanggungjawabkan. Sebaliknya hanya sebahagian sahaja daripada wilayah Indonesia yang dijajah Belanda selama itu.

Dalam membincangkan tentang Kesultanan Palembang, khususnya yang berkaitan dengan pola hubungan antara raja-raja Palembang dengan Belanda pada abad ke-19, dapatlah rumuskan bahawa bentuk hubungan tersebut ialah berbentuk sekutu dan seteru. Terdapat tiga pola hubungan tersebut iaitu pertama, pola sekutu dan seteru. Pola ini berlaku ketika pemerintahan Sultan Mahmud Badaruddin II, Sultan Ahmad Najamuddin II dan Sultan Ahmad Najamuddin (IV) Prabu Anom. Mereka merupakan sultan yang pernah suatu ketika bersekutu (berkawan) dengan Belanda, namun pada ketika yang lain mereka berseteru (bermusuhan) dengan kuasa tersebut. Bentuk diplomasi sekutu dan seteru ini dilaksanakan dalam usaha menyokong sikap dan kepentingan Sultan yang berkenaan. Bentuk kedua adalah berseteru

(bermusuhan). Pola ini berlaku ketika pemerintahan Sultan Ahmad Najamuddin (III) Pangeran Ratu. Sultan ini konsisten sejak dari awal lagi sentiasa memusuhi Belanda hingga meletusnya peperangan tahun 1821. Kekalahannya menyebabkan Belanda mengasingkannya ke Ternate bersama-sama ayahandanya Sultan Mahmud Badaruddin II. Bentuk ketiga, ialah pola bersahabat dengan Belanda (bersekutu) walaupun ia harus memerangi keluarganya sendiri. Ini diamalkan oleh Pangeran Jayaningrat merupakan kerabat sultan yang setia dalam bersahabat dengan Belanda sampai akhir hayatnya.

Berdasarkan kepada perbincangan dalam tesis ini jelaslah kekuatan tradisional Kesultanan Palembang terletak pada strategi pertahanan dan diplomasi kerajaan tersebut. Walau bagaimanapun strategi tersebut tidak diperhalusi secara berterusan bagi memastikan ia sentiasa terkini dan tidak dapat dibaca atau dijangka oleh musuh. Malah kejayaan British dan seterusnya diikuti Belanda dengan strategi merosakkan sistem politik Palembang apabila menjanjikan waris kedua kesultanan untuk menjadi sultan telah memberikan kesan besar kepada kemusnahan institusi tersebut. Perpecahan dalam keluarga kesultanan ini turut memecahkan sokongan rakyat di peringkat bawahan. Ini merupakan kegagalan Palembang yang membawa kepada berakhirnya kesultanan.

Dasar British mahupun Belanda yang merosak sistem politik kesultanan Palembang dalam menghancurkan kuasa dan kedaulatan Palembang pada dasarnya tidak merosak sepenuhnya hubungan kekeluargaan antara Badaruddin II dan Najamuddin II. Meskipun keduanya bermusuhan dalam hal politik untuk menjadi raja di Palembang, Badaruddin II tetap berpegang kepada prinsip asas kesultanan

Palembang iaitu kedaulatan adalah lebih penting daripada kepentingan individu. Meskipun tindakan adiknya boleh dianggap sebagai mengkhianati negeri dan rakyat Palembang, Badaruddin masih bersedia untuk menghormati prinsip kekeluargaan berbanding dengan kekuasaan dirinya. Ini jelas apabila Badaruddin II masih berkuasa sebelum 1821, beliau tetap menggunakan gelaran Najamuddin III dan bukannya Badaruddin III kepada puteranya Pangeran Ratu yang akan menggantikan kedudukannya sebagai Sultan Palembang. Berbeza dengan Najamuddin II yang terus memakai gelaran Najamuddin III, tetapi setelah kekuasaan berada di tangan Najamuddin Prabu Anom, beliau telah memakai gelaran Najamuddin IV Prabu Anom. Ini memperlihatkan pendirian tegas Badaruddin II terhadap falsafah kesultanannya iaitu tertegaknya Kesultanan Palembang itu adalah atas dasar keluarga/dinasti dan bukannya atas dasar individu. Mereka yang menjadi raja perlulah daripada keluarga Kesultanan Palembang. Oleh itu Badaruddin II sanggup menyerahkan takhtanya kepada anak saudaranya, Najamuddin Prabu Anom daripada diserahkan kepada pihak Barat (British mahupun Belanda). Dalam ertikata lain, Badaruddin II tidak rela menjadi sultan yang bertanggungjawab menamatkan kesultanan Melayu tersebut, dengan menyerahkannya kepada pihak Barat walaupun mereka menjamin kedudukannya sebagai Sultan Palembang.

Pendirian Badaruddin II ini juga jelas kelihatan ketika beliau kembali menduduki takhta pada 1816. Ketika ini beliau tidak menghukum Najamuddin II kerana mengkhianati beliau berikutan kerjasamanya dengan British untuk merampas takhta Palembang. Ini memperlihatkan sikap Badaruddin II yang sentiasa berpegang teguh kepada prinsip keutuhan kekeluargaan dalam Kesultanan Palembang. Kesannya, beliau dengan sendirinya telah menaikkan citra dan kewibawaannya

dimata rakyat yang akhirnya menguatkan sokongan terhadap perjuangan mempertahankan kedaulatan Palembang daripada ancaman kuasa barat. Begitu juga ketika Najamuddin II menaiki takhta kerajaan pada 1812, beliau tidak mengambil tindakan mengusir Badaruddin II dari Palembang walaupun menyedari keberadaan abangnya itu akan mengancam kedudukannya sebagai sultan. Ini merupakan bukti bahwa jalinan keluarga lebih diutamakan dalam memperkukuhkan kepentingan politik. Namun, memandangkan Najamuddin II menaiki takhta secara tidak sah dimata rakyat Palembang, sikapnya terhadap Badaruddin II ini tidak memberi kesan kepada sokongan masyarakat. Ini kerana masyarakat melihat sikap Najamuddin II, tersebut merupakan tindakan tercela yang tak patut dilakukan. Oleh itu, walau apa pun yang dilakukannya, Najamuddin II tetap kurang mendapat sokongan masyarakat ketika kekuasaannya. Dalam tempuh waktu 1812 sampai dengan 1825, pihak Baratlah yang menentukan tokoh yang berkuasa di Palembang, sementara kerabat raja/sultan menjadi penonton yang baik. Bagi mereka siapa pun yang akan berkuasa tidak menjadi isu selagi ia masih daripada zuriat Badaruddin II ataupun Najamuddin II. Keadaan ini memperlihatkan pegangan masyarakat ini hal ini selari dengan falsafah Islam yang dikembangkan oleh Abdussamad Al Palembani bahwa musuh utama yang perlu dihadapi adalah bangsa kufar (Barat) bukan sesama saudara yang seiman.

Berdasarkan kepada perbincangan dalam tesis ini jelaslah, kekuatan Kesultanan Palembang tertegak dengan kekuatan kekeluargaan Istananya. Malah sekuat manapun strategi pertahanan dan diplomasi yang digerakkan oleh kepemimpinan Palembang, pasti akan tumpas sekiranya keutuhan institusi kekeluargaan dalam kesultanan tersebut tidak dipertahankan.

Berdasarkan pada kajian terhadap Strategi Diplomasi dan pertahanan Palembang, jelaslah terdapat tujuh perkara yang dapat di ketengahkan iaitu Pertama, Diplomasi dan Pertahanan merupakan dua kekuatan yang dimiliki Palembang dalam usaha menegakkan dan mempertahankan Kesultanan Palembang pada era 1666-1825. Dalam hal diplomasi, Palembang melakukan dua bentuk diplomasi iaitu diplomasi ke dalam dan ke luar Palembang. Diplomasi ke dalam dimaksudkan sebagai usaha untuk mewujudkan hubungan yang harmoni antara pelbagai kaum dan masyarakat dengan istana. Diplomasi ke luar dimaksudkan sebagai usaha untuk membina hubungan yang baik dengan kerajaan jiran di nusantara dan dengan kuasa barat. Dalam melakukan diplomasi ini Palembang melakukan empat cara, iaitu melalui penghantaran ufti, perkahwinan, penghantaran utusan dan warkah. Kesan daripada strategi diplomasi ini, Palembang bukan sahaja berjaya menyatukan rakyatnya untuk menghadapi Belanda dan British malah juga mendapat sokongan daripada jirannya yang juga menghadapi ancaman yang sama.

Kedua, kekuatan diplomasi turut disokong pula oleh sistem pertahanan yang diamalkan oleh Kesultanan Palembang. Dalam sistem pertahanan, Palembang melaksanakan konsep pertahanan tiada tentera khusus kerajaan. Konsep ini menjadikan semua rakyat bertanggungjawab kepada keselamatan dan kewujudan Kesultanan Palembang. Konsep pertahanan ini bersendikan/ bertumpu pada tiga aspek utama iaitu pertama; pengembelingan pembesar dan ketua suku dalam memimpin pasukan tentera masing-masing yang terdiri daripada seluruh masyarakat yang mendiami Palembang. Kedua; kewibawaan sultan dalam membentuk sistem pertahanan yang mengembeling unsur kebijaksanaan lokal dalam memanfaatkan kedudukan geografinya dalam strategi pertahanan. Ketiga; membina jatidiri dan

keutuhan masyarakat yang juga tentera Palembang dengan penggunaan unsur spiritual dan keagamaan dalam membentuk sebuah angkatan tentera yang berani dan cekal serta komited terhadap perjuangan demi agama, bangsa dan negara.

Ketiga, perlaksanaan strategi diplomasi dan pertahanan ini disesuaikan dengan keadaan mengikut masa tertentu. Pada masa sebelum Badaruddin II diplomasi lebih ditekankan pada aspek kepentingan ekonomi atas dasar prinsip saling menguntungkan dan bangsa yang setara. Namun pada awal abad ke-19 terjadi perubahan mendasar dalam hubungan diplomatik kerana adanya perubahan politik di Eropah yang berdampak pada dasar politik barat di Indonesia. Keadaan ini telah merubah pola diplomasi dan pertahanan Palembang, terutama pada masa Badaruddin II.

Keempat, diplomasi pada masa Badaruddin II, lebih ditekankan untuk menjaga keutuhan dan kedaulatan Palembang. Diplomasi ini digerakkan terhadap British dan Belanda. Pada zaman pentadbiran Daendels di Betavia, strategi diplomasi Palembang terhadap British berjaya mendapatkan bantuan persenjataan daripada kuasa tersebut bagi menghadapi Belanda. Selain bantuan persenjataan, ia turut melewatkan penaklukan Belanda ke atas Palembang. Pada era British (1811-1816) Sultan Mahmud Badaruddin II terpaksa berhadapan dengan cabaran dari dalam keraton apabila adiknya Ahmad Najamuddin II yang diberi amanah untuk menghadapi British di barisan hadapan telah belot kepada baginda. Walau, bagaimanapun, setelah tamatnya Era British, Badaruddin II berjaya menaiki semula takhta pada 23 Jun 1818 melalui diplomasi dengan Belanda.

Kelima, strategi pertahanan selepas Perjanjian London, membuktikan keberkesanannya apabila Palembang berjaya menyekat kemaraan Belanda pada bulan Jun dan Oktober 1819. Kejayaan ini berkaitan dengan kemampuan Badaruddin II memanfaatkan semua potensi ketenteraan yang dimiliki Palembang. Namun dalam perang tahun 1821 Palembang sekali lagi gagal menghadapi Belanda apabila mereka gagal menghidu strategi Belanda. Ini menyebabkan kekalahan Palembang dalam peperangan dengan kuasa tersebut. Ini membuktikan yang strategi diplomasi dan pertahanan Palembang pada dasarnya adalah memperlihatkan keberkesanannya. Walau, bagaimanapun sekuat dan sehebat mana pun strategi yang dimiliki, ia akan terhapus dengan kegagalan membaca strategi musuh. Inilah yang dialami oleh Palembang yang akhirnya menyebabkan kesultanan tersebut kalah dalam pertempuran dengan Belanda. Oleh itu, kemampuan membaca strategi musuh amat penting bagi memastikan ia dapat diatasi dengan mudah.

Keenam, kejatuhan Palembang merupakan kegagalan diplomasi dan Strategi Pertahanan Palembang dalam menghadapi Belanda. Ini disebabkan berlakunya pembelotan dalaman istana yang merosakkan sistem penggantian Sultan di Kesultanan Palembang. Pembelotan ini mengakibatkan hilangnya sokongan daripada rakyat terhadap sultan yang memerintah (Najamuddin Prabu Anom), dan terjadinya perpecahan dalam kalangan masyarakat yang dilantik istana sehingga Baginda terpaksa mematuhi segala tuntutan daripada Belanda.

Ketujuh, penghapusan Kesultanan Palembang sepenuhnya setelah sultan terakhir iaitu Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom gagal dalam penentangan

terhadap Belanda. Ini membawa kepada penangkapan baginda dan dibuang ke Menado.

Sumbangan kajian ini ialah, penolakan pendapat van Sevenhoven tentang kehidupan masyarakat dan Sultan Palembang yang dianggap Belanda sebagai raja yang zalim. Ia turut mengubah perspektif penyelidik seterusnya tentang faktor kejatuhan Palembang daripada pandangan Barat yang menyatakan kejatuhan Palembang disebabkan oleh kelemahan Badaruddin II, kepada faktor pembelotan istana Palembang. Akhir sekali kajian ini juga menolak mitos yang mengatakan bahawa Indonesia (termasuk Palembang) dijajah selama 350 tahun, kerana realitinya Palembang hanya dikuasai Belanda sepenuhnya setelah terhapusnya kesultanan tersebut tahun 1825.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini menunjukkan kekuatan sesebuah kerajaan tradisional adalah terletak pada kekuatan sistem sosial dan politik tradisional sesebuah bangsa itu sendiri. Oleh itu kekuatan yang hilang oleh arus penjajahan Barat mampu dikembalikan dengan memantapkan kembali falsafah yang mendasari sistem sosial, ekonomi dan politik tradisional sesebuah masyarakat itu khususnya di nusantara. Kemampuan tersebut akan membolehkan sesebuah bangsa di nusantara mengembalikan kegemilangan silamnya baik daripada aspek sosial, ekonomi dan politik.

Wallahu a'lam bish-shawabi.

RUJUKAN

SUMBER PRIMER

ANRI. Algemeen Administratieve *Verslag* Residentie *Palembang* 1888 and 1889, (no. 5/20 and 5/21).

ANRI. Contract met den gewezen Sulthan van Palembang, Mohd. Badaroedin d.d 20 Juni 1818, Bundel Palembang No. 12 D II.

ANRI. Dagverhall Wegens de Expeditie na Palembang 21 Juli 1819, Bundel Palembang No.66.10.

ANRI. Contract met Palembang d.d 18 Agustus 1823. Palembang 15 DV-16

ANRI. Nota rapporten betreffende Palembang over 1811 tot 1821, Bundel Palembang No. 5.1

ANRI. Palembang Besluiten 1823, Bundel Palembang, No. 3.

ANRI. Contract met Pangeran Kramajaya Perdana Menteri van Palembang, 5 September 1823. Bundel Palembang No. 15 D VII.

ANRI. Renover de Contracter met Sulthan Seri Ratu .. Palembang 2 Juni 1722 Bundel Palembang 41.7

ANRI. Contract Palembang 10 September 1755, Bundel Palembang No. 41.8

ANRI. Original Acte van Renovatie der voorige Cntracten met de Koningen van Palembang, Met den Paduka Seri Sulthan Ratu Muhammad Baha'uddin, en den kroon prins Pangeran Ratu, *Op den 31 Agustus 1791 en 28 November 1791*. Bundel Palembang, No. 41- 11.

ANRI. Extract uit het verbaal gehouden bij generaal Major Opperbevelhebber der Palembangche expeditie en Kommisaris vn het Gouvernement aldaar 1821. Bundel Palembang No. 47.6

ANRI. Gouvernements Besluiten over het jaar 1825, Bundel Palembang No. 50.2

ANRI. Nota rapporten betreffende Palembang over 1811 tot 1821, Bundel Palembang No. 5.1

ANRI. Bundel Palembang No. 51-4

ANRI. 17 Politiek verslag (PV) Palembang 1855, Bundel, Palembang 61.

ANRI. Bundel Palembang No. 62.

ANRI. Jarlijk Verslag van de Residentie Palembang 1834 en 1835. Bundel Palembang, No.62.2

ANRI.Verhaal van de politieke en militaire gebeurtenissen te Palembang gedurende 1811, 1821 en eiland Banka door A. Meis, kapitein der arteleerie, 1840, Bundel Palembang No. 67.

ANRI. Bundel.70

ANRI. Bundel Palembang No. 70.15

ANRI. Memorie van Overgave JAW Van Ophuijsen. Bundel Palembang. 72-5

ANRI. Bundel koleksi surat-surat Palembang

ANRI. Algemeen verslag der Residentie Palembang over het jaar 1824 -1849

ANRI. Daghregister Batavia (DR) 13-12-1663, Dagh-register 1663 : 1682.

ANRI. Daghregister, 17 dan 23 April 1661

ANRI. Daghregister, 28 Marc 1664

ANRI. Daghregister, 25 November 1664

Rijn van Alkemade, De Hoofdplaats Palembang , dalam TNAG VII (1883) hlm. 55

The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency, Volume 7, January to June 1817.

The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency, Volume 8, January to Julai to December 1819.

The Saturday Magazine, Volume 1, Vol.1 No. 32. Philadelphia 1 December, 1821, From *the London Literary Gazette*. Descriptive Account of Palembang and Banca by, Major MH Court, London, 1821, 8 Vol. New York: E. Little and R. Norris Henry. hlm. 505-509.

The Literary Gazette and Journal of Belles Lettres, Arts, Sciences, No.245, Part 2, 29 September 1821, hlm. 611-612.

Translation of a Letter from Sultan Achmed Nujemudin, of Palembang, to the Lieutenant-Govenor of Bancoolen.*The Asiatic Journal and Monthly Miscellany for British India and its Dependency*, Volume 7, January to June 1817, London hlm 214

Surat Khabar

Java Government Gazette, 30 Mei 1812, Batavia

Bataviasch Courant, 26 Juni 1819.

Bataviasche Courant, 11 Juli 1821

Bataviasch Courant, 4 Agustus 1821

Manuskrip Simpanan Peribadi

"Silsilah Anak-anak Bangsawan Palembang."(1867). Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Nasihat lil Muslimin." Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Peringatan Lamanya Raja-raja di dalam negeri Palembang di atas Tahta Kerajaan, oleh RH Abdul Habib. Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Syair Perang Palembang", Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Ajaran Amalan Ilmu Perang daripada Sultan Muh.Bahauddin kepada Syekh Muh. Akib (1760)" Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Asal usul Raja-raja Palembang, Simpanan peribadi, Kms. H. Andi Syarifuddin, Palembang, Indonesia.

"Adat Perkawinan Palembang" Simpanan Peribadi R. M Husin Natodiradjo.

" Riwayat Singkat dari Kerajaan Palembang" Simpanan peribadi Raden Cik, Ternate Maluku Utara- Indonesia

"Hadjerat raja-raja Palembang hingga sampai Kota Palembang diserahkan kepada Gouverment Belanda" Simpanan peribadi Raden Cik, Ternate Maluku Utara-Indonesia

"Sejarah Asalnya raja-raja dan Suhunan-suhunan dan Sultan memerintah Negeri Palembang" Simpanan peribadi Raden Cik, Ternate Maluku Utara-Indonesia

Memoir

Raffles, Lady Sophia. (1835). *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles particularly in the government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its dependencies, 1817-1824, with details of the commerce and resources of the Eastern archipelago, and selections from his correspondence*. London: William Clowes and Sons.

Anne Presgrave (1837). *Correspondence and brief memorial sketches of Mrs. Presgrave*, wife of Edward Presgrave Esq. Residing Councillor of Singapore. London: P. Palliser.

Waey, H. Van. (1875). *Palembang 1809-1819.* Tijdscrift voor Nederlansch Indie.

SUMBER SEKUNDER

Artikel Journal

Barley, Nigel (1999). The Golden Sword: Stamford Raffles and the East. London: British Museum Press.

Bastin, John. (1953). Palembang in 1811 and 1812. (Part I), *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Deel 109, 4de Afl., hlm. 300-320.

Blagden, C. O. (1920). The Empire of the Maharaja, King of the Mountains and Lord of the Isles. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 81 (MARCH). hlm. 23-28

Collins, Elizabeth Fuller. (2004). Islam and the Habits of Democracy: Islamic Organizations in Post-New Order South Sumatra. *Indonesia*, No. 78 (Oct.,), hlm. 93-120.

Colombijn, F. (1996). "The development of the transport network in West Sumatera from pre-colonial times to the present, dalam, J.Th. Lindblad (ed.), *Historical Foundation of a National Economy in Indonesia, 1890s-1990s,* Amsterdam: North-Holland, hlm. 385-400.

Colombijn, F. (2005). A Moving History of Middle Sumatra, 1600–1870. Modern Asian Studies, 39(1), hlm 1-38.

Drewes, G. W. J. (1976). Further Data Concerning ABD AL-ṢAMAD AL-PALIMBĀNĪ, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Deel 132, 2/3de Afl., hlm. 267-292

Glendinning, Victoria (2012). *Raffles: And the Golden Opportunity 1781-1826*. London: Profil Book.

Harrison, Brian. (1953). Trade in the Straits of Malacca in 1785. A Memorandum by P. G. de Bruijn, Governor of Malacca. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 26, No. 1 (161)(July), hlm. 56-62.

Hatamar Rasyid, (2009). *Peran Diplomasi dalam Politik Luar Negeri*. *Tamaddun*. No.2 Volume IX, Juli 2009.

Heidhues, Mary F. Somers. (1991). Company Island: A Note on the History of Belitung. *Indonesia,* (51).

Lewis, Dianne. (1970). The Growth Of The Country Trade To The Straits Of Malacca, 1760-1777. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 43, No. 2 (218)

Noorhaidi Hasan. (2007). The Tuḥfat al-Rāghibīn: The work of Abdul Samad al-Palimbani or of Muhammad Arsyadal-Banjari?, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 163, No. 1, hlm. 67-85.

Rausa-Gomez, Lourdes. (1967). Sri Vijaya and Madjapahit. Philippine Studies, Vol. 15, No. 1, Beyer Memorial Issue On: The Prehistory of the Philippines (January), hlm. 63-107.

Reid, Anthony. (1993). *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680 vol. 2 Expension and Crisis.* New Heaven and London: Yale University Press. hlm. 66

Salmah Jan Noor Muhammad (2014) *Strategi utusan kerajaan dalam menjalin hubungan diplomatik pada zaman kesultanan melayu. Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4. hlm. 111-137.

_____, "Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal Dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu." *International Journal of the Malay World and Civilisation (*Iman*)* 3(2), 2015. 79-93.

The Saturday Magazine, Volume 1, Vol.1 No. 32. Philadelphia 1 December, 1821, From The London Literary Gazette. Descriptive Account of Palembang and Banca by, Major MH Court, London, 1821, 8 Vol. New York: E. Little and R. Norris Henry. hlm. 505-509.

Van Hasselt, M. A. L. (1885).The Object And Results Of A Dutch Expedition Into The Interior Of Sumatrain The Years 1877, 1878, And 1879. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 15 (JUNE), hlm. 39-59.

Winstedt, R. O. (1926). The founder of Malay royalty and his conquest of Saktimuna, the Serpent. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 4, No. 3 (98)(DECEMBER), hlm. 413-419.

Wolters, O. W. (1979). "A Note on Sungsang Village at the Estuary of the Musi River in Southeastern Sumatra: A Reconsideration of the Historical Geography of the Palembang Region." *Indonesia*, No. 27 (April), hlm. 33-50

Wright, H. (1950). The Anglo-Dutch Dispute in the East, 1814-1824. *The Economic History Review*, *3*(2), new series, hlm. 229-239.

Wurtzburg. C. E. (1952), Raffles and the Palembang Massacre. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 25, No. 1 (158)(August,), hlm. 178-180.

Wurtzburg, C. E.. (1949). Raffles and the Massacre at Palembang (Palembang in 1811 en 1812 J. C. Baud. Bijdragentot en Taal-Land-en Volkenkunde Van N. I. No. 1 Amsterdam 1852), *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 22, No. 1 (147)(March 1949), hlm. 38-52

Prosiding Persidangan

Mal An Abdullah, (2014). Abdussamd Al Palimbani dan Perang Sabilillah. Makalah Seminar, Asrama Haji Palembang, 20 Januari 2014.

Johan Hanafiah, (2004). *Kesultanan Palembang Darussalam : Perkembangan Kebudayaan Islam dan Kebangkitannya pada abad ke 18*. Makalah seminar Sejarah dan Budaya Palembang. 26 Jun 2004.

H.M. Ali Amin, (1983). Sejarah Kesultanan Palembang Darussalam dan Beberapa Aspek hukumnya, dalam K.H.O. Gadjahnata & Sri-Edi Swasono, (ed.) *Prosiding Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. 27 November 1984 di Palembang.

Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa dan Rozita Che Rodi. (2014). *Pembentukan Ilmu Diplomatik Melayu dalam Menjalin hubungan antara Kerajaan.* Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014, pada 6-7 Mei 2014, bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur.

Tesis Yang Tidak Diterbitkan

Elya Rosa, 2010. *Kerajaan dan Masyarakat Siak: 1723-1784 Sebuah Kajian dari Aspek Sosial Budaya*. hlm 36. Tesis Ph.D. UKM, belum diterbitkan.

Masyuri, "Perdagangan Lada dan perubahan Sosial Ekonomi di Palembang." Tesis S2 (Sarjana), Fakultas Pasca Sarjana Bidang Studi Sejarah Indonesia. Universitas Indonesia. Jakarta. 1983. (tidak diterbitkan).

Ridwan Melay, Perlawanan Sultan Palembang terhadap Pemerintah Kolonial Belanda 1819-1821 Yogyakarta : Skripsi S.1 Fakultas Sastra dan Kebudayaan UGM. 1982. (tidak diterbitkan).

Supriyanto, "Pelayaran dan Perdagangan di Pelabuhan Palembang 1824 -1864." Tesis S.2 di Jurusan Ilmu-Ilmu Humaniora Program Pasca Sarjana UGM. Yogyakarta : 2001.

Buku-Buku

Abdullah, Ma'moen, et al. (1983). *Sejarah Perlawanan terhadap Imperialisme dan kolonialisme di Daerah Sumatera Selatan*. Jakarta : Depdikbud.

Abdullah, Taufik. (1987). *Islam dan Masyarakat Pantulan Sejarah Indonesia*.Jakarta: LP3ES.

Ahmad, A. Samad. (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu*). Dewan Bahasa dan Pustaka kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur.

Ahmad, Adam. (2009). *Letters of Sincerity, The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824),* Kuala Lumpur, MBRAS.

Akib, R.M. Ibrahim. (t.t). *Sedjarah Malaju Palembang*. Bandung, Drukk Economy.

Akib, R.M. Ibrahim.(1978). *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Baderedin II.* Palembang: Angrek

Alfian, Ibrahim et al. (1983/1984*). Sejarah Perlawanan Terhadap Imperialisme dan Kolonialisme di Daerah Sumatera Selatan*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Sejarah Nasional.

Andaya, B.W. (1993). *To live as brothers: southeast Sumatra in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawaii Press.

Ankersmith, F.R. (1987). *Refleksi tentang Sejarah*. Jakarta : Gramedia.

Arba'iyah Mohd Noor. (2002). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa *dan* Pustaka.

Armitage, David, Subrahmanyam, Sanjay. (2009*). The Age of Revolutions in Global Context* C. 1760-1840. Basingstoke: Palgrave MacMillan.

Ar-Raniri, Nuruddin. (2008). *Bustan Al-Salatin Kisah Raja-Raja Yang Adil.* Kuala Lumpur: Dewama Sdn.Bhd.

Azra, Azyumardi . (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar–akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia.* Bandung : Mizan

Baud, J.C. (1853). Palembang in 1811 and 1812. Bijdrage van Koloniaal Instituut, jilid 1.

Barley, Nigel (1999). The Golden Sword: Stamford Raffles and the East. London: British Museum Press.

Barston, R.P. (2014). *Modern diplomacy*, New York: Routledge

Baylis, John & Smith, Steve. (1998). *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relation*. New York: Oxford University Press.

Berg, L.W.C.,van den, (2010), *Orang Arab di Nusantara,* Jakarta: Komunitas Bambu.

Berg, L.W.C. van den, (1990). *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara,*terj. Rahayu Hidayat. Jakarta: INIS.

Bernard, H.M. Vlekke. (2010), *Nusantara Sejarah Indonesia,* Jakarta: Gramedia.

Bilcher Bala. (2000). Penyelidikan dan Penulisan Sejarah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Blussé, Leonard Femme S Gaastra, (2016). *On the Eighteenth Century as a Category of Asian History: Van Leur in Retrospect.* New York: Routledge.

Bromley, J.S. and Kossmann, E.H. (ed.). (1968). *Britain and Netherlands in Europe and Asia.* London: Palgrave Macmillan.

Boxer, C.R. (1983). *Jan Kompeni. Sejarah VOC dalam Perang dan Damai 1602-1799*. Jakarta : Sinar Harapan.

Carr, E.H. (1984). *Apakah Sejarah.* Terjemahan Abdul Rahmad Hj. Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ChambertLoir, Henri. (ed.). (2009). *Hikayat Nakhoda Asik dan Hikayat Merpati Mas.* Jakarta: EFEO-Masup Jakarta.

Coedes, G dan Damais, L.Ch. (1989). *kedatuan Sriwijaya Penyelidikan Tentang Sriwijaya*, Jakarta: Depdikbud.

Collingwood, R. G., (1986). *Idea Sejarah.* Terjemahan Muhd. Yusof Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dahlan Nasution,(1984). *Perang atau Damai dalam wawasan Politik Internasional*,Bandung: Remadja Karya.

Dedi Irwanto, Murni, Supriyanto 2010 "*Iliran-Uluan: Dikotomi sekaligus Dinamika dalam Sejarah Kultural Palembang".*Yogyakarta: Eja Publisher

Dasgupta, Arun K. (1962). *Acheh in Indonesia Trade and Politics: 1600-1641*. Michigan: University Microfilm.

Earnest, Satow, (1957). *A Guide to Diplomatic Practise*, London

Effendy, Tenas. (2012). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.

Erman, Erwiza. (2009)**.** *Menguak Sejarah Timah Bangka Belitung*. Yogyakarta : Ombak.

Esdaile, Charles. (2008). *Napoleon's Wars: An International History*. London: Penguin.

Faille, P. Roo de la, (1971), *Dari Zaman Kesultanan Palembang*, Jakarta: Bratara.

Furnivall, J.S.,(2009), *Hindia Belanda, Studi tentang ekonomi Majemuk* (Netherlans India, a Study of Plural Economy), Jakarta: Freedom Institute.

Gadjahnata, K.H.O. (ed). (1986). *Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. Jakarta: U.I Press.

Gallop, AT. & Benard, A. (1994). *The Legacy of Malay Letters*. London: The British Library.

Garraghan, Gilbert J. (1963). *A Guide to Historical Method.* New York: Fordham University Press.

Geldern, Robert H. (1982). *Konsepsi Tentang Negara dan Kedudukan Raja di Asia Tenggara*. Jakarta: CV Rajawali

Graaf, De dan Th.G.Th. Pigeaud, (1985), *Kerajaan-Kerajaan Islam di Jawa, Peralihan dari Majapahit ke Mataram*, Jakarta: Grafiti Pers.

Gottchalk, Louis. (1986). *Mengerti Sejarah*, Terj. Nugroho Notosusanto. Jakarta: UI Press.

Groeneveldt, W.P. (1880). *Notes in the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chines Sourches*. Batavia : W. Bruining.

Gullick, J.M, (1978). *Sistem Politik Bumi Putera Tanah Melayu Barat*, , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hall, D.G.E., (1988), *Sejarah Asia Tenggara,* Surabaya: Usaha Nasional.

Hall, Kenneth R. (2011) *A History of Early Southeast Asia - Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*. Plymouth, United Kingdom: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.

Hamilton, Alastair, Groot, Alexander H. De, Boogert, Maurits H. Van Den. (2000). *Friends and Rivals in the East: Studies in Anglo-Dutch Relations in the Levant from the Seventeenth to the Early Nineteenth Century*. Boston: Brill.

Hanafiah, Djohan. (1995). *Melayu-Jawa Citra Budaya dan Sejarah Palembang*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

Hanafiah, Djohan. (2007). *Menelusuri Jejak Keraton-keraton, Sejarah Sosial, Politik dan Budaya Kesultanan Palembang*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

Hanafiah, Djohan (1989). *Kuto Besak: Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan.* Jakarta: Haji Masagung

Hirth, F & Rockhill, WW, ed. (1966). *Chau Ju Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the 12 th& 13 th centuries, entitled Chu fan chi*. Amsterdam: Oriental Press,

Husni Rahim, (1998). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam: Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial Belanda di Palembang*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.

Ikram, Achadiati. (2004). *Jati Diri Yang Terlupakan: Naskah-Naskah Palembang*. Jakarta: Yayasan Naskah Nusantara.

Israel, Jonathan I., ed. (1991). *The Anglo-Dutch moment. Essays on the Glorious Revolution and its world impact*. Cambridge: Cambridge University Press.

J.W. Van Royen, (1927). *De Palembangsche Marga* , Haar Grond en Waterrechten. Proefschrift. Leiden. GL Van den Berg.

Kamus Besar Bahasa Indonesia (1990)., Jakarta: Depdikbud. Balai Pustaka.

Kamus Dewan, (2005). Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartodirdjo, Sartono. (1993). *Pendekatan Ilmu Sosial Dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta : Gramedia.

Kaiser, F., (1857), *De Britsche Heerschappij over Java en Onderhoorigheden (1811-1816)*, ‘s Gravenhage, Gebroeders Belinfante.

Khan, I.K. (2006). *Islam in Modern Asia.* New Delhi: MD Publication Pvt. Ltd.

Koentjaraningrat. (1967). *Beberapa Pokok Antropologi Sosial* , Jakarta: Dian Rakyat.

Kuntowijoyo. (2003). *Penjelasan Sejarah (Historical Explanation)* . Yogyakarta : Tiara Wacana.

Lapian, Adrian, B., (2008), *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut, Sejarah Laut Sulawesi abad XIX,* Jakarta: Komunitas Bambu.

Lapian, Adrian B. (2008). *Pelayaran dan Perniagaan Nusantara Abad Ke-16 dan 17*. Jakarta: Komunitas Bambu

Luzmy Ningsih. (1998). *Syaikh Abdus Samad Al-Palimbani: Pemikiran Dakwah dan Karyanya.* Depok: Universitas Indonesia Fakultas Sastra.

Ma'moen Abdullah, Drs. (1980). *Riwayat hidup dan perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II: calon pahlawan nasional.* Palembang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya, Proyek Inventarisasi & Dokumentasi Sejarah Nasional.

Mackesy, Piers. (1964). *The War for America: 1775-1783*. Nebraska: University of Nebraska Press.

M. Dien Madjid (2013).*Catatan Pinggir Sejarah Aceh: Perdagangan, Diplomasi, dan Perjuangan Rakyat.* Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Mardanas Safwan, Drs. (2010). *Sultan Mahmud Badaruddin II: Riwayat Hidup dan Perjuangannya (1767-1852).* Jakarta: Mutiara Sumber Widya.

Marr, David G., Milner, Anthony Crothers, (ed.).(1990). Southeast Asia in the 9th to 14th Centuries. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Marsden, W., (1975).*The History of Sumatra,* first publ., London: 1873, reprint of the 1811 ed., Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Marsden, William. (2013). *Sejarah Sumatra,* Jakarta : Komunitas Bambu.

Marsden, W. (1811). *The History of Sumatera.* 3rd. Edition, London.

Marwick, A. (1985). *The Nature of History.* London: Macmillan Publisher Ltd.

Moedjanto, G. (2000). *Konsep Kekuasaan Jawa*, *Penerapannya oleh Raja-raja Mataram.* Yogyakarta :Kanisius

Montgomerry, William. (1988). *Politik Islam Dalam Lintasan Sejarah,* Jakarta :Guna Aksara.

Muhd. Yusof Ibrahim. (1997). *Ilmu Sejarah: falsafah, pengertian dan kaedah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muir, Rory. (1996). *Britain and the Defeat of Napoleon, 1807-1815*. Yale: Yale University Press.

Mulyana, Slamet (1979). *Negara Kretagama dan Tafsir Sejarahnya*, Jakarta; Bhratara.

Mu'jizah. (2009). *Iluminasi dalam Surat-surat Melayu abad ke-18 dan ke-19*. Jakarta: Depdiknas-KITLV.

Nasution, Harun. 1986. *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*. Jakarta : UI Press.

Nik Hassan Suhaimi. et al. (ed.). (2011). *Alam Melayu Suatu Pengenala*n. Bangi: ATMA, UKM.

Ōta, Atsushi. **(**2006). *Changes of Regime And Social Dynamics in West Java: Society, State And the outer world of Banten 1750-1830* (TANAP monographs on the history of the Asian-European interaction II; Leiden, Boston: Brill.

Parret, Daniel. (1999). *Batu Aceh: Warisan sejarah Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Perret Daniel, dan Wan Hashim Wan Teh (ed.). (1999). *Di Sekitar Konsep Negeri.* Kula Lumpur, Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Parthesius, Robert. (2010). *Dutch Ships in Tropical Waters: The Development of the Dutch East India Company (VOC) Shipping Network in Asia 1595–1660 (Amsterdam Studies in the Dutch Golden Age)*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Pigeaud, Theodore Gauthier Th. (2014). *Islamic States in Java 1500–1700: Eight Dutch Books and Articles by Dr H.J. de Graaf.* Netherlands: Springer.

Pulungan, Suyuti. (2002). *PIQH Siyasah Ajaran, Sejarah dan Pemikiran.* Jakarta: Raja Grafindo Prasada.

Rahim, Husni. (1998). *Sistem Otoritas & Administrasi Islam. Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial di Palembang*. Jakarta: PT Logos.

Reid. Anthony, (ed.). (1995). *Witnesses to Sumatra: A Travellers' Anthology.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Reid, Anthony (ed.) (2010). Sumatera Tempo Doeloe: Dari Marco Polo sampai Tan Malaka (terjemahan). Disusun oleh, Dewi Anggraeni, Jakarta: Komunitas Bambu

Reid, Anthony, and Castles, Lance. (1975). *Pre-colonial State Systems in Southeast Asia: The Malay Peninsula, Sumatra, Bali-Lombok, South Celebes*. Kuala Lumpur: Council of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.

Reid, Anthony. (ed.). (1997). *The Last Stand of Asian Autonomies: Responses to Modernity in the Diverse States of Southeast Asia and Korea, 1750–1900.* London: MacMillan Press Ltd.

Ricklefs , M.C. (1991). *Sejarah Indonesia Modern*, Yogyakarta : Gadjahmada Press.

Ricklefs, Merle Calvin, (2001). *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*. Stanford: Stanford University Press

Roo de Faile, P. de. (1971). *Dari Zaman Kesultanan Palembang* terjemahan Soegarda Poerbakawatja, Jakarta: Bhratara.

Rousseau, Jean J. (1996). *Kontrak Sosial*. Jakarta: Erlangga.

Roy, S.L. (1984). *Diplomacy*, Sterling Publishers, New Delhi

Royen, JW. Van, (1927). *De Palembangsche Marga* , Haar Grond en Waterrechten. Proefschrift. Leiden. GL Van den Berg.

Rudito, Bambang dan Budi, Utomo Bambang, Melayu di Indonesia Suatu Pengenalan, dalam Nik Hassan Suhaimi. et al. (ed.). (2011). *Alam Melayu Suatu Pengenala*n. Bangi: ATMA, UKM.,

Soemardjan, Selo. (1991). *Social Changes in Yogyakarta* . Yogyakarta: Gadjahmada University.

Soetadji, Nanang S. (1995). *Kesultanan Palembang.* Palembang: Peduli Musi

Stapel, W.F. (1940). Geschidenis van Nederlandch Indie, Deel V. Joost van Vondel Amsterdam,

Stibbe, D.G, 1932, Encyclopaedie van Nederlandsch Indie, eerste deel,'s Gravenhge, Martinus Nijhoff.

Steenbrink, Karel A., (1984). *Beberapa Aspek tentang Islam di Indonesia abad ke 19*. Jakarta: Bulan Bintang.

Suryadinata. L, (1978). *The Chinese Minority in Indonesia*. Singapore: Chapman Enterprise.

Suwarno, PJ. 1989. *Sejarah Birokrasi Pemerintahan Indonesia Dahulu dan Sekarang,* Yogyakarta : Universitas Atmajaya

The Oxford English Dictionary. (1963). Oxford: Oxford University Press.

Thorn, William. (2004). *Penaklukan Pulau Jawa*. Jakarta: Elex Media Komputindo.

Thornton, Thomas. (1825). *Oriental Commerce*; or the East India Trader's Complete Guide originally (compiled by the late William Milburn Kingsbury,) London: Parbury & Allen.

Van Sevenhooven, JL. (1971). *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Jakarta: Bhratara.

Vlekke, Bernard Hubertus Maria, (1959). *Nusantara: A history of Indonesia.* The Hague and Bandung : W. van Hoeve Ltd.

Vlekke, Bernard H.M. (2010). *Nusantara Sejarah Indonesia*. Jakarta: KPG Gramedia.

Vos, Reinout. (1993). *Gentle Janus, Merchant Prince: The Voc and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800. Leiden*: KITLV Press.

Ward, Kerry. (2008). *Networks of Empire: Forced Migration in the Dutch East India Company (Studies in Comparative World History)*. Cambridge: Cambridge University Press.

Walsh, W.H. (1956). *An Introduction to Phylosophy of History. London : Hutchinsons, University Library*.

Wan Abdul Rahman Latif (eds.).(1994). *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wurtzburg, Charles E. (1986). Raffles of the Eastern Isles: Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.

Woelders. M.O. (1975). *Het Sultanaat Palembang (1811-1821).* Leiden : Martinus Nijhoff's Gravenhage.

Wolters, O.W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Ithaca, New York: Cornell University Press.

Yuanzhi, Kong. (2000). *Muslim Tionghoa Cheng Ho Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia

Zuhdi Susanto. (2010). *Sejarah Buton yang Terabaikan*. Jakarta: Rajawali Press

LAMPIRAN A

LAMBANG DAN SIMBOL KERAJAAN PALEMBANG

Sumber : Dokumen Pribadi RHM Akib.

LAMPIRAN B

MAKLUMAT PENYERAHAN KEKUASAAN SULTAN KEPADA PEMERINTAH BELANDA

Bahwa inilah surat berita undang-undang.

Bahwa Seri Paduka Ratu Ahmad Najamuddin, sultan dari negeri Palembang, kasih selamat kepada siapa yang melihat atau mendengar bacanya. Adalah kita kasih pertahu:

Bahwa seperti perjanjian yang terbuat dengan segala keridoan dari kedua pihak, yaitu antara Gubernemen Nederland dan antara kita Seri Paduka Tuan Sultan supaya membaiki nasib kita sendiri dan nasibnya rakyat-rakyat kita, maka demikian yang dari waktu ini, segala titah dan pemerintahan atas negeri Palembang dan atas rakyat-rakyat sekaliannya dipegang oleh gantinya gubernemen adanya.

Adapun kita Seri Paduka Tuan Sultan akan duduk di dalam bicara yang pada menimbang hukuman kesalahan dan …(tidak terbaca) dunianya. Dan dari hal agama itulah akan diputuskan oleh Pangeran Penghulu menurut hokum di dalam Qur'an; dan apabila tiada menerima putusan penghulu itu, bolehlah …(tidak terbaca) bicara pada kita.

Bahwa segala pemerintahan dari juga-juga dan dari …(tidak terbaca) atau hasil-hasil itulah dipegang oleh gantinya gubernemen adanya.

Bahwa kita Seri Paduka Tuan Sultan akan memakai kemuliaan dan hormat yang kita …(tidak terbaca) senantiasa ada mengerjakan di dalam pemerintahan negeri adanya.

Bahwa kami akan mengerjakan itu dengan segala rajin, istimewa supaya menolong pada menjalankan segala aturan dari pemerintahan gubernemen adanya.

Bahwa kita telah berjanji dengan sesungguhnya akan menolong pada menjalankan ketentuan itu demikian adalah menitahkan yang segala priayi dan menteri-menteri dan rakyat dari negari menjunjung tital dan perintah yang akan diberikan oleh gantinya gubernemen adanya.

Bahwa Gubernemen Nederland telah tetapkan dari pada kita punya kehidupan bagi kehidupan priayi-priayi dan menteri-menteri, maka demikian kami tidak dapat lagi …(tidak terbaca) seperti dahulu adanya.

Bahwa haruslah yang segala orang yang memegang piagam menyerahkan dia kepada gantinya gubernemen yang itu segala piagam yang terberi oleh kita atau oleh raja-raja Palembang zaman dahulu adanya. Maka hendaklah diserahkan piagam itu dengan selekas dan yang segala kepala pasirah dan kepala-kepala dusun dan yang lain-lainnya dengan segeranya sampai kehadapan gantinya gubernemen. Supaya mendengarkan titahnya dari hal piagam-piagam dan dari yang menjadi …(tidak terbaca) pada kemudian adanya.

Supaya mengetahuilah di dalam seluruh negeri, maka dibaca dan dilekatkan ini surat berita dan disalin dia supaya tertunjuk di tanah uluan dan uluan adanya.

Dan diberi oleh kita Seri Paduka Tuan Sultan dari negeri Palembang kepada hari Isnen, sebelas hari bulan Zulhijjah, tahun seribu dua ratus tiga puluh delapan adanya.

Disalin dari naskah tulisan Arab Melayu dalam bundle Historische en Ethnographische Beschrijving van Palembang, Sturler, L. W.de., KITLV, H.371.a.
Tanggal 11 Zulhijjah 1238 H disepadankan dengan tanggal 20 Agustus 1823.

LAMPIRAN C

PETA KAMPUNG-KAMPUNG YANG ADA DI PALEMBANG (1821)

Sumber : Arsip Nasional Republik Indonesia.

LAMPIRAN D

PETA PERTAHANAN PALEMBANG



Sumber : Simpanan Pribadi R.H.M Akib

Keterangan:

A Benteng Tambak Bayo
B Benteng Martopuro
C Benteng Pulau Kembaro
D Benteng Pangeran Ratu Jambi
E Armada Kapal dan Perahu Bugis, Lingga, Rakit Api
F Cerucup (2 lapis) dari kayu Unglen
G Cerucup (3 lapis) dari kayu Unglen menutup s. Komering
H Keraton Kuto Besak
I Keraton Kuto lama
J Mesjid Agung Palembang
K Istana Pangeran Adipati
L Loji Belanda
M Kedemangan Usman

LAMPIRAN E

PETA SITUASI PEPERANGAN (1821)



Sumber : Simpanan Pribadi R.H.M Akib

LAMPIRAN F

KEDUDUKAN PASUKAN BELANDA KETIKA MENYERANG PALEMBANG PADA 20, 24 DAN 27 JUNI 1821



Sumber : M.O Woelders, (1975) Het Sultanaat Palembang

Keterangan;
Kedudukan Armada Belanda pada 20 dan 24 Juni 1821
a. Fregart van der werf

b. Hulk Nassau
c. Fregard Dageraad
d. Korvet Venus
e. Korvet Ajax
f. Kapal-kapal Meriam dan Pencabut Cerucup
g. Schoner Johanna
h. Schoner Calypso
i. Brik Jacoba Elizabeth
j. (tidak terbaca)
k. (tidak terbaca)
l. kapal-kapal pendarat
m. kapal-kapal pengangkut pasukan
n. kapal kapal rumah sakit.

Kedudukan pada 27 Juni 1821
1. Kapal-kapal pelopor dan kapal meriam
2. Korvet Venus
3. Halk Nassau
4. Fregat Van der Werf
5. Fregat Dageraad
6. Korvet Ajax
7. Schoner Johanna
8. Brik Jacoba Elizabeth
9. Schoner Calypso
10. Kapal Pencabut Cerucup
11. Kapal Pencabut Cerucup
12. Kapal-kapal Pasukan
13. Korvet Zeepart
14. Korvet Zwaluw
15. (tidak terbaca)
16. (tidak terbaca)
17. Delta
18. Kapal-kapal pengangkut.

LAMPIRAN G

KERATON KESULTANAN PALEMBANG TAHUN 1659
LUKISAN JOHAN VAN DER LAEN

Sumber : M.O. Wolders, (1975) Het Sultanaat Palembang

LAMPIRAN H

BENTENG KUTO BESAK DILIHAT DARI SUNGAI MUSI

Sumber : M.O Wolders, (1975) Het Sultanaat Palembang